

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2003	(Halaman 16)
USUL:	
Usul Anggaran Pembangunan 2003	(Halaman 16)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 68)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

Yang Berhormat	Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
“	Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
“	Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, SIMP., PGBK., DPMS., JSM., JBS., KMN., PPB. (Kuala Rajang)
“	Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, DGPN., D.I.M.P. (Lembah Pantai)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
“	Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
“	Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
“	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P., D.G.P.N.(Taiping)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
“	Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
“	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
“	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
“	Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
“	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
“	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
“	Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
“	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
“	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
“	Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
“	Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin, DSPN., P.I.S. (Johor Bahru)
“	Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
“	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
“	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
“	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
“	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
“	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
“	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
“	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)

Yang Berhormat	Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tengah)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
“	Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
“	Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
“	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
“	Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
“	Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N.(Sungai Benut)
“	Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
“	Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
“	Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
“	Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.K, D.P. (Kota Samarahan)
“	Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
“	Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
“	Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
“	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
“	Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
“	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
“	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
“	Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
“	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
“	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
“	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
“	Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
“	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)

Yang Berhormat	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
“	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
“	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
“	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
“	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
“	Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
“	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
“	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
“	Dato Goh Siow Huat (Rasah)
“	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
“	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
“	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
“	Tan Sri Dato' Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
“	Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
“	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
“	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
“	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
“	Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
“	Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
“	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
“	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
“	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
“	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
“	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
“	Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
“	Datuk Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
“	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
“	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
“	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
“	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
“	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
“	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
“	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
“	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
“	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)

Yang Berhormat	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
“	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
“	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
“	Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
“	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
“	Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
“	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
“	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
“	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
“	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
“	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
“	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
“	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
“	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
“	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
“	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
“	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
“	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
“	Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
“	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
“	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
“	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
“	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
“	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
“	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
“	Dato' Othman bin Abdul (Pendang)
“	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
“	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
“	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
“	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
“	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
“	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

Yang Berhormat	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
“	Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
“	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
“	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
“	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
“	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
“	Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
“	Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
“	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
“	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
“	Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
“	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
“	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
“	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
“	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
“	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
“	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
“	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
“	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
“	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
“	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
“	Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
“	Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
“	Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
“	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
“	Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
“	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
“	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
“	Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
“	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
“	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
“	Datin Paduka Seri Hajah Zaleha binti Ismail, S.S.S.A., D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
“	Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
“	Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

Yang Berhormat	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
“	Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
“	Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
“	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
“	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
“	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Salamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat
Muhd Sujairi bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Noorhazmah binti Hamzah
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Syed Azuddin bin Syed Othman
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah Mohd. Azir
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Alias bin Mohd. Nor

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Rabu, 9 Oktober 2002****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad [Lipis]** minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah klinik dan hospital swasta yang beroperasi dan apakah langkah yang diambil untuk mengawal caj rawatan dan perubatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini klinik-klinik perubatan swasta adalah didaftarkan sebagai premis perniagaan dan bukannya didaftarkan dengan Kementerian Kesihatan. Walau bagaimanapun, adalah dianggarkan terdapat 5,000 buah klinik perubatan swasta di seluruh negara. Sementara itu, hospital-hospital swasta adalah dilesenkan di bawah Akta Hospital Persendirian 1971 dan terdapat sejumlah 224 buah hospital swasta dengan 9,949 buah katil di seluruh negara.

Memandangkan perkara tersebut, Kementerian Kesihatan akan mendaftarkan semua klinik swasta perubatan dan pergigian melalui Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Swasta 1998. Melalui akta ini semua klinik swasta perlu mematuhi standard premis dan perkhidmatan yang diberikan supaya pesakit dapat menerima khidmat rawatan yang lebih berkualiti dan terjamin.

Pada masa ini caj rawatan perubatan yang dikenakan oleh klinik-klinik swasta dan hospital swasta adalah tidak dikawal sepenuhnya. Pada masa yang sama caj rawatan yang dikenakan adalah berdasarkan kepada garis panduan yang dikeluarkan oleh Persatuan Perubatan Malaysia. Di samping itu, Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Swasta 1998 juga memperuntukkan kuasa kepada Kementerian Kesihatan untuk mengawal bayaran-bayaran yang dikenakan oleh klinik-klinik dan hospital-hospital swasta ke atas pesakit-pesakit mereka melalui jadual fi. Jadual fi yang tertakluk di bawah bahagian 17, seksyen 106 menyatakan;

Pertama, "Menteri boleh membuat peraturan bagi menetapkan jadual fi bagi mana-mana atau semua kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan swasta atau kemudahan atau perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan."

Kedua, "Menteri boleh dari masa ke semasa selepas berunding dengan ketua pengarah, meminda jadual fi melalui perintah yang disiarkan dalam warta."

Ketiga, "Sesuatu kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan swasta yang baginya suatu jadual fi telah ditetapkan di bawah seksyen ini hendaklah mematuhi jadual fi."

Keempat, "Jika kemudahan atau perkhidmatan swasta itu tidak mematuhi mana-mana jadual fi yang ditetapkan di bawah seksyen ini, adalah melakukan satu kesalahan". Walau bagaimanapun, penyediaan jadual fi tersebut masih belum selesai dan sedang dalam peringkat rundingan dan perbincangan dengan Persatuan Hospital-hospital Swasta Malaysia, Persatuan Perubatan Malaysia, Persatuan Pengamal Perubatan Swasta, Persatuan Pengguna dan syarikat insurans yang giat dijalankan dari masa ke semasa. Jadual fi tersebut akan dilaksanakan apabila siap disediakan sepenuhnya dan diwartakan di bawah peraturan kelak. Perkara ini dijangka dapat dilaksanakan pada tahun hadapan.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang satu kes

yang mana klinik swasta ambil perkhidmatan *houseman* yang masa itu masih berkhidmat dengan Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru sebagai *houseman*, berkhidmat di sebuah klinik swasta di Taman Tampoi Utama dan ada seorang budak yang mana telah kehilangan nyawa atau maut selepas diberikan suntikan. Kes ini telah dihebohkan dalam surat khabar. Apakah tindakan yang Kementerian Kesihatan akan ambil tentang kes ini dan adakah *houseman* ini boleh dibenarkan berkhidmat selepas kejadian itu untuk berkhidmat di klinik swasta, saya harap mendapat penjelasan. Sekian, terima kasih.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dimaklumkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah itu memang Kementerian Kesihatan sedar perkara ini dan siasatan sedang dilakukan oleh pihak kementerian dan juga pihak polis. Kerana di sini terdapat juga, saya percaya kes yang dimaksudkan ialah berkenaan dengan sebuah klinik di Johor, di mana sebenarnya pada masa itu doktor yang disebutkan itu sebenarnya masih belum didaftarkan lagi dengan Majlis Perubatan Malaysia. Ianya memang terdapat unsur-unsur kesalahan *on the face of it*.

Jadi, kita sedang buat siasatan dan akan mengambil tindakan sewajarnya dan kalau kita tidak boleh, kita akan rujukan perkara ini kepada pihak polis untuk mengambil tindakan seterusnya. Dan bagi *houseman* memang mereka tidak boleh membuat amalan di mana-mana klinik sebelum mereka menghabiskan *houseman* di hospital-hospital kerajaan seperti yang ditentukan di bawah Akta Perubatan.

Tuan Haji Amihanzah bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidak berapa lama dahulu kerajaan ada membicarakan tentang Skim Insurans Kesihatan Negara. Jadi, saya pohon untuk tahu bagaimanakah status skim ini setakat ini.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Lipis ini saya percaya adalah berkaitan dengan National Health Financial Scheme. Itulah yang sebenarnya dipeloporkan oleh Kementerian Kesihatan. Perkara ini kita telah pun berbincang dalam Dewan ini beberapa kali, tetapi ia adalah satu sistem yang agak rumit dan kita terpaksa mengambil kira pandangan daripada semua pihak. Buat masa ini kita sedang berbincang dengan EPU untuk mendapatkan kelulusan daripada konsep yang kita telah pun sediakan sebelum kita dapat mengemukakan butir-butir lanjut mengenai National Health Financial Scheme ini.

2. **Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada dasar Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) di semua peringkat persekolahan akan dikaji semula supaya usaha kecemerlangan ilmu serta proses pembelajaran sepanjang hayat dapat dilaksanakan secara efektif dan pemilihan jawatankuasa PIBG pula diadakan tiga tahun sekali.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan-peraturan Pendidikan 1998 terdapat dalam Akta Pendidikan 1996. Oleh yang demikian, objektif Persatuan Ibu Bapa ialah bagi mencapai matlamat dalam bidang kurikulum, kokurikulum, bina insan, moral, disiplin, keceriaan sekolah, keselamatan sekolah.

Begitu juga peraturan mewujudkan PIBG adalah kepada setiap sekolah itu kita namakan Persatuan Ibu Bapa dan Guru yang terdiri daripada, satu, semua guru yang mengajar di sekolah itu.

Kedua, ibu bapa kepada murid yang belajar di sekolah itu, dan guru besar/pengetua sekolah sebagai anggota *ex-officio* dan penasihat persatuan.

Begitu juga bagi mereka yang tidak mempunyai anak di sekolah yang berkenaan atau penjaga yang belajar di sekolah berkenaan, yang berminat boleh memohon kepada pegawai pendidikan daerah. Tiap-tiap ibu bapa dan guru dalam sekolah hendaklah disifatkan sebagai anggota persatuan. Begitu juga peraturan-peraturan ini bukanlah sebagai satu persatuan dalam erti kata mana-mana undang-undang berhubungan dengan Pendaftaran Pertubuhan.

Begitu juga peranan-peranan PIBG iaitu untuk mengadakan forum dan perkhidmatan bagi kebajikan dan kemajuan murid-murid dalam sekolah, dalam meningkatkan imej sekolah. Satu lagi ialah untuk membantu dan menambah usaha sekolah dalam memenuhi kehendak dan keperluan kebendaan murid-murid dalam kegiatan mereka.

Ketiga, untuk membolehkan ibu bapa dan guru dalam sekolah bertukar-tukar fikiran dan maklumat mengenai pendidikan.

Keempat, untuk memberi peluang kepada ibu bapa dan guru dalam sekolah berunding di antara satu sama lain berkenaan dengan cara memperbaiki taraf pendidikan anak-anak mereka pada amnya.

Kelima, untuk membolehkan ibu bapa dan guru dalam sekolah untuk berusaha menambah kewangan sekolah dan meningkatkan kemudahan fizikal bagi tujuan meningkatkan kemudahan pengajaran dan pembelajaran.

Seperkara lain pula, pemilihan jawatankuasa dilakukan dalam mesyuarat tahunan dan boleh juga diadakan mesyuarat agung tergepar.

Antara aktiviti-aktiviti permuafakatan PIBG boleh dilakukan iaitu antaranya ialah hari-hari sambutan Hari Kebangsaan, sambutan Hari Raya Aidilfitri, Korban, Tahun Baru Cina, Thaipusam dan sebagainya. Sambutan Hari Maal Hijrah, sambutan hari Israk dan Mekraj, mengadakan kelas tambahan, mengadakan program motivasi dan sambutan Hari Guru, mengadakan kutipan derma seperti jogathon, bacathon, *walkathon* dan lain-lain, membantu murid miskin dan anak-anak yatim, mengadakan majlis doa selamat dan solat hajat, mengadakan Hari Kantin, program gotong-royong, menjayakan hari sukan sekolah, Hari Kecemerlangan Akademik murid, hari ko-kurikulum, sambutan Hari Kanak-Kanak, seminar keibubapaan.

Oleh itu Kementerian Pendidikan belum bercadang untuk menyemak dasar dan pemilihan jawatankuasa Persatuan Ibu Bapa dan Guru. Kementerian ini berpandangan peraturan-peraturan pendidikan Persatuan Ibu Bapa dan Guru 1998 yang telah dikuatkuasakan pada 26 Mac 1998 masih bersesuaian.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapatkan soalan tambahan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Pertanyaan saya, boleh atau tidak proses pemilihan jawatankuasa PIBG itu tidak dijalankan setahun sekali kerana perkara ini menjadikan perkhidmatan PIBG itu kurang berkesan. Boleh atau tidak dipertimbangkan pemilihan itu diberi peluang dua tahun atau tiga tahun sekali. Itu yang pertama.

Memandangkan bahawa pendidikan sekarang ini menjadi satu masalah yang kritikal di dalam kita menyediakan warganegara yang menguasai ilmu selaras dengan tuntutan zaman, sebab itu saya meminta supaya perkara ini dipertimbangkan.

PIBG Tuan Yang di-Pertua, selalunya kekurangan kewangan dan selalunya kami yang menjadi sasarannya. Sebab itu saya minta supaya dipertimbangkan PIBG di sekolah-sekolah yang cergas dan sebagainya diberi satu insentif supaya sumbangan mereka itu lebih total, lebih komited. Setengah-setengah PIBG Tuan Yang di-Pertua, hendak panggil mesyuarat terpaksa diadakan cabutan nombor bertuah. Ini bermakna ibu bapa tidak terdorong dan tidak tergalak untuk menghadiri mesyuarat PIBG. Apa tindakan yang akan dilakukan. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Saya kira soalan Yang Berhormat tadi ada cadangan dan ada soalan. Jadi pertama mengenai dengan proses pemilihan yang kita adakan setahun sekali itu, saya difahamkan masih terdapat sekolah-sekolah yang tidak mengadakan mesyuarat PIBG. Katanya dengan alasan bahawa tidak cukup kuorum dan sebagainya.

Oleh itu, saya akan mengambil ini sebagai satu cadangan daripada Yang Berhormat untuk mengkaji semula, apakah perlu atau tidak mengadakan mesyuarat itu dua

tahun sekali atau tiga tahun sekali. Ini kita akan tinjau sama ada boleh ia dilakukan ataupun tidak.

Perkara kedua mengenai kekurangan kewangan. Saya amat faham sekali bahawa kita mendapati bahawa ada PIBG yang begitu aktif dalam kutipan sumber kewangan daripada sumber luar ataupun mendapat sokongan ataupun sumbangan daripada orang perseorangan. Saya amat faham sekali mengenai rintihan Yang Berhormat mengatakan selalunya Wakil Rakyat menjadi sasaran untuk mendapat bantuan.

Kalau kita lihat dalam soal kutipan kewangan ini, kalaulah sekiranya PIBG itu begitu aktif, misalnya mereka boleh mengadakan bermacam-macam kegiatan seperti jogathon, bacathon, walkathon dan lain-lain lagi bagi mendapat sumber kewangan. Jadi saya berharap benar dalam hal dan saya minta kerjasama daripada semua pihak bagaimana kita hendak melihat Persatuan Ibu Bapa dan Guru ini diaktifkan seaktif-aktif yang boleh bagi melibatkan komuniti dengan sekolah.

Jadi saranan Yang Berhormat saya ambil itu sebagai cadangan dan kita akan melihat bagaimana hendak mengaktifkan sesetengah PIBG yang tidak aktif. Terima kasih.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Terima kasih dengan jawapan yang begitu baik pada pagi ini dan juga cadangan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong.

Hanya sekadar ingin menanyakan dan mendapat 'klarifikasi' walaupun dalam persidangan-persidangan yang lepas telah disentuh tentang pihak-pihak sekolah yang mengadakan mesyuarat ataupun aktiviti-aktiviti PIBG dilarang untuk menjemput Ahli-ahli Parlimen daripada pembangkang dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dari pembangkang.

Sehingga ini Tuan Yang di-Pertua, sejak menjadi Ahli Parlimen bagi Parit Buntar, saya tidak pernah mendapat satu jemputan pun daripada mana-mana sekolah. Saya diberitahu secara informal oleh guru-guru dan juga Pengetua dan Guru Besar kerana mereka dihadang dan dilarang daripada menjemput Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri untuk menghadiri aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh PIBG.

Demi untuk..... bila kita cerita tentang persatuan, kita cerita tentang pengukuhan, konsolidasi masyarakat di peringkat akar umbi, saya fikir sangat penting sebenarnya kementerian menjelaskan perkara ini. Sama ada memang ada arahan kepada pihak sekolah, arahan kepada PPD supaya tidak menjemput Ahli Parlimen daripada pembangkang atau Ahli Dewan Undangan Negeri daripada pembangkang untuk menghadiri aktiviti-aktiviti, program-program yang ditaja oleh PIBG itu. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya amat faham Yang Berhormat bagi Parit Buntar mengenai dengan jemputan kepada Mesyuarat PIBG dan kegiatan PIBG. Di sini ingin saya tegaskan bahawa setiap sekolah itu adalah berhak menjemput sesiapa pun. Kita tidak ada mengeluarkan apa-apa arahan untuk menyatakan bahawa sama ada mereka boleh atau tidak itu bergantung kepada pihak sekolah yang berkenaan dan juga dengan kebenaran daripada PPD ataupun JPN. Itu adalah hak masing-masing sama ada mereka hendak menjemput ataupun tidak, itu terpulanglah.

Kalau kita tidak dijemput Yang Berhormat, itu nasib kitalah kita tidak dijemput. Apa boleh kita buat, nasib kitalah kita tidak dijemput. Apa boleh kita buat. Itu maklumlah tetapi cadangan Yang Berhormat kita akan lihat semula apakah perlu atau tidak dijemput Yang Berhormat ke sekolah.

Tetapi buat masa ini, saya terus terang mengatakan bahawa apabila soal sekolah macam seperti kata saya tadi, mintalah jangan dicampuradukkan dengan *politic partisan* kalau dicampuradukkan, saya rasa.....[Disampuk] Sebab saya ada bukti Yang Berhormat bahawa sekolah-sekolah sekarang ini sudah pun ditembusi oleh fahaman politik pembangkang. Kita memang amat kesali perkara ini berlaku yang mana guru-guru tadi sudah dinasihatkan supaya tidak mencampuradukkan *politic partisan* malah mereka dikehendaki memberi tumpuan sepenuhnya bagi pembangunan sekolah dan juga sahsiah murid-murid di sekolah. Terima kasih.

3. **Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]** minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) sejauh manakah tumpuan, usaha pembelaan, usaha menaik taraf dan usaha meningkatkan prestasi nelayan pantai di negara ini; dan
- (b) sejauh manakah usaha yang dibuat untuk mengkaji seterusnya memenuhi permintaan nelayan agar persatuan-persatuan nelayan diberikan bantuan terus dan bukan lagi dalam bentuk pinjaman.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini.

- (a) Kementerian Pertanian amat prihatin terhadap masyarakat golongan nelayan dan akan terus membangunkan taraf sosioekonomi para nelayan di seluruh negara. Buat masa ini program-program dan aktiviti dan usaha yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan melalui LKIM bertujuan untuk membela, menaik taraf dan meningkatkan prestasi nelayan negara ini antaranya ialah:
 - (i) memperkenalkan dan menggalakkan penggunaan teknologi dalam industri perikanan di kalangan nelayan-nelayan pantai bagi meningkatkan produktiviti tangkapan mereka. Nelayan khususnya nelayan pantai akan diberi kemudahan pinjaman mudah di bawah Program Dana Nelayan yang bertujuan untuk meningkatkan produktiviti melalui peningkatan bot dan peralatan sedia ada serta menggunakan teknik moden dalam penangkapan ikan. Usaha-usaha ini juga dilaksanakan ke arah membebaskan nelayan daripada ikatan orang tengah dan menggalakkan Persatuan Nelayan untuk memasarkan hasil tangkapan nelayan dan Ahli Persatuan Nelayan;
 - (ii) menggalakkan nelayan menjual hasil tangkapan mereka melalui Persatuan-persatuan Nelayan untuk melepaskan mereka daripada ikatan tauke atau pun orang tengah di samping memberikan harga jualan yang lebih baik;
 - (iii) melaksanakan usaha-usaha yang berterusan bagi pengurusan sumber perikanan secara mapan bagi memastikan sumber perikanan pantai dapat dikekalkan;
 - (iv) menyediakan dan melengkapkan nelayan dan keluarga nelayan dalam bidang kemahiran dan keusahawanan tertentu supaya dapat menceburi bidang atau pekerjaan alternatif lain bagi menambah pendapatan keluarga;
 - (v) melengkapkan golongan ini dengan kursus dan latihan kepimpinan, keusahawanan dan bina diri dilaksanakan dalam usaha untuk

- mengubah sikap dan minda di kalangan masyarakat nelayan;
- (vi) meningkatkan infrastruktur dan saluran pemasaran ikan yang lebih baik bagi pembangunan industri perikanan di seluruh negara. Setakat ini pihak kerajaan telah menyediakan sebanyak 26 buah kompleks-kompleks pendaratan ikan di seluruh negara untuk nelayan mendaratkan hasil tangkapan mereka;
 - (vii) menyediakan kemudahan asas di kampung-kampung nelayan seperti jeti kecil, balai nelayan, surau, gelanggang, bot dan sebagainya; dan
 - (viii) menyediakan bantuan harga subsidi diesel.
- (b) Pada masa ini Kementerian Pertanian tidak bercadang untuk memberi bantuan kewangan secara terus kepada persatuan nelayan...

Seorang Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak apa, teruskan Yang Berhormat. Teruskan. Ingat dah habis, dia orang berdiri Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Abu Bakar bin Taib:

Langkah ini bertujuan untuk memupuk semangat berdikari di kalangan persatuan-persatuan agar tidak terus bergantung sepenuhnya kepada bantuan kerajaan. Pada masa ini Kementerian Pertanian melalui LKIM sentiasa mengambil tindakan untuk memberi sokongan dan galakan kepada persatuan-persatuan nelayan untuk bergiat cergas dalam segala aktiviti ekonomi seperti:

- (i) mengadakan kursus kepimpinan pengurusan dan perakaunan kepada Ahli Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan;
- (ii) mengadakan kursus keusahawanan untuk semua ahli persatuan nelayan bagi membekalkan pengetahuan dan kemahiran dalam segala bidang aktiviti ekonomi;
- (iii) memberikan kontrak pembinaan seperti pembinaan unjam-unjam kepada persatuan-persatuan yang berkemampuan;
- (iv) mewujudkan peluang-peluang perniagaan dan aktiviti ekonomi di kompleks-kompleks pendaratan ikan LKIM;
- (v) menyediakan ruang pejabat kepada persatuan-persatuan nelayan dan menyewakan kadar sewa yang *nominal*; dan
- (vi) menyediakan bantuan kemudahan pinjaman tanpa faedah kepada Persatuan Nelayan melalui Tabung Ekonomi Persatuan Nelayan untuk menjalankan aktiviti ekonomi.

Terima kasih.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, nelayan pantai ini memang penghidupan mereka susah. Bila amaran ombak dua tiga hari ini, nelayan pantai tidak keluar lagi, Langkawi serupa, Kuala Kedah ataupun Parit Buntar atau Selangor dan sudah tentu tiga, empat hari mereka tidak dapat mata pencarian. Bila kerajaan memberi subsidi diesel kepada nelayan, yang dapat ialah bot-bot besar.

Nelayan pantai menggunakan petrol. Mereka pergi sesudah Subuh, balik waktu Zohor. Jadi mereka inilah perlu diberi bantuan oleh kerajaan kepada Persatuan Nelayan supaya mereka dapat harga petrol yang murah untuk mereka pergi mencari makan secara harian.

Perkara yang lain yang menyeksa nelayan pantai ini iaitu bila mereka didapati bersalah, ditangkap kerana langgar kawasan dan sebagainya, bot mereka dirampas. Tidak seperti kita bila bawa kereta, kita didapati salah dia hanya catat nama, kad pengenalan dan bila untuk dibayar akaun. Kereta kita terus bergerak. Tetapi nelayan tidak. Dikompaun dan ditahan bot mereka selama enam bulan atau satu tahun, mereka tidak boleh cari makan, tidak boleh bayar wang bank dan hidup mereka lebih susah. Jatuh tangga, ditimpa tangga, terkena tahi ayam pandu. Ini lagi teruk kehidupan nelayan ini.

Jadi bagaimana usaha kerajaan supaya pinda akta ini dan saya sebut tadi adakah kerajaan bercadang untuk beri subsidi petrol kepada Persatuan Nelayan supaya nelayan pantai dapat ambil petrol itu dengan harga yang lebih murah di Persatuan Nelayan mereka. Minta penjelasan.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Kedah yang bersempadan dengan Langkawi. Tuan Yang di-Pertua, maaflah kerana sekarang ini kerajaan tidak bercadang untuk memberi bantuan dari segi subsidi ataupun sebagainya.

Apa yang kita dilakukan ialah sekiranya suatu kesalahan yang telah dilakukan oleh nelayan, kalau lah kesalahan itu melanggar kawasan atau pun melanggar tempat-tempat yang diwartakan sebagai kawasan *Marine Park* tentulah kita akan ambil tindakan.

Yang Berhormat sedia maklum tempat-tempat di Pulau Segantang misalnya baru-baru ini ditangkap dua, tiga buah. Langkawi pun kena tangkap. Saya kata melainkan mereka langgar ialah orang katakan, dulu lagi kalau langgar kawasan ini sudah tentulah tempat-tempat ini tempat ini ialah tempat pembiakan ikan. Kalau tidak ada tempat ini, sudah tentulah ikan akan pupus, Yang Berhormat. Kena bantu kerajaan sedikitlah.

Jadi, kita akan cuba kompaunkan kalau satu kesalahan, dua kesalahan dan tiga kesalahan kita kompaun. Tetapi kalau *repeatedly* dengan izin berterusan, maka sudah tentulah kita akan ambil tindakan tegas. Setakat ini, kesalahan ketiga, keempat kita akan tangkap dan juga akan tidak memberi belas kasihan bagi mereka ini.

Saya haraplah Yang Berhormat dapat memberitahu kepada orang ramai ataupun nelayan, janganlah pergi ke Pulau Payar dan juga Pulau Segantang, sebab di situlah yang boleh dikatakan tempat anak-anak ikan diperanakan, ini kadang-kadang anak ikan pun dia sapu, cucu ikan dia sapu, habislah semuanya nanti. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang teringin juga Menteri Pertanian datang menjawab, lama sangat kita tidak jumpa dia, dan lebih-lebih lagi kalau hendak menjawab soal nelayan. Nelayan adalah golongan yang memang kita tahu tertinggal, daif, dan harus diberikan bantuan yang secukupnya kerana inilah golongan antara golongan yang menjadi sasaran.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima, Keenam, Ketujuh, Kelapan lagi tetapi nasib mereka masih tetap ditakuk lama. Jadi saya berharap pihak kementerian, sebab itu saya minta kalau dapat menteri menjawab soal-soal yang berkaitan dengan masalah masyarakat yang tertinggal, yang tercicir seperti ini supaya dapat menteri mendalami masalah ini untuk diselesaikan.

Jadi, soal nelayan pantai ini, saya harap diberikan bantuan yang secukupnya dan sepenuhnya supaya dikeluarkan mereka benar-benar daripada golongan yang tertinggal, yang susah, dikeluarkan dari kepompong kemiskinan, dalam erti kata yang sebenarnya.

Soal orang tengah, soal harga, harga hasil titik peluh keringat mereka yang menyabung nyawa sebenarnya di laut kerana pekerjaan ini ia berisiko boleh mengorbankan nyawa

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Soal harga, saya ingin mendapat, harga ikan di pasar jauh berbeza dengan harga yang diterima oleh nelayan, itu sudah menjadi bualan sepanjang zaman, sepanjang zaman. Saya ulang sekali lagi, sepanjang zaman. *[Ketawa]*

Siapa menetapkan harga ikan, LKIM? Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia atau Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, saya tidak tahu, saya hendak mendapat penjelasan, siapa. Harga pula berbeza, kalau di Johor Bharu, ikan Allah mak, lebih mahal daripada Singapura.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukuplah Yang Berhormat, itu sudah soalnya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi, saya minta sedikit penjelasannya daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih daun keladi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sama-sama Datuk. *[Ketawa]*

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Harga ikan, ditentukan oleh pasaran atau kementerian dan juga permintaan dan juga perbekalan. Kita ada program di mana selepas nelayan mendaratkan ikannya, diadakan pasar borong atau kawasan yang dilakukan di peringkat pelantar ikan. Sebenarnya, mereka telah menjualkan dengan harga lelong ataupun jual secara bisik-bisik, kadang-kadang kalau kita pergi kepada seorang itu, pergi bisik harga berapa? Berterusan satu persatu dan harga yang tertinggi sekalilah yang akan diambil oleh pihak nelayan, ini dilakukan dan cara ini dilakukan di merata kadang-kadang itu secara senyap-senyap ataupun secara terus lelong.

Tuan Yang di-Pertua, lupalah pulak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Siapa yang meletak harga ikan. Harga ikan siapa yang meletak.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Jadi, soalan yang lain itu saya akan cuba perkara ini diatasi dengan bantuan nelayan-nelayan, memanglah saya difahamkan, saya pun nelayan juga dan di kawasan saya pun mempunyai nelayan yang banyak. Dan di antara yang kita titik beratkan ialah mengurangkan nelayan dan anak-anak nelayan itu kita ubahkan cara pendapatan.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Abu Bakar bin Taib: Apa dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa, teruskan Yang Berhormat.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Jadi, dari segi polisi, kerajaan kalaulah seorang nelayan yang ada enam orang anak, takkanlah enam-enam orang itu akan menjadi nelayan, kita akan ubahkan kepada industri, dan kita ubahkan kepada cara pekerjaan dan mendapatkan pendapatan dengan cara yang lain. Itulah cara kita. Dan tidak mungkinlah, sekurang-kurangnya kita dapat mengurangkan cara pekerjaan seperti nelayan itu, dengan lain perkataan kita akan terus membantu mereka ini dengan cara keluar dari kelompok nelayan kepada kelompok pekerjaan yang lain. Terima kasih.

4. **Dato' Yap Pian Hon [Serdang]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-
- (a) bilakah lembaga pengurusan air kebangsaan akan ditubuhkan dan apakah fungsi lembaga ini; dan
 - (b) bagaimanakah lembaga ini menyelaraskan rancangan pengurusan air di setiap negeri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Datuk Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan kepada soalan (a) dan (b), ingin saya memaklumkan bahawa sehingga kini Kerajaan Persekutuan tidak bercadang untuk menubuhkan Lembaga Pengurusan Air Kebangsaan.

Ini kerana cadangan tersebut memerlukan pindaan dalam Perlembagaan negara, memandangkan perkara air adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, dalam usaha untuk memelihara, membangun dan mengurus sumber air dari perspektif nasional, satu dasar berkaitan pembangunan sumber air sedang digubal oleh Kerajaan Persekutuan ketika ini. Dasar tersebut dikenali sebagai Polisi Air Negara, telah dicetuskan berikutan dari keputusan oleh Majlis Air Negara.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Majlis Air Negara yang telah ditubuhkan pada tahun 1998 adalah badan yang bertanggungjawab untuk menyelaras semua aspek berkaitan dengan pembangunan dan program bekalan air di negara ini.

Di samping itu, bagi mempertingkatkan keberkesanan kawal selia sektor air di peringkat Persekutuan, kerajaan juga telah bersetuju untuk menubuhkan Suruhanjaya Air Negara. Suruhanjaya tersebut akan berfungsi melaksanakan tindakan eksekutif secara *administrative* bagi memberi nasihat dan bantuan teknikal kepada kerajaan-kerajaan negeri mengenai perkara air.

Pada masa kini, Kementerian Kerja Raya sedang dalam proses untuk melantik juru perunding bagi melaksanakan kajian terperinci mengenai cadangan penubuhan suruhanjaya tersebut. Sekian.

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pertama, saya merakamkan terima kasihlah bagi pihak Negeri Kelantan yang telah pun menerima bantuan *soft loan* daripada pihak Kerajaan Persekutuan untuk pembiayaan projek air di Kelantan.

Soalan tambahan saya ialah adakah mana-mana negeri yang telah pun mendapat pinjaman ataupun peruntukan bekalan air di negeri masing-masing ini daripada Kerajaan Persekutuan tidak membayar balik ataupun tertunggak dalam penjadualan pembayaran, sebab dalam ingatan saya dalam Laporan Audit tahun 1999 menyebutkan bahawa Lembaga Air Negeri Perak tidak membayar tunggakan. Terima kasih.

Datuk Yong Khoo Seng: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana air adalah dalam bidang kuasa kerajaan negeri, apa yang Kerajaan Pusat buat adalah memberikan bantuan teknikal ataupun bantuan kewangan seperti pinjaman, semua negeri sampai hari ini saya pun belum lagi menerima apa yang telah dibayar, tetapi ianya akan dibayar mengikut jadual yang telah ditetapkan, maklumat yang terperinci saya perlukan notis.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, selepas mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, berkata dengan pengurusan air kebangsaan ini, saya minta penjelasan lagi, oleh kerana masih terdapat bahawa sumber air yang masih kekurangan di satu-satu kawasan dan apakah kualiti air dipertingkatkan dan sentiasa dipersoalkan oleh pengguna, cara mana pihak Kerajaan Persekutuan akan memberi bantuan kepada pengurusan air kepada kerajaan negeri supaya dapat memberi sumber air yang lebih bersih, yang baik untuk masa yang akan datang.

Datuk Yong Khoo Seng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Bekalan air kepada rakyat adalah memang satu tanggungjawab kerajaan mahu pun kerajaan negeri ataupun Persekutuan, kadang-kadang kekurangan air bukannya dari segi apa yang penting adalah di musim kemarau mungkin air akan berkurangan dan kita ada

rancangan untuk menambahkan lagi sumber air di mana kita adakan loji baru dalam semua fasa-fasa pembangunan ini. Air yang kotor yang dikatakan tadi, yang tidak bersih adalah disebabkan oleh kerana, saya ingat Yang Berhormat menimbulkan tadi mungkin di negeri Selangor, kerana kebanyakan tempat pesat pembangunan dan ada juga paip-paip yang lama telah bocor. Ianya mengakibatkan airnya tidak cukup bersih, tetapi kalau air yang telah dirawat memang dia okey dan selamat diminum. Tetapi kalau ianya tidak melalui paip sistem yang telah bocor. Mungkin ianya adalah tidak berapa bersih, kita harap juga tukaran paip-paip ini dapat diselesaikan dan masalah air yang tidak bersih dapat diatasi. Sekian.

5. **Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kerajaan akan meneruskan pendakwaan terhadap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Bekas Ketua Menteri Melaka apabila mahkamah mendapati dokumen yang diedarkan oleh Saudara Ezam Mohd. Noor adalah dokumen sah kerajaan yang memperincikan kesalahan dan pendakwaan yang akan diambil terhadap mereka.

Beberapa Ahli: [Tepuk]

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, ini soalan yang panas, itulah sebab mereka tepuk itu. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan tidak bercadang untuk mengambil apa-apa tindakan pendakwaan ke atas kedua-dua pihak yang berkenaan. Keterangan terhadap kedua-dua pihak tersebut tidak cukup kukuh dan tidak memenuhi standard pembuktian untuk membolehkan sesuatu pertuduhan rasuah dibuat terhadap pihak-pihak tersebut di mahkamah.

Oleh yang demikian, siasatan ke atas kedua-dua kes tersebut adalah ditutup. Peguam Negara menurut budi bicaranya, di bawah Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan tidak bercadang untuk membuka semula kes-kes tersebut ataupun untuk menyemak semula keputusan yang telah dibuat ke atas kedua-dua kes berkenaan. Terima kasih.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Umat Yahudi dilaknat Allah S.W.T. kerana mereka mengubah hukum-hukum dan undang-undang yang disyariatkan kepada mereka untuk membebaskan dan melepaskan pembesar dan penguasa yang melakukan maksiat dan kedurjanaan dari pendakwaan dan penghukuman.

Mesej yang disampaikan melalui kes ini ialah negara ini mempunyai dua set perundangan, yang mempunyai bukti kesalahan boleh dilepaskan apabila dikehendaki penguasa, yang tidak ada bukti kesalahan boleh dihukum jika dikehendaki penguasa melalui

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Ya, soalan ini. Melalui undang-undang seperti ISA atau rekaan cipta bukti seperti kes Dato' Seri Anwar Ibrahim yang dipenjarakan enam tahun tanpa melibatkan duit satu sen pun.

Beberapa Ahli: Hoooh!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat, cukuplah itu, hmm!

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Okey. Jelas kerajaanlah yang memburukkan imej negara dengan melalui kes-kes seperti ini, bukannya pembangkang seperti mana yang dimomok-momokkan oleh kerajaan. Jadi, apakah kes-kes seperti Eric Chia dan pelbagai kes lagi akan mengalami nasib yang sama seperti kes ini. Saya minta penjelasan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menerangkan di sini bahawa soalan yang ditimbulkan ini ia berkait-kait dengan soalan yang lain. Saya hendak nyatakan tertumpu kepada kes saudara Ezam, yang mana kita sedia

maklum yang selalu didakwa oleh pembangkang bahawa orang yang mendedahkan rasuah, meringkuk dalam penjara dua tahun tetapi yang dituduh tidak didakwa. Ini isu yang dimainkan oleh pembangkang. Di dalam isu ini Tuan Yang di-Pertua, ada dua isu.

Isu yang pertama ialah mengenai laporan siasatan terhadap Menteri dan bekas Ketua Menteri yang dibuat oleh Badan Pencegah Rasuah dengan Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara adalah diklasifikasikan sebagai 'Rahsia' dan ianya sudah tentu tertakluk di bawah Akta Rahsia Rasmi Kerajaan. Oleh itu sesiapa yang mendedahkan kepada umum, ianya boleh didakwa dan didapati bersalah dan boleh dihukum seperti saudara Ezam yang dihukum penjara dua tahun di atas kesalahan ini.

Isu yang kedua ialah mengapa mereka yang dituduh tidak didakwa? Saya ingin tegaskan di sini, walaupun laporan tersebut ditandatangani oleh Abdul Ghani Patail, tetapi harus diingat bahawa beliau bertindak ketika itu adalah sebagai Ketua Bahagian Pendakwaan yang bertanggungjawab di mana beliau tertakluk kepada kekuasaan-kekuasaan Peguam Negara. Sudah menjadi amalan, bukan sahaja dalam pentadbiran kerajaan tetapi semua amalan pentadbiran sama ada dalam pentadbiran swasta, perniagaan malah politik dan sebagainya.

Apabila ada sesuatu keputusan-keputusan yang penting pasti orang bawahan akan merujuk perkara tersebut kepada pegawai yang lebih tinggi. Inilah yang dibuat oleh Abdul Ghani Patail, beliau telah merujuk kepada Peguam Negara pada ketika itu. Peguam Negara yang lebih berpengalaman dalam bidang perundangan dan yang diberi kuasa pendakwaan di bawah Perlembagaan Persekutuan telah berbincang dengan Abdul Ghani Patail. Oleh kerana isu ini adalah isu undang-undang yang boleh diperdebatkan dan selalunya dalam isu undang-undang ini kita memerlukan perbincangan untuk mendapatkan *second opinion*, sebab itu dalam bidang undang-undang ini kita dapati ada peguam bela, ada peguam cara.

Jadi untuk menentukan tertuduh itu bersalah atau tidak, ianya adalah di bawah kuasa mahkamah. Oleh itu menjadi tanggungjawab Peguam Negara yang diberi kuasa mendakwa, sudah pasti beliau akan memastikan kes-kes yang didakwa sekurang-kurangnya 90% akan menang. Jika setelah perbincangan dibuat, didapati kes itu tidak mencapai standard pembuktian yang mencukupi, sudah tentu kes tersebut tidak akan didakwa. Jadi tuduhan kalau pihak pembangkang mengatakan Peguam Negara mengamalkan tuduhan *selective prosecution* ataupun pertuduhan terpilih. Ianya mungkin ada kenyataan di mana sebagai Peguam Negara beliau akan memilih kes-kes yang hanya cukup bukti sahaja yang akan didakwa.

Jika tidak dibuat pemilihan mengenai kes-kes yang cukup bukti, sudah tentu kes-kes ini apabila dibawa ke mahkamah, sudah tentu kes ini akan kalah. Kalau setiap kali kes yang dibawa oleh Peguam Negara kalah di mahkamah, maka sudah tentu kewibawaan Jabatan Peguam Negara akan dipertikaikan oleh rakyat. Jadi akan hilang kepercayaan. Jadi oleh itu terutamanya kes-kes yang penting ini yang melibatkan pihak Menteri dan juga bekas Ketua Menteri. Sekiranya kalau kes ini diteruskan walaupun buktinya tidak cukup, maka ditakdirkan Menteri menang, maka saya akan pasti dan *guarantee* bahawa pembangkang akan timbulkan isu yang baru pula, di mana akan dibuat tuduhan pula bahawa campur tangan politik di dalam mahkamah. Maka kewibawaan mahkamah akan tercemar.

Jadi, apabila kerajaan kalah dalam kes ini di mana yang dituduh terlepas, sudah tentu mereka akan bawa isu yang baru. Jadi isu mempertikaikan keputusan Peguam Negara dan apabila di bawa ke mahkamah, mereka tidak puas hati dengan keputusan mahkamah, mereka pula mempertikaikan keputusan mahkamah, sampai bila pun tidak akan selesai.

Jadi oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya harap kes ini tidak lagi dibangkitkan. Kita kena menghormati setiap institusi yang ada di dalam negara kita. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam persoalan yang dibuat dalam soalan nombor 5 ini, menunjukkan bahawa meminta kerajaan campur tangan dalam soal pendakwaan.

Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen, adakah kuasa pendakwaan AG di bawah Perlembagaan dan *Criminal Procedure Code* itu salah satu daripada Cawangan *Judiciary*. Kalau ya, adakah wajar bagi kerajaan *interfere* dengan *function judiciary* dan apakah ini juga suatu bantahan pihak antarabangsa supaya jangan kerajaan *interfere* ataupun campur tangan dengan persoalan *judiciary*. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Seperti yang saya nyatakan tadi bahawa di dalam Perlembagaan Negara, Perkara 145(3), ia memberikan kuasa kepada Peguam Negara. Peguam Negara *per se*, ertinya ia individu, tidak ada siapa yang boleh mengarahkan Peguam Negara. Jadi kalau kata kerajaan campur tangan ataupun mengarah Peguam Negara, ini satu tuduhan yang tidak betul dan seperti mana yang saya nyatakan tadi bahawa setiap kes yang dibawa oleh Peguam Negara, ia mesti pastikan kes itu mesti menang. Kalau kes itu 50:50, kerana untuk membuktikan di dalam kes-kes kriminal, pihak pendakwa kena membuktikan *beyond reasonable doubt*.

Jadi jangan lupa bahawa setiap orang yang didakwa, mereka juga akan mengambil peguam-peguam yang terkenal, peguam-peguam yang hebat-hebat. Jadi sudah tentu kedua-dua pihak akan cuba membuktikan mereka tidak bersalah dan pihak pendakwa pula akan membuktikan bahawa yang dituduh ini bersalah. Jadi oleh sebab itu, saya nyatakan tadi bahawa kes yang melibatkan saudara Ezam ini telah diputuskan oleh Peguam Negara. Sekali lagi saya ingin tegaskan bahawa tidak ada campur tangan kerajaan dan mana-mana pemimpin-pemimpin politik untuk menentukan sama ada sesuatu kes itu akan didakwa ataupun tidak.

Seperti kes Datuk Seri Anwar Ibrahim, kita sudah tengok, kita sudah putuskan, mahkamah telah putuskan. Bila mahkamah ambil tindakan, kumpulan mereka kalah, sudah mereka tuduh pula ini konspirasi yang dibuat oleh kerajaan. Jadi apa juga yang kerajaan buat - ambil tindakan pun salah, tidak ambil tindakan pun salah! Jadi apa juga yang kerajaan buat ini sentiasa salah di mata pembangkang tambahan pula KeADILan, KeADILan bagi mereka ialah apabila keputusan mahkamah itu memihak kepada mereka, itu baru adil, kalau tidak memihak kepada mereka, itu tidak adil [*Tepuk*] Jadi tidak sesuai dengan Parti KeADILan....

Seorang Ahli: Yang tidak adil.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar:Parti KeADILan yang tidak adil. Jadi, kena ubah nama KeADILan ini kepada 'Parti Memuaskan Hati Kami'. Itu lebih baik. Terima kasih.

6. **Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, secara terperinci jumlah kes sumbang mahram sejak tahun 1998 mengikut negeri dan rasional kerajaan mengenakan hukuman penjara 20 tahun dan 12 sebatan di bawah Seksyen 376A Kanun Keseksaan terhadap pesalah sumbang mahram.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kes sumbang muhrim sejak tahun 1998 sehingga Julai 2002 mengikut negeri adalah seperti berikut - Minta maaf, sumbang muhrim ya [*Ketawa*]. Oleh sebab jawab daripada soalan Kuala Terengganu, jadi mata ada.... itu sedikitlah.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin:

Negeri/Tahun	1998	1999	2000	2001	Januari hingga Julai 2002	Jumlah Kes
Perlis	5	8	1	1	2	17
Kedah	21	18	21	12	15	87

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Panjang sangat ya.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak jawab keseluruhan?

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak jawab keseluruhan negeri ya?

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Dia hendak keseluruhan, jadi saya jawablah keseluruhan Tuan Yang di-Pertua. Tiap-tiap negeri dia kata, termasuk Terengganu dan juga Kelantan adalah seperti berikut:

Negeri/Tahun	1998	1999	2000	2001	Januari hingga Julai 2002	Jumlah Kes
Pulau Pinang	13	17	6	13	9	58
Perak	26	18	16	14	16	90
Selangor	52	28	29	32	16	157
Kuala Lumpur	15	1	9	15	4	44
Negeri Sembilan	25	19	7	17	7	45
Melaka	3	8	13	8	8	40
Johor	31	48	29	34	32	174
Pahang	41	18	13	18	16	106
Terengganu	12	16	16	18	12	74
Kelantan	11	5	9	21	9	55
Sabah	43	40	24	30	12	149
Sarawak	19	31	20	13	12	95
Jumlah Keseluruhan						1,221

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya saya tidak payah jawab soalan ini Tuan Yang di-Pertua, sebab kes ini ataupun akta ini telah sama-sama kita bahaskan dalam Dewan yang mulia ini termasuklah oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tetapi tidak apalah, dia masih lagi ragu-ragu atas diri dia sendiri jadi saya jawabkan jugalah soalan ini.

Akta Kanun Keseksaan 2001 (Pindaan) telah mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2002, bermakna telah digubal dalam tahun 2001 dahulu. Dalam pindaan ini, sumbang muhrim adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 176(A) Kanun Keseksaan dan boleh dikenakan hukum mengikut Seksyen 376(b)(i) Kanun Keseksaan di mana hukumannya adalah penjara selama tempoh tidak kurang daripada 6 tahun dan tidak melebihi 10 tahun dan juga boleh dikenakan sebatan.

Sebelum ini kesalahan sumbang muhrim diklasifikasikan sebagai kesalahan jenayah rogol dan hukumannya mengikut seksyen di bawah 325 Kanun Keseksaan dan hukuman di bawah Seksyen 376.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi oleh sebab kes-kes sumbang muhrim adalah kes jijik, melampau batas keagamaan, perundangan dan manusia. Ia juga boleh diklasifikasikan sebagai kes khusus yang boleh menjejaskan institusi kekeluargaan, masyarakat dan juga negara. Maka tindakan menyeluruh termasuk mengenakan hukuman yang setimpal, langkah-langkah pencegahan dan perkhidmatan sokongan adalah sangat penting bagi menangani gejala sosial ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kuala Terengganu.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Saya ingin mendapat penjelasan lanjut tentang hukuman yang dikenakan, yang diletakkan di bawah Seksyen 376A Kanun Keseksaan ini kerana dari segi pengadilannya ada berlaku konflik pengadilan antara kanun ini sendiri dengan apa yang termaktub di dalam mahkamah syariah terutama di beberapa buah negeri.

Apa yang berlaku, kalau kita melihat di bawah akta kesalahan jenayah syariah hukuman yang hanya boleh diletakkan di bawah kesalahan yang sepatutnya kita sebut sebagai zina mahram ini, adalah lima, tiga, enam tidak lebih dari RM5,000 denda, tiga tahun penjara dan enam tahun sebatan. Ini dengan jelas meletakkan hukuman yang dikenakan oleh, apa yang disebutkan sebagai akta kesalahan jenayah syariah ini lebih rendah daripada apa yang termaktub di bawah Kanun Keseksaan ini sendiri.

Jadi ini secara tidak langsung merupakan suatu bentuk penghinaan kepada undang-undang dan peraturan Islam yang termaktub di bawah akta kesalahan jenayah syariah ini sendiri. Jadi persoalannya apakah kerajaan tidak mahu melihat aspek-aspek perundangan yang sepatutnya telah pun ada dalam konteks zina mahram ini sendiri yang bagi orang Islam sepatutnya ada pilihan. Untuk duduk di bawah mahkamah syariah yang hukumannya bertepatan dengan zina mahram itu sendiri bukan sumbang mahram. Jadi ini berlaku konflik yang besar.

Yang keduanya adalah di bawah Kanun Keseksaan ini kategori yang diberikan adalah dengan izin *sexual intercourse* tetapi tidak ada kategori dalam apa yang diertikan dengan izin *sexually abuse*. Jadi ini juga perlu kepada pentafsiran dalam konteks kalaulah hanya *sexually abuse* apakah masih di bawah Kanun Keseksaan atau sebagainya. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali kita, saya menjawab soalan ini ialah soalan yang ditanya dalam soal perundangan Kanun Keseksaan berkaitan dengan undang-undang 376A dan juga hukuman 376B. Saya difahamkan Yang Berhormat ada menimbulkan masalah negeri, itu terpulanglah kepada negeri, bagaimana yang Terengganu hendak laksanakan hukum hudud, laksanakan, tapi kita belum jelas lagi apa dia punya tindakan-tindakannya dan juga persamaan dan perbezaannya antara perundangan dibuat di Parlimen ini iaitu Persekutuan dan juga perundangan dibuat di negeri.

Jadi pada saya itu terpulanglah kepada budi bicara negeri-negeri masing-masing untuk mengambil sama tindakan ini menyeluruh ataupun tidak itu terpulangnyanya kepada sendiri. Jadi saya, soalan yang kedua tidak dapat, sila sebutkan lagi sekali.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Kesalahannya dalam bentuk *sexual intercourse*, berlaku perzinaan, tetapi kategori *sexually abuse* kalaulah anak-anak kecil yang, *sexually abuse* bagaimana kedudukannya dalam konteks Kanun Keseksaan ini sendiri.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, kalau *sexual* tadi dia boleh jadi, dia bersetuju sama-sama, dia sama-sama mengadakan perhubungan tapi luar nikah, tapi kemungkinan kebenaran itu ada tetapi kalau *sexually abuse* maknanya, dipaksa kepada orang yang menerima itu tadi. Jadi oleh itu pada saya yang nombor satu itu, pasal dia sama-sama syok, tidak payahlah itu kan, tapi kalau yang *abuse* tadi, saya setuju dikenakan ikut undang-undang yang sedia ada. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Terima kasih jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya dimaklumkan tadi telah pun dilaksanakan hukuman mulai bulan Ogos, saya masih tidak bersetuju sangat dengan hukuman inilah, ringan. Yang Berhormat ini masalah sumbang mahrim ini [*Disampuk*] sumbangan mahram, lupa saja lah muhrim dan mahram....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Mahram.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: ...ini perbuatan pada saya keji betul-betul, memang betul-betul keji, bukan main-main punya ini, serius ini..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, persoalan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Ya, dia hendak mukadimah, kemudian saya hendak soalan sebab dia itu, perbuatan dia itu, keluarga rosak, mangsa rosak, agama Islam pun habis tercemar kerana perbuatan yang tidak elok itu. Jadi boleh tidak, Yang Berhormat melihat kerajaan ini sama ada perbuatan ini, jangan anulah!...., enam tahun, tujuh tahun, tidak seriklah!....sama ada dia hukum seumur hidup, biar merata tidak apa, hukuman itu memang teruk, beri pengajaran kepada yang hendak akan lakukan. Jadi dia takut, kemudian buatlah siaran TV sikit (hukuman), pameran biar rakyat turut sedar ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Ada hukuman ini. Ini, jadi boleh tidak kita seriuskan sikit perkara ini, kerana ini merosakkan, jadi macam mana pandangan Yang Berhormat?

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapan terima kasih kepada Tebrau. Sebenarnya hukuman ini, yang ini ringan kepada saya. Patut dikenakan hukuman mandatori, hukum gantung kah atau sebat, berapa rotan kah. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa hukuman yang berapa berat pun, kadang-kadang tidak boleh mencegah atau mengurangkan, orang yang boleh kita katakan mengurangkan. Tetapi tidak boleh kita lupuskan orang-orang yang akan melakukan sumbang mahram.

Walhal, banyak tempat-tempat yang boleh dilepaskanlah, kalau perkara-perkara yang difikirkan ada geram, ada apa? Misal kata, ya atau tidak [*Ketawa*]. Tetapi kepada sayalah, pada saya yang sebenarnya sepatut, saya memohon jasa baik kepada semua orang termasuk orang pemimpin politik seperti Ahli-ahli Yang Berhormat, NGO, pihak agama, pihak sekolah bagi membantu masyarakat dan juga orang perseorangan agar memberi penerangan dan penjelasan tentang keburukan, hinanya, jijiknya, sumbang mahram ini. Kemudian kita perlu juga minta dia orang ini, muhasabah pada diri sendiri, Tuan Yang di-Pertua iaitu segala apa yang dibuat ini, mestilah kita pertanyakan diri kita.

Muhasabah ini menanyakan diri kita, sama ada aku buat ini betul atau tidak betul. Sama ada aku buat ini atau apa yang dibuat ini boleh mencemarkan orang lain. Tanya diri sendiri, bak kata orang putih *ask your self don't ask others* minta maaflah [*Ketawa*] Cakap orang putih sikitlah takut orang PAS tidak faham, cakap Melayu saja karang, dia itu, saya cakap orang putih sikitlah [*Ketawa*]

Tanyakan diri. Jadi kita minta, semua orang ini melibatkan diri, jangan tanya orang lain. Jangan salahkan orang lain, *don't pinpoint fingers all others*, kata orang putih. Hah, tunjuk dua depan, tapi tiga Tuan Yang di-Pertua, menunjukkan kepada diri kita. Kita lebih banyak salah. Kalau kita mengatakan orang lain salah, kita ada tiga kesalahan. Dua tunjuk kepada orang, jadi dari itu alihkan lima sekali, apa ini, tangan kita, jari kita kepada diri kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya cukup Yang Berhormat.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Jadi kita minta semua oranglah termasuk juga parti pembangkang, PAS, Keadilan dan lain-lain lagi. Tanya diri sendiri, jangan tanya dia orang ini lepas itu suruh pihak kerajaan menjawab tidak selesai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Undang-undang berat macam mana pun tidak selesai Tuan Yang di-Pertua. Jadi oleh itu saya mintalah pihak semua orang menengahkan pertanyaan soalan tanya diri sendiri. Terima kasih.

[Masa untuk Pertanyaan Lisan telah selesai]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2003

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2003

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2003 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis".

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih tiga puluh enam bilion sembilan ratus enam puluh dua juta tujuh ratus tiga puluh tujuh ribu tujuh ratus ringgit (RM36,962,737,700) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2003, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2003 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 15 Tahun 2002 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, hendaklah disahkan." **[8 Oktober 2002]**

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat kita ada 14 lagi kementerian yang belum menjawab, kita mesti selesaikan pada hari ini. Jadi saya harap kita sesuaikan masa sekiranya tidak boleh diselesaikan kita akan sambung. Saya minta Kementerian Luar Negeri menyambung ucapan.

11.10 pagi

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyambung apa yang telah saya kemukakan pada waktu petang semalam. Saya ingin menyentuh persoalan berkenaan pendirian Malaysia terhadap isu Iraq. Ingin saya menyebut di sini bahawa Malaysia menentang apa juga tindakan ketenteraan Amerika Syarikat untuk menukar pemerintahan di Iraq dan menganggap ia sebagai melanggar prinsip undang-undang antarabangsa.

Jelasnya polisi penukaran rejim Iraq akan menjadi satu *precedent* yang merbahaya yang akan digunakan terhadap negara-negara yang mempunyai perbezaan pendapat dengan mereka. Serangan sedemikian akan mengakibatkan keadaan ketidakstabilan di rantau Timur Tengah memandangkan isu Palestin yang masih menjadi sumber utama ketegangan dan kemarahan negara-negara Islam terhadap Amerika Syarikat belum lagi diselesaikan ataupun di bawa ke peringkat penyelesaian yang muktamad.

Kita juga berasa ada kecenderungan di pihak Amerika Syarikat untuk menghukum pemimpin di Iraq sedangkan pemimpin Israel menggunakan keganasan ianya tidak diambil tindakan. Ini menimbulkan kemarahan orang-orang Islam dan menggugat usaha dunia untuk membanteras keganasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, Batang Lupar. Ya, sila.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, ada orang kata, sila batang. Jadi saya dipersilakan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Saya melihat keadaan yang berlaku sekarang ini. Amerika telah tidak mengendahkan keputusan *United Nation* dan kalau kita lihat sebelum peperangan dunia kedua, pihak *Hitler* tidak mengendahkan *League of Nation*, dan *League of Nation* tidak berupaya memberhenti atau *to prevent* dengan izin peperangan dunia kedua.

Selepas peperangan dunia yang kedua adalah dalam pemikiran ketika itu bahawa *League of Nation* tidak berfungsi untuk mengatasi peperangan dunia dan pada masa sekarang *United Nation* juga tidak berfungsi, tidak berkuasa untuk menentang kemahuan pihak Amerika dan kemahuan pihak British. Adakah ini juga menunjukkan bahawa sejarah itu berulang semula dan *United Nation* sudah jadi *League of Nation* tidak berupaya menentang Amerika.

Amerika adalah manusia sebagai Hitler menganggapkan Aryen masa itu sebelum peperangan dunia kedua sebagai manusia yang utama, manusia yang unggul di dunia ini dan sekarang kita ada Amerika dan kita ada Israel manusia yang utama dan manusia yang unggul yang mana akan mempelopori dan mengambil tindakan secara sendiri tidak mengendahkan pihak warga dunia yang lain, suara dunia yang lain. Jadi apakah akan berlaku selepas ini. Adakah kita membubarkan sahaja United Nation sebagaimana *League of Nation* dibubarkan digantikan dengan badan yang lain lagi. Adakah Malaysia akan menjurus ke arah itu. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Batang Lupar yang telah mencerminkan kekuatirannya bahawa mungkin tercetus peperangan yang lebih besar dan mungkin akan terhapus Bangsa-Bangsa Bersatu.

Kita kena berusaha dan berdoa semoga tidak akan berlaku keadaan sedemikian dan Bangsa-Bangsa Bersatu tetap ada, walaupun ia mempunyai banyak kelemahannya dan kita telah memberi cukup amaran kepada pihak-pihak kuasa besar supaya tidak mengambil keadaan ini sewenang-wenangnya dengan tidak menggunakan proses *multilateral* atau Bangsa-Bangsa Bersatu sehingga Bangsa-Bangsa Bersatu tidak berfungsi dan tidak dihormati.

Oleh itu kita kena terus usaha kita dan yang hendak kita tentukan ialah *double standard* ini tidak diamalkan, *double standard* di mana Iraq dikatakan telah melanggar usul-usul Bangsa-Bangsa Bersatu ataupun usul Majlis Keselamatan sedangkan Israel telah tidak mengendahkan 28 usul daripada Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu, satu tindakan pun tidak diambil.

Israel mempunyai senjata-senjata pemusnah dan mempunyai kuasa untuk mengalahkan mana-mana kuasa tentera di Timur Tengah ataupun di Asia Barat tapi tidak ada tindakan diambil. Jadi sebab itulah Malaysia mahu melihat keadilan dibangkitkan. Di masa yang sama kita tidak boleh mengambil langkah untuk berusaha supaya Bangsa-Bangsa Bersatu dihapuskan dan kita kena berusaha bersama-sama negara-negara lain dan kuasa-kuasa besar di dalam Majlis Keselamatan untuk membincangkan perkara ini supaya ianya menjadi satu tindakan yang dibuat ke atas Iraq kalau diperlukan adalah ia berasaskan perbincangan, perundingan dan menggunakan pendekatan bukan ketenteraan tapi pendekatan dialog dan untuk mencapai suatu keputusan yang muktamad.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kuala Terengganu berdiri Yang Berhormat.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Biar saya habiskan ayat ini, selepas itu saya bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia hendak habiskan dahulu.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Seajar dengan pendirian kita dalam mengecap tindakan *unilateral* terhadap negara yang lemah serta membahayakan nyawa orang awam yang tidak berdosa. Malaysia juga tidak akan memberi sokongan kepada Amerika Syarikat atas tindakan terhadap Iraq jika ianya dilakukan secara *unilateral*. Tambahan pula Iraq merupakan sebuah negara yang berdaulat di mana pemimpin negara itu hanya dapat ditentukan oleh rakyatnya sendiri dan bukan oleh kuasa luar.

Malaysia menyokong pemeriksaan senjata PBB di Iraq serta berpendapat langkah sedemikian akan membawa kepada pengurangan ketegangan yang sedia ada. Malaysia akan meneruskan usaha untuk bekerjasama dengan negara-negara OIC dan NAM dalam mengambil satu pendirian yang bersepadu supaya proses *multilateral* dapat dipelihara melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kuala Terengganu.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Tentang persoalan hegemoni kuasa besar Amerika Syarikat khususnya dan sebagaimana yang disebut. Sikap yang diambil oleh Kerajaan Malaysia menentang cadangan ataupun usaha Amerika Syarikat untuk menyerang Iraq adalah merupakan satu yang kita kira di peringkat kancas politik antarabangsa, adalah mungkin kita boleh anggap hanya merupakan sebagai satu retorik kerana '*by hook or by crook*' kalau kuasa besar Amerika Syarikat mahu menyerang Iraq. Dia akan menggunakan kuasa yang ada pada negara itu dan juga menggunakan atau mengheret PBB khususnya, dengan mungkin satu resolusi khas untuk menjustifikasikan serangan mereka ke atas negara Iraq.

Cuma persoalan yang saya ingin timbulkan ialah kita dengan Amerika Syarikat, *we are the biggest trading partners*. Amerika Syarikat adalah merupakan *the biggest trading partners* dengan kita. Itu yang pertama.

Yang keduanya, kita juga mempunyai hubungan *military* yang agak rapat dengan Amerika Syarikat. Tentera Amerika melakukan latihan tahunan di negara kita dan juga tentera laut mereka berlabuh di pelabuhan-pelabuhan kita, dan yang terakhir adalah pegawai-pegawai khas dari Amerika Syarikat sekarang ini *being stationed*, dengan izin, di pelabuhan-pelabuhan utama di negara kita.

Jadi, dalam hal ini, apakah tindak-tanduk yang ada ini ada sedikit konflik antara retorik kita dengan tindak-tanduk yang sedang berlaku dalam negara kita sendiri, dalam konteks apa yang saya sebutkan tadi, khususnya hubungan militer kita dengan Amerika Syarikat dan juga dari sudut hubungan dagang kita dengan Amerika Syarikat sendiri. Itu yang kedua.

Yang ketiganya, dari segi sikap kita dengan tindak-tanduk Israel memanglah sesuatu yang tidak dapat diterima oleh dunia antarabangsa, tetapi oleh kerana Israel didokong dan disokong oleh Amerika Syarikat, maka ia melanggar apa juga keputusan yang dibuat oleh PBB sendiri. Kebimbangan yang ada kepada kita adalah kalau kita melihat balik usaha yang cuba dilakukan oleh Kerajaan Malaysia sendiri untuk menjalin hubungan dengan Israel di akhir 90-an, di mana mereka telah menghantar wakil-wakil tertentu untuk ke sana.

Tetapi apakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sesungguhnya hubungan dagang dengan Israel, antara Malaysia dengan Israel masih diteruskan. Tetapi menggunakan orang kedua ataupun negara kedua iaitu Singapura - barang-barang Malaysia dihantar ke Singapura, *being repackaged*, dengan izin, untuk dihantar ke Israel dan jumlah dagangan antara Malaysia dan Israel adalah begitu besar. Tetapi dari segi *technicality*nya hanya menggunakan Singapura sebagai tempat untuk *repackaging* dan menghantar barang-barang dagang Malaysia. Saya harap mungkin pihak menteri ataupun kerajaan boleh memberikan sedikit penjelasan mengenai hal ini. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Kalau kita mengambil keputusan kerana kita tidak mempunyai kuasa dan kita tidak mempunyai kemampuan, maka kita tidak perlu bercakap, maka dayuslah negara kita dan kedaulatan

negara kita. Oleh itu, apa yang kita anggap sebagai retorik menjadi pengamalan yang penting dan utama di dalam perhubungan antarabangsa dan perhubungan di antara masyarakat antarabangsa. Sebab itu walaupun pada masa ini ianya mungkin dianggap sebagai cakap-cakap, tetapi daripada cakap-cakap inilah yang membuahkan satu hasil dan pendekatan yang membawa kepada manfaat kepada seluruh masyarakat di dunia.

Saya ingin menjelaskan kalau kita tidak bersuara dan negara-negara lain bersuara, Amerika Syarikat sudah pun mengambil tindakan *unilateral* tetapi dengan adanya suara yang dianggap sebagai retorik, maka ia memperlahankan dan menyebabkan ia terpaksa berunding dengan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu.

Sekarang ada dua usul di Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu. Satu yang *disponsor*, dengan izin, oleh Amerika Syarikat dan Britain dan satu lagi yang *disponsor* oleh Perancis yang mahu digunakan pendekatan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu dan tidak memberi mana-mana negara untuk mengambil tindakan *unilateral*. Jadi, ini ada faedah dan ada baiknya daripada kita hanya berdiam diri kerana kita lemah dan tidak mempunyai kekuatan ketenteraan untuk berusaha ke arah itu.

Jadi, saya fikir kedudukan Amerika sebagai negara perdagangan yang kukuh dan kuat, itu adalah perhubungan komersial dan perhubungan perdagangan tidak boleh kita campurkan dengan perhubungan politik antarabangsa dan kedaulatan negara kita dan integriti negara kita.

Salah satu perkara yang Dr. Mahathir sering ingatkan kepada saya sebagai Menteri Luar Negeri ialah, walaupun sekarang kita sudah memperbaiki hubungan kita dengan Amerika Syarikat, ini tidak bermakna kita akan menggadai kepentingan, kedaulatan dan kemampuan kita untuk bersuara di mana-mana tempat pun. [*Tepuk*] Jadi, ini yang kita lakukan di peringkat Kementerian Luar Negeri dan di peringkat Kerajaan Malaysia supaya kita akan sentiasa bersuara dan mengetengahkan pendapat kita untuk kebaikan kita bersama.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [*Bangun*]

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua orang berdiri Yang Berhormat, Arau sama dengan Kemaman. Hendak bagi jalan?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, biar saya selesaikan jawapan untuk Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Nanti saya bagi. Ini bukan ada ditulis, jadi.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak jawab lagi?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:biar saya jawab dahulu Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, sila duduk.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:selepas itu nanti saya berikan peluang untuk Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila duduk.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Perhubungan *militarykah*, perhubungan yang kita adakan di dalam dunia ini, *no man*, dengan izin, *is an island*. Kita mesti kena ada perhubungan. Kita mesti mencapai kepakaran dan keupayaan, tetapi ini tidak bermakna kita membiarkan penaklukan mana-mana negara terhadap negara kita. Jadi, jangan kita salah faham bahawa kita adakan perhubungan semata-mata untuk membolehkan orang lain menunjukkan telunjuk dan memberitahu kita apa yang perlu kita lakukan. Ini tidak akan diizinkan oleh kerajaan kita.

Begitu juga adalah tidak benar untuk kita mengatakan buat masa ini kita sudah ada pegawai-pegawai khas dari Amerika yang di'*station*'kan di pelabuhan. Pelabuhan ini, ada permintaan sebagaimana yang dilakukan oleh Singapura untuk memudahkan

pengeksporan barang-barang supaya ia tidak mengambil masa yang lama apabila tiba di pelabuhan Amerika, diletakkan pegawai-pegawai khas Amerika di pelabuhan-pelabuhan tertentu untuk menentukan ianya dapat diperlicinkan.

Walau bagaimanapun, perkara itu akan saya selidik sama ada kita persetujuan ataupun tidak. Memang ada permintaan daripada pihak Amerika bagi melicinkan perdagangan dan perhubungan pelabuhan di antara satu negara dengan negara lain. Ini bukan sahaja kepada satu negara tertentu, ia sekarang mempunyai pegawainya di merata dunia untuk memeriksa imigresen, pelabuhan dan apabila datang ke Amerika Syarikat, tidak akan diperiksa lagi. Tetapi buat Malaysia, saya akan mendapatkan maklumat sama ada perkara itu telah berlaku ataupun tidak.

Berkenaan dengan Israel, saya fikir kita kena

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:.....nanti saya habiskan ini, selepas itu saya bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Biar dia habiskan dahulu, Yang Berhormat.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Berkenaan dengan Israel, kena ambil pendirian Malaysia. Malaysia tidak mengiktiraf dan tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel dan kita tidak melakukan perdagangan dengan Israel. Itu pendirian kerajaan kita.

Kalau ada negara-negara lain membeli barangan dari Malaysia dan kemudiannya menjual kepada negara-negara lain, ia terkeluar daripada kuasa dan bidang kuasa Malaysia. Tetapi dari segi dasar dan pendekatan kita, kita tidak mempunyai hubungan perdagangan ataupun diplomatik dengan Israel.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, mana satu Yang Berhormat?

Tuan Mohamad bin Sabu: Berkenaan dengan resolusi....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi Kuala Kedah.

Tuan Mohamad bin Sabu:.....resolusi yang Malaysia akan sokong melalui Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, penulis-penulis, penganalisa-penganalisa sejarah dan Israel sendiri banyak mencipta sejarah Yahudi ini, iaitu mereka memang takut kepada Iraq sebab ada dua sejarah menghancurkan Yahudi di Palestin itu. Yang pertama, di bawah Panglima Perang Nabu Chandizar di zaman Kerajaan Babylon. Menghancurkan Yahudi dan mereka lari bertempiran selama 2,000 tahun. Yang kedua, Sallehudin al-Ayubi, juga dari Iraq bangsa Qurdi.

Oleh itu, keupayaan yang ada pada Iraq membimbangkan Israel sebab sejarah dua pahlawan dari Iraq inilah yang menghancurkan Yahudi itu. Oleh itu, apakah kita berpandangan bahawa yang hendak dimusnahkan itu bukan keupayaan Saddam Hussein dan rejimnya, tetapi keupayaan yang ada pada Iraq dibimbangi satu hari boleh menghadapi Israel yang dianggap terkuat di atas dunia ini.

Apakah langkah-langkah yang diambil supaya kebimbangan itu, Amerika dan Britain terutamanya tidak ada, sebab mereka bimbang bahawa keupayaan yang ada pada Iraq itu boleh mengancam Israel pada masa depan. Jadi, minta sedikit ulasan.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Nampaknya pandangan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah sama dengan pandangan Amerika Syarikat dan Britain, kerana mereka pun mempunyai kebimbangan terhadap kekuatan Iraq,

kebingungan terhadap kemampuan untuk membuat senjata nuklear dan ancaman kepada kedamaian dunia dan ancaman kepada rantau itu.

Kalau kita berpendapat sedemikian, maka kita akan menghalalkan tindakan Amerika Syarikat dan Britain. Jangan kita silap. Saya tidak menafikan adanya bahan sejarah. Tetapi kita mesti menerima hakikat bahawa semenjak 10 tahun, Iraq telah menerima kesilapannya untuk masuk ke Kuwait dan cuba menguasai Kuwait, sebuah negara yang menjadi Ahli Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu, negara yang berdaulat. Itu kesilapan dia.

Tetapi kalau kita mahu di atas igauan kuasa-kuasa besar tertentu bahawa Iraq adalah ancaman kepada kedamaian dunia. Maka ia akan mengizinkan negara-negara itu untuk masuk ke Iraq dan mengebom supaya *pre emptive action*, dengan izin, untuk diambil tindakan. Soal Iraq mempunyai kemampuan, bukan persoalannya sekarang. Yang kita hendak ialah mesti ada proses dialog dan proses perunding untuk mencapai kesepakatan dalam memeriksa sama ada Iraq ada senjata pemusnah ataupun tidak. Itu penting dan ini akan mengelakkan kemusnahan.

Jadi, saya

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya tidak bersetuju dengan Amerika dan Britain itu.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:ha, okey, tidak bersetuju, tetapi betapa bahayanya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa, tidak apa.

Tuan Mohamad bin Sabu: Israel bimbang, apakah kita tidak suka dengan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah itu.

Tuan Mohamad bin Sabu:itu penyelesaiannya.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:tidak, itu merbahaya kalau....

Tuan Mohamad bin Sabu: [*Menyampuk*]

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:duduk dahululah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kuala Kedah, duduklah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Minta iktiraf supaya tidak kecil hati pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk.

Tuan Mohamad bin Sabu: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang Berhormat....

Tuan Mohamad bin Sabu: Pandangan saya itu lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, ya Kuala Kedah.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang Berhormat duduklah dahulu.

Tuan Mohamad bin Sabu: Mereka tidak ada kekuatan....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa, tidak apa Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu:itulah yang sepatutnya. Janganlah tuduh begitu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk Kuala Kedah.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya tidak hendak kecilkan hati orang, tetapi kadang-kadang kita tidak sedar apa bahasa yang kita gunakan dan perkataan-perkataan yang kita gunakan. Kita memperkukuhkan musuh kita di dalam hal untuk mengambil tindakan. Mereka juga boleh menggunakan hujah yang sama sebagaimana Yang Berhormat menggunakan iaitu Iraq adalah ancaman kepada kedamaian di rantau itu.

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Menyampuk]*

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kita mengatakan tidak dan Israel seharusnya diberikan tumpuan kerana Israel yang mempunyai kekuatan yang tidak ada tolok bandingnya pada masa ini di rantau itu. Itu yang seharusnya Yang Berhormat cakap macam itu, saya boleh setuju. Saya tahu ketua-ketua peperangan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sedikit sahaja.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya berikan kepada

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagi siapa?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini saya hendak maklumkan kepada ...

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:Rompin.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:adakah Yang Berhormat Menteri tahu Yang Berhormat bagi Kuala Kedah itu, baru-baru ini memang dia....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Masih berdiri]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:sakit jantung, masuk dalam IJN.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa, tidak usah sebutlah Yang Berhormat. Tanya soalan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Mungkin kalau menjawab pertanyaan beliau, Yang Berhormat Menteri mungkin sedar atau tidak tahu.

Seorang Ahli: Dia ada sakit jantung?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak ada apa-apa soalan itu Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tiga orang ini, hendak bagi siapa Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mengikuti jawapan yang begitu.... *[Disampuk]* jawapan yang begitu terang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, duduklah yang lain-lain Yang Berhormat. Saya pun serba salah bila menteri tidak sebut.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Siapa yang bercakap dahululah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ikuti jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Luar kita begitu jelas dan terang. Dunia abad ke-21 ini bukan satu tempat seronoklah nampaknya dan *double standard* itu ada di mana-manalah. Walau bagaimanapun, saya sebagai rakyat Malaysia berbangga kerana Malaysia telah memainkan peranan yang sangat mulia dan positif dalam memperjuangkan keadilan dan keamanan di dunia itu, rekod kitalah, rekod Kerajaan Malaysia yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Itu rekod yang mesti diterima.

Saya ingin bertanya tentang Iraq ini. 10 tahun yang lalu, setelah Iraq melanggar Kuwait, Bangsa-Bangsa Bersatu telah pun mengenakan hukuman kepada Iraq iaitu sekatan ekonomi. Sekatan yang mengazabkan rakyat yang tidak berdosa di negara Iraq dan Iraq telah disekat ekonomi, menjalani hukuman sekatan ekonomi oleh Bangsa-Bangsa Bersatu, telah pun berusaha memenuhi segala tuntutan-tuntutan Bangsa-Bangsa Bersatu. Oleh sebab mereka memenuhi tuntutan Bangsa-Bangsa Bersatu, sudah wajar bagi Iraq ini dilepaskan daripada hukuman yang dikenakan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu dalam sekatan ekonomi. Agaknya kerana keupayaan Iraq ataupun Iraq telah dapat memenuhi tuntutan ini, patut dilepaskan daripada sekatan ekonomi dan oleh sebab Iraq ini menjadi suatu masalah kepada Amerika dan Yahudi, maka dialih untuk dibenamkan isu Iraq dilepaskan daripada sekatan ekonomi, maka isu hendak melanggar Iraq ini pula sudah ditimbulkan.

Saya hendak tanya, apa jadi kepada masalah melepaskan Iraq daripada sekatan ekonomi yang dikenakan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu hasil daripada mereka telah pun memenuhi tuntutan-tuntutan Bangsa-Bangsa Bersatu. Apakah isu ini tenggelam kerana isu baru, Iraq akan dilanggar oleh Amerika. Apa peranan PBB sebenarnya dalam mengimbangkan dua perkara ini supaya terserlahlah keadilan yang memang kita harapkan sebagai penduduk dunia untuk melihat rakyat ataupun negara-negara di dunia hidup dalam aman dan sentosa. Saya ingin sedikit penjelasan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*].

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana keadaan sekarang telah berubah dan Bangsa-Bangsa Bersatu melalui Majlis Keselamatan belum berpuas hati dengan pemeriksaan mereka dan belum ada pemeriksaan yang dapat dimuktamadkan maka keputusan untuk menarik balik sekatan terhadap Iraq belum lagi dilaksanakan. Malaysia sentiasa berpendapat bahawa pendekatan sekatan yang tidak mempunyai tarikh pemutusannya adalah sesuatu yang zalim dan mendatangkan kesusahan kepada rakyat awam yang tidak berdosa. Kita sendiri telah melihat kesengsaraan yang dialami oleh rakyat Iraq, anak-anak kecil, kaum wanita kerana tidak dapat masuk bawa barang-barang yang banyak dan kesusahan itu harus diaddresskan dengan izin, oleh Bangsa-Bangsa Bersatu.

Tetapi, untuk masa ini, Iraq sendiri sudah bersetuju bagi mengelakkan konflik berterusan dan tindakan ketenteraan diambil untuk membenarkan pemeriksa senjata masuk ke Iraq balik tanpa syarat. Yang kita hendak menggunakan sekarang ialah supaya kerja-kerja pemeriksa senjata ini dibolehkan untuk diteruskan tanpa sekatan oleh mana-mana kuasa besar di dalam Majlis Keselamatan. Sebab itu, kita Malaysia pendirian kita jelas, kita mahu sekatan dihapuskan...

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [Bangun]

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [Bangun]

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang Berhormat bagi Arau saya bagi dulu.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya, sebelum mengemukakan soalan mengambil peluang untuk hendak mencelah di sini, ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian Luar Malaysia yang mana pendirian kita sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat di peringkat antarabangsa terutamanya dalam Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu adalah jelas dan tegas. Ini saya nyatakan bukan sebagai retorik

sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu sebab saya baru sahaja pulang daripada persidangan antarabangsa di New York, selama 25 hari saya berada di sana dan saya melihat bagaimana *mission* daripada Malaysia.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, soalan ya.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:.....menyatakan pendirian dan sentiasa mendapat *guidance* dengan izin daripada pihak kerajaan di Kuala Lumpur mengenai pendirian Malaysia. Dalam kita menyatakan pendirian kita melalui ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri Luar, kita menunjukkan pendirian yang jelas bahawa sokongan kita kepada Palestin. Malahan kita meminta supaya Libya pun dilepaskan daripada sekatan yang selama ini dibuat dan sekatan ini adalah tidak adil kepada negara-negara yang terlibat. Yang Berhormat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, walaupun ada sesetengah pihak saya dengar tadi macam Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu seolah-olah bimbang dengan pendirian kita ataupun menyatakan pendirian kita retorik. Saya melihat daripada pertandingan untuk mengisi jawatan ECOSOF iaitu Jawatankuasa Sosial dan Ekonomi di Peringkat Bangsa-Bangsa Bersatu, ada enam jawatankuasa, ECOSOF' adalah salah satu daripada jawatankuasa yang penting, Malaysia telah bertanding dan Malaysia telah menang nombor tiga di belakang Arab Saudi, Jepun dan selepas itu Malaysia mendapat tempat yang ketiga. Ini, saya melihat, pada pandangan saya bahawa dunia hari ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, menteri ada banyak lagi usul untuk dibentang. Jadi, soalan [*Dewan gamat seketika*]

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, saya hendak dapatkan pandangan menteri. Saya hendak dapatkan pandangan menteri. Ini perkara yang penting kerana kita hendak melihat adakah dasar kita ini menjejaskan kedudukan kita di peringkat antarabangsa.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Menyampuk*]

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Melihat kepada kemenangan yang kita dapati itu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:.....Adakah Yang Berhormat dapat memberikan penjelasan bahawa apa yang kita laksanakan di peringkat antarabangsa mendapat sokongan daripada negara-negara keseluruhan di dunia ini kecuali mungkin Amerika sahaja yang melihat bahawa kita agak tidak bersetuju dengan pandangan mereka dan saya rasa tidak perlu bimbang dengan apa pendekatan dan juga pendirian yang kita bawa hari ini. Kalau kata tidak diterima oleh masyarakat antarabangsa, sudah tentu kita tidak mendapat tempat di dalam pertandingan yang kita hadapi baru-baru ini. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Arau. Saya fikir, salah satu kejayaan Malaysia dan kehormatan yang diberikan kepada Malaysia ialah kerana pucuk pimpinan kita dilihat dan negara kita dilihat sebagai berani dan tegas dalam mengutarakan pandangan-pandangan untuk menegakkan keadilan antarabangsa, ini penting.

Untuk bertanding untuk jawatan ECOSOF itu, memanglah sesuatu yang susah oleh kerana ada banyak kempen yang cuba memburuk-burukkan kita. Kadang-kala, daripada parti-parti pembangkang sendiri. Tetapi *alhamdulillah*, berkat usaha kita, maka kita mencapai kemenangan untuk menduduki jawatan ECOSOF.

Oleh itu, saya fikir yang baik, yang betul, kita kena mengiktiraf. Yang mungkin kita tidak bersetuju, itu saya fahamlah, itu pembangkang. Kalau semua dia bersetuju dengan

kita pun, dia mungkin terfikir dia tidak ada kerja. Tetapi pada saya, yang baik saya fikir patut kita iktiraf dan mengaku kebaikannya. Sebab itu, saya berasa puas hati, di dalam kita melaksanakan tugas, kita mendapat sokongan dan kita mendapat suara yang padu dan bimbingan daripada Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri.....

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kemaman.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:.....Bagi melaksanakan usaha kita di dalam memperjuangkan kepentingan Malaysia di peringkat antarabangsa. Yang Berhormat bagi Kemaman ini, dia banyak berdiri lama, saya bagilah.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Okeylah, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasihlah kerana mengiktiraf pembangkang pun boleh berada dalam PBB pun untuk kempen. Jadi, satu pengiktirafan yang besarlah pada parti pembangkang.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Untuk kempen?

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Ya. Kalau tidak, Yang Berhormat sendiri kata kita berkempen di Bangsa-Bangsa Bersatu. Saya hendak minta penjelasan mengenai justifikasi Malaysia menyokong tindakan Amerika untuk menghapuskan kelengkapan persenjataan di Iraq, sedangkan pelengkapan senjata itu sebenarnya, asalnya di *supply* ataupun dibekalkan oleh negara-negara Barat juga tetapi tujuan waktu itu ialah untuk menentang ataupun berperang dengan musuh Amerika sendiri iaitu Iraq. Waktu itu, mereka memberikan segala kelengkapan dan *the finance* dibiayai oleh wang negara-negara Arab iaitu *the oil money* dan Iraq diperkudakan untuk menghancurkan Iran tetapi apabila Iraq tidak lagi melaksanakan agenda *against* Iran.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Soalannya, baiklah. Kenapa kita setuju sedangkan sekiranya kita bersetuju penghapusan kelengkapan di Iraq, bermakna Amerika dapat duit minyak melalui pembelian senjata tetapi negara Islam tidak ada senjata. Jadi, dia dapat minyak *free* dan kita yang membiayai Amerika. Jadi, apa justifikasi kita menyokong penghapusan persenjataan ini.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, sebab itu tadi saya hendak bagi dengan Yang Berhormat bagi Kemaman ini, saya bimbang pasal dia tidak faham. *[Ketawa]* Jadi, ini menunjukkan di dalam dia mengutarakan pendapat beliau, beliau kurang yakin. Saya kata kempen tadi, bukannya kempen untuk menangkan kita, kempen untuk kalahkan kita, negara kita...

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Membuat bising]*

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Itu yang saya maksudkan tetapi cuba diputar, tidak bolehlah. Saya ingin menjelaskan, kita bukan menyokong untuk menghapuskan kelengkapan. Ini adalah keputusan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menghapuskan *weapon of mass destruction* iaitu persenjataan atau peralatan yang memusnahkan untuk *conventional* dengan izin, tentera untuk mempertahankan kedaulatannya tidak ada masalah. Tetapi, yang *biological* yang dikatakan, yang penting ialah mereka mengatakan ada. Kita mahu mereka pergi ke Iraq, tengok kerana Iraq kata dia tidak ada senjata pemusnah dan ianya perlu dilakukan dengan penuh ketelusan dan keterbukaan supaya masyarakat antarabangsa mengetahui sebenarnya, apakah keadaan sebenarnya. Ini Iraq sendiri bersetuju. Jadi, tidak tepat Yang Berhormat mengatakan sedemikian.

Memang menjadi polemik politik antarabangsa di mana pada satu masa, satu kumpulan atau satu negara menyokong negara yang lain. Di masa yang lain pula, mereka mengubah pendekatan mereka dan pendapat mereka. Ini adalah perkara yang kita faham kedudukannya berlaku. Sebab itu, kita hendak mempertahankan sistem supaya Bangsa-Bangsa Bersatu diberikan dia punya kredibiliti dan integritinya sebelum apa-apa tindakan yang dia ambil.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jeli dengan Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik tentang penjelasan Yang Berhormat Menteri tentang ada ketika Amerika menyokong, tidak menyokong tetapi di negara kita pun ada macam itu juga, ada satu parti.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Siapa itu?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dulu, kuatlah bela Amerika, sekarang tidak suka Amerika pula. Ini, bukan sahaja di dunia, di negara kita pun ada. Minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Ini fitnah *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya faham parti pembangkang. Pasal parti pembangkang saya fikir pun, dia mempunyai pendekatan apa sahaja yang menguntungkan dia. Jadi, kita faham dalam hal itu dan ini adalah sesuatu yang kita harap, bila terlibat dengan soal kepentingan negara, saya tidak fikir kita perlu membuat pendekatan politik kepartian.

Kita patut bersama-sama di dalam usaha kita untuk mempertahankan integriti dan kedaulatan negara kita. Ini paling penting sekali dan ini yang diambil oleh kerajaan. Sebab itu, kita mempunyai toleransi yang amat mendalam sekali di dalam menangani segala usaha-usaha yang dilakukan oleh parti-parti pembangkang, kadang-kadang di luar negara. Untuk itu, kita meminta kepada parti-parti pembangkang, di luar negara kita berbahas di sini. Di luar negara, kita kena mempertahankan kepentingan negara kita dan kedaulatan negara kita.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jeli bangun.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, biar saya teruskan pasal banyak sudah saya bagi tadi pembangkang. Sekejap lagi saya beri.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak sentuh sedikit berkenaan soal Presiden Yasser Arafat. Semasa Presiden Yasser Arafat dikepung oleh tentera Israel, beliau telah menelefon Perdana Menteri kita. Adakah seorang pemimpin daripada negara yang sedemikian, dalam keadaan kemelut, dalam keadaan yang amat susah, mencari seorang pemimpin lain iaitu Perdana Menteri kita. Ini kita boleh berbangga. Ini menunjukkan.....

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Menyampuk]*

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Apa dia?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Alahh, entah apa-apa.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Itu yang baru saya katakan tadi, saya katakan tadi Yang Berhormat bagi Kemaman, bukan sahaja dia tidak buka mata dia, dia tidak buka telinga pun. Dia, telinga dia pun tidak dengar dan tidak mahu terima hakikat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Betul.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kalau dia di dalam 200 pun, bermakna Malaysia termasuk salah sebuah negara yang penting. Yang Berhormat tolong, di dalam hal yang betul, cakap betul, jangan bohong kerana hendak mencari keuntungan politik.

Yang saya maksudkan kerana beliau tahu, dan semalam Menteri Jerusalem yang datang dia kata mereka percaya Malaysia adalah satu-satunya negara yang boleh

memperjuangkan kepentingan Palestin. Itu bukan kita kata, tetapi orang kata, mungkin Yang Berhormat akan kod Menteri dari Israel saya tidak tahulah. *[Ketawa]*. Jadi apabila Yang Amat Berhormat dapat telefon daripada Presiden Yasser Arafat maka beliau telah menulis kepada Presiden Bush, beliau telah menulis kepada Presiden Jacques Chirac dan Gerhard Schroder, dan Presiden Chirac menjawab surat beliau. Saya mengambil di sini sedikit sedutan daripada surat yang menjawab surat Perdana Menteri kita oleh Presiden Chirac. Ini sebahagian daripadanya bukan keseluruhan.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *“As for the Middle East, I very much share the analysis which you outlined and developed in your letter dated 2nd September. A policy of double standard has to be avoided at all cause, least it weakens international coalition against terrorism. like you, I refuse to fall into the trap of the clash of civilization. This is why I suggested that in the framework of the ASEM summit that maybe a parting session on dialog with civilization and I was happy to take note that our contribution during this session add many points in common.”* Jadi bermakna di peringkat persidangan Eropah mahupun Asia, penglibatan Perdana Menteri kita dihargai, dihormati dan dipandang tinggi.

Jadi, yang sumbangan Perdana Menteri kita di dalam menyumbangkan untuk mencapai keamanan dan kestabilan dunia adalah sesuatu yang pemimpin dunia lain iktiraf. Itu yang diharap Yang Berhormat dapat faham supaya kita tidak membuat tuduhan melulu. Begitu juga Timbalan Perdana Menteri kita telah menulis surat kepada Naib Presiden Cheney mengenai perkara yang sama. Dengan tekanan daripada pihak Amerika Syarikat akhirnya Presiden Yasser Arafat dibebaskan tetapi kita masih tidak berpuas hati dengan keadaan dan tindakan yang diambil oleh Israel.

Saya ingin menceritakan bahawa saya sendiri telah pergi ke Ramallah iaitu di pejabat Yasser Arafat, semasa saya hendak masuk kita kena mendapatkan kelulusan melalui Jordan untuk dibenarkan masuk di dalam Wilayah Palestin oleh Israel. Kalau tidak, kita tidak boleh masuk. Kita masuk menggunakan helikopter daripada Jordan, apabila kita sampai ke pertengahan jalan kita dinaungi pula oleh dua helikopter Israel, dan apabila kita datang ke situ kita tengok kemusnahan yang dilakukan dan tempat hidup dan tinggal Presiden Yasser Arafat tidak ada tilam, tidak ada apa, duduk tidur di atas kerusi di dalam bunker kerana telah dimusnahkan oleh Israel. I

Inilah kezaliman yang kita hendak masyarakat antarabangsa mengambil tindakan supaya ia akan mempunyai betul-betul bila kita bercakap berkenaan keadilan, kita bercakap berkenaan demokrasi, kebebasan, ianya akan mencerminkan tindakan yang seimbang. Pada masa ini kita lihat dunia tidak mengambil seimbang, ia lebih memihak kepada Israel dan tidak memihak kepada negara-negara Islam dan negara-negara membangun.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya berharap perkara ini kita dapat sama-sama renung dan sama-sama kita hayati supaya negara kita agar tidak terjerumus ke lembah kehinaan dan ke lembah negara lain dapat menguasai kedudukan dan kepentingan negara kita. Oleh itu, saya hendak meninggalkan berkenaan Iraq dan Palestin dan bila saya tutup nanti, saya akan juga menyentuh berkenaan soal Jerusalem

Sekarang Tuan Yang di-Pertua, saya mahu pergi kepada soal berkenaan layanan ke atas tetamu kenamaan yang melawat Amerika Syarikat yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat dan ianya menjadi perbincangan dan perbahasan hebat di kalangan rakyat Malaysia.

Dari segi prosedurnya dan amalan diplomasi biasa Kementerian Luar Negeri dan kedutaan-kedutaan kita di luar negeri sentiasa akan memberi notis awal kepada negara yang terlibat di mana kita akan membuat lawatan. Lawatan tetamu-tetamu kenamaan Malaysia ke negara-negara yang terbabit sebagaimana biasa setelah diberi notis akan kita harapkan layanan mengikut amalan diplomasi dan amalan protokol, mereka akan memberikan layanan yang sempurna bersesuaian dengan kedudukan mereka yang membuat lawatan tersebut.

Walau bagaimanapun, semenjak kejadian 11 September 2001 di Amerika Syarikat mereka telah mengambil keputusan untuk meletakkan Amerika Syarikat untuk meletakkan keselamatan dan kekhuatiran mereka terhadap penganas di tahap yang paling utama

sekali. Justeru itu, mereka menyetujui protokol dan diplomasi dan memberi kuasa mutlak kepada pegawai keselamatan di airport ataupun di lapangan terbang mereka untuk membuat pemeriksaan ketat kepada pelawat masuk dan keluar tidak kira apa jua kedudukan mereka.

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Kedah bangun.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas penjelasan itu. Kita pun tidak bersetuju mana-mana negara menghina rakyat Malaysia khususnya termasuklah Timbalan Perdana Menteri. Soalnya saya ingin tahu kita sendiri bila keluar negara kita menghadapi masalah, bila kita tunjuk Kad Parlimen dalam bahasa Malaysia, dia tidak faham.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Dia hendak bahasa Inggeris tak?

Tuan Mohamad bin Sabu:kemudian pasport kita pun tidak menunjukkan kita ini seorang Ahli Parlimen. Maka kalau kita pergi di sempadan kadang-kadang kita memakan masa beberapa jam. Minta pihak Yang Berhormat Dato' tolong orang Ahli Parlimen ini, kami bergerak di luar negara banyak membantu Malaysia *[Ketawa]* Saya baru balik dari Beirut menghadiri sidang menyokong Anti Fadhah Palestin, jadi payah kita hendak melintas ke sempadan kerana ada itu.

Yang kedua, saya ingin bertanya tentang pejuang hak asasi manusia daripada Indonesia di tahan semalam tidak boleh masuk ke Malaysia iaitu Adnan Buyong Nasution. Ini menjadikan masalah lagi kepada hubungan diplomatik kita dengan Indonesia nanti. Yang ketiga, kami sendiri hendak masuk ke negeri lain kadang-kadang mudah, hendak masuk Malaysia pula payah. Sebab nama tersenarai dalam senarai SB. Kalau di airport saya mudah keluar masuk di KLIA tetapi kalau di Bukit Kayu Hitam, di Rantau Panjang kadang-kadang saya terpaksa menunggu sejam dua jam kerana SB tidak ada di situ, hendak kena cari. Jadi, kami rakyat Malaysia Ahli Parlimen susah hendak masuk negara sendiri. Jadi, kalau Timbalan Perdana Menteri susah hendak masuk ke negara orang barangkali patutlah sikit. Tetapi kami susah hendak masuk dan keluar negara sendiri. Ini macam mana ini kerajaan semacam ini minta tolong penjelasan sedikit.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, tadi semasa Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri menjawab beberapa soalan, dia cakap kadangkala kita kena muhasabah diri kita, apa kita buat, jadi mesti ada sebabnya, kalau tidak dia tidak mengambil tindakan. Oleh itu saya berharap ...

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang Berhormat, nanti, saya tidak mahu, ini pasal Yang Berhormat bagi Rompin kata Yang Berhormat ada masalah sedikit kan ya, jadi saya slow sikit *[Ketawa]*

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Menyampuk]*

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tidak, nanti dahulu, saya belum jawab. Tidak, saya fikir berkenaan dengan hendak memasukkan, kita Ahli Parlimen dalam pasport kita semua kita tidak tulis Ahli Parlimen. Pasal Ahli Parlimen ini bukan boleh tentu kita Ahli Parlimen untuk selama-lamanya. Jadi, dia tidak tulis itu tidak mengapa, tetapi kalau pergi ke luar negeri, ini laporan yang saya dapatlah. Ini bukan laporan kedutaan saya, tetapi laporan daripada kawan-kawan daripada negeri asing. Banyak kita punya Ahli Pembangkang dia menghentam Malaysia. Hah, jadi ini bukan saya kata, tetapi inilah laporan yang diberitahu kepada kita.

Jadi mereka kluatir berkenaan Ahli-ahli Parlimen lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang. Mereka amat cuak sekali dengan wakil-wakil PAS, pasal dia takut pergi keluar negeri untuk mengapi-apikan dan kita tidak mahu tercetus peperangan dan perbalahan yang boleh membawa kemudaratan kepada negara kita. Kalau Yang Berhormat, betul ada

masalah, kita boleh tengok apa masalahnya. Tetapi kalau kita banyak cakap sangat, orang Putih kata *telling lies* untuk bohong dan banyak kita fitnah masalah nanti timbul. Sebab itu mungkin, saya tidak tahu kes yang tertentu Yang Berhormat itu. *[Ketawa]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Macam mana hendak masuk negara sendiri, hendak keluar pun payah.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Pasal apa hendak keluar payah, hendak keluar

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Ini yang saya kata nampaknya Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, nanti Yang Berhormat kecil hati bila saya cakap. Yang Berhormat cakap menyokong Amerika Syarikat mengambil tindakan kepada pemimpin kita.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tidak!

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: **Ini tidak usah ‘don’t talk with double’, saya minta maaf fasal saya fikir kalau ada masalah yang betul, yang timbul dengan mempunyai sebab-sebab, yang tulen (*genuine*) maka kita boleh melihat kepada masalah-masalah tersebut. Tetapi berikan kita contoh-contoh yang tulen. Tetapi untuk rakyat asing, saya hendak beritahu, kita tidak akan memberi lesen kepada mana-mana rakyat asing sama ada di negara ASEAN atau di luar ASEAN untuk datang ke Malaysia mencaci Malaysia dan menggalakkan rakyat Malaysia untuk memberontak terhadap negara kita. Tidak kira siapa. Ingatkah tidak semasa kes Timbalan Presiden, Al-Gore datang ke sini, dan apabila beliau menyeru untuk rakyat Malaysia bangkit, kita menganggap itu biadab dan tidak betul...**

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:dan itu diterima pasal ini hak kita dan ini adalah hak dan kedaulatan kita. Jadi saya hendak habiskan perkara ini dahulu sebelum...

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Sedikit sahaja - pasport..

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: ...saya benarkan mana-mana..

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Satu minit sahaja tentang pasport.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Selepas itu saya akan izinkan

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Takut lari lain..

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Sekejap sahaja ya. Oleh itu kita merasa sedih Perdana Menteri,...

Dato’ Shaziman bin Abu Mansor: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tampin, nantilah.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Timbalan Perdana Menteri kita telah diberi layanan yang tidak diberi protokol biasa dan kita anggap tidak beradab dan sopan. Kita telah menyampaikan bantahan kita dan perasaan kecewa kita terhadap tindakan mereka. Mereka sering memberi penjelasan dan meminta maaf perkara tersebut berlaku. Tetapi kita tidak boleh memastikan yang perkara sedemikian tidak akan berulang. Sebab itulah pendekatan yang terbaik ialah supaya kita mengelakkan dari membuat lawatan atau pergi ke negara-negara yang bermasalah. Kita tidak mempunyai masalah

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri ada dua orang Ahli Yang Berhormat yang bangun.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: *[Bangun]*

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kita tidak mempunyai masalah dengan rakyat dan pelabur dari Amerika yang kita alu-alukan untuk datang ke negara kita. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan dahulu

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kita memang mesra kepada pelawat luar yang datang ke negara kita. Oleh itu, tidak perlu untuk kita mengambil tindakan balas terhadap pelawat yang berkunjung ke Malaysia. Apa yang perlu ialah kita tunjuk tertib dan adab kita kepada orang luar. Yang Berhormat bagi Tampin.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengucapkan ribuan terima kasih atas jawapan-jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya juga sempat bersama-sama dengan Yang Berhormat Menteri ketika kunjungan Yang Berhormat Menteri ke Washington, cuma saya lihat dalam kebanyakan perjumpaan ada juga perjumpaan-perjumpaan itu mudah hendak masuk, antaranya ke Capital Hill yang mana disebabkan mungkin ada kalangan rakan-rakan agak mempunyai hubungan baik dengan mereka petugas-petugas di Capital Hill.

Apakah ini secara tidak langsung menggambarkan - minta pandangan bahawa kadang-kadang saya bimbang kalau kedutaan kita tidak mempunyai keakraban dengan mereka di Amerika ataupun rakan-rakan yang sepatutnya mereka berhubung untuk memudahkan perjalanan rakyat Malaysia dan juga orang-orang kenamaan.

Apakah setakat hari ini Menteri berpuas hati dengan tanggungjawab, dengan tugas yang telah dijalankan oleh duta-duta di negara-negara yang besar terutamanya di Amerika, kerana saya yakin walaupun mereka di Amerika itu pada hari ini seolah-olah *paranoid*, takut dengan kejadian 911, saya juga yakin sekiranya hubungan rapat antara kedutaan dan mereka di Amerika itu baik, secara tidak langsung mereka akan memudahkan lagi perjalanan orang-orang kenamaan ke negara itu. Saya minta pandangan. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tampin atas teguran yang dibuat. Walau macam mana akrab pun kalau kita tidak mempunyai pendekatan adab maka susah untuk diakrabkan. Tapi biar saya mengatakan di sini bahawa duta-duta kita di luar negara termasuk di Amerika telah melaksanakan tugas mereka dengan baik, kita berpuas hati dengan tugas yang mereka laksanakan. Tetapi saya ingin memberitahu bahawa Australia adalah salah sebuah negara yang mempunyai sokongan yang kuat di Amerika. Suara Australia kadangkala sama dengan suara Amerika. Apa Amerika cakap, Australia cakap. Tetapi baru-baru ini Menteri Luar dia pergi ke Amerika dan kasutnya di suruh buka juga.

Jadi, bukan salah kedutaan-kedutaan kita, walaupun mudah untuk kita menyalahkan mungkin kita tidak akrab tetapi saya mengambil sikap bahawa kedutaan kita dan duta kita termasuk, semasa kita hendak menghantar Timbalan Perdana Menteri, duta kita sendiri telah disuruh buka kasut. Saya sendiri terlepas tetapi isteri saya kena. Jadi, ini semua saya fikir Tuan Yang di-Pertua, perasaan mereka, sikap mereka dan kita akan cuba memperbaiki kelemahan-kelemahan tertentu yang ada di peringkat kedutaan-kedutaan kita kalau itu menjadi asasnya. Tetapi berbaik macam mana sekali pun - baru-baru ini, saya percaya member of Parliament daripada Malaysia juga diperiksa dengan rapi. Jadi, kita kena biasakan, kalau boleh tidak usah pergi ke negeri yang susah, pergi ke negeri yang senang. Tuan Yang di-Pertua, itu saya janji tadi

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng Yang Berhormat Kuala Terengganu ya.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang Berhormat Kuala Terengganu. Okeylah selepas itu Yang Berhormat Kuala Terengganu - tidak ada.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri tentang pengalaman yang dilalui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Kita kena jelas bahawa bagi kita pembangkang walaupun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri daripada parti UMNO tetapi selagi mana ia sebagai Timbalan Perdana Menteri, maka dia adalah Timbalan Perdana Menteri bukan hanya bagi orang UMNO juga bagi orang PAS dan bagi seluruh negara. *[Tepuk]*

Itu yang kita terkilan kerana bila layanan yang diberikan sebegitu rupa kepada Timbalan Perdana Menteri seolah-olah dia memberi satu gambaran yang tidak baik kepada masyarakat kita Malaysia. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, apakah pengalaman yang dilalui oleh Timbalan Perdana Menteri juga dilalui oleh pemimpin-pemimpin negara yang lain, yakni dari segi siasatan sebegitu rupa. Saya pernah ingat pada satu ketika Perdana Menteri Iran, Almarhum Ali Raja'e, semasa itu Iran telah diboikot oleh Amerika Syarikat, tetapi beliau telah diberikan laluan yang cukup baik semasa untuk berucap di Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu pada waktu itu.

Jadi saya hairan kenapa boleh jadi begini kita tidak buat *pre-emptive measure* dan saya fikir tidak cukup sekadar minta maaf mesti ada sebab musabab yang kerajaan kena kaji, kenapa sampai jadi begitu rupa. Itu pertama dan yang kedua, Yang Berhormat Menteri kena ingat bahawa oleh kerana marahnya kita kepada Al-Gore dahulu, kita kena ingat. Ini masih ingat tahun 2002 dahulu kita marah kepada Al-Gore kerana Al-Gore datang kepada negeri kita dan menyokong kumpulan-kumpulan tertentu sehinggakan bila Bush diisytiharkan menang secara tidak rasmi, riuh kawan-kawan kita menyokong tetapi mereka tidak sedar apa sudah Bush buat terhadap kita, menghina Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Sekarang kita hendak tanya Yang Berhormat Menteri cuba *check* lagi, sekarang ni saya ketidakpuasan hati sekarang ini saya minta maaf, supaya seluruh rakyat kita puas hati bahawa dia buat itu kerana alasan-alasan tertentu, minta penjelasan. Sekian.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya akan hantar Yang Berhormat Jeli untuk pergi ke Amerika.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih, habis parti macam mana?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yalah, kena tukar partilah *[Ketawa]* pasal macam ni sekarang tengah banyak tercemar. Saya hendak beritahu masa dan contoh Yang Berhormat tunjukkan ada dua contoh, satu tempat masuk dan keluar di lapangan terbang. Lagi satu Yang Berhormat cakap berkenaan layanan di Bangsa-Bangsa Bersatu, kita tidak mempunyai masalah terhadap layanan bila kita berucap di Bangsa-Bangsa Bersatu. Keduanya, Yang Berhormat mungkin tidak sedar bahawa negara Iran dan beberapa negara-negara Islam tertentu dianggap sebagai *high security risk*. Negara yang mempunyai risiko keselamatan tinggi. Oleh itu mereka di kawal rapi oleh pihak keselamatan Amerika.

Masa kejadian yang Rafsanjani saya fikir yang pergi ke sana belum adanya terjadi September 11, selepas terjadi September 11, kita tidak berpuas hati dengan keputusan mereka yang semata-mata memeriksa kita kerana kita menganggap pemeriksaan mereka lebih berbentuk *profiling*, semua negara-negara Islam diberikan layanan yang berbeza dengan negara-negara lain sehinggakan ada rakyat Malaysia yang diperiksa teruk di Amerika Syarikat semasa hendak Masuk kerana dia Subramanian a/l Narayanan kerana ada 'al' di situ maka anak lelaki diingatkan 'al' maka diperiksa ketat. Jadi ini adalah *psyche* mereka, kedudukan dan pemikiran mereka.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita pergi di *airport*, dia lebih ketat dia punya pemeriksaan kita dapat dikeluarkan bila masuk, masuk mudah, protokol

semua berjalan masa masuk. Bila hendak keluar dia punya protokol tidak dapat masuk dan duta dan orang-orang daripada kedutaan tidak dapat masuk ke ruang itu, itu memang tidak diizinkan. Keluar memang tidak ada masalah, masa tiba Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak mempunyai masalah untuk kita *clear*kan bila kita hendak keluar menjadi masalah oleh kerana bila keluar mereka periksa dengan rapi kerana mereka menganggap kalau ada lagi *missile* yang berbentuk kapal terbang awam ianya amat merbahaya sekali apabila kapal terbang mula-mula naik kerana minyaknya banyak.

Sebab itu masa tiba mereka kurang pemeriksaannya kerana *it is already* dengan izin minyaknya sudah dipakai sehingga kepada peringkat minimum tapi kerana minyak yang banyak kejadian September 11, mengingatkan mereka kepada risikonya. Jadi kita kena faham *psychology* mereka dan ketakutan mereka, mereka belanja berbilion-bilion sekarang. Segala tempat mereka melihat kepada kemungkinan ada penganas, jadi bercakap pun kalau kita duduk dekat kedai kopi, kita bercerita berkenaan dengan Osama bin Laden ataupun berkenaan dengan *terrorism* mereka akan tangkap kita.

Tidak ada hak asasi, tidak ada kebebasan, mereka akan tangkap dan akan soal dahulu untuk berpuas hati bahawa mereka ini bukanlah daripada kumpulan penganas. Itu suasana dan persekitaran mereka, jadi bukan hasil daripada kegagalan kita tetapi dari segi sikap yang mereka telah ambil pada masa ini. Jadi saya harap itu telah menjawab bagi persoalan saya, bagi Kuala Terengganu.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, saya ingin melanjutkan sedikit sahaja lagi dalam konteks apa yang berlaku kepada pemimpin-pemimpin negara kita di Amerika Syarikat tetapi sedarkah Yang Berhormat Menteri bahawa dalam sebulan yang lepas, *state department* Amerika Syarikat telah menyenaraikan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang dianggap sebagai *high security risk* ataupun sebagai '*one of the terrorist state*', selain daripada Iran, Iraq dan juga North Korea.

Jadi ini juga memberi kesan kepada apa yang berlaku dan juga imej kita sendiri dan berbalik kepada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dia menggunakan pasport diplomatik sudah tentu dan kebiasaannya pasport diplomatik ini mendapat laluan yang lebih mudah kalau kita pergi ke luar negara tetapi sebagaimana yang disebut oleh Kuala Kedah di kalangan ahli-ahli Parlimen kita. Di dalam keadaan tertentu kita menghadapi masalah dalam konteks bila tidak ada satu pengenalan diri bahawa kita sebagai seorang Ahli Parlimen dan kad pengenalan diri kita hanya dalam bahasa Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara ini sudah dibangkitkan.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Ya saya, saya hendak rujuk kepada *diplomatic pasport* ini....

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tidak payah...tidak usah cerita panjang-panjanglah...

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Ya, dalam konteks pemberian *diplomatic pasport* ini apakah kriteria-kriteria yang diberikan kerana setahu saya *diplomatic pasport* juga diberikan kepada orang-orang yang tertentu dalam kes yang khusus kepada Eric Chia

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:...hingga sekarang dia masih menggunakan *diplomatic pasport* walaupun terdapat terlalu banyak tuduhan-tuduhan.....

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Itu sudah terkeluar daripada topik ini....

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:.....terhadap beliau dalam kes *diplomatic pasport* ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini sudah terkeluar daripada topik yang kita bangkit....

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya hendak betulkan sebab itulah saya minta tadi dalam kita bercakap berkenaan Malaysia jangan kita membawa unsur negatif terhadap Malaysia, untuk membetulkan apa yang Yang Berhormat kata Malaysia tidak termasuk di dalam negara yang dipanggil *excess of evils* dengan izin, iaitu Iran, Iraq dan Korea Utara. Bila Yang Berhormat kata kita dimasukkan itu tidak tepat dan tidak betul, yang sebenarnya beberapa negara-negara Islam yang dikatakan mempunyai sel-sel dan kemungkinan ada operasi kumpulan-kumpulan pelampau ataupun kumpulan-kumpulan pengganas menjadi tempat dan sasaran mereka walaupun kita memberikan kerjasama yang baik.

Saya berjumpa dengan pihak Jabatan Negara Amerika dan mengatakan kekesalan kita dan sikap ketidakpuasan hati kita itulah cara diplomatik yang kita buat, dengan ini. *Diplomatic passport* untuk pengetahuan Yang Berhormat dia di bawah akta kita dan peraturan, ada sesiapa yang layak untuk diberikan pasport diplomatik, kalau Yang Berhormat hendak saya akan hantarkan senarai siapa yang layak untuk diberikan *diplomatic passport* mengikut akta yang ada supaya Yang Berhormat lebih faham.

Tetapi bagi mereka yang menjalankan syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kerajaan atau mempunyai kepentingan kerajaan kita mempunyai budi bicara untuk menyenangkan perjalanan orang itu supaya mereka diberikan *diplomatic passport*. Kalau ada masalah pada sesiapa Yang Berhormat tidak bersetuju untuk diberi *diplomatic passport* sebagai Ahli Parlimen Yang Berhormat boleh bawa kompelin dan kita akan tengok macam mana kedudukannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang ini menyentuh berkenaan dengan hubungan Malaysia dan Singapura. Perkara ini telah dibawa oleh Yang Berhormat daripada Shah Alam dan juga Yang Berhormat daripada Sri Gading, dalam rundingan kita berkenaan isu masalah air, biar saya jelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa di dalam rundingan kita. Kita sentiasa tegas dan mempertahankan hak dan kepentingan kita. Rasa hormat dan semangat kejiranan menjadi asas kepada masa yang lalu dan sekarang dalam usaha kita untuk mencapai persetujuan bagi membekalkan air kepada Singapura.

Namun bila tiba masanya untuk disemak kita tidak akan menggadaikan hak kita sebagai mana diperuntukkan oleh perjanjian 1961 dan 1962. Kita akan berunding dan jika gagal kita akan membawa perkara itu untuk diputuskan melalui *arbitration* ataupun kaedah timbang-tara, sebagaimana yang diperuntukkan di dalam perjanjian 1961 dan 1962. Bagi tujuan semakan harga air ini juga Kerajaan Negeri Johor telah diminta untuk menghantar notis kepada pihak Singapura dan mereka telah berbuat demikian pada 14 Ogos 2002.

Isu bekalan air ini telah menjadi tumpuan utama dalam rundingan yang pada mulanya dianggap sebagai rundingan berpakej di peringkat menteri yang diadakan di Singapura pada 2 dan 3 September, Malaysia berpendapat bahawa isu semakan harga air perlu diselesaikan dengan tidak mengaitkannya kepada isu-isu lain. Dalam hal ini Malaysia dan Singapura telah bersetuju untuk mengadakan satu rundingan di peringkat pegawai pada 16 dan 17 Oktober 2002 di Malaysia bagi hanya membincangkan isu semakan harga air yang kita jual kepada Singapura.

Kita tidak boleh menerima bahawa harga air 3 sen untuk 1000 gelen adalah sesuatu yang munasabah dan berpatutan. Hasil mesyuarat ini akan pula dikemukakan kepada mesyuarat di peringkat menteri yang akan diadakan pada tarikh yang sesuai di Malaysia. Apa yang paling penting ialah tindakan kita adalah berasaskan kepada undang-undang dan hak yang ada pada kita. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum air adalah milik kita, tanah juga adalah milik kita, ruang udara milik kita dan begitu juga wang simpanan adalah hak pekerja Malaysia dari Semenanjung. Oleh itu tuntutan Malaysia bukanlah sesuatu yang keterlaluan tetapi adalah munasabah.

Kerajaan akan tetap bertegas dalam mempertahankan pendirian negara semasa kita berunding dengan Singapura untuk mencapai kata sepakat dalam menentukan harga air dan menentukan bahawa hubungan dua hala Malaysia dan Singapura akan sentiasa baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Datuk, jawapan itu amat dihargai dan pendirian Kerajaan Malaysia itu amat dituntut oleh rakyat Malaysia terutama Johorlah. Perjanjian 1961 dan 1962 itu, sepatutnya disemak 25 tahun selepas itu pada tahun 1986 dan 1987. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Datuk Menteri Luar Negeri kita, apakah hasil perundingan kita pada 16, 17 Oktober ini minggu depan, kalau berhasil Singapura mengikut harga yang ditetapkan oleh Malaysia, maknanya tidak lagi 3 sen bagi 1000 gelen.

Apakah harga itu, akan dikira daripada tahun 1986 selepas 25 tahun kerana perjanjian itu menyatakan bahawa kita boleh duduk semeja untuk merundingkan harga yang seterusnya selepas 25 tahun perjanjian asal 1961 dan 1962, maknanya kita sepatutnya membuat harga baru pada tahun 1986 dan 1987. Jadi apakah harga baru ini? Kalau misalan, misalan 60 sen dipersetujui oleh Singapura daripada 2002 hingga 2007, perbezaan 57 sen itu, dikira daripada tahun 1986 bawa ke hari ini ataupun bagaimana, itu saya inginkan penjelasan?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat urutan sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat, pada mula-mula peringkat kita berunding di peringkat Menteri Kanan Singapura dan juga Perdana Menteri kita. Mereka telah meminta supaya harga air diubah kepada 30 sen sebagaimana kita jual ke Melaka. Kita tidak bersetuju kerana Melaka adalah sebahagian daripada negara di dalam Malaysia dan ia mempunyai elemen-elemen lain yang menyebabkan kita menawarkan 30 sen kepada Melaka, selepas itu mereka mengubah tawaran mereka kepada 45 sentiasa.

Kita tidak bersetuju juga pada 45 sen, selepas itu di dalam rundingan di peringkat awal, untuk mencapai kata sepakat kita telah mengubah satu pendekatan di mana kita menawarkan 60 sen untuk sehingga daripada tahun 2002 sehingga 2007, 60 sen selepas itu daripada 2007 sampai 2011, tamatnya perjanjian 1961. Kita akan meletakkan harga RM3 tapi perkara ini apabila kita berunding dengan Singapura di Kuala Lumpur mereka tidak menerima tawaran harga kita maka kita menganggap bahawa tawaran itu tidak lagi wujud. Kita bentangkan apa yang dikehendaki oleh Singapura iaitu apa-apa juga tawaran bagi harga air mestilah mengambil kira kos *alternatif water* ataupun air *Newater* yang mereka cakap dan mestilah *competitive, commercial* dan mengambil kira nilai wang sebagaimana terkandung di dalam perjanjian 1961 dan 1962. Dengan itu kita telah memberi tawaran yang baru dengan syarat-syarat yang baru.

Jadi oleh itu ianya akan dibincangkan hanya perkara itu dan saya tidak boleh sebutkan harganya lagi dan sama ada kita akan tunggalkan ataupun itupun juga membebaskan saya kalau saya membuat apa-apa kenyataan di sini. Kita akan rundingkan dan rundingan ini kita tidak mahu ia tidak mempunyai muktamadnya kerana 20 November 1961 punya perjanjian akan berakhir, 1961, 1962 punya perjanjian akan berakhir. Dan kita mahu Singapura menerima prinsip yang harga air kita layak untuk menyemak sebagaimana yang terkandung di dalam perjanjian.

Saya berasa bangga semalam di dalam perjumpaan Perdana Menteri kita dengan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong, Goh Chok Tong bersetuju bahawa kita mempunyai hak untuk menyemak yang sekarang perlu dibincangkan daripada segi untuk mendapat persetujuan kedua-dua belah pihak. Jadi, apabila habis perjanjian ini kita tidak akan menyambung perjanjian 2011 dan kita tidak akan menyambung perjanjian 2061, perjanjian 2062 itu. Kedua-dua perjanjian 2061 dan 2062 akan ditamatkan. Kalau mereka mahu air daripada Malaysia, kita boleh jual dengan harga yang komersial dan kompetitif berasaskan kepada bekalan air daripada Sungai Sedeli. Itu Tuan Yang di-Pertua, perkara berkenaan Singapura.

Berkenaan persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Kemaman...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: 'Kemamang'.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: 'Kemamang'. Berkenaan soal membangkitkan rekod hak asasi manusia di Malaysia kononnya telah dipersoalkan di mata dunia.

Biar saya jelaskan di sini bahawa kerajaan berpuas hati dengan amalan hak asasi, kebebasan dan demokrasi yang dilaksanakan di Malaysia. Ini jelas terbukti dengan adanya kebebasan politik yang aktif dan pilihan raya umum dan kecil yang dilaksanakan mengikut undang-undang Malaysia. Ada masa parti kerajaan kita menang dan ada masa kita tidak berjaya. Ini menunjukkan hak asasi, kebebasan dan demokrasi adalah subur hidup di negara kita Malaysia. Oleh itu, mana-mana pihak yang menuduh bahawa hak asasi dan kebebasan terhakis di Malaysia adalah satu pendapat yang melulu dan tuduhan yang liar.

Di masa yang sama kita tidak akan menggadaikan demokrasi dan kebebasan semata-mata untuk memenuhi hasrat mana-mana pihak dengan tidak mengambil kira kesannya. Apa yang penting ialah kita menjaga keselamatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia. Banyak negara yang menjadi juara demokratik mengikut amalan demokrasi dan bertindak tidak demokratik yang sebenar. Apa juga tindakan yang diambil oleh kerajaan adalah kepada pihak yang cuba melanggar undang-undang atau menimbulkan perasaan pelampau daripada segi agama ataupun kaum yang boleh menjejaskan keamanan negara ataupun mana-mana pihak yang menggunakan kekerasan untuk menjatuhkan kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kemaman bangun.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Okey, Kemamang. Saya hendak teruskan Tuan Yang di-Pertua, pasal....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ha, sila.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Benda ini sudah lambat Tuan Yang di-Pertua.

Hubungan Malaysia dengan Myanmar. Ini dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Shah Alam. Beliau telah menyatakan kekesalannya berhubung pendirian Junta Myanmar yang telah tidak memungkinan pertemuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan pemimpin Aung San Suu Kyi. Malaysia adalah sebuah negara yang menyokong bahawa Myanmar menjadi ahli ASEAN dan Myanmar diberikan peluang untuk berubah mengikut acuannya sendiri. Apabila Perdana Menteri membuat lawatan beliau menjadi tetamu kepada Myanmar.

Oleh itu kita berpandukan kepada bagaimana negara *host* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua membenarkan kita untuk berjumpa dengan sesiapa ataupun tidak. Perdana Menteri tidak meminta ataupun mengatakan beliau mahukan Kerajaan Myanmar membenarkan beliau mahu berjumpa sebagai pemimpin ASEAN yang dihormati tetapi kerajaan Myanmar menganggap bahawa oleh kerana mereka sedang mengadakan perundingan, perkara itu mereka menganggap tidak sesuai.

Oleh itu kita menghormati kehendak kerajaan Myanmar. Begitu juga apabila Perdana Menteri meminta supaya saya bertemu dengan Aung San Suu Kyi begitu juga mereka telah membuat pendekatan yang sama. Kita masih lagi memberi bantuan dan pertolongan kepada Myanmar dan akan bekerjasama dengan Myanmar untuk menjadi sebuah negara yang maju dan berjaya di dalam ASEAN. Kita menganggap erhubungan dua hala kita secara keseluruhannya adalah baik.

Yang Berhormat bagi Shah Alam juga telah menimbulkan soal Amien Rais dan undang-undang imigrasi berkenaan dengan soal pendatang tanpa izin. Ingin saya jelaskan di sini, apa juga tindakan yang kita ambil adalah tindakan yang bersesuaian dengan undang-undang Malaysia dan kepentingan Malaysia. Kita bukan tidak membenarkan rakyat asing datang, kita hendak mereka datang ke Malaysia dengan menggunakan saluran yang sah dan betul supaya mereka dapat diberikan perlindungan mengikut undang-undang negara kita.

Dari segi perhubungan dua hala Malaysia-Indonesia, Malaysia-Filipina, tindakan kita tidak menjejaskan perhubungan dua hala kita walaupun ada pemimpin-pemimpin politik seperti Amien Rais dan di Filipina golongan-golongan tertentu, golongan media yang cuba mengapi-apikan dan membawa kepada keadaan yang tidak baik daripada segi perhubungan dua hala negara kita dan negara mereka. Tetapi *alhamdulillah* setakat ini kita telah mengambil tindakan yang wajar, bijaksana dan waras dan yang tidak akan mendatangkan kesusahan daripada segi perhubungan negara kita, Indonesia dan juga Filipina.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Beluran dan juga Yang Berhormat bagi Tuaran menimbulkan soal kedaulatan negara kita di Sabah dan tuntutan negara luar terhadap Malaysia. Kepada Malaysia, tuntutan Sabah bukan sesuatu yang boleh dibuka atau dipersoalkan lagi. Kedaulatan Malaysia dengan wilayah-wilayahnya tidak akan menjadikan satu isu untuk dibincangkan atau dibawa ke mana-mana forum bagi tujuan mendapatkan apa-apa keputusan kerana kita menganggap Sabah dan ini diiktiraf oleh Bangsa-Bangsa Bersatu adalah sebahagian daripada wilayah Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh berkenaan soal Palestin bersabit dengan soal Baitulmuqaddis. Ini berkenaan dengan undang-undang yang telah diluluskan oleh Amerika Syarikat baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kongres Amerika Syarikat telah meluluskan rang undang-undang yang akan mengubah polisi Amerika Syarikat mengenai status Jerusalem, pada 25 September 2002. Undang-undang ini dipanggilkan dengan izin, State Department Authorization Bill, HR 1646. Presiden Bush telah menandatangani rang undang-undang tersebut dan menjadikannya Foreign Relation Authorization Act for 2003, dengan izin. Antara lain ia menggesa agar Kedutaan Amerika Syarikat yang terletak di Tel Aviv dipindahkan ke Jerusalem. Akta tersebut juga membenarkan peruntukan perbelanjaan yang berjumlah USD4 bilion diluluskan bagi kegunaan jabatan negaranya iaitu dengan izin, State Department.

Jurucakap pentadbiran Amerika Syarikat telah menegaskan bahawa bahasa yang digunakan oleh Kongres mencerminkan pendirian Kongres yang tidak akan mengikat polisi luar dan juga tidak berlandaskan perlembagaan negaranya. Jurucakapnya juga menegaskan bahawa Presiden Bush telah menandatangani rang undang-undang tersebut untuk membolehkan jabatan negaranya beroperasi dalam menguruskan hal ehwal luar negeri Amerika Syarikat.

Pihak pentadbiran Amerika juga sedang berusaha untuk meyakinkan negara-negara sekutunya, negara-negara Arab bahawa polisi Amerika Syarikat mengenai Jerusalem masih tidak berubah.

Polisi Amerika mengenai Jerusalem ialah statusnya mesti ditentukan melalui perundingan di antara pihak-pihak yang berkepentingan dan apa-apa langkah yang dilakukan secara unilateral oleh mana-mana kerajaan untuk menentukan masa depan bandar suci tersebut adalah tidak akan dapat diterima sama sekali. Setakat ini Amerika Syarikat dan juga negara-negara lain yang mengadakan hubungan diplomatik dengan rejim Israel telah menempatkan kedutaan mereka di Tel Aviv.

Walau bagaimanapun kita menganggap penggubalan akta ini oleh kongres telah sekali lagi menyemarakkan perasaan marah dunia Arab dan Islam yang melihat Amerika Syarikat sebagai penghalang kepada usaha-usaha pendamaian Israel-Palestin. Penggubalan akta tersebut bermula di peringkat House International Relation Committee atau HIRC dengan izin, dan Senate Foreign Relation Committee atau SFRC pada 18 September 2002.

Satu sidang jawatankuasa di antara HIRC dan SFRC telah diadakan dan menyebabkan beberapa perkara seperti Konsulat Amerika di Jerusalem akan beroperasi di bawah kawalan kedutaan Amerika Syarikat di Tel Aviv. Sebelum ini, Washington yang mengawal operasinya. Dokumen-dokumen rasmi Amerika yang menyebut tentang Israel mesti meletakkan Jerusalem sebagai ibu negara Israel dan tiga warga negara Amerika yang dilahirkan di Jerusalem boleh merekodkan di dalam mana-mana dokumen rasmi bahawa mereka dilahirkan di Israel. Perkara-perkara ini telah ditambah sebagai kompromi.

Peruntukan yang telah ditambah ini tidak langsung dibahaskan di peringkat jawatankuasa-jawatankuasa tersebut.

Status Jerusalem merupakan perkara yang paling sensitif dalam konflik Arab-Israel dan dunia Islam. Kongres Amerika Syarikat pula telah bertahun-tahun mencuba untuk mendesak pihak pentadbiran Amerika supaya memindahkan kedutaannya di Jerusalem. Meskipun rang undang-undang yang terdahulu mempunyai klausa atau *wavers* yang boleh membenarkan Presiden Amerika membuat keputusannya sendiri demi kepentingan dasar-dasar Amerika.

Pendirian Malaysia ialah, mengenai Palestin dan khususnya status Jerusalem masih tidak berubah dan berlandaskan kepada resolusi-resolusi PBB, OIC dan organisasi-organisasi yang berpihak kepada Palestin. Malaysia juga menyokong kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Setiausaha Agung OIC yang menyelar keputusan yang dibuat oleh Kongres Amerika...

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kubang Kerian bagun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri Luar. Pertama kita mengucapkan syukur kerana Presiden Bush akhirnya terpaksa mengeluarkan satu kenyataan bagi menenteramkan dunia bahawa penandatanganan akta yang baru tersebut tidak menukar polisi pentadbiran Amerika yang lalu bahawa Jerusalem adalah satu ibu kota atau satu bandar yang dipertikaikan dan tidak diiktiraf sebagai ibu kota orang-orang Yahudi ataupun Israel.

Itu adalah satu kejayaan kita. Walaupun usul yang saya bawa tidak sempat dibahaskan tetapi apabila Yang Berhormat telah memberikan satu kenyataan *government will beg the opposition motion* tetapi malangnya oleh kerana sebab-sebab yang di luar kawalan kita usul ini tidak dapat dibahaskan walaupun Parlimen Lebanon yang dikuasai oleh majoriti ahli-ahli Parlimen Kristian telah bersidang dengan segera dan telah meluluskan usul yang sama tetapi kita tidak mampu meluluskan usul tersebut. Tetapi respons yang segera daripada seluruh negara di dunia ini telah menyebabkan pentadbiran Bush mengeluarkan satu kenyataan.

Walau bagaimanapun, saya berharap kerajaan tidak mudah dikelirukan oleh sandiwara ini kerana apa yang dinyatakan sebagai satu kenyataan oleh White House ataupun Jabatan Negara bertentangan dengan kandungan seperti yang dibaca oleh Yang Berhormat tadi. Kandungannya ada tiga perkara mandatori yang dikenakan dalam rang undang-undang ini

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Persoalannya apa?

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya nampak Yang Berhormat sudah mula hendak terpengaruh dengan Amerika dan soalnya begini, nanti saya cakap sikit saya beri soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak payahlah. Soalan, soal masalah, masa.

Tuan Husam bin Haji Musa: Soalnya ialah Yang Berhormat telah nyatakan untuk menghantar satu nota bantahan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Untuk minta penjelasan tidak payah beri penjelasanlah.

Tuan Husam bin Haji Musa: ..satu nota bantahan kepada Kedutaan Amerika. Kalau berdasarkan penjelasan Yang Berhormat tadi nampaknya nota bantahan itu tidak akan dihantar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Nanti dulu tidak habis lagi.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Cukuplah. Itu saya boleh jelaskan. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak apa, ini isu penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri fahamlah. Yang Berhormat Menteri faham.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ini isu penting. Apa salahnya? Ini Amerika dok tengok kita, Tel Aviv tengok kita. Kalau kita bincang sikit apa salahnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat selalu tidak mahu ikut apa yang diminta oleh Speaker. Sila duduk, sila duduk. Baik, baik, baik. Duduk.

Tuan Husam bin Haji Musa: Bukan. Saya merayu kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak hendak kena hukum tiga hari. *[Ketawa]*

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kalau kita hormat hukum baik, kalau kita tidak hormat hukum masalah.

Sebab itu saya hanya bertujuan oleh kerana Yang Berhormat membangkitkan persoalan itu kepada saya, saya hanya memberikan senarionya. Saya selepas itu meletakkan pendirian Malaysia. Kita tidak akan menerima dan kita menganggap pendekatan yang dibuat oleh Kongres Amerika melalui 1646 ini adalah sesuatu yang merbahaya. Mula dia masuk dan akhirnya ia akan menjadi satu kenyataan sebab itu kita membuat..., saya berharap Parlimen kita akan menyokong kenyataan kita yang mengatakan kita membantah tindakan yang menguatkan Seksyen 214 di dalam itu yang memuatkan berkenaan soal Jerusalem.

Kita tidak perlu mengambil sikap kepartian atau untuk mengatakan saya terpengaruh dengan Amerika. Saya mempunyai tugas untuk menjelaskan dan saya melaksanakan penjelasan itu supaya di dalam kita membincangkan hal itu kita jelas dan nyata tanpa kita membawa apa-apa sorotan yang cuba membawa pandangan yang sinis terhadap kejujuran dan keikhlasan kerajaan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua,..... *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah!

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:.... pendirian Malaysia adalah tegas dengan menyokong sepenuhnya pelaksanaan menyeluruh resolusi-resolusi Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu yang meminta agar Israel keluar dari Wilayah Palestin dan keseluruhan Tanah Arab yang ditakluki semasa perang 1967.

Malaysia akan terus menggesa Israel supaya mematuhi ketetapan Resolusi 242, 338 dan 425. PBB berdasarkan prinsip penyerahan wilayah untuk perdamaian bagi menubuhkan negara Palestin yang merdeka dengan "Huth Ashari" Jerusalem Timur sebagai ibu negara Palestin di samping penyelesaian masalah pelarian. Malaysia akan terus mengutuk sekeras-sekerasnya pencabulan hak asasi manusia yang dilakukan oleh Israel ke atas rakyat Palestin di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza. Oleh itu, saya berharap Ahli-ahli Parlimen kita akan memberi sokongan yang kita berharap pihak Amerika bukan sahaja membuat kenyataan, tetapi akan mengeluarkan seksyen 214 bersabit dengan soal Jerusalem daripada undang-undang yang mereka telah luluskan, yang telah ditandatangani oleh Presiden.

Jadi untuk akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh persoalan berkenaan dengan Mesyuarat Asia-Eropah yang dihadiri oleh Perdana Menteri kita. Mesyuarat ini telah mendapatkan banyak hasil dan Perdana Menteri kita telah mengambil bahagian dengan begitu aktif dan memberikan pendapat-pendapat yang diguna pakai oleh pemimpin-pemimpin lain, dan akhirnya kita bersetuju supaya di mesyuarat peringkat sidang kemuncak itu untuk mengadakan hubungan yang lebih rapat di antara negara-negara Asia dan Eropah. Negara Asia dan Eropah perlu menjalinkan kerjasama bagi melahirkan kesefahaman dan mengelakkan daripada pertembungan tamadun berlaku di dalam keadaan dunia yang berhadapan dengan masalah dan konflik pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, segala pandangan, persoalan dan permintaan untuk penjelasan telah kita catat dan ada perkara yang telah kita sentuh dan ada perkara yang mungkin saya telah tertinggal. Walau bagaimanapun apa juga yang telah disentuh akan diambil catatan oleh pegawai-pegawai dan kita akan memberikan perhatian yang sewajarnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang saya jemput Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, sila.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

12.32 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2003 terutama kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong, Lanang dan Tebrau kerana telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2003.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju sepenuhnya dengan saranan Yang Berhormat Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad supaya setiap rakyat perlu memahami undang-undang negara untuk mengetahui hak-hak mereka dan juga peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi. Mengenai Undang-undang Harta Intelek, pihak kementerian telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan seminar dari semasa ke semasa untuk memberi kefahaman kepada mereka yang berkenaan.

Seminar-seminar ini dianjurkan sendiri oleh kementerian dan juga dengan kerjasama persatuan-persatuan tertentu termasuk persatuan-persatuan yang mewakili para artis. Undang-undang Harta Intelek negara kita adalah setanding dengan undang-undang negara lain dan mematuhi kehendak perjanjian antarabangsa termasuk Perjanjian Trips iaitu Trade Related Aspects of Intellectual Property Rights yang ditadbirkan oleh WTO, World Trade Organization iaitu Pertubuhan Perdagangan Dunia. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Lanang pula membangkitkan harga minyak yang tidak stabil dan mencadangkan agar *benchmark* minyak diesel diadakan pada tahap 70 sen seliter.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, harga minyak yang dikawal oleh kerajaan adalah minyak diesel untuk kegunaan domestik. Ini adalah minyak diesel yang dijual di stesen-stesen minyak sahaja. Harga minyak diesel ini dikira mengikut formula *automatic pricing mechanism* yang mana kos produk itu berdasarkan harga mengikut *Singapore Posting*, manakala harga minyak diesel komersial yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Lanang pula dikira berdasarkan kepada MOPS iaitu "*MEANS OF PLATTS*". Kerajaan tidak pernah mengawal harga minyak diesel komersial.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sewaktu di luar ada disebut mengenai kepenggunaan, *consumerism*. Sebenarnya saya mencadangkan baru-baru ini, bahawa di dalam hal *consumerism* di zaman k-ekonomi dan *e-commerce* apa yang perlu difahamkan bukan sahaja mengenai *Intellectual Property Right* ataupun Hak Harta Intelek, tetapi banyak lagi perkara yang perlu dijelaskan. Umpamanya adalah mengenai perlindungan data di mana Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia belum lagi menyetujui undang-undang ini, tetapi soal ini adalah soal yang akan membabitkan secara langsung kepada pengguna.

Pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, berapa banyak ceramah ataupun seminar mengenai kepenggunaan di zaman k-ekonomi yang telah pun dilaksanakan oleh pihak kementerian.

Saya bertanya soal ini Tuan Yang di-Pertua kerana untuk mewujudkan keyakinan para pengguna kepada perkhidmatan *Internet-based* ataupun perkhidmatan berasas Internet. Kita harus memberikan mereka pengetahuan mengenai undang-undangnya. Kalau tidak, mereka sama ada akan tertipu, sama ada mereka akan menjadi mangsa pengusaha *Internet services* yang tidak beretika ataupun akan menjadi mangsa kepada pengusaha-pengusaha yang tidak berprinsip. Saya ingin mendapat penjelasan. Terima kasih.

Tuan Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Yang Berhormat maksudkan iaitu e-dagang atau k-ekonomi yang sentiasa didagang melalui Internet. E-dagang ini dikawal selia bukan sahaja oleh kementerian saya tetapi juga oleh Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia. Berkenaan dengan e-dagang ini, syarikat-syarikat yang tidak ditubuhkan di negara kita, kita tidak ada kuasa untuk mengawal selia mereka. Sebab itu kementerian saya selalu menasihatkan mereka jangan ada sebarang hubung kait khususnya iaitu berniaga dengan mereka ataupun berdagang dengan mereka kalau latar belakang syarikat-syarikat itu mereka tidak begitu jelas.

Buat masa ini, tidak ada satu undang-undang keseluruhannya di dunia ini untuk mengawal selia perdagangan e-dagang. Sebab itulah kita selalu menasihatkan mereka supaya berhati-hati berkenaan dengan e-dagang.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya faham Tuan Yang di-Pertua apa yang dimaksudkan. Kita mengambil contoh, apabila berlaku satu kekecohan mengenai kecurian wang daripada mesin ATM yang disediakan oleh bank-bank tempatan di negara ini, maka kelihatannya bank-bank tempatan seolah-olah tidak mengambil kira perkongsian *liabilities*, perkongsian masalah. Mereka menyerahkan masalah itu semata-mata kepada pengguna ATM.

Dikatakan kalau kita gunakan ATM kita ambil risiko kita sendiri, ini tidak betul. Kalau pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna boleh menjelaskan implikasi penggunaan *electronic services* umpamanya, kepada pengguna, usaha itu boleh menimbulkan kesedaran dan boleh menuntut kewujudan satu undang-undang yang lebih seimbang, yang perlu diwujudkan oleh pihak bank atau umpamanya menerusi peruntukan-peruntukan baru di dalam BAFIA.

Saya menjelaskan perkara ini Tuan Yang di-Pertua kerana kita tidak mahu pengguna di zaman ini akan menjadi mangsa kepada dengan izin, *ignorance* kepada *the emergence of new technology laws*. Perkara ini saya minta diambil kira secara serius kerana itulah masa depan kita. Kita tidak mengundur.

Tetapi kita melangkah ke depan, dan masa depan itu menuntut kita memahami undang-undang yang ditimbulkan oleh kehadiran teknologi baru. Jadi, adakah pihak kementerian akan mengambil inisiatif ke arah perkara ini. Terima kasih.

Tuan Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, contoh yang diberikan ialah berkenaan dengan ATM. Memang pengawalseliaan ada, sistem ada, cuma kelemahan manusia itu – mereka ada sistem tetapi kalau *system failure*, iaitu tidak ada sistem yang kukuh untuk melindungi pengguna-pengguna, maka kita mesti kaji sistem itu.

Tetapi sistem ada – *pin number* ada, semua ada, dan pengguna pun berwaspada bila mereka menggunakan kemudahan ATM itu. Yang selalu berlaku penipuan, iaitu ada orang di dalam organisasi itu berpakat dengan orang-orang di luar. Sentiasa ada kes-kes semacam ini, dan saya difahamkan juga, mereka yang terlibat dalam kes-kes penipuan itu seramai dua-tiga orang pegawai bank, telah ditangkap dan ditahan untuk siasatan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu *Automated Teller Machine* (ATM) telah wujud dalam negara lebih kurang 15-20 tahun yang lalu. Ini bermakna mereka menggunakan teknologi yang lama. Kemunculan teknologi yang baru memudahkan untuk mesin ini diganggu-gugat. Ini bermakna mesin ATM boleh *hacked* dan sebagainya. Ini juga bermakna, dengan izin, *the new technologies enable* orang-orang jahat *to encroach into the technologies*. Jadi kita tidak boleh menyalahkan pihak pengguna kalau pihak bank tidak menukar teknologi itu.

Saya tidak tahu sama ada di bawah tanggungjawab kementerian ini atau tanggungjawab siapa. Seharusnya apabila berlaku perkara semacam ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna seharusnya mendesak supaya pihak bank mewujudkan satu *teller machine* yang menggunakan teknologi yang *up-to-date*. Ini teknologi 20 tahun, dibandingkan dengan *availability*, teknologi baru yang boleh masuk ke teknologi tersebut. Ini tidak adil kepada pengguna. Adakah ini keadilan? Tidakkah ini jatuh kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna?

Yang keduanya, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan mengenai *intellectual property rights*. Baru-baru ini saya membaca dalam surat khabar ada artis-artis yang masih lagi tidak faham apa itu *intellectual property*, apa itu hak pemilik *intellectual property*. Jadi, adakah perkara ini telah dilaksanakan oleh kementerian untuk dijelaskan kepada mereka. Selagi perkara ini tidak dijelaskan kepada mereka, mereka teraba-raba.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, baiklah. Cukup.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Jadi saya hendak tanya, Tuan Yang di-Pertua, dalam soal pengguna ini, kita semua termasuk Tuan Yang di-Pertua sendiri pun mungkin belum tahu bahawa ATM itu berumur 20 tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya faham atau tidak faham, tidak payah beri tahu, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Jadi, saya hendak minta penjelasan mengenai perkara ini. Kalau belum ada, saya harap pihak kementerian laksanakanlah perkara ini. Jelaskan apa itu *intellectual property rights*, apa dia *copyright*, jelaskan kepada pengguna – banyak yang tertipu, dan juga rakyat kita yang terdiri daripada pencipta-pencipta, akan berhadapan dengan masalah ini. Jadi minta perkara ini diambil dengan serius. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan Wong Kam Hoong: Terima kasih atas pandangan dan saranan Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Itu hak cipta, iaitu satu bidang yang sudah lama wujud di negara Barat tetapi di negara kita ini, karyawan kita dan sebagainya barulah mereka sedar dengan hak-hak mereka, dan kementerian saya akan menjalankan lebih banyak lagi kursus-kursus atau seminar-seminar berkenaan dengan hak-hak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun harganya tidak dikawal, tetapi ...

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya hendak tanya banyak lagikah Yang Berhormat. Boleh habis sebelum pukul 1.00?

Tuan Wong Kam Hoong: Boleh habis kalau tidak banyak penjelasan yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu terpulang kepada Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, masih lagi tentang ilmu kepenggunaan (*consumerism*), dan saya hendak pergi kepada peringkat yang lebih praktikal yang melibatkan sebahagian besar daripada penduduk negara ini. Pertama ialah tentang masalah tanda "Halal". Saya merasakan paling tidak seronok di Malaysia sebagai negara Islam dan sebahagian besar penduduknya negara Islam menghadapi dilema. Kalau pergi ke pasar malam, kalau pergi ke *supermarket*, dilema memilih di mana barang yang halal, di mana barang yang tidak halal.

Pertama sekali, barang-barang yang disenaraikan dan diletakkan di tempat-tempat letakan, di ruang-ruang letakan, di tempat-tempat makanan, terutamanya makanan-makanan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tidak, tidak. Ini kepenggunaan, idea kepenggunaan. Bukan hanya tentang itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Belum sampai ke perkara ini. Yang Berhormat, saya pun faham juga, bila kita hendak minta penjelasan, penjelasan itu memang tentu ada berkaitan dengan perkara yang sedang dijawab atau diucap oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tetapi sebelum dia pergi ke perkara itu, saya ingat dia akan pergi ke tajuk yang lain, tetapi saya hendak sebut tentang kepenggunaan (*consumerism*). Yang dikaitkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong tadi pun masih tentang kepenggunaan tetapi dalam konteks yang lain. Tetapi ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apabila dia sebut sampai ke tajuk itu, mungkin Yang Berhormat boleh bangkitkan.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Adakah tajuk tentang soal halal dan haram nanti dalam jawapan? Tidak ada lagi? [*Menujukan pertanyaan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen*]

Tuan Wong Kam Hoong: [*Menggelengkan kepala*]

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tidak ada. Jadi saya pun sudah tahu tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak, mungkin ini kerana tidak ada soalan. Perkara ini tidak pernah dibangkitkan semasa Ahli-ahli Yang Berhormat memberikan ucapan.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tetapi tidak ada masalahnya kita hendak timbulkan, sebab ini penggolongan dibuat oleh kementerian. Dalam bajet yang begitu lama dibincangkan - dua minggu begitu, bukan semuanya dapat dibincangkan waktu kita berbincang. Saya sendiri hari itu pun diberikan peluang hanya setengah jam sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Cuma ringkaskan kerana untuk makluman, kita ada lagi selain daripada kementerian ini, ada lagi 12 kementerian.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya minta kebenaran Tuan Yang di-Pertua, sebab benda ini penting, sedikit sahaja. Saya minta kebenaran. Khusus kebenaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Okey, mengenai tanda halal tadi, sehingga ini pun kita tidak dapat kepastian. Memanglah banyak agensi, JAKIM, Jabatan Agama dan sebagainya, juga termasuk dalamnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Sehingga kini pun kita tidak jelas sebenarnya dan ragu-ragu. Bahkan bila kita pergi ke *supermarket* misalnya, kita selalu ditemani oleh anak-anak dan menemani anak-anak, kalau-kalau mereka tersalah pilih, sebab sebahagian daripada bahan-bahan itu, Tuan Yang di-Pertua, dilonggokkan sama sahaja antara yang halal dengan yang tidak halal.

Nombor dua, sedikit sahaja saya hendak kaitkan, perkara ini ada keluar dalam surat khabar – hari ini pun rasanya keluar, tentang ayam yang dibekalkan di pasar Kuantan misalnya, ayam yang dijual oleh orang Islam tetapi pembekalnya bukan orang Islam, dan kebanyakan pengguna merasa ragu dengan status ayam itu sama ada ayam itu termasuk dalam kumpulan ayam yang halal ataupun tidak halal dimakan. Memanglah benda ini barangkali kecil tetapi bagi sebahagian besar daripada kita ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah, cukup. ...

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: ...bagi semua orang Islam, benda ini sangat besar, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:sebab tadi apa yang dibangkitkan masalah berkaitan dengan apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong - tidak berkaitan dengan ayam, dengan barang-barang di pasar. Jadi cukuplah.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Betul, betul, tetapi dalam konteks *consumerism*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik. Cukup. Sila, Yang Berhormat.

Tuan Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat, yang begitu prihatin terhadap kepenggunaan, iaitu yang banyak dibangkitkan. Saya hendak menjawab berkenaan yang halal dan yang tidak halal. Memang ada peraturan-peraturan yang dikenakan. Kalau benda-benda atau barang-barang ditandakan sebagai 'Halal', kalau mereka melanggar peraturan-peraturan, mereka dikenakan denda.

Ada peraturan untuk melindungi pengguna-pengguna Islam. Dan juga ayam yang disembelih, banyak yang disembelih mengikut cara Islam. Cuma yang mereka beli daripada gerai-gerai yang masih *live chicken*, ia bergantung kepada perkara itu – kalau dia Muslim atau tidak Muslim. Pengguna tahu, atau pembeli itu tahu ayam itu disembelih mengikut cara Islam atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, harga minyak diesel komersial bergantung pada harga minyak di pasaran dunia. Jikalau harga minyak pasaran dunia naik, maka harga yang dijual pun meningkat. Jika dilihat dua, tiga tahun yang lepas didapati bahawa harga minyak diesel komersial adalah lebih rendah daripada harga minyak diesel yang dijual di stesen-stesen minyak. Malahan kadang-kadang didapati harganya berbeza di antara 30 sen hingga 40 sen se liter.

Dalam dua, tiga bulan ini memangnya harga minyak komersial adalah lebih tinggi disebabkan oleh spekulasi akan berlakunya serangan Amerika Syarikat terhadap negara Iraq. Ini menyebabkan harga melambung naik. Walaupun harga petrol dan diesel untuk pengguna biasa telah naik sedikit, kerajaan masih menanggung pembiayaan subsidi yang besar.

Sebagai contoh, dalam tempoh Oktober 2000 hingga Oktober 2001, jumlah duti import yang sepatutnya dikutip oleh kerajaan sebagai sumber pendapatan daripada pengimportan produk petroleum ialah sebanyak RM5,620.7 juta. Walau bagaimanapun, untuk mengekalkan harga runcit barangan petroleum, kerajaan telah memberi pengecualian cukai lebih kurang RM4,461.8 juta, sementara itu bagi tahun 2001, subsidi yang diberikan untuk produk diesel dan LPG adalah berjumlah lebih kurang RM2,300.4 juta.

Dalam hal mengenai petroleum ini, suka saya memaklumkan kepada ahli-ahli Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan telah melaksanakan sistem mekanisme harga automatik iaitu *automatic price mechanism* sejak tahun 1983. Kerajaan bukanlah menghapuskan sama sekali subsidi dan pengecualian cukai yang diberikan. Kalangan industri diharap akan memahami langkah kerajaan menurunkan kadar pemberian subsidi. Mereka perlulah berusaha untuk menjimatkan kos pengeluaran industri masing-masing dengan cara menggunakan kaedah-kaedah atau pendekatan yang lebih efisien.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Tebrau seperti pembukaan gedung-pedung perniagaan besar seperti Giant, Makro, Carrefour dan lain-lain dihadkan bagi mengelakkan peniaga-peniaga kecil kehilangan mata pencarian. Suka saya maklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian saya pada 10 Mei tahun ini telah menerbitkan garis panduan khusus mengenai pembukaan *hypermarket* untuk dipatuhi oleh semua pihak.

Antara syarat yang mesti dibuat sebelum kelulusan pembukaan *hypermarket* ialah keperluan melaksanakan kajian impak untuk mengukur kesan kewujudan *hypermarket* berkenaan kepada peniaga-peniaga sekelilingnya. Kita akan hanya meluluskan

pembukaan *hypermarket* di satu-satu tempat sekiranya ia tidak menjejaskan peniaga-peniaga tempatan.

Akhir kata saya sekali lagi mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ke atas Belanjawan Negara 2003.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Yang Berhormat bagi Tebrau bangun.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih Yang Berhormat, sikit sahaja. Bahagian *hypermarket* yang disyaratkan, okeylah. Tempat saya sudah terlepas saya ingat, terlampau rapat dan besar dia punya projek gedung-gedung perniagaan ini. Cuma satu dari segi penjualan barang di dalam *hypermarket*, ada atau tidak dikenakan syarat? Sekarang ini *hypermarket* ini ia jual tidak kawallah, semua boleh apa yang hendak dijual ia boleh jual.

Tidak bolehkah *hypermarket* dikhususkan perniagaan tertentu yang agak ada peniaga kecil meniaga itu kita jangan jual di situ. Kadang di kampung ada dijual sayur tetapi di *hypermarket* pun banyak. Jadi peniaga-peniaga kecil ini, saya pun kesian tengok. Tidak tahulah kalau ada sikit disyaratkan kepada *hypermarket* yang ditubuhkan, jenis-jenis barang, ini sekarang tidak kira apa semua ada, sampai cuci kereta, tukar tayar, semua ada di kawasan tersebut.

Yang ini boleh dapat penjelasan sedikit.

Tuan Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat, sebab itulah kementerian mengenakan syarat-syarat tertentu ke atas mereka yang ingin membuka *hypermarket*. Buat masa ini *supermarket* dan *hypermarket*, mereka mesti mengambil bekalan daripada peniaga-peniaga kecil khususnya peniaga-peniaga bumiputera dan juga peniaga-peniaga tradisional untuk bekalan mereka. Itu untuk melindungi peniaga-peniaga tempatan. Kementerian pun rasa kalau pembukaan *hypermarket* dibuka dengan berleluasa, mereka akan menghimpit peniaga-peniaga tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, ya, saya sambung ya – dan memberi pandangan serta cadangan ke atas perkara-perkara di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna. Bagi perkara-perkara yang secara tidak sengaja, tidak diberikan jawapan sewajarnya di Dewan yang mulia ini, sukacita saya memaklumkan bahawa perkara-perkara yang berkaitan itu akan diambil perhatian oleh kementerian ini.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen daripada Kementerian Kesihatan.

Kementerian Kesihatan

12.56 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan mengucapkan terima kasih ke atas pandangan dan teguran perihal kesihatan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Marang, Permatang Pauh, Wangsa Maju, Rasah, Seputeh, Kampar, Sri Gading, Pokok Sena, Gelang Patah, Petaling Jaya Utara dan Kuala Selangor sewaktu membahaskan Belanjawan 2003.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Marang, Permatang Pauh dan Wangsa Maju telah membangkitkan kes demam denggi di Kuala Selangor. Untuk makluman, Ahli-ahli Yang Berhormat, kenaikan kes demam denggi bukan sahaja berlaku di negeri Selangor tetapi juga di negeri-negeri lain.

Sehingga 21 September 2002, negeri Selangor telah melaporkan kenaikan kes sebanyak 42.8% berbanding dengan tempoh masa yang sama dalam tahun 2001. Kadar pertambahan kes denggi bagi seluruh negara ialah sebanyak 1,834 kes atau 36.3%. Kenaikan kes demam denggi tidak sepatutnya dikaitkan dengan Hospital Selayang, Hospital Putrajaya ataupun hospital swasta yang canggih di negeri Selangor. Ini kerana kecanggihan tidak akan membawa apa-apa perubahan sekiranya tabiat orang ramai yang menyumbang kepada peningkatan tempat pembiakan nyamuk aedes tidak berubah.

Sebagai contoh peningkatan kes demam denggi ada hubung kait dengan pelaksanaan pembangunan sesebuah negeri terutama kawasan bandar. Ini adalah kerana semasa pembangunan wujudlah tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes di tapak pembinaan. Sikap pemaju yang tidak menghiraukan kewujudan tempat-tempat ini akan menyebabkan kepadatan nyamuk aedes yang tinggi dan boleh menyebabkan berlaku wabak denggi. Pembangunan Negeri Selangor sejak kebelakangan ini telah menyumbang kepada pertambahan kes demam denggi jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain.

Walau bagaimana pun, Kementerian Kesihatan memantau keadaan penyakit ini secara berterusan bersama-sama dengan lain-lain agensi dan berusaha meningkatkan tindakan kawalan

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Parit Buntar.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya terpenggil sebenarnya untuk juga membincangkan sedikit tentang penyakit, kes denggi ini. Laporan daripada audit untuk tahun 2001 menyebut bahawa salah satu daripada sebab penyakit ini bertambah terutamanya denggi ialah kerana kegagalan pegawai perubatan lewat memberi notifikasi terhadap sesuatu kejadian menyebabkan pejabat kesihatan daerah tidak dapat memantau kejadian-kejadian tersebut dan mengambil tindakan yang sepatutnya diambil untuk melakukan dan mencegah berlakunya kes denggi.

Audit ini mencadangkan seperti ditubuhkan unit penyelarasan di peringkat kementerian, negeri dan daerah untuk menyelaraskan perancangan dan pelaksanaan aktiviti pencegahan penyakit berjangkit dengan lebih berkesan. Yang saya hendak tahu Yang Berhormat, sudahkah kementerian menubuhkan unit penyelarasan sebagaimana yang dicadangkan oleh Laporan Audit Negara ini. Terima kasih.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun mengambil maklum tentang apa yang dicadangkan oleh laporan audit tersebut. Memang di tiap-tiap negeri dan juga daerah kita memang sudah ada satu unit yang bergerak khususnya untuk penyakit-penyakit berjangkit yang merbahaya seperti ini.

Tetapi apa yang dimaksudkan dalam laporan ini sebenar lewat memberi notifikasi ialah sebenarnya kalau seseorang pesakit yang mengalami penyakit demam denggi ini pergi ke hospital. Mungkin hospital kerajaan kita hendak mendapat notifikasi dengan serta merta, kalau pergi ke hospital swasta pegawai perubatan itu harus memberitahu kepada pejabat kesihatan dengan segera. Selepas itu kita boleh melakukan kegiatan-kegiatan semburan supaya kita dapat mengawal keadaan. Itulah yang dimaksudkan di situ.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita boleh sambung pada petang ini.

Tuan S. G. Sothinathan: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat di tempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada jam 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan kita disambung semula. Saya jemput Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan menyambung ucapan.

2.31 ptg.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sentiasa memantau keadaan penyakit demam denggi secara berterusan bersama-sama dengan lain-lain agensi dan berusaha meningkatkan tindakan kawalan dan pencegahan penyakit ini melalui pendidikan kesihatan, kempen kebersihan dan anti nyamuk, meningkatkan tindakan kawalan vektor dan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang. Walau bagaimanapun, kementerian juga memerlukan kerjasama orang ramai bagi membendung penyakit ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kejadian jangkitan kolera, kedudukan di Malaysia adalah rendah serta terkawal iaitu pada kadar 2.3 kes bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2001. Kejadian kolera di negara kita bukan berlaku di semua tempat tetapi lebih tertumpu di kawasan yang tidak mengamalkan tahap kebersihan makanan yang baik dan tidak menyediakan kemudahan tandas yang memuaskan.

Kejadian kolera di negeri Selangor bagi tahun 2001 dan 2002 adalah berlaku di kawasan tertentu sahaja dan adalah kurang tepat untuk menyatakan bahawa ianya menggambarkan bagi keseluruhan negeri Selangor. Kes kolera tersebut berlaku di kawasan premis makanan yang tidak berlesen di kawasan yang tidak dibenarkan, premis makanan haram ataupun *illegal food stalls* dan kemudahan tempat tinggal awam yang tidak mempunyai kemudahan tandas yang baik. Langkah pembaik pulih serta aktiviti kawalan dan pencegahan telah pun diambil.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: [Bangun]

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, Peringat, Rasah, Kampar dan Pokok Sena telah membangkitkan isu Tabung Kebajikan Perubatan Negara dan bayaran rawatan perubatan yang tinggi. Sejak akhir-akhir ini media tempatan banyak menyiarkan berita mengenai kutipan derma untuk rawatan pesakit-pesakit kronik yang tidak berkemampuan dan ingin memohon sumbangan derma melalui media untuk membiayai rawatan perubatan mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat. Hendak beri jalan? Gelang Patah.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan tentang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan dengan tindakan pencegahan terhadap penyakit berjangkit seperti anti demam denggi dan penyakit berjangkit, taun yang mana saya ingin tahu pihak Kementerian Kesihatan selama ini memang pegawai mereka ada menjalankan pemeriksaan kepada premis-premis rumah dan kedai-kedai dan kilang-kilang untuk tindakan mencegah pembiakan nyamuk aedes.

Tetapi mengapa kes-kes demam denggi masih meningkat. Adakah pihak Kementerian Kesihatan akan meninjau adakah tindakan-tindakan yang lebih berkesan untuk mengurangkan kes-kes penyakit demam denggi. Di kawasan saya baru-baru ini seperti di Taman Pulau Utama di dapati ada lebih 10 kes penyakit demam denggi dan masalah ini saya yakin juga berlaku di lain kawasan dalam negara kita ini. Apa tindakan yang lebih berkesan.

Yang kedua, apa yang dikatakan tentang penyakit taun. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata kerana tandas kotor. Pihak Kementerian sudah tahu tandas di premis makanan di negara kita ini masih kotor. Kalau kita pergi ke premis makanan kita dapati tempat ruang makan bersih dan selesa ada air-cond, ada di restoran yang ada

berhawa dingin, tetapi bila kita pergi di bahagian belakang, dapur dan tandas, kadang-kadang tandas pun tidak

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat. Tak payah panjanglah.

Tuan Chang See Ten:yang ada masalah. Kita memang tahu banyak tandas di restoran

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat. Cukuplah itu.

Tuan Chang See Ten: Soalannya saya hendak tahu apa tindakan untuk menjamin kebersihan tandas di premis makanan bersih seperti mereka ada air-cond di hadapan sama ada air-cond boleh sampai ke tandas dan tandas mesti dalam keadaan yang baik, boleh berfungsi dan ada *hand dryer*, ada muzik supaya orang yang pergi belakang berasa selesa.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten:seperti bila dia makan di luar pun selesa, pergi belakang pun selesa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, cukuplah itu.

Tuan Chang See Ten: Saya minta penjelasan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya rasa dia faham lah itu.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan penyakit demam denggi ini, saya percaya WHO telah pun memberi amaran kepada semua negara khususnya negara-negara tropika bahawa disebabkan perubahan cuaca iaitu perubahan cuaca ataupun fenomena Al-Nino ini, demam denggi ini kian meningkat. Jadi ia telah pun menyarankan supaya semua negara di kawasan tropika ini mengambil tindakan segera khususnya membersihkan kawasan masing-masing, kawasan-kawasan perumahan dan tempat-tempat pembinaan. Mesej ini telah pun disampaikan kepada semua pihak berkuasa tempatan.

Kita telah pun bersiap sedia untuk menghadapinya, tetapi dari segi kementerian, apa yang kita boleh buat itu ialah kalau kita mendapat tahu tentang wujudnya satu kejadian demam denggi, sebaik kita mendapat notis sahaja kita akan buat langkah pencegahan. Kita tidak boleh membuat pencegahan setiap masa kerana kalau kawasan ini disemur setiap masa, nyamuk ini akan menjadi *immune*. Lepas itu kita kena cari penyembur yang lain untuk membunuh nyamuk ini. Jadi itulah sebabnya kita tidak boleh sembur setiap masa. Yang lebih utama ialah untuk membersihkan, memastikan tempat serta kawasan halaman kita sentiasa bersih.

Berkaitan dengan tandas-tandas ini memang saya setuju dengan Yang Berhormat. Banyak tandas di kebanyakan di restoran masih lagi dalam keadaan yang tidak memuaskan, tetapi Kementerian baru-baru ini telah mengemukakan pindaan kepada Akta Makanan dan telah pun diluluskan dan memberi kuasa kepada Kementerian untuk mengambil tindakan terhadap premis-premis makanan.

Tetapi kita dalam proses menggredkan premis-premis ataupun restoran-restoran makanan ini, pada masa ini kita membuatnya secara *voluntary* dan kita tidak lama lagi bila kita mewajibkannya di mana ianya akan digredkan mengikut gred A, B dan C pada masa itu saya percaya maklumat itu boleh sampai kepada orang ramai tentang mana satu tempat yang mereka harus pilih. Kalau kita mengabaikan yang kotor itu, memang dia pun kena tutuplah, sama ada dia tutup ataupun dia membersihkan premis dia.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: [Bangun]

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung semula Tuan Yang di-Pertua, isu yang telah ditimbulkan ialah tentang keperluan rawatan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri, Temerloh, Yang Berhormat.

Tuan S.G. Sothinathan: Saya percaya kerana masa yang tidak mengizinkan..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, hendak bagi, bagi Yang Berhormat. Tak bagi cagak tak bagi.

Tuan S.G. Sothinathan: Saya akan teruskan rawatan kesihatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak teruskan Yang Berhormat, dia tak bagi.

Tuan S.G. Sothinathan: Isu yang telah ditimbulkan ialah tentang keperluan rawatan di hospital-hospital swasta di luar negara dengan perbelanjaan yang tinggi. Walhal rawatan tersebut ada di hospital kerajaan dan bayaran yang dikenakan lebih murah. Isu lain yang dibangkitkan ialah kemungkinan berlaku penyalahgunaan wang yang didermakan terus kepada akaun pesakit.

Bagi menangani isu yang dibangkitkan, Kementerian Kesihatan telah mendapat persetujuan Jemaah Menteri untuk mewujudkan satu sistem yang lebih telus dan berkesan bagi membantu pesakit kronik yang tidak berkemampuan. Pesakit yang ditakrifkan sebagai golongan miskin dan kurang mampu dinasihatkan mendapatkan rawatan di hospital-hospital kerajaan terlebih dahulu. Sekiranya perkhidmatan di hospital kerajaan itu tidak wujud atau tidak dapat menampung perkhidmatan yang diperlukan maka Kementerian Kesihatan boleh menyediakan surat pengesahan menyatakan rawatan tidak disediakan di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia.

Oleh itu rawatan di hospital swasta atau di luar negara boleh disokong. Dengan adanya surat pengesahan tersebut, pesakit boleh memohon sumbangan derma melalui media ataupun mana-mana pihak bagi membiayai kos rawatan perubatannya. Permohonan untuk pengesahan rawatan hendaklah disertakan dengan dokumen.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri lagi Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata orang ramai boleh mendapat bantuan wang untuk rawatan perubatan melalui media, dan baru-baru ini Kementerian Kesihatan telah memberikan arahan bahawa sesiapa yang ingin mendapatkan bantuan daripada media atau orang ramai mesti mendapat kebenaran dahulu daripada pihak Kementerian Kesihatan.

Saya ingin tahu setakat ini berapa ramai orang pesakit yang telah dapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan untuk mendapat kutipan bantuan wang dari orang ramai. Adakah pihak Kementerian tidak membenarkan mereka mendapatkan pertolongan pejabat surat khabar atau media untuk mendapatkan bantuan wang daripada orang ramai untuk rawatan perubatan kepada pesakit-pesakit daripada golongan yang miskin. Saya harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya perkara-perkara yang dibangkitkan adalah satu perkara yang menjadi perhatian ramai dan sangat diperkatakan baru-baru ini. Biasanya kita melihat banyak keratan dalam akhbar yang keluar untuk meminta bantuan ataupun derma daripada orang ramai tetapi kita dapati ada juga penyalahgunaan sistem ini.

Jadi, Jemaah Menteri telah pun meluluskan supaya sebelum sesuatu perkara bantuan ataupun permintaan untuk derma disiarkan dalam surat khabar, perkara itu diserahkan kepada Kementerian Kesihatan. Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan dengan butir-butir lanjut tentang penyakit mereka, tentang rawatan yang diperlukan, dengan

surat daripada doktor, lepas itu kita akan siasat sama ada kes itu boleh dirawat di hospital-hospital kerajaan. Kalau boleh dirawat di hospital kerajaan, kerajaan akan tanggung.

Kalau kemudahan itu tidak dapat disediakan oleh hospital kerajaan maka kita akan cuba kalau sama ada hospital swasta di negara kita boleh memberi rawatan tersebut ataupun dia perlu mendapat rawatan daripada luar negara. Dalam kes-kes tersebut di mana ia diperlukan di swasta ataupun di luar negara, baru kita memberi persetujuan daripada pihak tertentu supaya mereka boleh mengutip derma. Tetapi derma itu harus disalurkan balik kepada Tabung Kebajikan Kesihatan Negara di bawah Kementerian Kesihatan. Itulah sistem yang kita baru amalkan, dan setakat minggu yang lalu kita telah menerima sebanyak 11, 12 permohonan yang masih dalam pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, permohonan untuk pengesahan rawatan hendaklah disertakan dengan dokumen seperti maklumat pesakit, butiran pendapatan, laporan perubatan dan surat dari doktor yang merawat untuk menyatakan rawatan yang disyorkan dan kos rawatan.

Bagi memastikan pengurusan yang telus dan berkesan, sumbangan derma hendaklah disalurkan kepada Tabung Kebajikan Kesihatan Kebangsaan yang telah sedia ditubuhkan di Kementerian sejak tahun 2000. Bagi sumbangan derma untuk pesakit yang tidak digunakan akan disimpan dalam tabung untuk kegunaan pesakit lain yang tidak berkemampuan.

Kementerian juga mempunyai prosedur yang rapi dalam melaksanakan operasi Tabung Kebajikan Kesihatan Kebangsaan. Segala kutipan atau sumbangan daripada orang ramai dimasukkan ke dalam akaun Tabung Kebajikan tersebut. Begitu pun dengan penggunaan wang Tabung Kebajikan Kesihatan Kebangsaan yang akan diuruskan secara cekap dan berkesan supaya pesakit yang ditakrifkan miskin dan kurang mampu dapat ditangani dengan segera.

Garis panduan mengenai rawatan pesakit kronik yang akan menggunakan wang daripada Tabung Kebajikan Kesihatan Kebangsaan ini juga telah pun disediakan. Bagi memastikan pengurusan yang telus dan berkesan, Kementerian Kesihatan menawarkan supaya sumbangan derma disalurkan kepada Tabung Kebajikan Kesihatan Kebangsaan.

Satu lagi isu yang telah timbul kebelakangan ini ialah tentang keperluan rawatan di hospital-hospital swasta atau di luar negara dengan perbelanjaan yang tinggi, walhal rawatan tersebut ada terdapat di hospital kerajaan. Untuk mengatasi masalah ini, pesakit miskin dan kurang mampu dinasihatkan mendapatkan rawatan di hospital-hospital kerajaan di mana kos rawatan adalah percuma atau caj maksimum bagi pesakit Kelas 3 adalah tidak melebihi RM500 bagi setiap kali dimasukkan ke hospital.

Kementerian Kesihatan telah menyediakan perkhidmatan rawatan perubatan di 120 buah hospital di seluruh negara. Kebanyakan jenis rawatan oleh pakar-pakar boleh didapati di hospital kerajaan, oleh itu pesakit yang miskin dan kurang mampu dinasihatkan mendapatkan rawatan di hospital-hospital kerajaan terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan bayaran bil yang tinggi di hospital atau klinik swasta yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Rasah, dimaklumkan bahawa Perintah Fi Perubatan 1982 yang berkuat kuasa sekarang, hanya diguna pakai oleh hospital dan klinik kerajaan sahaja. Kadar bayaran yang tertera di jadual tersebut hanya berkuat kuasa kepada pesakit-pesakit yang mendapat rawatan di hospital-hospital dan klinik-klinik kerajaan.

Dalam hal melaksanakan perintah fi ini, pengarah-pengarah hospital diberi kuasa menggunakan budi bicara untuk memberikan pengecualian daripada membayar caj kepada pesakit-pesakit miskin dan yang tidak mampu. Penambahan atau pengurangan kadar-kadar caj yang terkandung dalam Akta Fi ini hanya boleh dipinda dengan perakuan daripada Perbendaharaan Malaysia dan kelulusan Parlimen. Akta ini tidak meliputi kadar-kadar caj bagi hospital-hospital atau klinik-klinik swasta.

Kementerian Kesihatan telah menubuhkan satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Penyediaan Jadual Fi. Jawatankuasa ini ditugaskan untuk memperakukan

kadar-kadar yang berpatutan di hospital-hospital dan klinik-klinik swasta, dan akan diguna pakai di seluruh negara.

Jawatankuasa ini dianggotai oleh di antaranya wakil-wakil daripada:-

- (i) Association of Private Hospital Malaysia;
- (ii) Primary Care Doctor's Association Malaysia;
- (iii) Unit Perancang Ekonomi;
- (iv) Universiti Malaya;
- (v) Universiti Kebangsaan Malaysia; dan
- (vi) Perbendaharaan Malaysia.

Adalah difahamkan jawatankuasa ini bersetuju pada dasarnya untuk menerima pakai sebahagian daripada kadar-kadar caj yang digunakan oleh Malaysian Medical Association. Walau bagaimanapun, jawatankuasa ini pada masa sekarang sedang membuat kajian untuk menentukan kadar-kadar yang akan dikenakan bagi kira-kira 4,000 jenis penyakit. Ianya adalah berasaskan kepada bukti iaitu evidence-based serta kajian case mixed supaya kadar caj yang akan dikenakan nanti adalah berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai *matching grant* untuk rawatan hemodialisis yang dibangkitkan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Batang Lupar berdiri Yang Berhormat, sila.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan saya pendek sahaja. Walaupun garis panduan untuk caj-caj yang tertentu telah dibuat dan mungkin insya-Allah akan dipersetujui oleh pihak-pihak tertentu, pengamal perubatan dan sebagainya. Tetapi persoalannya yang penting ialah adakah artikel juga akan dibuat supaya tidak seorang pun yang sampai ke mana-mana klinik, ke mana-mana hospital tidak diberi rawatan berlandaskan tidak dapat membuat pembayaran, ini yang penting. Kalau mana-mana doktor ataupun hospital mengeluarkan seseorang pesakit yang tidak dapat membayar berlandaskan tidak boleh membayar caj tertentu, hospital itu dan doktor itu mesti dikenakan disiplin di bawah etika.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, etika yang dipraktikkan pada masa ini ialah khususnya ini adalah bagi hospital-hospital swasta, ataupun klinik-klinik swasta, bagi kes-kes kecemasan mereka tidak boleh menafikan rawatan, hanya kerana atas alasan bahawa pesakit itu tidak boleh membayar, tetapi bagi kes-kes biasa itu, mereka memang boleh berbuat demikian, pesakit-pesakit yang tidak mampu boleh pergi kepada klinik ataupun hospital kerajaan. Tetapi bagi kes-kes kecemasan itu memang adalah tidak beretika untuk mana-mana pihak khususnya pihak swasta untuk menafikan dan jika ada mana-mana pihak yang berbuat demikian maka wajarlah Ahli-ahli Yang Berhormat melaporkan segera kepada Kementerian Kesihatan supaya kita boleh mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai *matching grant* untuk rawatan hemodialisis yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara, dimaklumkan bahawa setakat ini tiada pertubuhan yang layak menerima *matching grant* kerana tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Syarat-syarat ini ada terkandung dalam garis panduan bagi permohonan bantuan *matching grant* dan ada syarat-syarat yang dikenal pasti di peringkat kementerian sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh juga telah membangkitkan isu bajet untuk perkhidmatan kesihatan di Malaysia masih rendah berbanding dengan negara sekitar seperti Thailand dan Filipina. Bajet untuk perkhidmatan kesihatan di Malaysia secara perbandingan dengan negara-negara sekitar seperti Thailand dan Filipina memang mempunyai perbezaan dari segi kadar peratusan dalam perbelanjaan kesihatan berbanding keluaran dalam negara kasar.

Mengikut WHO dalam World Health Report 2001 peratus perbelanjaan berbanding dengan KDNK ke atas perkhidmatan kesihatan bagi Malaysia memang lebih rendah berbanding dengan negara ASEAN yang lain.

Bagi negara Thailand, peratusan perbelanjaan ke atas perkhidmatan kesihatan berbanding dengan KDNK ialah 3.7% pada tahun 1997. Manakala pada tahun 1998 adalah 3.9%. Bagi negara Filipina pula 3.6% pada tahun 1997 dan 1998, sedangkan peratus perbelanjaan Malaysia pada tahun 1997 ialah 2.3% dan pada tahun 1998 ialah 2.5%.

Bagaimanapun, sekiranya dibandingkan perbelanjaan per kapita Malaysia dalam perkhidmatan kesihatan dengan negara sekitarnya ianya hampir setanding seperti mana yang dilaporkan dalam Laporan WHO 2001. Untuk Malaysia perbelanjaan awam per kapita untuk kesihatan dalam *international* Dollar ialah 112 pada tahun 1997 dan pada tahun 1998, manakala bagi Thailand pada tahun 1997 ialah 126 dan pada tahun 1998 ialah 121.

Filipina pula bagi tahun 1997 adalah 70 dan tahun 1998 pula ialah 14. Kerajaan dari setahun ke setahun terus memberi perhatian kepada perkhidmatan kesihatan dengan menambah peruntukan. Peruntukan untuk kesihatan yang telah diluluskan berjumlah RM5.5 juta pada tahun 2000.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat.

Puan Chew Mei Fun: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tadi saya dengar Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dia sebut tidak ada lagi *haemodialysis center* yang memenuhi syarat yang ditentukan. Ini bermakna sampai ke hari ini, walaupun kerajaan sudah memaklumkan, okey, ada *matching grant* yang diberikan oleh *haemodialysis center*, tetapi masih tidak ada satu pun yang dapat. Bolehkah Setiausaha Parlimen memberi sedikit penjelasan, apakah syarat yang tidak dapat dipenuhi oleh pertubuhan-pertubuhan ini? Terima kasih.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, memang kita mempunyai beberapa syarat yang perlu dipenuhi. Biasanya ada juga pihak-pihak yang memohon untuk *matching grant* bagi membuat bangunan-bangunan dan sebagainya. Memang ini tidak dibenarkan mengikut garis panduan. Jadi, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, semua permohonan perlu menggunakan borang permohonan yang betul iaitu Borang A yang boleh dipohon daripada Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan.

Bantuan kewangan akan diberikan kepada pusat hemodialisis baru dengan kadar maksimum sepuluh buah mesin hemodialisis. Kalau hendak wujudkan satu, dua mesin sahaja memang tidak *viable*, jadi kita tidak memberi bantuan kepadanya. Bantuan kewangan hanya meliputi pembelian perubatan dan kelengkapan yang bukan perubatan tetapi berkenaan dengan perkhidmatan pesakit. Oleh yang demikian, pusat hemodialisis tersebut perlu mengemukakan resit bagi peralatan yang dibeli dan jenama peralatan yang tersebut perlu dinyatakan.

Pusat hemodialisis juga hendaklah mematuhi kadar kriteria minimum garis panduan Kementerian Kesihatan yang bertajuk Mutu Dan Piawaian Rawatan Hemodialisis yang boleh didapati daripada Bahagian Perkembangan kementerian dan selepas itu wakil daripada Kementerian Kesihatan, satu pasukan teknikal akan menilai permohonan tersebut. Jadi, garis-garis panduan yang dikeluarkan adalah agak ketat untuk memastikan bahawa ianya benar-benar digunakan untuk tujuan kebajikan dan memastikan bahawa ianya berjaya dan bukan untuk sebarang permohonan kita memberikan *matching grant* ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat, ada yang berdiri Yang Berhormat ya. Kubang Kerian.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin habiskan lagi satu, dua syarat-syarat ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia minta habiskan sekejap.

Tuan S. G. Sothinathan: Pusat hemodialisis ini juga diwajibkan menyertai National Renal Registry. Dan badan-badan yang bukan kerajaan yang ingin memohon bantuan kewangan perlu siap dahulu infrastruktur dan peralatan asas dalam penyediaan perkhidmatan hemodialisis sebelum permohonan boleh dipertimbangkan.

Jadi, ini adalah di antara syarat-syarat di mana kita biasa dapati bahawa kebanyakan yang memohon itu tidak dapat memenuhi syarat-syarat yang kita tentukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kubang Kerian.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Setiausaha Parlimen. Berdasarkan jawapan tadi menunjukkan bahawa pusat-pusat hemodialisis yang ada tidak boleh menepati garis panduan dan dengan ini, dengan sendirinya mereka tidak dapat menyediakan mesin yang lebih banyak. Adakah munasabah bagi kerajaan untuk mengkaji semula syarat-syarat ini, kalau ada syarat sahaja dan orang lain tidak boleh memenuhi syarat itu, tidak ada guna *matching grant* ini diwujudkan dan dengan sendirinya pusat-pusat itu adalah kecil dan tidak dapat memenuhi keperluan. Jadi, kalau begitu kita kaji sahaja syarat dan kita turunkan daripada sepuluh mesin jadi limakah misalnya, itu lebih memberi peluang untuk pusat-pusat ini mendapat *grant* ini.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan tadi, kita mensyaratkan sepuluh mesin itu supaya *center* ataupun pusat hemodialisis itu lebih *viable*, kalau lima mesin sahaja memang ianya tidak dapat berfungsi kerana kos perbelanjaan yang akan mereka tanggung itu adalah terlalu tinggi. Jadi kita harap dengan adanya sepuluh mesin baru ianya *viable* supaya kita boleh memberi perkhidmatan kepada orang ramai dengan kos yang lebih murah lagi. Itulah sebabnya dan kita juga memang sedar tentang betapa pentingnya pusat-pusat hemodialisis ini, itulah sebabnya kerajaan ataupun kementerian berhasrat untuk dalam jangka masa dua tahun lagi, supaya semua hospital-hospital daerah disediakan pusat hemodialisis bagi kemudahan pesakit-pesakit.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan untuk kesihatan yang telah diluluskan berjumlah RM5.5 juta pada tahun 2000, RM6.1 juta bagi tahun 2001 dan RM6.2 juta bagi tahun 2002, jika dibandingkan dengan tahun 2000. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tahap peruntukan sahaja tidak menjadi pengukur kepada taraf kesihatan sesebuah negara. Dari Laporan WHO tahun 2000, petunjuk kesihatan bagi kedua-dua negara tersebut adalah seperti berikut:-

Jangka hayat penduduk lelaki di Thailand ialah 66 tahun, Filipina 64.4 tahun, sedangkan di Malaysia jangka hayat penduduk lelaki adalah 68.3 tahun.

Jangka hayat wanita pula di Thailand 72.4 tahun, Filipina – 71.1 tahun berbanding dengan Malaysia 74.1 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading telah membangkitkan isu larangan merokok. Larangan merokok di hospital, sekolah, pejabat kerajaan dan kenderaan awam telah pun diperuntukkan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kubang Kerian berdiri Yang Berhormat. Ya, sila.

Tuan Husam bin Haji Musa: Mengikut jawapan tadi, jangka hayat kaum wanita lebih panjang daripada kaum lelaki.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, 74.1 tahun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya hendak mendapat penjelasan, apakah sebab-sebab orang wanita ini panjang umur dan kenapa orang lelaki ini lebih singkat umur?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia hendak sebab mengapa orang lelaki cepat mati daripada perempuan. *[Ketawa]*

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah fenomena di seluruh dunia, dan saya percaya ianya sebahagian daripada *genetic* dan juga selain daripada

itu, saya rasa wanita itu memang tindakan mereka itu lebih suci daripada lelaki, tanggungjawab mereka itu. **[Tepuk][Ketawa]** Mungkin itulah sebabnya ibu kita wanita itulah diberi umur yang panjang untuk menjaga kitalah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading membangkitkan isu larangan merokok. Larangan merokok di hospital, sekolah, pejabat kerajaan dan kenderaan awam telah pun diperuntukkan dalam peraturan-peraturan kawalan hasil tembakau sejak tahun 1993.

Cadangan bagi perluasan kawasan larangan merokok untuk melibatkan juga tandas awam, lobi-lobi hotel, institusi keagamaan dan rumah ibadat adalah merupakan sebahagian daripada cadangan pindaan bagi peraturan kawalan hasil tembakau yang belum pernah dipinda sejak tahun 1997. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, asap rokok

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, ada dua orang yang berdiri Yang Berhormat, hendak beri siapa?

Tuan S. G. Sothinathan: Ya, beri Sri Gading.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Sri Gading, sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Wanita panjang ini kerana di Malaysia wanita dimanjakan. Itu jawapan yang lebih tepat. Wanita dimanjakan sebab itu dia lebih panjang umur.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Siapa Yang Berhormat ya.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:lelaki pendek umur pasal parti pembangkang banyak sangat hentam

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Siapa yang manja Yang Berhormat, orang lelaki mati dahulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini pertanyaan, rokok, rokok, rokok.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila, sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pokok Sena tidak mendengar itu. Kita berbangga dan amat mengembirakan kerana tahap kesihatan rakyat kita di negara ini begitu tinggi. Ini hasil dari kerja keras Kementerian Kesihatan - doktor serta kakitangan kesihatan, jadi kita mengucapkan terima kasih tentang itu. Tentang larangan merokok, kita bersetuju, tetapi apabila kita hendak luaskan sampai ke lobi-lobi hotel, ke tandas-tandas awam, kecuali tempat beribadat, tempat ibadat kita bersetuju, saya bimbang ini akan menjejaskan industri pelancongan dan ini akan mengecewakan ramai perokok-perokok.

Untuk makluman, perokok-perokok ini menyumbangkan hampir RM5 bilion hasil kepada negara – besar, dan perokok-perokok ini juga memberikan sumbangan kepada petani-petani, penanam-penanam tembakau. Saya bersetuju tentang larangan, tetapi saya harap saya dapat *feedback* daripada rakan-rakan apabila saya kemukakan dalam Parlimen, jutaan penghisap-penghisap rokok bersetuju dengan saya supaya larangan ini janganlah diluaskan begitu rupa sehingga boleh menyebabkan lain-lain masalah seolah-olah penghisap-penghisap rokok ini manusia yang tidak berguna.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini soalan,soalan. Kita faham kesihatan. Saya ambil contoh, untuk kanser umpamanya. Kawan saya punya kawan, dia *exercise* pagi-pagi, ambil udara bersih di 'causeway', Johor Bahru, pukul enam pagi dia lari, dua tahun *gone* – mati! Dia tidak merokok, tetapi kerana terhidu puluhan ribuan motosikal serta kenderaan yang lalu

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Maknanya, asap seperti itu juga amat merbahaya dan membunuh. Ini cerita betul! Jadi saya berharap, pihak Menteri Kesihatan kena berfikirilah. Perokok-perokok kata, Menteri ini sudah lebih dah, ini bahasa pasar yang digunakan oleh perokok-perokok. Semua bagus, tetapi apabila Menteri ini hendak kuat kuasakan larangan merokok di tempat-tempat yang seperti lobi dan juga tandas, ini jutaan orang kata, Menteri ini sudah lebih. Kita setuju undang-undang, negara memerlukan undang-undang tetapi jangan sewenang-wenangnya

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalannya Yang Berhormat, soalan!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, soalan ini, soalan, soalan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua tidak sabar-sabarlah, kena sabar sedikit Tuan Yang di-Pertua ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya kira, saya sudah faham itu, kalau hendak tujukan soalan, sudah boleh dah itu Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi saya berharap kena kajilah, kena kaji supaya jangan sampai ramai sangat rakyat kita merasa seolah-olah mereka sebagai rakyat yang tidak berguna, dibelenggu oleh satu tekanan. Bagilah sedikit kebebasan, bagilah ruang, hargailah juga sumbangan penghisap-penghisap rokok. Saya setuju orang yang tidak menghisap rokok, jangan menghisap rokok tetapi sudah hisap rokok ini macam mana hendak buat?

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya setuju kalau negara kita membuat undang-undang haramkan terus tembakau dan menjadi kesalahan kalau menghisap rokok. Saya setuju, mari kita sama-sama. Jadi, sesiapa yang agaknya yang ketagih rokok ini, akan tersekat kerana undang-undang, kita setuju dan saya sokong, walaupun saya perokok, orang yang merokok. Ini satu cara agaknya hendak menyekat daripada perokok-perokok ini merokok seterusnya tetapi kalau terus hendak larang sana, larang sini, saya mintalah sedikit pertimbangan. Perkataan "Menteri ini sudah lebih", itu menjadi perbualan kepada rakyat Malaysia yang jumlahnya bukan sedikit bahkan jutaan dan jangan lupa di antaranya ramai penyokong-penyokong Barisan Nasional. [Disampuk] pembangkang, biarlah dia.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, saya bersimpati dengan kesusahan yang dihadapi oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading ini, tetapi kita harus lihat kenapa kerajaan begitu tegas untuk melarang perokok-perokok ini. Cuma kita tanya soalan pada diri kita sendiri seperti yang dikatakan oleh rakan Ahli Setiausaha Parlimen saya pagi tadi. Sama ada kita hendak tabiat ini diikuti oleh anak-anak kita, anak-anak sendiri, anak-anak kita yang kecil-kecil, adakah kita mahu mereka ikut? Kalau kita hendak lihat keselesaan mereka, macam mana keadaan mereka pada masa hadapan, kita kena korbankan sedikit keselesaan dan sedikit keseronokan yang kita nikmati itu, kita haruskan korbankan demi masa depan anak-anak kita dan juga rakyat negara kita. Itulah tujuan kita dan kita tahu bahaya merokok ini.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [Bangun]

Tuan Chang See Ten: [Bangun]

Tuan S.G. Sothinathan: Jangan kita katakan ada bahaya yang lain

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua orang beridiri Yang Berhormat.

Tuan S.G. Sothinathan:oleh itu rokok itu pun kita boleh biarkan sahaja. Memang asap kita ada, kerana asap motor itu memang ada, tetapi tak kan kita hendak biarkan orang merokok di mana-mana sahaja yang mereka suka?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua orang berdiri, ya.

Tuan S.G. Sothinathan: Gelang Patah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Gelang Patah.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Adakah pihak Kementerian Kesihatan ingin mengadakan lebih banyak papan tanda di tempat-tempat yang mana orang yang suka merokok supaya mereka dengan kesedaran sendiri mengakui bahawa merokok adalah merbahaya. Saya ingin memetik satu jurnal kesihatan yang mana mengatakan merokok boleh mendatangkan *erectile dysfunction* atau *impotence* iaitu "*Cigarette smoke exert adverse effect on sperm mortality and count. It is advisable for man to quit smoking. Should they have marginal 'sement' quality and which to start a family. It affects local blood flow sized normal penile smooth muscle responses*". Ada lagi panjang, saya sebut.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah sebut Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten:sebut itu sahaja. Saya dengan ini adakahkerana di Hong Kong ada papan tanda besar kata '*smoking cause erectile dysfunction*'.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Adakah Malaysia hendak berbuat demikian, supaya mereka hendak sokong lebih tempat untuk merokok, mereka akan sendiri tidak minta lagi. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, memang kalau kita lihat semua kotak-kotak rokok pun sudah diadakan satu tanda yang mencatatkan 'rokok membahayakan kesihatan'. Itu penerangan yang jelas, tidak payah kita bubuh sana '*will cause erectile dysfunction*', ini saya ingat sudah termasuk dalam itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Parit Sulong.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya patuh undang-undang. Cuma saya hendak tanya kepada Kementerian Kesihatan, mahukan Kementerian Kesihatan mengambil langkah yang paling drastik iaitu mengharamkan syarikat rokok beroperasi di negara ini dan juga jangan jual rokok dalam negara ini. Kalau tidak, amaran-amaran itu merupakan dengan izin, satu *mockery* sahaja. Saya minta Kementerian Kesihatan mengambil langkah yang paling drastik iaitu haramkan penjualan rokok. TV Malaysia jangan lagi keluar iklan rokok. Surat khabar jangan lagi buat iklan rokok. Pasukan bola jangan minta tajaan lagi daripada perokok. Adakah Yang Berhormat setuju? Terima kasih.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, memang berkaitan dengan iklan dalam media elektronik, itu memang tidak akan diteruskan mulai akhir tahun ini – tidak ada lagi pengiklanan tetapi mengharamkan rokok ini. Kita kena faham satu perkara. Tabiat merokok ini walaupun kita telah menyentuh banyak tentang bahaya merokok ini, ini adalah satu tabiat yang telah wujud *since time memorial*. Jadi ia bukan suatu perkara yang mudah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun dan bercakap tanpa pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat, apa ini Yang Berhormat?

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, saya

Ahli Dewan: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk Yang Berhormat!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:saya hendak sokong apa yang Parit Sulong kata supaya Kementerian Kesihatan

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri siapa Yang Berhormat, ini dua orang berdiri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:ambil satu langkah yang drastik, maknanya haramkan terus merokok, saya setuju, saya sokong.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Disampuk]* Rokok tidak ada, syarikat rokok tidak ada, pekerja rokok tidak ada, penanam tembakau tidak ada, saya setuju. Kita ambil you punya jawapan, janganlah berbalik-balik pula, ini *double standard* pula. Sekarang you larang, tetapi ada jual, so *[Disampuk]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Yang Berhormat memang

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak dapat rokok tu Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan S.G. Sothinathan:Memang Yang Berhormat Sri Gading, dia memang faham bahawa ini adalah suatu perkara yang mustahil untuk dilakukan, itulah sebabnya beliau kata dia akan sokong. Memang dia tahu, ia tidak boleh dilakukan di mana-mana negara sekalipun.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagan berdiri Yang Berhormat. Hendak beri jalan? Ya, sila.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya ingin bertanya Yang Berhormat, walaupun ada banyak papan tanda di merata-rata seperti di Parlimen pun ada banyak papan tanda, melarang merokok dan juga di dalam dewan-dewan di mana ada orang menyewa dewan untuk mengadakan jamuan makan malam seperti perkahwinan atau untuk apa-apa acara.

Tetapi tidak ada orang menguatkuasakan undang-undang walaupun dalam dewan yang berhawa dingin di mana jamuan diadakan, banyak juga orang yang merokok. Jadi, ini seperti ada undang-undang tetapi tidak ada penguatkuasaan. Jadi adakah undang-undang ini efektif?

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, memang di Parlimen ini telah banyak kali kita bincangkan, ada banyak papan tanda yang mengatakan kawasan larangan merokok, tetapi ada ramai juga yang merokok di sebelah papan tanda tersebut. Saya telah pun melahirkan perasaan sedih saya dalam belanjawan tahun dahulu pun. Begitu juga keadaan di tempat lain, bukan sahaja di Malaysia begitu, di *WHO Convention* di Geneva pun serupa juga. Semua pemimpin-pemimpin dunia yang pergi ke sana, dia bincang pasal larangan merokok, tetapi di dalam konvensyen itu, tempat itu bukan kawasan larangan merokok. Jadi, kita dari Malaysia telah mengusulkan supaya di masa hadapan tempat tersebut juga dijadikan kawasan larangan merokok. Kita sudah beritahu di Geneva, tetapi saya harap kita pun boleh melaksanakannya di Parlimen Malaysia.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bagan Datok berdiri.

Tuan S.G. Sothinathan: Saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh ambil maklum tentang perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi jalan?

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Boleh Tuan Yang di-Pertua, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila, sila.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya bersimpati dengan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen [*Ketawa*]. Bagi melaksanakan larangan merokok, di Dewan yang mulia ini, tidak adalah, tidak boleh hisap rokok. Di luar itu banyak tiang-tiang ditulis di situ kawasan larangan merokok. Saya tanya kawan-kawan yang ada di Parlimen yang merokok ini, dia kata di tiang itu sahaja yang tidak boleh merokok [*Ketawa*]. Yang ada tanda itu, di luar-luar, di tempat lain dia kata hendak larang macam mana, di situ tidak ada tulisan. Saya minta pandangan Yang Berhormat, macam mana hendak larang ini. Jadi macam Sri Gading ini, degil betullah. [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tulislah di semua tempat Yang Berhormat - di lantai, di dinding, semua tulislah Yang Berhormat. [*Ketawa*]

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengesyorkan perkara ini supaya kawasan Parlimen ini diadakan kawasan larangan merokok [*Disampuk*].

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagi jalan Parit Sulong?

Tuan S.G. Sothinathan: Tentang mengharamkan penjualan rokok di negara kita....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya minta Kementerian Kesihatan hari ini keluarkan arahan kepada kantin pun jangan jual rokok. Saya patuh, saya patuh. Tetapi saya kata, kalau tidak ada jual rokok, orang tidak hisap rokok. Jadi, tutup Malayan Tobacco Company, boleh atau tidak Kementerian Kesihatan mengambil tindakan. Kami sokong penuh ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sokong!

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Boleh? Kalau tidak, *double standard*lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat bagi Parit Sulong ini cuba mengaitkan dua perkara, satu yang *possible* dan satu lagi *impossible* [*Ketawa*]. Jadi itu yang menjadi masalah. Hah! saya telah terangkan tadi, satu perkara itu *impossible*, mungkin masa seratus tahun, seribu tahun pun mungkin kita boleh amalkan perkara tersebut. Jadi, bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat, asap rokok pasif adalah bahan yang terbukti sangat merbahaya dan pendedahan kepadanya terutama oleh kanak-kanak dan golongan yang berisiko tinggi boleh menyebabkan pelbagai jenis kemudaratan kesihatan yang serius. Tindakan untuk mewartakan kawasan larangan merokok di tempat-tempat awam adalah langkah utama kerajaan bagi melindungi semua lapisan rakyat daripada ancaman asap rokok pasif.

Pertubuhan Kesihatan Dunia dan lain-lain badan saintifik antarabangsa telah menetapkan bahawa asap rokok pasif ialah bahan penyebab kanser dan tidak terdapat sebarang tahap yang selamat bagi pendedahan terhadap racun ini. Alasan bahawa larangan merokok di lobi-lobi hotel akan menjejaskan aktiviti pelancongan merupakan kebimbangan yang tidak mempunyai asas yang kukuh.

Kajian berhubung penguatkuasaan larangan merokok di banyak kemudahan pelancongan di luar negara seperti di Kanada, Amerika Syarikat, Hong Kong dan Singapura tidak menunjukkan kesan penurunan pengunjung ke tempat-tempat ini malahan ada yang menyatakan keuntungan dalam perniagaan hasil susulan daripada pelaksanaannya.

Ini mungkin kerana para pengunjung termasuk mereka yang masuk membawa ahli keluarga kini merasa lebih selesa dalam persekitaran udara yang bersih dan tidak terganggu oleh asap rokok. Pada pandangan saya, pelancong yang mengunjungi Malaysia setiap tahun adalah tertarik dengan pelbagai keistimewaan yang ditawarkan oleh negara kita kepada para tetamu dan bukannya kerana Malaysia merupakan syurga bagi para perokok. Bagi pelancong yang merokok masih ada banyak lagi tempat yang belum lagi diwartakan sebagai kawasan larangan merokok di negara ini. Jumlah pembayaran cukai tembakau yang dipungut bagi setiap tahun juga tidak akan terjejas dengan pewartaan kawasan larangan merokok kerana para perokok yang biasanya ketagih dengan bahan nikotina dalam rokok akan terus mengamalkan tabiat ini, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat tadilah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Selangor dan Kampar telah membangkitkan masalah kekurangan pengisian pegawai-pegawai perubatan di hospital-hospital dan klinik di kawasan bandar dan luar bandar. Kementerian Kesihatan masih mengalami kekurangan para pegawai perubatan dan antara faktor-faktor kekurangan pengisian adalah;

- (i) peletakan jawatan kerap yang berlaku di kalangan pegawai perubatan adalah salah satu faktor utama kekurangan pegawai perubatan di Kementerian Kesihatan. Peletakan jawatan di kalangan pegawai perubatan antara lain kerana pendapatan atau saraan yang tinggi di sektor swasta berbanding dengan sektor awam;
- (ii) pegawai mengambil cuti belajar khususnya untuk mengikuti Program Sarjana sama ada di dalam atau di luar negara; dan
- (iii) lokasi penempatan tidak sesuai daripada segi sosial dan fizikal menyebabkan keengganan doktor berkhidmat terutama di kawasan pedalaman.

Bagi mengatasi masalah kekurangan pegawai perubatan di bandar dan luar bandar, beberapa langkah telah dijalankan di mana sebahagian langkah-langkah adalah seperti berikut;

- (i) Kementerian Kesihatan telah pun mengutarakan beberapa cadangan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam untuk memperbaiki dan mempertingkatkan skim perkhidmatan kesihatan menjadi lebih menarik kepada doktor-doktor di mana Elaun Kritikal telah dinaikkan sebanyak 10% dan elaun kerja di luar waktu kerja telah dinaikkan sebanyak 25% hingga 50%;
- (ii) menambah jawatan-jawatan naik pangkat di mana 400 jawatan Pegawai Perubatan Klinikal Gred U2 telah diluluskan bagi tahun 2000 hingga 2005;
- (iii) meningkatkan peluang dan memberi biasiswa bagi pakar perubatan bagi menjalani latihan subkepakaran di dalam dan luar negara semasa bekerja;
- (iv) mengadakan biasiswa dan kemudahan cuti belajar untuk para doktor menjalani program Sarjana Perubatan di universiti tempatan;
- (v) memperbaiki taraf hospital-hospital tertentu supaya keadaan fizikal hospital-hospital tersebut lebih selesa bagi para doktor yang berkhidmat;

- (vi) meningkatkan bilangan institusi pengajian perubatan awam dan swasta. Pada masa sekarang terdapat enam institusi pengajian perubatan awam dan empat institusi pengajian perubatan swasta;
- (vii) mengambil pakar-pakar swasta untuk berkhidmat secara *sectional* di dalam pelbagai bidang di hospital-hospital kerajaan;
- (viii) pengambilan pegawai perubatan dan pakar perubatan kontrak dari luar negara untuk mengisi kekosongan yang ada terutama di Sabah dan Sarawak;
- (ix) Kementerian Kesihatan sedang mengkaji skim yang membenarkan pakar perubatan yang berkhidmat di hospital kerajaan untuk menjalankan praktis selepas waktu pejabat di *private wing*;
- (x) menempatkan lebih ramai pegawai perubatan yang berkelayakan di luar bandar;
- (xi) menggalakkan pegawai perubatan untuk berkhidmat di kawasan luar bandar dengan mempertingkatkan skim perkhidmatan kesihatan sebagai contoh, menaikkan kadar elaun tertentu; dan
- (xii) memberi keutamaan kepada pegawai perubatan yang telah berkhidmat di luar bandar melanjutkan pelajaran sebagai contoh *Masters Program*.

Tuan Yang di-Pertua, ini sajalah jawapan dan penerangan saya kepada pandangan....

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat. Ya, hendak bagi jalan.

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan. Mengenai dengan pakar perubatan, di kawasan saya Kuala Selangor merupakan satu kawasan luar bandar, ada hospital yang kecil, yang mana enam tahun baru-baru ini dijanjikan untuk dibuat tapi sampai sekarang belum dilaksanakan. Ini satu.

Masalah mengenai dengan pakar perubatan ini yang mana di Tanjong Karang, salah satu hospital di kawasan luar bandar di kawasan yang mana merupakan dua kawasan Parlimen iaitu Tanjong Karang dan Kuala Selangor. Jadi apa yang berlaku hari ini pakar perubatannya seminggu sekali daripada Hospital Tengku Ampuan Jamiah Klang, datang ke Tanjong Karang, itu pun kalau sekiranya tidak ada apa-apa yang berlaku kepada pegawai tersebut. Jadi saya mengharapkan di Tanjong Karang satu-satunya, salah satu daripada hospital luar bandar, mohon untuk dibekalkan pakar perubatan di Hospital Tanjong Karang. Terima kasih.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, memang seperti yang telah saya terangkan kita menghadapi kekurangan pakar-pakar. Itu sebabnya di hospital-hospital di luar bandar kita hantar pakar mungkin seminggu sekali ataupun dua minggu sekali, pegawai itu datang untuk merawat kes-kes tertentu sahaja. Tetapi di masa-masa hadapan kita dapat, bila lebih banyak graduan yang mengikuti kursus sarjana keluar daripada universiti-universiti tempatan kita dapat menampung keperluan tersebut dan kita juga meninjau balik permintaan Yang Berhormat tadi.

Setakat ini sahaja jawapan saya kepada pandangan-pandangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Jika terdapat sebarang teguran dan tidak diberi jawapan di Dewan yang mulia ini, suka saya memberi jaminan bahawa Kementerian tetap memberi perhatian yang serius kepada semua perkara yang dibangkitkan mengenai Kementerian Kesihatan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih, sekarang saya jemput Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi

3.21 ptg.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Tan Kee Kwong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merakamkan penghargaan dan juga ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Rasah yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan di Peringkat Dasar yang telah menyentuh beberapa perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi terutamanya Jabatan Ketua Tanah dan Galian Persekutuan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bagi Rasah, telah mengemukakan, kenapa kebanyakan pemilik-pemilik lot pusat membeli belah masih tidak dapat hak milik strata mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada amalannya kelewatan pengeluaran hak milik strata berlaku disebabkan permohonan yang dikemukakan adalah tidak lengkap dan tidak mematuhi kehendak undang-undang. Untuk tempoh pemprosesan pula kerajaan telah berusaha untuk mempercepat pengeluaran hak milik strata. Antara salah satu cara yang telah dilaksanakan ialah dengan penubuhan pusat pemprosesan setempat atau dengan izin, *one stop center*. Mengikut piagam yang telah ditetapkan.

Pusat pemprosesan ini telah memproses dan juga mengeluarkan hak milik strata di dalam tempoh lapan bulan dengan syarat permohonan itu adalah lengkap dan teratur. Sebagai langkah pentadbiran kerajaan dari masa ke semasa sentiasa membantu pemaju menyelesaikan masalah yang menyebabkan mereka gagal untuk memohon hak milik strata.

Tentang masalah pengeluaran hak milik strata untuk bangunan lama terutamanya di Lembah Klang, pengeluaran hak milik strata bagi bangunan-bangunan lama perlu mengikut garis panduan yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian dan juga satu kertas mengenai perkara ini akan di bawa ke Majlis Kerajaan Tempatan terlebih dahulu sebelum arahan tersebut dilaksanakan. Di samping itu pula Akta Hak Milik Strata sentiasa dikaji dan pindaan telah dan akan dilakukan dari masa ke semasa untuk mengatasi masalah kelewatan pengeluaran hak milik strata.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena telah juga mengemukakan pertanyaan, apakah tanah pertanian telah diubah kepada tanah industri boleh beralih menjadi tanah pertanian.

Untuk makluman di bawah Seksyen 124, Kanun Tanah Negara atau KTN, tuan punya tanah milik boleh memohon kepada pihak berkuasa negeri atau PBN untuk;

- (a) meminda jenis kegunaan tanah;
- (b) mengenakan jenis kegunaan tanah;
- (c) membatalkan syarat nyata;
- (d) meminda syarat nyata;
- (e) mengenakan syarat nyata yang baru;
- (f) membatalkan sekatan kepentingan; dan
- (g) meminda sekatan kepentingan.

Permohonan tukar syarat hendaklah dikemukakan kepada PBN melalui borang yang ditetapkan dalam kaedah-kaedah tanah negeri yang disertakan perkara-perkara seperti berikut;

- (a) bayaran yang ditetapkan di dalam kaedah-kaedah tanah negeri;
- (b) pelan tanah;

- (c) perakuan carian rasmi; dan
- (d) kebenaran bertulis daripada semua orang atau badan yang mempunyai kepentingan berdaftar ke atas tanah tersebut.

Permohonan juga hendaklah menjelaskan bayaran cukai bagi tanah berkenaan. Apabila PBN meluluskan permohonan tukar syarat tanah, PBN boleh mengenakan bayaran dan syarat-syarat seperti berikut:

- (a) premium tambahan;
- (b) cukai tanah yang baru; dan
- (c) lain-lain bayaran yang ditetapkan di dalam kaedah-kaedah tanah negeri.

Selaras dengan peruntukan Seksyen 124, KTN seperti di atas kategori tanah industri yang asalnya berkategori pertanian boleh dipinda semula kepada kategori tanah pertanian tertakluk kepada peraturan seperti yang dinyatakan di atas. Saya di sini sekali lagi mengucapkan ribuan terima kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Rasah dan Pokok Sena yang telah mengambil bahagian dan juga memberi pandangan-pandangan yang menyetujui mengenai bidang kuasa kementerian ini.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Sekarang saya jemput Menteri Penerangan..., eh!, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, maaf ya.

Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat

3.27 ptg.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dr. Tiki anak Lafe]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Bagan Datok, Ipoh Timor, Petaling Jaya Utara, dan Peringat yang telah menyetujui mengenai fungsi dan juga tanggungjawab Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat semasa membahaskan Bajet 2003.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bagan Datok telah menyetujui mengenai pemulihan bagi pesalah-pesalah juvana semasa di pusat-pusat tahanan dan juga jagaan lanjutan. Untuk makluman Yang Berhormat kini terdapat 23 buah institusi pemulihan akhlak kanak-kanak iaitu mereka yang berumur di bawah 18 tahun yang ditadbirkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Di institusi-institusi tersebut terdiri daripada lapan buah sekolah Tunas Bakti dan sepuluh buah Asrama Akhlak dan lima buah Taman Seri Puteri. Institusi-institusi ini menyediakan perkhidmatan pemulihan akhlak bagi kanak-kanak yang dimasukkan ke institusi-institusi tersebut atas perintah mahkamah. Kanak-kanak berkenaan ataupun pun dikenali sebagai pelatih akan mengikuti program pemulihan akhlak. Ini mengikut tempoh yang ditetapkan oleh mahkamah.

Bagi kanak-kanak yang dikenakan perintah tahanan di institusi-institusi selama tempoh tiga tahun, mereka akan ditempatkan di Sekolah Tunas Bakti. Manakala mereka yang dikenakan perintah pengawasan di institusi selama tempoh satu tahun akan ditempatkan di Asrama Akhlak. Program yang disediakan bagi perkhidmatan pemulihan di institusi meliputi bimbingan agama, kaunseling, sukan dan rekreasi, kursus motivasi, bimbingan akademik dan latihan kemahiran. Dan di antara latihan kemahiran yang disediakan ialah dalam bidang pertukangan kayu, mekanik, kimpalan, pengkomputeran, membuat roti dan kek dan sebagainya.

Selain daripada perkhidmatan pemulihan di dalam institusi, bekas-bekas pelatih juga diberi penyeliaan lanjutan selama satu tahun selepas tamat tempoh tahanan mereka.

Dalam hal ini, Pegawai Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat turut dibantu oleh Jawatankuasa Kebajikan Kanak-kanak di setiap daerah dan kawasan.

Jawatankuasa ini ditubuhkan selaras dengan hasrat kerajaan untuk menggalakkan penyertaan aktif masyarakat dalam aktiviti-aktiviti menangani masalah-masalah sosial dan keruntuhan akhlak kanak-kanak kerana tanggungjawab ini bukan sahaja harus dipikul oleh kerajaan tetapi juga perlu dipikul sama oleh anggota masyarakat.

Untuk makluman Yang Berhormat, kini terdapat 104 Jawatankuasa Kebajikan Kanak-kanak Daerah dengan 1,401 orang ahli dan 105 Jawatankuasa Kebaikan Kanak-kanak Kawasan dengan 1,100 orang ahli. Jawatankuasa-jawatankuasa ini bertanggungjawab membantu pegawai-pegawai akhlak mendapatkan penjaga atau ibu bapa angkat bagi bekas pelatih jika perlu dalam tempoh seliaan bagi membantu bekas pelatih mendapatkan latihan dan juga pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, program-program pemulihan yang dijalankan ini bukan sahaja....

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bagan Datok berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Dr. Tiki anak Lafe: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, silakan.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan jawapan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai dengan 104 Jawatankuasa Kebajikan Kanak-kanak peringkat daerah dan saya juga terbaca dalam akhbar kelmarin mengenai permintaan terhadap pengisian pusat-pusat tunas harapan di seluruh negara yang semakin bertambah.

Adakah dengan dua kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan apa yang saya terbaca dalam akhbar kelmarin memperlihatkan bahawa kebejatan sosial, kepincangan sosial di kalangan anak-anak remaja ini telah semakin bertambah. Apakah pada pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri, langkah-langkah selain daripada yang dijalankan oleh pihak kementerian, pihak masyarakat juga walaupun perlu untuk memperbetulkan keadaan ini, apakah tindakan drastik yang harus dilakukan oleh pihak kementerian bagi menentukan keruntuhan dan kebejatan akhlak tidak lagi berlaku dengan berleluasa dan adakah program-program memasyarakatkan kumpulan ini agar permasalahan ini dapat dikurangkan akan dijalankan dalam waktu yang terdekat?

Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan Datok. Memang sebagai sebuah negara yang membangun dengan kadar yang begitu pesat, ada di kalangan penduduk yang tidak dapat mengikuti arus pembangunan yang begitu pesat. Jadi, memang kementerian mengakui bahawa kadar masalah ataupun kejadian masalah sosial meningkat dan oleh kerana itulah kementerian sentiasa mencari jalan bekerjasama dengan pihak-pihak yang lain, khasnya seperti Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dan juga Kementerian Pendidikan untuk mencari jalan bagaimana kita dapat mengatasi masalah-masalah yang timbul ini. Jadi, oleh kerana itulah kementerian memang berharap supaya masyarakat umumnya, menolong di dalam mencari jalan bagaimana kita hendak mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, program pemulihan yang dijalankan...

Puan Chong Eng: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Penjelasan.

Dr. Tiki anak Lafe: Biarkan saya habiskan dahulu, ada berkaitan dengan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, sekejap ya.

Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, program-program pemulihan yang dijalankan ini bukan sahaja memberi penekanan kepada pemulihan akhlak tetapi juga melengkapkan kanak-kanak dengan kemahiran-kemahiran vokasional supaya mereka boleh berdikari apabila kembali semula ke pangkuan masyarakat selepas tamat menjalani pemulihan dan tidak akan mengulangi kesilapan yang pernah mereka lakukan. Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Menteri. Program-program yang dijalankan sekarang adalah merupakan rawatan, *it is treatment*, bukan *prevention*. Jadi, satu program yang amat penting yang telah kerap kali dikatakan di dalam Rancangan Malaysia ialah mengadakan pusat jagaan kanak-kanak dan pusat jagaan kanak-kanak bukan hanya menjaga mereka yang kecil sahaja tetapi juga mereka yang di bawah umur 12 tahun sekiranya ibu bapa mereka bekerja dan mereka tidak mampu untuk membayar penjagaan kanak-kanak. Jadi, pusat penjagaan kanak-kanak ini akan mengurangkan masalah di masa depan.

Jadi, ini adalah satu laporan sosial yang *viable*. Kita bukan menunggu masalah timbul, baru kita mencari jalan untuk mengatasinya. Mengapa kementerian Yang Berhormat selama ini seolah-olah tidak berusaha untuk mendirikan pusat-pusat jagaan kanak-kanak walaupun telah dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Keenam, Rancangan Malaysia Ketujuh, Rancangan Malaysia Kelapan dan juga di dalam MAPEN 2. Apakah sebabnya dan adakah kementerian telah membuat kajian, apakah sebabnya kanak-kanak ini bermasalah? Adakah ia berkaitan dengan keluarganya? Sekiranya berkaitan dengan keluarganya dan jika perlu mengatasi masalah dari akar umbinya, bukan menunggu masalah itu timbul. Apakah penjelasan kementerian? Terima kasih.

Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Saya tidak setuju bahawa program yang diadakan oleh kementerian merupakan hanya program rawatan. Kita mempunyai banyak pusat jagaan kanak-kanak dan kementerian bukan menghadkan pusat penjagaan ini kepada kanak-kanak yang sudah bermasalah seperti mana yang saya sebutkan tadi tetapi kita juga ada mengadakan pusat jagaan kanak-kanak di pusat-pusat Rukun Tetangga yang akan saya sebutkan nanti dan juga di tempat-tempat di mana kita mendapati bahawa kawasan itu berisiko tinggi di mana mungkin banyak keluarga yang mempunyai masalah. Di situ kita ada menubuhkan pusat-pusat jagaan kanak-kanak tetapi statistik itu saya tidak ada di sini. Kalau Yang Berhormat mahu, saya boleh beri dengan secara bertulis nanti. Okey.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bagan Datok juga....

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [Bangun]

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat. Dua orang berdiri. Bagi yang mana?

Dr. Tiki anak Lafe: Arau dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Arau, sila.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat mengenai pusat jagaan kanak-kanak. Pagi tadi kita mendengar bilangan sumbang mahram di negara kita tidak tinggi tetapi membimbangkan dan perkara ini harus kita beri perhatian. Saya percaya sebahagian daripada mereka yang menjadi mangsa dalam sumbang mahram ini adalah kanak-kanak.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat. Apabila penjenayah diambil tindakan oleh Kementerian Dalam Negeri tetapi orang-orang yang menjadi mangsa ini

setelah mereka terlibat, adakah kementerian Yang Berhormat mengambil peranan untuk memberikan kaunseling, membetulkan pemikiran dan juga psikologi kanak-kanak ini supaya mereka tidak terus menjadi mangsa sehingga mereka tidak dapat menghadapi kehidupan mereka pada masa akan datang. Adakah pusat-pusat Yang Berhormat sebutkan tadi juga adalah merupakan pusat-pusat di mana perkhidmatan-perkhidmatan seperti ini dilaksanakan. Dan dalam beberapa kes sumbang mahram berlaku, apakah kanak-kanak yang terlibat ini dikembalikan kepada keluarga ataupun dalam keadaan yang keselamatannya tidak dapat terjamin.

Jadi, adakah kementerian memberikan perhatian ataupun menempatkan mereka di satu tempat dan diberikan kaunseling dan juga dibantu psikologi mereka supaya mereka dapat menghadapi kehidupan seterusnya. Terima kasih.

Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat bagi Arau. Memang kementerian sudah pun melaksanakan apa yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat di semua pusat jagaan di bawah kementerian, khasnya di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat kita mempunyai atau kita menempatkan kaunselor-kaunselor. Jadi, mangsa-mangsa, hanya mangsa sumbang mahram, mereka ini ditempatkan di pusat-pusat jagaan di bawah kementerian sementara menunggu kes mereka dibicarakan ataupun diselesaikan, dan memang kementerian mengambil berat tentang keselamatan mereka ini.

Oleh kerana di kalangan masyarakat, kita masih belum lagi begitu dapat menerima kes-kes ini, sekiranya mereka dikembalikan terus kepada keluarga mereka tanpa memberi kaunseling dan juga nasihat kepada keluarga untuk menjaga keselamatan anak-anak ataupun mangsa-mangsa sumbang mahram ini. Jadi.....

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: *[Bangun]*

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua orang berdiri Yang Berhormat, hendak bagi yang mana?

Dr. Tiki anak Lafe: Tuan Hassan. *[Tersasul] [Menunjukkan isyarat meminta maaf]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Parit Buntar.

Dr. Tiki anak Lafe: Tidak apa, tidak apa.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Mas Gading. Masih lagi dalam pembangunan masyarakat dan daripada tadi, bahkan setiap sesi kita mengadakan Dewan ini, masalah gejala sosial ini adalah merupakan masalah utama, dan pertama yang diberikan perhatian oleh sebahagian besar daripada ahli Dewan.

Saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat kepada satu kajian yang dibuat, 'Senario Remaja Di Malaysia Apa Yang Mereka Gemari'. Pertama sekali telefon bimbit - 91%, menonton VCD, DVD, video - 90%, melayari Internet - 88%, kafe - 79%, menonton wayang - 72% kemudian itu mengubahsuai kereta - 68%. Ada lagilah indicator-indicator yang lain. Saya ingin bertanya sebab masalah ini sebenarnya kalau kita lihat sebagai masalah sampingan, ia merupakan masalah sampingan, tetapi kalau hendak melihat ini daripada sudut dasar polisi analisis, analisa dasarnya ini sudah tentulah merupakan masalah besar dan warna yang akan mewarnakan negara pada dekad-dekad yang akan datang.

Saya hendak tahu sama ada kementerian dengan kementerian lain, saya rasa kementerian pemusnah, antaranya Kementerian Penerangan dan kementerian-kementerian yang lain juga yang bertanggungjawab dalam soal ini. Ada saluran televisyen misalnya yang hampir tiada langsung rancangan agama. Saya tidak tahu Yang Berhormat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak ada kena-mengena Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: ... memang - tetapi saya hendak mengatakan benda ini berkait. Ada polisi level Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah Yang Berhormat, tidak berkait. Dia akan jawab.....

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Ya, memang betul. Ada polisi level benda ini berkait. Soalnya, saya hendak tanyakan, sama ada masalah yang besar ini, gambaran perspektif masalah yang akan datang ini, adakah kementerian mengekori daripada belakang, adakah mengimbangi masalah ini atau mendepani masalah ini?

Yang mana satu tindakan kita daripada segi analisa polisi ini sekarang, masalah seperti ini. Terima kasih.

Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Buntar. Memang kerajaan ataupun kementerian sedar tentang senario di kalangan remaja kita pada hari ini, oleh kerana kita mendapati bahawa banyak lagi aktiviti di mana anak-anak kita dapat terlibat. Jadi, pihak kementerian ada rancangan dan kita juga bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dalam usaha untuk cuba mengenal pasti masalah-masalah yang baru ini. Kita berharap mungkin pada tahun depan kita dapat keluarkan laporan yang lebih terperinci, di mana akan menjadi panduan kepada kementerian untuk merancang program-program supaya dapat kita menangani masalah ini sebelum ia merebak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 2,270 kawasan rukun tetangga di seluruh negara dan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Perpaduan Negara merancang untuk menambah bilangan kawasan rukun tetangga di seluruh negara.

Bagi tahun 2002, pihak Perbendaharaan telah meluluskan penubuhan sebanyak 556 buah kawasan rukun tetangga yang baru. Kawasan-kawasan yang telah diluluskan ini adalah merupakan kawasan-kawasan yang berisiko tinggi. Kementerian juga melalui Jabatan Perpaduan Negara sentiasa berusaha untuk membantu kawasan-kawasan rukun tetangga supaya memainkan peranan yang lebih aktif dengan beberapa cara.

- (i) untuk memberikan peruntukan geran khas supaya rukun tetangga boleh menjalankan lebih banyak aktiviti kemasyarakatan;
- (ii) menaik taraf pusat komuniti rukun tetangga yang sedia ada serta membina pusat komuniti rukun tetangga yang baru, yang lengkap dengan pelbagai kemudahan supaya rukun tetangga boleh beroperasi dengan lebih baik dan lebih berkesan;
- (iii) mengiktiraf kawasan-kawasan rukun tetangga yang cemerlang dengan memberikan anugerah dan peruntukan khas supaya dapat meningkatkan semangat kawasan rukun tetangga tersebut dan mendorong kawasan yang lain untuk bergiat aktif.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kementerian ini melalui Jabatan Perpaduan Negara sedang di dalam pelaksanaan konsep rukun tetangga alaf baru ataupun dinamakan rukun tetangga 21 dalam memberi nafas baru mengikut kesesuaian masa kini. Di bawah konsep ini, rukun tetangga akan memberi lebih fokus kepada pembangunan komuniti masing-masing. Antara langkah awal yang telah diambil oleh Jabatan Perpaduan Negara ialah mengenal pasti pusat-pusat rukun tetangga yang berpotensi untuk dijadikan pusat komuniti bagi penggunaan yang lebih menyeluruh.

Pada masa kini, terdapat sebanyak 380 buah pusat komuniti di seluruh negara. Pada waktu yang sama, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Perpaduan Negara telah dan sedang membina sebanyak enam lagi Pusat Aktiviti Perpaduan (PAP) di negeri Perak, Terengganu, Pahang dan Negeri Sembilan. Konsep ini merupakan satu pembaharuan yang akan memberi peranan baru dan dinamik kepada semua kawasan rukun tetangga selaras dengan keperluan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur ada menyentuh.....

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: [Bangun]

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua orang berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi mana? Arau sama dengan Kuala Selangor.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih.

Dr. Tiki anak Lafe: Kuala Selangor dahulu.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagi Kuala Selangor.

Dr. Tiki anak Lafe: Nantilah. *[Memberitahu kepada Yang Berhormat bagi Arau]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri. Tahniah dan syabas kepada kementerian yang mengadakan pusat komuniti daripada seluruh negara dan tambahan enam buah pada tahun ini. Apa yang masalahnya, kolej komuniti ini pada.....

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Pusat komuniti.

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: ...pusat komuniti, maaf. Pusat komuniti ini gurunya ada, bangunannya tidak ada. Jadi, bolehkah kementerian memberikan peruntukan seperti yang dibuat oleh KEMAS, maknanya tiap-tiap KEMAS itu ada diberikan peruntukan untuk membuatkan bangunan. Jadi, pusat komuniti umpamanya di kawasan saya, menyewa pusat komuniti ini. Jadi sewa, kemudahan alat-alatnya pun tidak ada. Jadi, adakah kerajaan melalui kementerian memberikan bajet untuk mendirikan pusat komuniti ini? Terima kasih.

Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Selangor. Saya ingat Yang Berhormat ini ada keliru sikit di antara pusat komuniti dan juga kolej komuniti. Kalau kolej komuniti memang kebanyakan belum ada bangunanlah. Tetapi, kalau pusat komuniti ini, kita kementerian ada memberi peruntukan dan mereka boleh memilih sama ada mereka menyewa bangunan yang sedia ada ataupun mereka memohon geran untuk membina pusat. Jadi itulah sahaja.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Arau.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih kerana memberi peluang. Saya ingat tadi terlepas peluang. Saya pun hendak bercakap mengenai pusat komuniti. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kementerian yang mewujudkan pusat komuniti dan juga rukun tetangga di beberapa kawasan. Inisiatif ini memang inisiatif yang baik tetapi adakah Yang Berhormat dan kementerian Yang Berhormat sedar di mana ada kawasan-kawasan yang berlaku masalah di kalangan masyarakat apabila pihak kerajaan mewujudkan Pusat Pembangunan Komuniti, menyediakan infrastruktur bangunan dan juga mewujudkan satu jawatankuasa yang diberi sokongan yang begitu hebat. Tetapi kadangkala ia menimbulkan masalah di mana jawatankuasa ini bermasalah dengan JKK, bermasalah dengan Jawatankuasa Pembangunan Komuniti yang diwujudkan oleh KEMAS.

Jadi saya berharap kepada kementerian supaya memberi perhatian, kementerian ini Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Kalau dapat biarlah isu daripada segi soal perpaduan bukan sahaja soal perpaduan kaum tetapi perpaduan di antara agensi yang menjalankan program ini supaya tidak timbul pertindihan dan tidak timbul masalah, *clash* dengan izin, setempat yang boleh menjadikan kumpulan sasar yang hendak kita bangukan itu akhirnya menghadapi masalah. Adakah kementerian dapat melihat masalah ini dan adakah kementerian ada formula, bagaimana dapat mengatasi masalah ini misalnya pegawai-pegawainya dapat bekerjasama dengan baik dengan agensi-agensinya yang lain ataupun kumpulan-kumpulan masyarakat yang lain yang ada di tempat di mana pembangunan dibuat..

Sekian, terima kasih.

Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat bagi Arau. Memang Kementerian sedar tentang masalah-masalah yang dihadapi dalam usaha kita menubuhkan pusat-pusat komuniti ini begitu juga dengan penubuhan kawasan rukun tetangga.

Pihak Kementerian ada satu cadangan ataupun dasar yang kita ingin laksanakan adalah untuk mewajibkan semua Ahli Yang Berhormat di kawasan-kawasan tersebut menjadi penasihat kepada pusat-pusat ini. Ini kawan kita daripada sebelah pun telah..

Jadi ini tidak dihadkan kepada Yang Berhormat daripada kerajaan sahaja tetapi kita juga memohon pertolongan dan juga kerjasama daripada kawan-kawan kita daripada pembangkang..

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: *[Bangun]*

Tuan Ramli bin Ibrahim: *[Bangun]*

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada tiga orang Yang Berhormat berdiri Yang Berhormat. Yang Berhormat tiga berdiri.

Dr. Tiki anak Lafe: Belum habis lagi. Saya berharaplah dengan tindakan ini kita dapat mengurangkan..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk dahulu Yang Berhormat belum habis lagi.

Dr. Tiki anak Lafe: Masalah pertindihan yang berlaku di antara agensi-agensi yang kerajaan tubuhkan dan memang ini kita akui bukan sahaja di antara JKKK tetapi juga dengan RELA, dengan agensi-agensi yang lain, ada pertindihan dan di kebanyakan kawasan kita melihat orang yang sama yang menjadi ahli atau AJK RELA, mereka juga masuk dalam rukun tetangga. Inilah yang menjadi masalah kepada Kementerian dan kita berharap dengan dasar baru di mana Pusat Komuniti RT adalah diharap akan dapat mempertingkatkan lagi aktiviti pembangunan masyarakat ataupun komuniti...

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: *[Bangun]*

Tuan Ramli bin Ibrahim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua berdiri Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tambun dan Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Yang mana hendak beri?

Dr. Tiki anak Lafe: Yang Berhormat bagi Tambun dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Tambun ya.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan rukun tetangga ini saya ingin mengaitkan peranan rukun tetangga dengan perpaduan masyarakat. Pada fahaman saya, antara matlamat rukun tetangga untuk membawa perpaduan dalam masyarakat. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, saya dapati bahawa sebahagian besar rukun tetangga menjalankan program untuk kaum masing-masing. Dari segi statistik jabatan, berapa banyak kah rukun tetangga yang dijalankan mengikut kaumnya seperti yang Melayu untuk Melayu, yang Cina untuk Cina dan yang India untuk India.

Kemudian daripada segi prinsip kecemerlangan jabatan apabila mentakrifkan tentang kecemerlangan dan kemudian diberi peruntukan tambahan kepada rukun tetangga tersebut. Apakah ciri-cirinya kerana yang saya nampak ada rukun tetangga yang menjalankan program untuk satu kaum sahaja mendapat peruntukan yang lebih tentulah ini ditakrifkan sebagai cemerlang.

Sekiranya ini berlaku, tidak kah ia berlawanan dengan prinsip yang telah ditetapkan oleh Kementerian bahawa rukun tetangga ini mesti menjalankan program melibatkan semua kaum. Terima kasih.

Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tambun. Jadi, Kementerian pun sedar tentang ada kawasan-kawasan rukun tetangga yang memang mengadakan aktiviti-aktiviti di mana hanya sesuatu kaum sahaja mengambil bahagian tetapi kita tidak boleh lari daripada kenyataan bahawa ada kawasan-kawasan memang mempunyai penduduk daripada satu kaum sahaja yang berlebihan.

Jadi, oleh kerana itulah kita melihat misalnya di Kuala Lumpur, kebanyakan aktiviti ataupun penglibatan ahli-ahli di dalam aktiviti rukun tetangga adalah terdiri daripada golongan Melayu dan kurang daripada golongan Tionghoa. Ini adalah kerana kemungkinan disebabkan oleh rukun tetangga ini didirikan atau diadakan di kawasan pinggir bandar di mana kebanyakan penduduk yang terdiri daripada satu kaum sahaja duduk di situ. Jadi, mengenai dengan garis panduan ataupun ciri-ciri bagaimana kita memberikan galakan kepada pusat-pusat rukun tetangga yang aktif, kita ada banyak kriteria, saya akan memberi secara bertulis oleh kerana tidak mempunyai maklumat di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Timbalan Menteri, saya minta duduk sekejap. Saya minta Menteri membawa usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

3.57 ptg.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) maka dengan ini saya mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran Kementerian Kewangan menjawab dan selepas itu Mesyuarat akan ditangguhkan ke esok hari.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dr. Tiki anak Lafe]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

[Majlis Mesyuarat disambung semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya sila Timbalan Menteri meneruskan jawapan.

Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana saya masih banyak lagi di sini, saya mohon supaya jangan banyak gangguan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri jalan?

Dr. Tiki anak Lafe: Saya pergi ke rukun tetangga.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri lagi Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Larut.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Sama ada pihak kementerian sedar atau tidak ada sektor rukun tetangga menimbulkan perbalahan mengenai pelantikan jawatankuasa kerana jawatankuasa ini dilantik oleh pihak kementerian melalui Jabatan Perpaduan Negara dan pelantikan ini tidak ditentukan melalui mesyuarat agung sebagaimana yang kita sedia maklum. Jadi, adakah pihak kementerian ingin melihat semula mengenai jawatankuasa yang menyelaraskan rukun tetangga di setiap kawasan-kawasan yang telah ditubuhkan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Satu lagi sama ada pihak kementerian juga akan mengkaji semula tentang rondaan atau mewajibkan setiap kawasan perumahan supaya rondaan seperti pada satu ketika yang pernah kita adakan, akan diwujudkan semula membabitkan para belia supaya para belia yang kebanyakannya terbabit dengan gejala lepak, boleh ditarik untuk bersama-sama membabitkan diri dalam sektor rukun tetangga dengan insentif-insentif yang diberikan. Minta sedikit pandangan daripada Yang Berhormat kerana ada ura-ura pihak pembangkang cuba menarik para belia ini dengan pertubuhan politik yang boleh menyimpang daripada segi pemikiran mereka terutamanya PAS. Minta sedikit pandangan.

Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat Larut. Terima kasihlah kerana telah memberi maklumat tentang adanya perbalahan di kalangan ahli jawatankuasa Rukun Tetangga. Saya ataupun kementerian tidak bersetuju tentang apa yang dikatakan bahawa kementerian melantik ahli jawatankuasa oleh kerana kementerian ataupun jawatan hanya berfungsi untuk menasihatkan ahli-ahli ataupun penduduk-penduduk di sesuatu kawasan yang telah dikenal pasti dan juga yang telah diwartakan supaya kawasan Rukun Tetangga untuk memilih jawatankuasa mereka masing-masing. Tetapi kita pun tidak menafikan bahawa mungkin ada kawasan-kawasan di mana mereka ini melantik kawan-kawan ataupun ahli keluarga mereka ke dalam jawatankuasa ini. Jadi, kita di kementerian memang berusaha sedaya upaya cuba mengelakkan perkara ini berlaku dan saya akan membawa kepada kementerian supaya kita membuat semakan kepada ahli-ahli jawatankuasa Rukun Tetangga.

Berkenaan dengan rondaan tadi, seperti mana yang kita sedia maklum Skim Rukun Tetangga telah diperkenalkan pada tahun 1975, pada permulaan mula dengan rondaan wajib oleh kerana masa itu Rukun Tetangga ditujukan kepada menjaga keselamatan sesuatu kawasan khususnya di kawasan perumahan tetapi selepas keadaan keselamatan negara kita ini dan juga di kawasan-kawasan perumahan jadi lebih baik, Skim Rukun Tetangga telah diubah suai dan juga disemak dan kita memperkenalkan skim ataupun konsep kejiranan. Jadi pada abad ke-21 ini (ataupun RT21) kita akan menekankan tentang pembangunan komuniti. Walau bagaimanapun, kita tidak menghalang mana-mana kawasan Rukun Tetangga untuk mengadakan rondaan khasnya yang melibatkan belia-belia yang berumur 18 tahun ke atas untuk terlibat dalam rondaan ini memang dalam Rukun Tetangga juga kita mempunyai beberapa bahagian jiran wanita, jiran muda, jiran usia emas dan juga tunas jiran. Sekiranya pihak ataupun kawasan tersebut mendapati bahawa masalah remaja ada ataupun berlaku kita memang tidak menghalang kawasan Rukun Tetangga itu untuk mengadakan rondaan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur ada menyentuh mengenai kebajikan warga tua di mana beliau telah mencadangkan supaya diwujudkan sebuah tabung khas untuk warga tua bagi mengurangkan beban mereka yang sedia ada. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian saya belum bercadang untuk mewujudkan sebuah tabung khas bagi warga tua kerana kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat ada menyediakan perkhidmatan dan juga kemudahan institusi perlindungan dan penjagaan bagi warga tua seperti Rumah Seri Kenangan. Walau bagaimanapun,

kementerian akan terus meningkatkan pelaksanaan dan juga penghayatan konsep masyarakat penyayang di mana keluarga akan terus digalakkan untuk menjaga warga tua terutama ibu bapa mereka sendiri.

Pelbagai usaha dan juga strategi telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan sebagai penggalakan untuk mewujudkan suasana keluarga yang harmoni dan terus bertanggungjawab terhadap ibu bapa mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut bangun.

Dr. Tiki anak Lafe: Larut?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kebajikan?

Dr. Tiki anak Lafe: Okey, okey.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih yang Berhormat. Apakah benar berhubung dengan warga tua ini pihak-pihak parti pembangkang mengambil kesempatan...

Beberapa Ahli Pembangkang: Ya Allah....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:menemui orang-orang warga tua ini dengan menghulur derma berupa memberi beras dan elaun, adakah benar atau tidak? Kalau benar apakah langkah pihak kementerian untuk mengatasi masalah ini, saya rasa di belah Parti Buntar banyak ini, sebab dia jarang balik kawasan, minta sedikit pandangan daripada Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lain tidak adakah Yang Berhormat? Itu sahaja? *[Ketawa]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ambil kesempatan, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, pergi masuk kampung, tengok orang-orang tua ini sedikit tidak ada sesiapa yang jaga, hulur sedikit. Betulkah tidak betul? Bubuh dalam *envelope*, minta sedikit pada pandangan Yang Berhormat, saya rasa belah Parit Buntar banyak ini, ini telah mengaburkan..

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Apa yang telah kerajaan curahkan kepada usaha membangunkan penduduk rakyat jelata ini, saya rasa di Kemaman pun mungkin ada juga sebab dia jarang balik kawasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan berceramah.

Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasihlah Yang Berhormat Larut. Setakat ini kita tidak mempunyai buktilah mengenai dengan apa yang telah dinyatakan tetapi pihak kementerian berterima kasihlah sekiranya ada orang yang sudi menyalur sumbangan ...*[Ahli pembangkang bersorak sambil menepuk meja]* Tetapi kita berharaplah jangan.....

Tuan Abd. Rahman bin Yusof : Jangan berpolitik dacing.

Dr. Tiki anak Lafe: Ya, janganlah berpolitik. 19 buah pusat harian warga tua akan diwujudkan di seluruh negara dan 5 daripadanya telah pun siap sementara satu dari 5 telah pun beroperasi. Selain daripada itu kerajaan juga ada menyediakan kemudahan peralatan bantuan diri seperti cermin mata, gigi palsu, alat pendengaran dan sebagainya.

Kerajaan Persekutuan melalui Skim Bantuan Orang Tua juga ada memberi kepada yang layak sebanyak RM135 sebulan bagi memastikan warga tua berkenaan dapat memenuhi keperluan asasnya di samping sokongan keluarga dan masyarakat setempat. Tidak ketinggalan juga bantuan am diberi oleh negeri-negeri mengikut kadar yang ditetapkan oleh negeri-negeri. Silakan Kuala Kedah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, bantuan kepada warga tua, terima kasih. Saya ingin timbulkan tentang kanak-kanak istimewa ataupun orang-orang

cacat, lumpuh dan sebagainya. Saya minta, saya bercakap sudah banyak kali. Saya minta pihak kementerian tolong turun buat kajian khas di pekan Kuala Kedah, lima batu persegi itu, kenapa orang cacat begitu ramai, orang anak istimewa ini.

Baru-baru ini saya dipanggil oleh seorang Ketua Pemuda UMNO cawangan melihat anaknya sudah empat tahun tidak membesar sampai hari ini. Ertinya besar betis lebih kurang begitulah, umur sudah empat tahun dan tiga, empat buah rumah ada seorang orang cacat di Kuala Kedah ini.

Saya bimbang kalau-kalau ada satu kuman yang teredar di kawasan itu yang menyebabkan begitu banyak *down syndrome* dan orang-orang cacat yang ada di Kuala Kedah begitu ramai iaitu kanak-kanak istimewa ini. Apa langkah pihak kementerian? Ini saya buat rayuan sungguh ini tidak kira anak UMNO, tidak kira anak orang PAS, tidak kira ada parti, tidak ada parti ini, banyak sungguh. Barisan Nasional tak ambil tahu perkara ini. Sebab itu apabila saya jadi wakil rakyat di situ saya *concern* perkara ini. [Tepuk] Bukan setakat beras, kerusi roda yang saya telah beri sudah lebih 50 buah.

Bukan saya ada duit, saya kutiplah derma daripada kalau Yang Berhormat bagi Larut hendak sumbang pun saya akan minta daripada dia, kerana banyak sungguh kejadian ini. Minta pihak kementerian buat pengakuan untuk buat kajian khas apa masalah ada di sini yang menyebabkan orang cacat, *down syndrome*, orang cacat istimewa ini begitu ramai di Kuala Kedah. Minta penjelasan. [Tepuk]

Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Terima kasihlah kerana telah membawa perkara itu kepada pihak kementerian dan kita akan mengambil perhatian. Sebenarnya saya akan beralih kepada masalah itu sedikit masa lagi. Okey. Untuk makluman Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat juga ada menyalurkan bantuan geran kepada pertubuhan-pertubuhan sukarela kebajikan yang memberi perkhidmatan jagaan warga tua. Misalnya pada tahun 2001 sejumlah RM2,985,719 telah disalurkan kepada dua buah pertubuhan sukarela kebajikan peringkat kebangsaan dan 14 buah peringkat negeri.

Timbalan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara ada menyentuh tentang *matching grant* untuk diberi lebih banyak kepada pertubuhan-pertubuhan kebajikan badan bukan kerajaan atau NGO supaya pertubuhan-pertubuhan ini dapat membantu orang kurang upaya khususnya kanak-kanak yang kurang upaya akal dalam program pendidikan khas dengan perkhidmatan yang lebih baik lagi. Untuk makluman Yang Berhormat, program pendidikan khas untuk kanak-kanak istimewa, kurang upaya dan orang kurang upaya akal dikendalikan oleh pertubuhan sukarela kebajikan. Setakat ini terdapat 28 pertubuhan sukarela kebajikan yang memberi perkhidmatan kepada kanak-kanak kurang upaya akal di seluruh negara.

Pengendalian program pendidikan khas dilihat sebagai satu perkongsian bijak di antara kerajaan dengan sektor pertubuhan sukarela kebajikan untuk sama-sama menyumbang bagi memenuhi keperluan pendidikan khas bagi kanak-kanak istimewa kurang upaya akal. Dalam hal ini, kementerian saya melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat memberi bantuan kewangan dalam bentuk geran tahunan untuk maksud pembiayaan makan dan minum, geran per kapita untuk penyediaan kemudahan pembelajaran dan mata pelajaran serta geran membiayai emolumen guru sandaran di sekolah khas. Permohonan bantuan kewangan ini akan dipertimbangkan berdasarkan garis panduan untuk pertimbangan pemberian bantuan kerajaan kepada pertubuhan-pertubuhan kerajaan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan.

Bagi permohonan bantuan untuk mendirikan bangunan dan pembelian aset yang lain ia akan disalurkan kepada Unit Penyelaras Perlaksanaan, Jabatan Perdana Menteri untuk dipertimbangkan di bawah Kumpulan Wang Amanah Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan. Selain itu, bagi menggalakkan penyertaan masyarakat dalam membantu golongan kurang upaya ataupun OKU sebanyak 259 pusat dalam komuniti PDK telah ditubuhkan. Kerajaan membantu pusat dalam komuniti ini melalui pemberian geran bagi membiayai elaun guru dan sewa premis jika ada. Setakat ini terdapat seramai 557 guru yang bertugas di pusat-pusat ini bagi 5,768 orang kurang upaya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Peringat ada menyentuh mengenai cadangan supaya dinaikkan kadar bantuan kebajikan kepada mereka yang kurang bernasib baik mengikut keadaan masa dan taraf hidup masa kini.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian saya melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sememangnya peka dan prihatin dengan perubahan kos sara hidup semasa khususnya kepada golongan yang kurang bernasib baik. Justeru itu Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa mengkaji semula kadar bantuan kewangan mengikut kiraan dan keperluan semasa. Oleh yang demikian, kenaikan kadar bantuan kebajikan telah dibuat pada bulan Oktober 2001 di bawah pakej baru mulai dengan pakej baru rangsangan ekonomi negara. Kadar bantuan telah ditetapkan mengikut jenis bantuan yang tertentu iaitu di antara RM80 hingga RM350 sebulan seorang atau sekeluarga. Kadar ini adalah praktikal untuk masa kini.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, selain menyediakan bantuan kewangan secara bulanan, Jabatan Kebajikan Masyarakat juga mempunyai bantuan berbentuk geran pelancaran bagi mereka menceburi dalam bidang-bidang perusahaan dan perniagaan kecil dan sebagainya. Bantuan ini bertujuan untuk menaik taraf mutu kehidupan golongan yang kurang bernasib baik serta memberi peluang kepada mereka yang mempunyai minat dan potensi untuk maju supaya mereka dapat hidup berdikari.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2003. Segala kritikan serta cadangan yang membina dan berguna akan dipertimbangkan

Puan Chew Mei Fun: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Petaling Jaya Utara bangun.

Dr. Tiki anak Lafe: Okey, silakan.

Puan Chew Mei Fun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ada banyak wang bantuan bulanan kepada orang yang kurang bernasib baik. Saya ingin ambil kesempatan ini untuk minta bantuan dari kementerian kerana Kampung Cempaka di kawasan saya telah menghadapi tiga kali banjir kilat yang amat serius dalam minggu ini. Hampir 30% rumah dan penduduk telah jadi mangsa. Kerugiannya juga besar. Oleh itu bolehkah saya minta kementerian bagi wang bantuan kepada semua mangsa. Terima kasih.

Dr. Tiki anak Lafe: Tuan Yang di-Pertua, ini nampaknya ambil kesempatan. Walaupun kes ini merupakan kes spesifik, kita akan mengambil perhatian dan saya yakin pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri sudah pun membuat laporan dan sekiranya dibawa kepada kementerian kita akan cuba mengambil tindakan sewajarnya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2003. Segala kritikan serta cadangan yang membina dan berguna akan dipertimbangkan oleh kementerian. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bagi Kementerian Penerangan.

Kementerian Penerangan

4.16 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Zainudin bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan semasa membahaskan Bajet 2003 pada peringkat dasar.

Saya ingin menjelaskan pertama sekali mengenai tuduhan Yang Berhormat bagi Marang, Kemaman dan juga Kota Bharu yang mendakwa aksi-aksi yang disiarkan dalam video klip 'Kelantan Dalam Gerhana' dalam siaran segmen khas Berita RTM sebagai telah dilakukan.

Penyiaran video klip 'Kelantan Dalam Gerhana' menerusi segmen khas Berita RTM melibatkan sebanyak 21 siri bermula pada 26 Ogos 2002 dan berakhir pada 15 September yang lalu. Ia bertujuan memaparkan keadaan sebenar di Kelantan yang selama ini diwar-warkan oleh kepimpinan negeri sebagai negeri Serambi Mekah. Tentang dakwaan RTM mengupah orang untuk berlakon adalah tak benar sama sekali. Tuduhan ini ditimbulkan sebagai strategi bagi menafikan dengan pantas keadaan yang sebenar yang dialami oleh rakyat Kelantan. Wartawan RTM berpegang kepada etika penyiaran dan kewartawanan profesional, mereka tidak melakukan perkara seperti didakwa. Matlamat video klip ini semata-mata untuk mendedahkan kebenaran. Temu ramah dibuat secara rambang, itulah yang disiarkan. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Marang, sebahagian besar mereka yang ditemu ramah dalam video klip berkenaan adalah penyokong PAS sendiri. Terdapat mereka yang menjadi ahli PAS sejak sebelum merdeka lagi....

Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tumpat bangun.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya baru hendak ...gear satu pun belum masuk lagi.

Penyokong PAS sendiri, terdapat mereka yang menjadi ahli PAS sejak sebelum merdeka lagi, terdapat juga yang menjadi pemimpin *grass root*, dengan izin, parti PAS. Mengenai dakwaan rumah yang dipaparkan adalah rumah Program Perumahan Rakyat Termiskin, pihak pembangkang sepatutnya berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang telah mengadakan program bagi membantu golongan termiskin mendapatkan rumah yang selesa tanpa mengira fahaman politik. Keadaan mereka sebelumnya lebih daif berbanding selepas mendapat bantuan rumah PPRT. Penyiaran video klip 'Kelantan Dalam Gerhana' sedikit pun tidak menjejaskan kredibiliti RTM. Ia sebenarnya telah membuka mata ramai pihak terutama rakyat Kelantan sendiri. Malah penonton RTM sendiri semakin bertambah sejak akhir-akhir negara ini termasuk dari PAS sendiri berbanding dengan beberapa tahun yang lalu.

Dato' Kamaruddin bin Jaffar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya akan bagi, insya-Allah saya akan bagi. Sekejap ya. Saya akan bagi. Mengenai persoalan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu dan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, kenapa tidak disiarkan 'gerhana' yang berlaku di negeri yang dikuasai oleh Barisan Nasional seperti di Pulau Pinang, Kedah dan lain-lain. RTM telah dengan serta merta meninjau keadaan di Kampung Kerinchi sebaik sahaja dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Pada hari itu juga kita telah menghantar dengan serta merta *crew* kita ke kampung Kerinchi di belakang Angkasapuri dan juga di Ampang. Tetapi kebanyakan mereka adalah 'pelarian' dari Serambi Mekah dan kehidupan mereka jauh lebih baik dari mereka yang miskin yang menunggu kehilangan gerhana di Serambi Mekah. Itulah keadaan yang sebenar dan kita telah dedahkan mereka mempunyai sehingga tiga buah motokar yang hanya menjual tomyam di Kampung Kerinchi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kubang Kerian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang sedang mencari tapak politik kerana dia akan tamat sebagai Senator tidak lama lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini bukan soalan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Dan dia akan bertanding di Pilihan Raya Parlimen Sungai Petani sebab itu sekarang dia tengah cari sebab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tiada soalan?

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, ya, soalannya ialah saya minta penjelasan. Saya difahamkan Yang Berhormat bila dalam buat video klip ini, Yang Berhormat bertanggungjawab penuh kepada pengeluaran video klip ini tetapi apabila polis menyiasat baru-baru ini berkaitan dengan kes video klip Saudara Bunyamin Yaakob yang telah menjadi kes polis, Yang Berhormat menafikan penglibatan. Kelam kabut habis krew-krew RTM yang lain pasal bila polis menyiasat, dia kena siasat habis. Tetapi sampai kepada Setiausaha Parlimen, dia kata tidak ada *black and white*, dia tidak terlibat, jadi saya tidak mahu macam ini. Saya hendak minta penjelasan, ini saya ambil gambar untuk kemudahan Yang Berhormat [*Sambil menunjukkan beberapa keping gambar*] untuk kemudahan Yang Berhormat, lepas ini saya boleh serahkan.

Di Kampung Tengah, Jelutong, Pulau Pinang, mungkin Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam boleh sahkan. Ada 385 keluarga setinggan sudah 40 tahun duduk di sini dan bawah rumah dia masya-Allah punyalah becak, kotor, bau busuk dan sebagainya, belakang itu ialah kondominium. Bolehkah Yang Berhormat ambil nota ini, Kampung Tengah, Jelutong, Pulau Pinang dan hantar krew RTM pergi dan keluarkan satu pun tidak apalah, tidak panggil "Gerhana" pun tidak apalah ya di Pulau Pinang, ini sebagai satu contoh. Jadi kalau hendak bertanding calon Sungai Petani pun, janganlah gunakan RTM untuk kedudukan kita sendiri, haru-biru seluruh negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini tidak kenalah! cukuplah, cukuplah!

Datuk Zainudin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat gembira dengan pertanyaan yang pertama walaupun barangkali tidak ada kena mengena dengan soal video klip. Saya suka hendak mengatakan dengan terus terang kepada semua pihak di sini. Saya tidak ada cita-cita politik, orang ingat saya orang politik, akan ketawakan saya, saya tahu. Saya memberitahu di Dewan ini, saya tidak mahu bertanding dalam pilihan raya. [*Disorak*] Saya adalah seorang wartawan, dengar dahulu!

Saya bukan seorang ahli politik yang hari ini mengatakan ya, besok mengatakan tidak. Tidak bagi saya. Banyak gambaran-gambaran yang salah, saya tidak ada cita-cita pun. Saya habis dua tahun saya hendak berhenti. Saya hanya sekadar akan menyertai kerajaan untuk menunjukkan sokongan saya kepada apa yang saya percaya dalam politik. Saya percaya kepada Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Saya percaya kepada Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi. Kepercayaan saya yang tidak pernah goyang, walaupun ada kesilapan-kesilapan yang dilakukan tetapi banyak kebaikan yang telah dilakukan oleh rakyat negara ini. Itu kepercayaan saya dan peganglah kepada janji saya. Saya bergembira, saya berterima kasih banyak kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian yang membangkitkan saya mahu meminta orang UMNO sendiri, saya tidak ada cita-cita itu. Saya punya cita-cita, sehabis-habisnya saya hendak berhenti, saya hendak tulis buku, banyak penyelewengan orang-orang PAS sendiri yang telah menjadi penyangak-penyangak dan juga menjadi pengkhianat kepada bangsa yang ada dalam simpanan saya telah menjadi alat-alat kepada Indonesia, ada detail, itu saya hendak tulis, tidak ada masa lagi.

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Datuk Zainudin Maidin: Ya, insya-Allah bila saya sudah tamat, saya akan berhenti, percayalah dan perkara ini saya telah maklumkan kepada pihak yang berkenaan, saya tidak mahu, itu saya minta jelaskan, percayalah saya tidak akan menarik apa juga yang saya kata hari ini walaupun diminta untuk saya bertanding, tidak, tidak, bukan saya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya fikir dia seorang yang bijak. Dia tahu bertanding pun kalah dalam pilihan

raya negeri Kedah [Ketawa] [Tepuk] Jadi saya fikir itu satu keputusan yang baik, bijak dan.....

Datuk Zainudin Maidin: Itu soalan, Tuan Yang di-Pertua, itu tidak salah, biarlah saya teruskan. [Disampuk]

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Soalan berkenaan dengan

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini 36 (6) ini, saya hendak 36 (6), Tumpat duduk dahulu.

Datuk Zainudin Maidin: Saya hendak menjawab, Tuan Yang di-Pertua, saya belum menjawab perkara yang ditimbulkan....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini Tumpat menghina..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Setiausaha Parlimen, sila duduk.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini Tumpat menghina....

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Boleh saya jawab kepada 36 (6)..

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Nanti, belum saya sebut lagi, Tumpat duduk dahulu, Tumpat, saya bangkitkan *Point of order*....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, cukup, cukup.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *Point of order*, saya ada *floor*.ini 36 (6) Tumpat menghina kepada Yang Berhormat di sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya faham, saya faham, sila duduk.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terpulang kepada dia hendak bertanding atau tidak bertanding....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Rompin....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tumpat pun dahulu belah sini, baru-baru ini juara sebelah sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak rujuk Peraturan Mesyuarat, kena minta Peraturan Mesyuarat!

Datuk Zainudin Maidin: Saya minta Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila keluarkan soalan.

Datuk Zainudin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis menjawab soalan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat yang berikan laluan untuk dia!

Datuk Zainudin Maidin: Nanti dahulu, kemudian soal Kubang Kerian tadi, saya sungguh sedih kerana wakil Kubang Kerian membawa satu perkara yang disiarkan oleh...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *Harakah!*

Datuk Zainudin Maidin: Bukan dalam *Harakah* pun, dalam ini yang sampah-sampah, Internet ini. Tetapi sebenarnya saya suka menjelaskan, saya sendiri telah disiasat dalam dua tiga jam oleh pihak polis dan pihak polis menyiasat semua. Itu adalah sebahagian daripada tanggungjawab mereka. Saya disiasat tetapi berita itu dikeluarkan kononnya budak-budak semua sudah terkejut, sudah gempar dalam RTM. Itu berita bohong! Terus terang saya cakap saya disiasat dua tiga jam.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Bangun]*

Tuan Muhamad bin Mustafa: *[Bangun]*

Datuk Zainudin Maidin: Nanti dahulu, itu saya sudah jawab, yang kedua, itu soal legalistik, polis terpaksa menyiasat ialah legalistik, saya jawab yang kedua. Ini yang ketiga. Yang ketiga mengenai apa tadi? Mengenai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Setiu dan Peringat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Kampung Tengah, saya sudah ambil gambar!

Datuk Zainudin Maidin: Yang ketiganya ialah mengenai yang mengatakan kita menyiarkan tentang kemiskinan di Pulau Pinang. Kita ini kadang-kadang salah, tidak memahami hal yang sebenarnya. Yang dikatakan *Utusan Malaysia* itu siapa punya? Bukanlah pihak PAS mengatakan *Utusan Malaysia* itu juga adalah kepunyaan UMNO? Jadi pendedahan itu ada yang dibuat oleh RTM, ada yang dibuat oleh akhbar-akhbar yang lain. Apa bezanya? Itu juga suara UMNO kalau dianggap sebagai suara UMNO yang mendedahkan di mana kemiskinan itu ada. Kita tidak memilih kasih dan kita bersedia.....

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *[Bangun]*

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Bangun]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk Yang Berhormat, duduk, duduk, duduk!

Datuk Zainudin Maidin: Saya bagi kepada Larut, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Larut ya.

[Dewan riuh seketika]

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Tumpat, ini jawapan dia Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat, duduk dahulu.

Datuk Zainudin Maidin: Saya telah menjawab.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Duduklah, Larut, duduk, duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Larut punya, Larut punya!

Tuan Mohamad bin Sabu: UMNO punya!

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, duduklah dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Larut yang.....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih ...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ...dalam Belanjawan..

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Duduklah dahulu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, duduk, duduk, duduk...

Tuan Mohamad bin Sabu:daripada UMNO!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Duduk, ini jawapan dia.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Duduklah dahulu, Pokok Sena, Kuala Kedah, Tumpat, duduk. Peraturan Mesyuarat, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Larut, apa soalan?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, duduklah saya hendak bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Larut, tidak mahu menjawab saya, apa soalan?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, syabas! *[Disampuk]* Ini berhubung dengan berita RTM...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Mohamad bin Sabu:dia jawab merapu tadi, dia kata RTM UMNO punya, kena tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini jawapan dia, kalau tidak bersetuju...

Tuan Mohamad bin Sabu: ...orang UMNO, pegawai kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini terpulang kepada Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Kalau pegawai UMNO pergi sanalah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini terpulang kepada Yang Berhormat, jawapan daripada dia.

Tuan Mohamad bin Sabu: Jawapan merapu!

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen saya ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan rencana, berita yang disiarkan oleh RTM, satu berhubung dengan Gerhana Kelantan. Saya ingin bertanya apakah siri ini sudah habis, akan dikeluarkan siri yang baru? Dan saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat tentang kesedaran rakyat Kelantan ke atas Kerajaan PAS yang ada pada hari ini. Jadi apakah respons selepas Gerhana Kelantan ini disiarkan oleh pihak RTM? Jadi saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana masalah di Kelantan ini, di tempat-tempat lain pun hendak tahu juga sebab mereka cukup berasa sedih sejak Kelantan di bawah tangan PAS.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jadi minta penjelasan respons rakyat Kelantan itu sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan terang, jelas, cukup.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: ...tentang Gerhana Kelantan belum masuk lagi Gerhana Terengganu. Minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Datuk Zainudin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya insya Allah kita....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ada Peraturan Mesyuarat.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: 36(10)(b) [*Disampuk*] Perkataan-perkataan yang membangkitkan perasaan melawan kuasa kerajaan iaitu mengatakan RTM UMNO punya [*Tepuk*] saya minta dia tarik balik.

Beberapa Orang Ahli: Tarik balik! Tarik balik!

Dato' Kamarudin bin Jaffar: [*Bangun*]

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [*Bangun*]

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [*Bangun*]

Datuk Zainudin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya beri penjelasan. Saya tidak kata RTM UMNO punya....

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Eh, ada tadi!

Datuk Zainudin Maidin: Tidak, tidak, sila lihat *Hansard!* Saya mengatakan *Utusan* [*Disampuk*] Dengar, saya mengatakan *Utusan*, saya tidak kata RTM, saya tidak kata RTM, tidak, tidak!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Datuk Zainudin Maidin: Kalau saya mengatakan demikian, saya tarik balik, saya tidak mengatakan.

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Datuk Zainudin Maidin: Saya mengatakan *Utusan*, *Utusan* ya. Okey, saya hendak menjawab [*Ketawa*] yang Larut. Yang Berhormat bagi Larut, insya-Allah kita akan ada siri-siri baru dan kesannya akan saya huraikan dalam ucapan saya ini.

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Datuk Zainudin Maidin: Saya tidak bagi jalan Tuan Yang di-Pertua, minta izin saya tidak bagi, nanti dahulu....

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Datuk Zainudin Maidin: Tidak payahlah, tidak kena.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Tuan Husam bin Haji Musa: 36(10)(b)....

Datuk Zainudin Maidin: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu

Tuan Husam bin Haji Musa: 36(10)(b). RTM nampaknya telah menimbulkan perkataan-perkataan derhaka kepada kerajaan negeri.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Mana ada!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana ada, cukuplah Yang Berhormat, [*Ketawa*] biar Menteri jawab Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, dengan cara tersebut, dia telah menimbulkan kederhakaan kepada kerajaan negeri [*Ketawa*]

Datuk Zainudin Maidin: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, walaupun sepondok dengan wakil Marang tetapi mempunyai mimpi yang berlainan tentang saya. Marang mengatakan saya hanya layak mengarah filem Kelantan Dalam Gerhana [*Tepuk*] Itu sahaja kelayakan saya tetapi Kuala Terengganu mimpikan saya sebagai "Goble Malaysia", tokoh propaganda Hitler. Orang-orang yang dalam ketakutan ini mereka

mimpikan perkara yang bukan-bukan, orang-orang yang dalam kecemasan, kehilangan arah, beliau menuduh RTM menjalankan konspirasi jahat. Saya ingin bertanya apakah kejahatan yang dilakukan?

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Datuk Zainudin Maidin: Cuba Yang Berhormat teliti dengan jujur dan ikhlas RTM sekadar...saya tidak bagi jalan. RTM sekadar menyiarkan klip video yang disebar oleh PAS sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak beri laluan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Zainudin Maidin: Yang menunjukkan kepimpinannya yang tidak *Islamic*, yang tidak tahu menggunakan bahasa yang sopan dan beretika. Jika bahasa dan kelakuan yang *Islamic* pun tidak boleh digunakan atau dipaparkan, bagaimanakah mereka ini hendak menegakkan negara Islam? Penyiaran video klip ini telah membuktikan

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua Ahli Yang Berhormat bangun.

Datuk Zainudin Maidin: Saya tidak bagi, saya tidak bagi.

Tuan Mohamad bin Sabu: Hendak ucap tahniah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak bagilah.

Datuk Zainudin Maidin: Penyiaran video klip ini telah membuktikan kebenaran dakwaan yang dibuat oleh Perdana Menteri bahawa PAS telah menjalankan politik pembohongan dan fitnah. Mereka tidak sedar kelakuan mereka sendiri kecuali sesudah disiarkan oleh RTM. Yang mereka bising dalam Dewan ini kerana mereka tidak sanggup lagi melihat diri mereka yang *unIslamic* di kaca TV. *[Tepuk]*

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada Peraturan Mesyuarat.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Peraturan Mesyuarat,

Datuk Zainudin Maidin: Dia hendak kacau sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Duduk dahulu.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tidak kacau, tidak kacau, ini peraturan.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: 9(c) Tuan Yang di-Pertua, "Dalam apa-apa perbahasan perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan sakit hati atau bermusuhan-musuhan antara satu sama lain". Dia menyakitkan hati! *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Sakit hatilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 9?...mana satu?

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: 9(c)! *[Ketawa]*

Seorang Ahli: 36(9)(c)

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: 36(9)(c)

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak ada, tidak ada....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Oh! 36....

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Ha, 36(9)(c)

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Sudahlah Yang Berhormat, taubatlah, taubatlah!

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Taubat? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak kenalah!

Datuk Zainudin Maidin: Saya cadangkan, sebab orang lain tidak sakit, Yang Berhormat ini bila dengar ucapan saya sakit, selepas ini pergi klinik, dekat Dewan ini pun ada *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Ya, ada klinik, percuma punya!

Datuk Zainudin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, sekarang sampai masanya...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Datuk Zainudin Maidin: Nanti, ini telah sampai masa saya hendak mendedahkan satu perkara yang sangat besar, yang memalukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat *[Memberi arahan supaya diam kepada beberapa orang Ahli Pembangkang]*

Datuk Zainudin Maidin: Suatu pembohongan yang terbukti ialah apabila *Harakah* menyiarkan dalam keluarannya 1 dan 15 Oktober 2002 kononnya terdapat kemiskinan di kawasan Kubang Pasu. Tetapi malangnya keluarga yang sama yang ditemui oleh TV3 kemudiannya menyatakan bahawa tidak ada wakil suara parti PAS menemui mereka. Sebaliknya enam orang yang mendakwa sebagai wakil dari Pejabat Kebajikan Masyarakat dan salah seorang yang menggunakan *movie camera* mendakwa dari TV3 telah meng*interview* mereka.

Kebetulan keluarga ini berehat di pondok buruk di sebelah rumah mereka selepas makan. TV3 telah mendedahkan pembohongan PAS dan menayangkan kisah sebenar keluarga ini yang hidup serba lengkap daripada Buletin TV3 jam 1.30 petang, 29 September 2002 yang disaksikan oleh 1.5 juta penonton....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pokok Sena.

Datuk Zainudin bin Maidin: Dalam hal ini, PAS melakukan dua pembohongan. Pertama, mendakwa sebagai pegawai kebajikan masyarakat, dan kedua, sebagai wakil TV3. Saya mendapat khabar mereka akan melaporkan ini kepada polis dan PAS akan disiasat. Pembohongan yang paling besar yang dilakukan oleh sebuah Parti Islam, mendakwa sebagai pegawai kebajikan masyarakat, mendakwa sebagai wartawan. Tidakkah malu perkara ini?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pokok Sena bangun.

Datuk Zainudin bin Maidin: Kita tidak boleh menafikan adanya kemiskinan di negara ini

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Zainudin bin Maidin: ... tetapi fokus saya tidak bagi izin. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak bagi. Cukuplah Yang Berhormat

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ini "Gerhana Kubang Pasu" *[Menunjukkan sekeping CD]*. Saya bertanggungjawab.

Datuk Zainudin bin Maidin: Kita tidak boleh *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: “Gerhana Kubang Pasu”. Saya bertanggungjawab. *[Menunjukkan sekeping CD yang bertajuk demikian]*

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya tidak bagi jalan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya tidak bagi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Yang Berhormat bagi Pokok Sena, sila duduk, sila duduk.

[Ahli-ahli Pembangkang semua bangun][Dewan riuh]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Dia melakukan pembohongan di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk.

Datuk Zainudin bin Maidin: Kita tidak boleh menafikan*[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat cukuplah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya hendak beri tahu dekat dia ini ... *[Bercakap tanpa pembesar suara][Dewan kecoh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah. Ini Peraturan Mesyuarat.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya telah bertanya kepada ...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ingat ini mamak pasemborkah? Ingat ini mamak pasembor? *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Cerita yang dikatakan, dengan menafikan dalam TV3 ada dalam video klip ini. *[Menunjukkan CD yang berkenaan]* Saya bertanggungjawab. Saya yang menjalankan

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak izinkan, Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak boleh menafikan ..*[Dewan kecoh]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* ... entahkan RTMbersedia kamu

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Saya cabar RTM sediakan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan tempat, bukan tempat untuk mencabar.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:bagaimana Wakil Rakyat Kubang Pasu tidak menjalankan tugas*[Dewan kecoh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, jangan Yang Berhormat

Beberapa Ahli Pembangkang: Dia melakukan pembohongan. Dia berkata bohong. *[Dewan riuh]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya tidak menarik balik. Saya boleh ... *[Disampuk]* Saya tidak akan menarik balik. *[Dewan kecoh]* Saya berkata benar.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu? Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat.

Datuk Zainudin bin Maidin: Kita tidak boleh menafikan .. *[Disampuk]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Satu lagi video klip di Johor Bahru, ahli UMNO ...*[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk. *[Dewan kecoh]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat. Minta duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. *[Dewan kecoh]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Duduklah dahulu. Peraturan Mesyuarat ini Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila duduk.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat 44. Saya minta Yang Berhormat bagi Pokok Sena dan Yang Berhormat bagi Kemaman diambil tindakan kerana mengganggu. Peraturan 44.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Perkara ini terpulang kepada saya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, minta Peraturan Mesyuarat 44(1) Tuan Yang di-Pertua, tolong ambil tindakan. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Duduk dulu, duduk.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Dengan Yang Berhormat bagi Kemaman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Duduk dulu, duduk.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Mengganggu persidangan Mesyuarat. Minta Tuan Yang di-Pertua tegas – Peraturan 44(1) ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini melanggar Peraturan Mesyuarat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Menyampuk]* Kalau hendak ganggu.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, sila duduk, duduk.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 44(1). Minta ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Larut, sila duduk. Semua duduk. Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tidak boleh bohong dalam Dewan. Bercakap ...
[Bercakap tanpa pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini jawapan dia. Ini jawapan dia Yang Berhormat. *[Dewan kecoh]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Dia tumpang laluan kepada saya untuk saya *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi bukan tempat, tempat, tempat...

Tuan Husam bin Haji Musa: Ini samseng ini. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Kalau dia bercakap bagi pihak kementerian, okey. Tetapi ini Parlimen peribadi. Ini yang kami tidak mahu. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk. Biar dia habiskan ucapan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Dia kata PAS bohong, kalau saya kata saya bertanggungjawab terhadap "Gerhana di Kubang Pasu"..*[Tepuk][Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya bertanggungjawab. *[Tepuk]* Saya menjalankan operasi tersebut. Saya bertanggungjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sila minta penjelasan apakah RTM bersedia untuk menyiarkan video klip *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya hendak memberi amaran terakhir. Jangan hingga saya menggunakan kuasa saya, Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Sila duduk.

Tuan Husam bin Haji Musa: Kalau mahu halau dia, semua juga keluar. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, sila duduk. Jangan cabarlah. Saya jalankan tugas saya mengikut Peraturan Mesyuarat. *[Dewan kecoh]* Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk, duduk. Duduk, duduk. Ini Peraturan Mesyuarat. Sila duduk. *[Disampuk]*

Tuan Husam bin Haji Musa: Bagi dia *fair*. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Kalau dia jawab kementerian, okey. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan dari *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya tidak perlu beri penjelasan. Saya hendak teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada hendak minta penjelasan. Yang Berhormat bagi Tumpat.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya hendak teruskan. Saya tidak bagi, saya tidak bagi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak bagi.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya tidak bagi. Kita tidak boleh menafikan adanya kemiskinan di negara ini. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila duduk.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tetapi fokus diberikan kepada Kelantan .. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini Peraturan Mesyuarat. Peraturan Mesyuarat yang memberikan kuasa kepada dia sama ada hendak berikan laluan atau tidak – kuasa dia. Sila duduk. *[Disampuk]*

Tuan Husam bin Haji Musa: Ini kena guna hujah ni. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ..,

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya sudah minta tadi, Peraturan 44(1). *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Larut, sila duduk. Berikan belah depan. *[Dewan riuh]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya minta bahawa kalau dia tidak bersedia untuk berbahas ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat,

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ... kalau dia tidak sedia untuk berbahas dia tidak boleh membuat tuduhan yang melulu. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Bila dia membuat tuduhan yang melulu, mengatakan PAS melakukan pembohongan .. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk dulu, duduk.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ... saya hendak membuktikan bahawa ada kebenaran ... *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ...“Gerhana Di-Kubang Pasu” yang disiarkan dalam *Harakah*. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya terima. Saya juga akan buktikan. Saya sanggup membawa Pengurus Besar TV3 sekali untuk bersama-sama kita pergi menemui orang yang berkenaan. Baik, kita pergi. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Zainudin bin Maidin: Ya, sudah. Saya sedia, saya sedia.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya tidak boleh menyiarkan pembohongan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ini bukan pembohongan. Pengakuan yang dibuat oleh beliau dan beberapa orang lagi. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pokok Sena, Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Apa! Ingat ini kedai pasemborkah? Ingat pasembor Kodiang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Zainudin bin Maidin: Kita tidak boleh nafikan adanya kemiskinan di negara ini tetapi fokus diberikan kepada Kelantan kerana hakikat kemiskinan cuba diselindungi atau dilindungi oleh kepimpinan negeri dengan mereka berpakaian seperti orang-orang miskin dan membohongi rakyat bahawa mereka berada di Serambi Mekah. Wakil Terengganu mendakwa Dr. Mahathir hidup mewah di rumah RM200 juta sedang rakyat hidup dalam kemiskinan, kata wakil dari Kuala Terengganu.

Bukan rumahnya, tetapi rumah Perdana Menteri. Wakil-wakil rakyat PAS berpura-pura hidup miskin. Satu-dua orang bekas UMNO dalam Dewan ini juga berpura-pura miskin, dengan menunjukkan kontrak didapati oleh anak Mahathir, seolah-olah mereka tidak ada apa-apa. Tetapi mereka juga adalah bekas kroni yang memakai topeng Islam untuk menutup kejutawanan mereka. Saya mahu tanya wakil Tumpat dan Jeli, *[Disampuk]* saya mahu tanya wakil Tumpat dan juga Kemaman, bagaimana mereka jadi jutawan kalau tidak pernah jadi kroni. *[Disampuk] [Dewan kecoh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Yang Berhormat kalau hendak tanya perlu memberi peluang. Saya cadangkan jangan tanyalah. Berikan ...

Tuan Mohamad bin Sabu: Beri orang lain jawablah. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau Yang Berhormat hendak tanya, perlu memberi peluang. Saya cadangkan Yang Berhormat jawab. Tidak perlu tanya mereka. Berikan jawapan Yang Berhormat bagi pihak kementerian.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua *[Dewan kecoh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semua duduk, semua duduk. Sambung, sambung. *[Dewan riuh]*

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua *[Disampuk][Dewan kecoh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat terhormat, tidak mengapa. Yang Berhormat kena ... *[Dewan kecoh]* Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Seorang Ahli Pembangkang: Penjelasan, bagilah penjelasan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ahli Parlimen sakit jiwa ni.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya sudah minta. Saya telah berikan pandangan. Sila duduk, sila duduk. *[Disampuk]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: You hendak tanya sekarang, you sepatutnya beri peluang kami untuk menjawab. Kalau tidak jangan bertanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk, sila duduk. *[Dewan kecoh]*

Beberapa Ahli Pembangkang: Ini *abuse* Parlimen.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ini gambar gerhana Kepala Batas. *[Menunjukkan gambar]*

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hidup dalam glass – dalam rumah kaca, kita jangan membaling batu, jangan. Kata orang Puteh, *Don't throw stone if you live in a glass house*.

Amat jelas apabila kita mendedahkan kemiskinan ini, mereka bukan mengambil langkah untuk membantu tetapi mereka mengambil sikap negatif dengan memperalatkan Wakil-wakil Rakyat, imam-imam, khatib-khatib untuk membuatkan penafian. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat

Datuk Zainudin bin Maidin: Sebaliknya ramai individu Kelantan dan di luar Kelantan yang telah meminta ...

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat. Yang Berhormat, Yang Berhormat, ada Peraturan Mesyuarat. *[Dewan gamat]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sampai mikrofon padam baru dia hendak bagi. Apa punya orang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada Peraturan Mesyuarat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Pekak betul.

Tuan Husam bin Haji Musa: Asas 36, keseluruhan pecahan 36 ialah mengelakkan kenyataan '*insultation*' seperti ini. Jika kata-kata sakit hati yang tidak berasas boleh diungkapkan sewenang-wenangnya, *abuse Parliament*, beri peluang kepada kami menjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Husam bin Haji Musa: Sudah beberapa kali Tuan Yang di-Pertua tegur dia.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat membenarkan Yang Berhormat yang berucap memberi laluan atau tidak. Terpulang kepada dia.

Tuan Husam bin Haji Musa:Setiausaha Parlimen, halau sahaja dia keluar. Ah! Halau dia sahaja. Lain kali bawa Menteri datang. Mana Menteri pergi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

Tuan Husam bin Haji Musa: Menteri makan gaji buta? Hantar budak macam ini untuk menjawab. *[Sorak]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sila duduk.

Tuan Husam bin Haji Musa: Menteri mana? Timbalan Menteri mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Kalau hantar orang sakit jiwa macam ini. *[Dewan gamat]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya tahu dia sakit jiwa. Saya pernah bincang dengan dia. Dia ini sakit jiwa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ha! Sila duduk dulu.

Tuan Husam bin Haji Musa: Dia anti-Islam, dia ini anti-Islam. Dahulu dia belajar sekolah agama.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada Peraturan Mesyuarat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat. Minta duduk. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya sudah putuskan

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat. Minta duduk, minta duduk. *[Disampuk] [Disorak]* Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Duduklah Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah. Sila duduk, sila duduk. *[Dewan kecoh]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua tidak betulkan dia, saya..... *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila diam.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua! Peraturan Mesyuarat 36(4). Minta Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tarik balik ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: ... perkataan-perkataan biadap yang dituju kepada Setiausaha Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk, sila duduk, sila duduk. Saya minta ..

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya minta Yang Berhormat bagi Kubang Kerian!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya minta semua duduk.

Tuan Husam bin Haji Musa: Dia sakit jiwa. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Cuba kita minta dia Kalau dia hendak buat tuduhan, dia mesti bersedia untuk menerima tindakan ..*[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semua, termasuk Yang Berhormat bagi Larut, sila duduk! Semua duduk! *[Dewan kecoh]* Duduk, duduk, semua duduk. Hendak apa Yang Berhormat? *[Ditujukan kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading]* Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, sila duduk.

Tuan Husam bin Haji Musa: Kita boleh disiplinkan dia. *[Bercakap tanpa pembesar suara][Dewan masih kecoh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau Yang Berhormat tidak mahu ikut, terpaksa saya buat keputusan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Kecuali Tuan Yang di-Pertua kata dengan dia, disiplin dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa:*parliamentarian [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi sudah berikan pandangan dan beliau sedang berucap.

Beberapa Ahli Pembangkang: [*Masih menyampuk*]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:dia kata upah bercakap. [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, cukup. Sila duduk, sila duduk.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua tadi mesti mengingatkan dia bahawa dia*[Bercakap tanpa pembesar suara][Dewan kecoh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kalau dia buat tuduhan, dia mesti beri
[Bercakap tanpa pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya cadangkan berikan jawapan, tidak perlu cabar dan sebagainya. Cubalah ya. Bagi pihak kementerian Yang Berhormat, berikan jawapan dengan *facts* yang cukup. [*Disampuk*]

Tuan Mohamad bin Sabu: Ini kerja *back-bencher* cabar kami, okey.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat. Saya ada Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya ada Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ha, Peraturan Mesyuarat?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan 36(4). Minta Kubang Kerian tarik balik perkataan biadab yang digunakan kepada Setiausaha Parlimen – "budak" dia sebut tadi.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya tarik balik. [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ha, macam itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Kalau *backbencher* cabar kami, okey. [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Cukup, cukup.

Seorang Ahli Pembangkang: Kami bukan kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, baik.

Tuan Mohamad bin Sabu: Melainkan kena jawab. Ini menteri lama dia tahu ...
[Bercakap tanpa pembesar suara]

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mintalah.

Datuk Zainudin bin Maidin:saya terima tuduhan ini, saya terima tuduhan yang dibuat oleh wakil dari Kuala Terengganu. Saya adalah anti-Islam, saya adalah gila, sakit jiwa, [*Ahli Pembangkang Menepuk Meja*] itu kata dia. Itulah, itulah kelakuan orang-orang Islam, pihak PAS.

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bercakap tanpa pembesar suara*] Saya keluar perkataan begini Tuan Yang di-Pertua, pasal dia yang mulakan.

Datuk Zainudin bin Maidin: Seorang Islam yang ...

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bercakap tanpa pembesar suara*] *An abuse of Parliament. So ...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila duduk.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya tidak *abuse*. Saya hanya menjawab. [*Dewan kecoh*]

Tuan Husam bin Haji Musa: Tadi saya sudah bagi tahu Tuan Yang di-Pertua, kalau dia teruskan saya tidak akanSaya rela dihalau. *But you can't abuse the Parliament.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bercakap tanpa pembesar suara*] Kalau hendak ucap perkara ini, ucap di luar Dewan. Kita boleh *faced*.

Tuan Mohamad bin Sabu: [*Bercakap tanpa pembesar suara*] *Back-bencher* boleh.

Tuan Husam bin Haji Musa: Kita boleh *faced*.[*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya berikan amaran yang terakhir, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. [*Dewan kecoh*]

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya hendakSaya rela [*Bercakap tanpa pembesar suara*][*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, okey Yang Berhormat, jadi saya ingin buat keputusan, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian keluar daripada Majlis selama dua hari, dua hari.

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Tepuk*] [*Melaungkan sesuatu sambil keluar Dewan*]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sepatutnya Tuan Yang di-Pertua suruh dia yang keluar, buka arah kami pula yang keluar?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk, sila duduk.

Tuan Mohamad bin Sabu: Dia jawab pihak kerajaan. [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

[*Semua Ahli Pembangkang bangun*] [*Dewan kecoh*]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Dia yang bertanggungjawab menjawab bagi pihak UMNO. Parlimen kita[*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. [*Dewan riuh*]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Mesti gentleman. Sepatutnya Tuan Yang di-Pertua memberikan amaran kepada dia sebelum mengusir dia keluar. [*Bercakap tanpa pembesar suara*] [*Dewan kecoh*] Bagaimana orang sakit jiwa boleh ada dalam Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukup, cukup.

Tuan Mohamad bin Sabu: Kami tidak kacau[*Dewan kecoh*] [*Bercakap tanpa pembesar suara*] [*Dewan kecoh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, biar dia jawab lagi. Dia akan sambung jawapan dia.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Buat apa jawapan, orang sudah tidak mahu dengar. Berbohong di Parlimen. [*Bercakap tanpa pembesar suara*] [*Dewan kecoh*]

Ahli-ahli Pembangkang: Dia berbohong. [*Dewan masih kecoh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau perlu, saya boleh buat keputusan, tetapi dengar dahulu. [*Dewan riuh*]

Puan Chong Eng: [*Bercakap tanpa pembesar suara*] [*Dewan kecoh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, kalau hendak keluar, keluarlah. [*Ketawa*]

[*Semua Ahli-ahli Pembangkang keluar Dewan*]

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Dia bukan Ahli Dewan ini ya!! [*Sambil keluar Dewan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ahli Parlimen kena keluar, Ahli Senat boleh duduk dalam. Itulah Speaker macam ini. [*Sambil keluar Dewan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan.

Seorang Ahli Pembangkang: Kena jadi Ahli Senatlah, Senator boleh duduk dalam.

Beberapa Ahli Pembangkang: Kena jadi Ahli Senatlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya Yang Berhormat bagi Sri Gading, duduklah. Ada apa?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak....saya hendak bela Setiausaha Parlimen. Dia menjawab

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading, sila duduk dulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:daripada tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh Parti Pembangkang waktu perbahasan. Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, sila duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Selepas kementerian gila ini, saya masuk. [*Menyampuk sambil keluar Dewan*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Zainudin bin Maidin: Okey, mengenai liputan oleh media tempatan dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kemaman sebagai hanya melaporkan perkara yang baik-baik sahaja, tetapi tidak mendedahkan keburukan kerajaan adalah ..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagikah?

Datuk Zainudin bin Maidin: Tidak, tidak banyak lagi, saya hendak habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab ada beberapa kementerian lagi.

Datuk Zainudin bin Maidin: Ya, ya. Berhubung dengan laporan media asing yang memberi gambaran buruk kepada negara kita, kerajaan tidak semestinya perlu memberi reaksi kepada setiap laporan yang dibuat. Di samping itu saya minta juga agar semua media cetak dan elektronik supaya tidak jatuh ke dalam perangkap manipulasi media asing, yang dengan sengaja hendak menimbulkan kemarahan orang Islam.

Umpamanya kita juga turut menghebahkan penghinaan terhadap Nabi Muhammad s.a.w. yang telah disuarakan oleh seorang paderi Kristian. Saya ucapkan tahniah kepada TV3 kerana telah mendapat pendapat orang-orang Kristian sendiri dan paderi-paderi Kristian di Sabah dan di sini yang tidak senang dengan kenyataan yang dibuat oleh pihak yang berkenaan. Saya terpaksa menjawab juga Tuan Yang di-Pertua, sebab perkara-perkara ini dibangkitkan di dalam Dewan ini. *[Disampuk]* Mengenai desakan oleh Yang Berhormat bagi Marang supaya RTM menyiarkan sepenuhnya ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan mengenai dakwaan 'Tuhan samseng' dan memberi peluang kepada Yang Amat Berhormat tersebut untuk memberi penjelasan.

Kementerian, seperti saya jawab tidak bercadang untuk memberikan satu perbahasan dalam TV tetapi bagaimanapun atas permintaan pembangkang RTM telah pun menyiarkan sepenuhnya ucapan Nik Aziz mengenai 'samseng' dalam Berita Perdana, 30 Ogos 2002 yang lebih panjang daripada siaran sebelumnya. Pengumuman mengenainya dibuat oleh akhbar-akhbar pada hari yang sama. Tugas RTM adalah untuk membantu, membentuk keperibadian Islam di kalangan kepimpinan PAS sendiri. Kita dedahkan tutur kata dan kelakuan-kelakuan mereka yang tidak *Islamic* seperti, 'u-huk', 'u-u', dia gila, baru, berita selak kain dan sebagainya untuk disaksikan dan diadili oleh rakyat negara ini termasuk oleh bukan Islam.

Pemimpin Islam yang sebenar tidak akan menggunakan bahasa yang kasar, tidak akan berkelakuan seperti mereka tadi, tahu untuk mencari bahasa yang halus bagi menterjemah sifat Allah. Mungkin niatnya baik, mungkin maksudnya 'Tuhan bukan samseng' tetapi dalam sejarah ketamadunan Islam di negara ini, Tok Guru orang yang pertama menterjemahkan Allah dengan samseng kerana kemiskinan bahasa dan menghina orang Kelantan dengan mengatakan itulah bahasa yang difahami oleh orang Kelantan. Yang jelas ialah kekeliruan yang tidak perlu ditimbulkan di kalangan umat Islam telah ditimbulkan sehingga Tok Guru nombor 2 terpaksa mengambil masa yang panjang untuk menerangkan tentang 'samseng' dalam Dewan ini dalam ucapan Belanjawannya kerana beliau pun yakin orang yang didakwa ini pun tidak faham macam fahaman Datuk Nik Aziz.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Pihak pembangkang sudah puas sudah tuduh kita, macam-macam fitnah, macam-macam pembohongan yang dibuat oleh pembangkang yang diedar melalui video-video klip yang mereka rakam sehingga rakyat begitu dahsyat mendengar dan juga melihat, apabila mereka menonton video-video klip yang dibuat oleh parti pembangkang.

Radio TV kita, TV1, TV kita telah menjalankan tugasnya dengan baik, saya harap terus menerangkan kepada rakyat tentang penyelewengan-penyelewengan yang dibuat oleh parti pembangkang. Jadi, apa yang dibuat oleh radio atau TV kita ialah sesuatu yang amat diperlukan oleh masyarakat dan saya harap TV kita akan terus menyiarkan perkara-perkara yang telah pun dibuat oleh parti pembangkang dari segi fitnah dan pembohongan supaya rakyat benar-benar faham kedudukan yang sebenarnya.

Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada TV1, TV2,TV3 atas usaha mereka mendedahkan segala pembohongan, fitnah yang dibuat oleh parti-parti pembangkang kepada pemimpin dan kerajaan kita. Saya harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading di atas pengertian, pemahaman dan itu adalah meyakinkan saya lagi kepada apa yang saya lakukan, apa yang RTM bukan saya, apa yang RTM lakukan. Saya merasakan banyak dan apa yang saya lakukan tadi ialah menjawab, menjawab semua persoalan-persoalan fitnah dan sebagainya yang telah ditimbulkan secara sewenang-wenangnya dalam Dewan ini.

Apakah salah? Saya tidak menggunakan bahasa-bahasa yang kasar, saya tidak mengatakan orang gila, saya tidak mengatakan barua, samseng, inilah kelakuan, inilah contoh-contoh yang *unIslamic* orang-orang yang hendak menegakkan negara Islam kita semua dan mereka menyatakan semalam mereka membuat pembohongan tentang anak Dr. Mahathir tetapi orang-orang ini adalah bekas-bekas kroni UMNO, pegawai-pegawai kerajaan berkhidmat berapa lama, adakah boleh menjadi kaya seperti mereka. Tidak boleh. Kawan-kawan semua tahu, siapa mereka tetapi mereka cuba menunjukkan wajah-wajah yang lain dalam Dewan ini. Kita harus menelanjangkan ini.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tambun bangun.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ya, saya bersetuju dengan Yang Berhormat, kita tidak boleh hidup dalam dunia kepura-puraan ini. Ada suatu perkara yang serius, Tuan Yang di-Pertua, tentang kenyataan Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat menyatakan, "*Saya seorang yang sakit jiwa, saya seorang anti Islam*", kemudian Yang Berhormat berhenti di situ. Saya kata serius kerana jika diambil kenyataan Yang Berhormat dalam konteks itu, diterjemah atau diletak dalam *Harakah*, ini akan digunakan seolah-olah Yang Berhormat membuat pengakuan Yang Berhormat sebagai 'sakit jiwa' dan 'anti Islam'. Jadi, saya harap dapat Yang Berhormat menghuraikan perkara ini supaya jangan dimainkan isu ke atas diri Yang Berhormat itu. Terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya tidak suka melayan orang-orang ini, saya tidak ada *respect*, saya minta maaf, sebab saya tidak menganggap apa yang disiarkan itu sebagai suatu yang mengganggu fikiran saya, sebab mereka ini adalah tidak relevan kepada negara kita sekarang. Biarlah mereka hendak – banyak yang saya hendak bawa. Kalau saya hendak tunjukkan di sini apa yang mereka tidak katakan tentang Dr. Mahathir, yang paling dahsyat sekali – saya perlu beritahu supaya semua ahli-ahli Dewan kita dan juga pegawai-pegawai kerajaan sendiri tahu, apakah mereka? Mereka mengatakan bahawa Presiden mereka dahulu tidak layak duduk bersama-sama orang UMNO yang tidak percaya kepada Hari Akhirat. Ini saya baca Rencana Pengarang *Harakah* pada 19 Mei. Minta maaf, dengan izin, Rencana Pengarang dalam bahasa Inggeris.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Silakan.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya terpaksa membaca, kita mesti mendedahkan orang-orang ini yang kadang-kadang orang-orang kampung mudah tertipu. Apa mereka kata, setelah forum Palestine yang mereka rasa *demoralize*, dengan izin, diri mereka. Rencana Pengarang ini berkata, dengan izin, "*We should never have given up our principle and sat down with the people who have no believe in the next world and the reality of God's help*".

Inilah orang-orang UMNO tidak percaya kepada Hari Akhirat. Ini ditulis sewenang-wenang. Apakah salah untuk saya mengemukakan perkara-perkara ini dalam RTM, mendedahkan perkara-perkara ini dalam RTM. Kita sudah terlewat, membiarkan orang-orang ini bermaharajalela, membuat pembohongan, fitnah dan sebagainya. Sekarang adalah masa untuk kita mendedahkan sehabis-habis kelakuan orang-orang ini. Dan, tidak usahlah Yang Berhormat bagi Tambun tadi – banyak lagi hal-hal saya. Kalau dalam 10 yang di antaranya yang saya cetak. [Sambil menunjukkan sekeping kertas]

Ini siapa ini, siapa Zainudin Maidin? Kemudian lagi, ini tadi dia bercakap, semuanya keluar. Jadi, kalau kita hendak katakan mereka ini, mereka ini tidak, mereka

sebagai Ahli Parlimen, mempunyai *Parliamentary* di Kuala Lumpur tetapi mereka menyuarakan perkara-perkara yang ditulis, yang difitnah. Dia buat di sini siapa? [*Sambil menunjukkan sekeping kertas*] Samseng, samseng, samseng, siapa tidak ubah, samseng, tadi disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Itulah kelakuan seorang pejuang Islam, tidakkah memalukan kita orang-orang Islam. Inilah, saya terlalu banyak, dalam *attack* semuanya - kalau dalam keluaran mereka, dalam 10 adalah *attack* kepada saya. Itu tidak menjadi hal kepada saya, sebab saya tidak anggap, saya menang atau kalah dalam perjuangan ini. Itu tidak menjadi persoalan tetapi ialah kebenaran, kebenaran, kesucian itu mesti ditegakkan. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegaskan bahawa RTM akan terus berperanan untuk memberi maklumat bagi membentuk pemikiran rasional dan terbuka di kalangan rakyat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua Ahli Yang Berhormat bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Apa yang Yang Berhormat bagi Tambun bangkitkan ialah supaya hendak mengelakkan Yang Berhormat daripada difitnah oleh parti pembangkang kerana dalam jawapan tadi Yang Berhormat kata, Yang Berhormat mengaku tidak *Islamic*, gila, walhal itu sebenarnya ialah tuduhan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen maka Setiausaha Parlimen mengulang semula apa yang dituduh oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Bukanlah Yang Berhormat mengaku

Seorang Ahli: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Tidak soalan asal Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Jadi, maknanya bukanlah Yang Berhormat tidak *Islamic* dan bukanlah Yang Berhormat sebenarnya gila kerana menjawab. Jadi, saya hendak menyokong apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Tambun itu, bagi mengelak Yang Berhormat digunakan perkataan-perkataan itu sebagai fitnah. Seolah-olah nanti masyarakat atau *Harakah* akan keluaran, Yang Berhormat mengaku Yang Berhormat tidak *Islamic*, Yang Berhormat mengaku Yang Berhormat gila, walhal ialah menjawab apa yang dibangkitkan ataupun yang dituduh, tuduhan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Jadi, biar jelas kerana kita hendak mengelakkan kerana pihak pembangkang ini memang pakar tentang putar belit dan juga buat fitnah ini memang pakar. Itu kerja dia. Kalau dia tidak buat kerja itu, parti dia memang tidak dapat sokongan. Dia hendak menarik sokongan supaya rakyat keliru dengan fitnah dan pembohongan.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya berterima kasih banyak kepada Yang Berhormat bagi Tambun dan juga Yang Berhormat bagi Sri Gading yang telah mengingatkan saya dalam soal ini. Sebenarnya saya hendak mengulangi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian kepada saya maka itu apa yang saya ulangi tadi ialah kata-kata yang telah dilemparkan tanpa berfikir, tanpa menggunakan akal yang disuruh oleh Islam terhadap saya oleh wakil bagi Kubang Kerian. Saya tidak mengatakan diri saya anti Islam atau saya gila tetapi kata-kata itu telah dilemparkan dan sepatutnya bagi saya kata-kata itu *very unparliamentary* yang tidak sepatutnya diucapkan oleh seorang yang seharusnya menjunjung asas-asas Islam yang meminta kesabaran dan kesucian dalam tutur kata.

Pada peringkat ini RTM adalah menumpukan usaha ke arah menyedarkan rakyat terhadap apa yang saya anggap sebagai *religious bigot*, mereka adalah *religious bigot* yang bererti bahaya kepimpinan agama yang *authoritarian*, yang merasakan kebenaran dakwaan tentang alam *supernatural* tidak boleh dicabar atau dibincang, atau dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *authoritarian dangers of religious leaders who found their claims to legitimacy in a*

supernatural realm beyond the reach of contestation or dialogue. Itu tugas yang saya rasa tugas yang menyeluruh bagi RTM.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya telah menjawab. Saya telah menjawab dan saya mempunyai hitam putih yang saya rasa saya tidak menggunakan kata-kata yang di luar daripada tata susila dan kemanisan bahasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tebrau bangun.

Datuk Zainudin bin Maidin: Dengan ini saya akan mengakhiri, hanya dengan mengakhiri kepada jawapan [*Disampuk*]....

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, lepas saya berucap ini, saya boleh minum teh tarik. Saya hendak tanya sikit, ialah pembangkang ini apa hendak buatlah, sudah memang saya dari dahulu pun kata memang pembangkang, kerja dia membangkang dan dia tidak pernah akan mengakukan dirinya itu salah, semua apa yang dikatakan betul. Bila dia mengatakan kepada pemimpin kita tidak apa, itu hak dia tetapi bila dia kena tegur maka dia akan marah dan melenting. Saya banyak juga mengikuti ceramah di kawasan saya, saya beberapa kali cakap kalau saya tengok cara ceramah dia itu, tidak tahulah bukan macam parti Islamlah, cakap terus teranglah, teruk betul dia punya cakap termasuk pemimpin yang sedang dalam tindakan. Dia pergi ceramah kawasan saya di sana, perbuatan dia, percakapan dia semua orang pun kata, apa yang dicakap ini, mengata orang tetapi parti PAS. Yang ini selalu saya tegur perbuatan dia ini, tidak senonoh ini.

Kemudian tadi pun tengok, cakap mengata Menteri makan gaji buta. Kalau orang parti Islam, kalau ada betul akidah dia kuat pada Islam, dia tidak sebut perkataan itu, salah itu, Nabi tidak ajar macam itu. Jadi, saya hendak Yang Berhormat setuju atau tidak, mana yang baik ini Yang Berhormat tidak apa, yang baik kita beritahu rakyat, termasuk kalau ada surat-surat khabar dalam bahasa Inggeris itu, *you read now*, [*Ketawa*] *just now*, buat di TV, *translate*, apa cerita surat khabar yang betul itu, yang *Harakah* keluar itu, ambil surat khabar *Harakah*, hari-hari itu tebarkan di TV, ha! Ini *Harakah* keluaran ini, ini pengarangnya, ini dia cakap, ini dia cakap, saya ingat itu lebih baik. Kita tidak dengki cuma kita hendak membetulkan perbuatan dia itu, dia tidak mengaku selalu, itu yang saya marah. [*Ketawa*]

Datuk Zainudin bin Maidin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tebrau, sebenarnya itulah yang kita lakukan, yang telah menimbulkan kemarahan daripada pihak mereka. Kita melakukan dari masa ke semasa dan kita mencari – bukan kita yang kata, tetapi kita dedahkan apa yang mereka katakan. Terima kasih banyak Yang Berhormat bagi Tebrau.

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Saya terpuanggil untuk membacakan dua potong ayat Quran mengenai dengan masalah yang kita bincangkan hari ini terutama mengenai Islam. Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, [*Membaca beberapa ayat suci al-Al-Quran*]. Terjemahannya, "*Hai orang-orang yang beriman, hai orang-orang yang beriman janganlah satu kaum menghina kaum yang lain kerana boleh jadi mereka yang hina lebih baik daripada mereka yang menghina dan janganlah pula wanita-wanita menghina wanita-wanita yang lain kerana boleh jadi wanita yang dihina itu lebih baik daripada mereka yang menghina dan janganlah kamu memanggil dengan gelaran yang buruk. Seburuk-buruk panggilan ialah panggilan yang buruk sesudah beriman seperti hai fasiq, hai kafir, hai, hai dan lain-lain dan barang siapa yang tidak bertaubat maka mereka itulah orang yang zalim.*" (Surah Al-Khujrat ayat yang ke-11)

Satu lagi izinkan Tuan Yang di-Pertua. [*Membaca ayat suci al--Quran*] Terjemahannya, "*Hai orang-orang yang beriman, jauhilah kamu daripada banyak prasangka, sesungguhnya sebahagian daripada prasangka itu adalah dosa dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan orang lain dan janganlah sebahagian daripada kamu mengumpat sebahagian yang lain. Sukakah salah seorang daripada kamu memakan daging saudaranya yang sudah mati? Maka tentulah kamu merasa jijik kepadanya. Dan bertakwalah kepada Allah sesungguhnya Allah maha menerima taubat lagi maha penyayang*"

Tuan Yang di-Pertua, mudah-mudahanlah kita kerajaan hari ini mencari jalan untuk kebaikan dan bersetujukah dengan ayat al-Quran ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, soalan.

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: Setujukah tidak apa yang saya bacakan dua potong ayat tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Yang Berhormat mintalah lepas ini tamatlah pembentangan kementerian Yang Berhormat.

Datuk Zainudin bin Maidin: Ya, ya, memang sudah habis Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju penuh di atas ayat al-Quran yang telah dibacakan dan saya hormati dan saya cuba untuk menjadi orang Islam yang memahami dan menghayati ayat al-Quran yang telah dibacakan tadi dan apa yang kita lihat tadi ialah kelakuan-kelakuan yang saya tidak tahu sama kita boleh masukkan dalam kata-kata di dalam ayat-ayat yang sesuai ayat yang telah dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Selangor tadi. Saya, bagi saya tidak tahu. Saya tidak dapat menghukum diri saya sendiri sebagai seorang Islam tetapi apa kelakuan-kelakuan mereka telah mendedahkan kepada Dewan yang mulia ini bukan sahaja kepada orang-orang Islam tetapi orang-orang bukan Islam, pegawai-pegawai kerajaan dan sebagainya tentang kelakuan-kelakuan mereka yang sama ada elok atau tidak terserahkan kepada Dewan ini untuk menimbangkannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Habis dah Yang Berhormat?

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya hendak habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Habislah Yang Berhormat, cukuplah.

Datuk Zainudin bin Maidin: Hanya pendek sahaja saya rasa.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, sebab ada sembilan kementerian lagi.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Pendek sahaja Tuan Yang di-Pertua, pendek sahajalah. Saya anggap ini penting Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya dalam sistem demokrasi, persepsi akan memainkan peranan melihat siapa betul dan siapa tidak. Jadi soalan saya pertama sekali, setelah pihak RTM menyiarkan dari segi RTM, kajian RTM bagaimanakah keberkesanan rancangan dijalankan oleh RTM.

Kedua dari segi apa Yang Berhormat katakan tadi bahawa ada terdapat di kalangan Ahli-ahli Parlimen yang pura-pura, sebenarnya mereka multi milionair tetapi Yang Berhormat tidak habis setakat itu sahaja.

Yang ketiga, sistem Yang Berhormat kata menggunakan propaganda mewujudkan kepimpinan yang autokratik. Saya percaya bahawa sebuah parti yang bersifat autokratik itu tidak dapat untuk menjaga kedaulatan negara bagi mempertahankan sistem demokrasi sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak pandangan saya.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya cuba menjawab secara ringkas. Yang pertama sekali memanglah kita sedang membuat kajian. Tetapi yang telah pasti ialah penyiaran klip video dan sebagainya telah memulihkan keyakinan terutamanya orang-orang UMNO sendiri terhadap diri mereka. Itu satu pencapaian yang sangat besar. Di mana-mana saya pergi dan rakyat golongan muda mulai sedar dan saya kalau mahu diukur daripada apa, minta maaf ya, Tuan Yang di-Pertua, kalau mahu diukur daripada apa yang berlaku di Kelantan sendiri, kalau dahulu pihak-pihak Barisan Nasional hendak cari 50 orang hadir pun susah.

Tetapi pada satu malam saya hadir sehinggakan dewan itu di luar dewan. 500 orang lebih dalam satu dewan dan keadaan telah berlainan dan orang datang di Airport Kota Bharu sendiri datang 'Datuk teruskan, teruskan'. Saya tidak tahu dari mana mereka. Mereka tidak kenal saya tetapi itu hakikatnya. Saya pergi ke kedai kopi, saya pergi di mana, teruskan rakyat ingin melihat pendedahan, pembohongan, fitnah yang telah Dato' Seri Dr. Mahathir katakan berkali-kali tetapi tidak dipercayai.

Tetapi hari ini dengarlah kata-kata mereka. Adakah kata-kata itu kata-kata dari orang-orang Islam? Cuba kita sedar adakah kata-kata itu daripada orang yang hendak menegakkan Islam dan saya ingin menjawab tentang autokratik tadi. Kalau antara sesama Islam dikafirkan, antara sesama Islam dikafirkan, bagaimanakah toleransi terhadap bukan Islam kelak di negara ini? Itu yang kawan kita DAP tidur dengan dia, sedar-sedar berlaku 11 September baru dia sedar dia tidur dengan Taliban dia lari lintang pukang. Itu yang berlaku. Baru dia sedar dia tidak sedar. Itulah hakikatnya tentang autokratik. Saya bimbang seperti saya kata, saya tegaskan tadi hanya secara ringkas saya tegaskan dalam kata-kata ini iaitu kita hendak menyedarkan rakyat terhadap, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *authoritarian dangers of religious leaders who found their claims to legitimacy in a supernatural realm beyond the reach of contestation or dialogue*. Itulah yang kita hadapi tanggungjawab kita bersama. Kita mempunyai tanggungjawab yang sangat besar untuk menelanjangkan pembohongan, fitnah dan sebagainya. Ini tugas kita yang utama.

Yang Berhormat saya pada akhirnya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya ambil akhir, yang akhir sekali Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Silam ingin tahu apakah perkembangan ke atas cadangan pada awal tahun 90'an untuk mewujudkan sebuah perkampungan filem terletak di Janda Baik, Pahang. Untuk maklumat Yang Berhormat, dengan cadangan membina perkampungan filem di Janda Baik, Pahang pada awal tahun 90'an adalah satu cetusan idea pada masa tersebut memandangkan kerajaan telah mewujudkan Koridor Raya Multimedia (MSC) maka idea membina perkampungan filem di Janda Baik tidak dapat diteruskan. Selaras dengan kemajuan semasa dalam bidang informasi dan teknologi maklumat kerajaan telah membuat keputusan untuk mewujudkan e-village di Cyberjaya.

Tentang orang PAS yang kaya, saya tidak mahulah hendak buat tuduhan tetapi kita maklumlah. Tak payahlah, saya ingat semua kita tahu. Ini yang kepura-puraan ini saya sedih sungguh-sungguh. Semua kita kroni. Yang jadi kaya dalam PAS pun bekas kroni. Orang-orang pegawai-pegawai kerajaan tidak tahu. Banyak tidak tahu. Mereka hidup senang lenang, kaya, mewah, berjuta-juta ringgit. Tetapi mereka pura-pura datang tanya anak Dr. Mahathir. Apa salah saya menjawab.

Mereka lupa mereka sendiri adalah jutawan-jutawan. Kawan-kawan kita tahu bekas-bekas kroni UMNO. Kenapa harus dibohongi. Mereka hendak bohong kerana pegawai kerajaan ada dalam Dewan ini. Apakah kita harus membiarkan pembohongan, penipuan dan memakai wajah-wajah Islam untuk membohongi orang lain? Ini adalah munafikin, hipokrasi. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih terutama kepada anggota-anggota Dewan yang telah memberikan sokongan dan memahami penghayatan RTM dan menyokong tugas suci RTM yang dijalankan selama ini. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan. Sila.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

5.14 ptg.

Timbalan Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Ahli Dewan Rakyat yang telah bersama-sama membahaskan Bajet 2003 mengenai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan seterusnya memberikan pandangan dan cadangan yang amat berguna kepada usaha-usaha kementerian.

Saya percaya perkara-perkara yang ditimbulkan ini adalah mencerminkan kesungguhan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membantu kementerian melaksanakan tanggungjawab menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara pelancongan yang unggul di dunia khususnya melalui tema *Malaysia Truly-Asia* serta menggalakkan pelancongan dalam negeri melalui tema *Cuti-cuti Malaysia*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bagan Datok pada 23 September telah membangkitkan telah membangkitkan isu mempertingkatkan promosi pulau-pulau pelancongan khususnya Pulau Langkawi, Pulau Pangkor dan Pulau Tioman serta peri pentingnya khidmat mesra *front liner* di dalam industri pelancongan seperti pemandu teksis dan pemandu pelancong bagi menarik pelancong ke tempat-tempat berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pulau-pulau adalah merupakan salah satu produk pelancongan utama negara kita yang dipasarkan kepada pelancong di seluruh dunia, ini adalah kerana Malaysia telah lama dikenali di kalangan pelancong dengan tarikan-tarikan yang berasaskan sumber

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Setiu bangun.

Dato' Dr. Ng Yen Yen:belum start pun. Okey.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, pasal sudah sentuh berhubung dengan pulau, di antara pulau yang dianggap paling cantik ialah terdapat di kawasan saya iaitu Pulau Redang. Saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat, memandangkan kehadiran pelancong sekarang begitu ramai, datang daripada luar negara ke Malaysia dan terus ke Pulau Redang, adakah Yang Berhormat bercadang untuk menaikkan taraf, pertamanya, lapangan terbang, mencadangkan kepada kerajaan, Lapangan Terbang Kuala Terengganu sendiri, amat memalukan, sebab saya pernah bersama-sama dengan pelancong, turun di KLIA menggambarkan Malaysia semacam sebuah negara maju, begitu tinggi *standardnya*, sampai ke Kuala Terengganu, tengok lapangan terbangnya, macam berada di Kampuchea ataupun di negara-negara Dunia Ketiga, disalah sebuah negara di Afrika.

Adakah Yang Berhormat bercadang untuk mencadangkan supaya *diupgradekan* standard supaya nampak bahawa Malaysia ini bukan sekadar kita menjual Kuala Lumpur sahaja, tetapi kita termasuklah menjual negeri-negeri yang dianggap maknanya negeri yang sebahagian daripada Malaysia. Jadi, saya minta Yang Berhormat memberi penjelasan sedikit. Terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia ada berjenis-jenis produk pelancongan yang sangat menarik. Masa kita hendak mengkaji menaik taraf sesuatu airport, kita mesti mengambil semua faktor, bukan sahaja ada sebuah pulau kita mesti *upgrade* tempat itu, jika kita kata sebuah pulau, banyak lagi pulau yang sama cantik seperti Pulau Redang. Masa sekarang jikalau Terengganu boleh mengadakan aktiviti-aktiviti lain yang boleh mempromosikan pelancongan, boleh jadi kita boleh mengambil tindakan, tetapi pada masa sekarang Pulau Redang sahaja tidak cukup untuk kita *upgrade airport* Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, tarikan-tarikan pulau-pulau termasuklah keunikan dan keindahan aktiviti dan kehidupan merin, oleh itu aktiviti-aktiviti seperti *deep sea diving*, *scuba diving*, *fishing* dan *snorkeling*, adalah aktiviti yang dipromosikan untuk pulau-pulau seperti Langkawi, Tioman, Pangkor, Redang, dan lain-lainnya. Hasil dari promosi ini dapat ditunjukkan oleh statistik, jumlah pelancong yang telah berkunjung dan menginap di hotel-

hotel di empat pulau pelancong utama, Langkawi, Tioman, Pangkor dan Redang iaitu seramai 1,565,297 pelancong pada tahun 2000 dan 2,030,662 pelancong pada tahun 2001.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menetapkan Pulau Langkawi sebagai destinasi pelancongan negara yang utama dan oleh itu, Langkawi dipromosikan secara besar-besaran. Langkawi dipromosikan disebabkan oleh alam semula jadi dan legendanya. Kerajaan promosi Langkawi selain dari cara konvensional iaitu melalui media cetak, elektronik, dan mega FAM juga dengan menganjurkan acara-acara bertaraf antarabangsa seperti Langkawi International Maritime, and Aerospace (LIMA) dan Langkawi International Festival Arts (LIFA).

Untuk tahun ini LIFA 2002 telah dianjurkan oleh kementerian saya pada 5 Oktober baru lalu. Di samping LIFA 2002, kementerian saya telah menjemput seramai 400 peserta yang mewakili 30 kumpulan kebudayaan dan kesenian, dari 21 buah negara juga dijemput adalah 228 orang peserta mega FAM yang terdiri dari wakil media dan industri pelancongan. Sebanyak tujuh stesen televisyen negara asing iaitu Station Channel 7 Adelaide Australia, B For You Television Network India, Travellers TV Tokyo Japan, TV Eleven Songkhla, Thailand, TV7 Songkhla Thailand, and TV Eleven Yala Thailand dan 'Soul Watcharachai' TV Bangkok, Thailand.

Sebuah station Radio Jepun, FM Network Tokyo pun dijemput. Hasil dari promosi ke atas Langkawi boleh dicerminkan dengan statistik bilangan pelancong yang menginap di hotel-hotel di Langkawi, iaitu seramai 1,079,223 pelancong pada tahun 2000 dan 1,300,954 pelancong pada tahun 2001. Atas faktor-faktor ini boleh dikatakan Langkawi kini adalah antara destinasi pelancong utama dunia.

Mengenai khidmat mesra *front liners*, ingin saya memaklumkan bahawa perkhidmatan pengangkutan yang disediakan oleh kenderaan pelancongan seperti bas persiaran, limousin, dan teksi adalah, dengan izin, merupakan *ingredient* utama untuk pembangunan industri pelancongan yang berterusan di negara kita. Mereka juga dianggap *front liners* dalam industri ini. Sejalan dengan hasrat kerajaan untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelancong, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam sidang akhbar pada 12 Oktober telah mengumumkan bahawa pelancong boleh membuat aduan di pusat pelancongan Malaysia MTC Jalan Ampang.

Aduan yang diterima tidak terhad kepada bidang-bidang yang disediakan oleh kementerian sahaja, sehingga ini sebanyak 26 aduan telah diterima di pusat berkenaan mengenai perkhidmatan teksi bandar. Aduan-aduan bertumpu kepada pemandu teksi yang kasar, bayaran yang tidak mengikut meter, keengganan pemandu teksi menghantar pelancong ke destinasi tertentu. Kementerian saya telah memanjangkan aduan ini kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Jabatan Pengangkutan Jalan serta mencadangkan supaya pemandu-pemandu teksi yang terlibat diambil tindakan serius.

Tindakan ini difikirkan

[Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Kedah memasuki Dewan]

Tuan Mohamad bin Sabu: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini Parlimen! [Tepuk]

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Selamat datang. Tindakan ini difikir wajar

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Kedah hendak bertanya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Kami keluar tadi hanya untuk Kementerian Penerangan, bukan kementerian lain. Bila 'otak' yang tidak betul itu tidak ada, tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, apakah soalnya?

Tuan Mohamad bin Sabu: Tidak ada soalan. [Ketawa]

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, tindakan ini difikir wajar kerana sikap negatif ini akan membawa kesan yang amat mendalam kepada pembangunan industri pelancongan.

Selain daripada itu, kementerian saya juga berserta Kementerian Pembangunan Usahawan, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dan Jabatan Pengangkutan Jalan akan terus mengadakan kursus untuk pemandu teksi dari masa ke semasa untuk memperbaiki perkhidmatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi SibU pada 24 September meluahkan harapan beliau supaya produk pelancongan perlulah dibangunkan di seluruh negara, khususnya di kawasan zon tengah Sarawak serta mengenai Tabung Khas Pelancongan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam keadaan ideal kerajaan juga mengharapkan semua tempat yang menarik termasuk bandar-bandar di seluruh Malaysia terus dimanfaatkan oleh pembangunan sektor pelancongan. Namun sebarang pembangunan pelancongan adalah berpandukan kepada tumpuan serta keutamaan yang diputuskan oleh kerajaan negeri.

Bagi kes Sarawak pemberian peruntukan kementerian adalah berasaskan kepada perakuan Kerajaan Negeri Sarawak iaitu Perancang Negeri dan Kementerian Pelancongan Sarawak yang juga mengambil kira saranan-saranan terkandung di dalam Sarawak *Second Tourism Master Plan*, dengan izin. Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan memainkan peranan untuk memperluaskan lagi atau *complementary role*, dengan izin, usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan negeri.

Contohnya untuk kawasan zon tengah Sarawak, Kerajaan Persekutuan akan membantu Kerajaan Negeri Sarawak termasuk pihak berkuasa tempatan, Majlis Perbandaran SibU untuk meningkatkan usaha pembangunan pelancongan melalui cara perkongsian pintar atau *smart partnership* dari segi meningkatkan kemudahan asas serta kebersihan setempat, pemasaran pakej-pakej pelancongan yang unik dan promosi, mengeksplotasi Sungai Rejang secara mampan dari segi membangunkan *river cruise packages tours*, serta gabungan dengan lain-lain pakej pelancongan bagi *upper* Rejang. Mengenai tabung khas pelancongan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi SibU, kerajaan telah menyediakan RM400 juta untuk tabung khas pelancongan.

Tabung ini ditubuhkan di bawah Kementerian Kewangan melalui inisiatif Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan dikeluarkan sebagai pinjaman melalui Bank Pembangunan dan Infrastruktur Berhad. Tabung ini diwujudkan bertujuan khusus untuk membantu para usahawan yang berminat untuk membangunkan produk pelancongan. Untuk mendapatkan pinjaman di bawah tabung ini, pemohon perlu mengemukakan projek yang hendak diusahakan untuk didaftar dengan kementerian saya terlebih dahulu.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akan menilai dan sekiranya bersesuaian, akan mengiktiraf serta memperakukan projek berkenaan sebagai projek pelancongan berpotensi dan sesuai. Seterusnya permohonan untuk pinjaman melalui tabung ini mesti dibuat terus kepada Bank Pembangunan dan Infrastruktur Berhad untuk urusan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Labuan pada 30 September, telah mencadangkan supaya Labuan dibangunkan sebagai pusat *sport tourism* khususnya mengenai sukan air. Kementerian berkongsi pandangan dengan Yang Berhormat bagi Labuan di mana *sport tourism* merupakan aktiviti yang boleh menarik pelancong ke Labuan. Kementerian ini sememangnya telah menjadikan *sport tourism* khususnya sukan air sebagai salah satu produk pelancongan yang khas untuk Labuan. Dalam usaha ini, kementerian saya telah pun menjadikan Labuan sebagai salah satu dari venue Pesta Air Malaysia 2002. Aktiviti yang dianjurkan seperti *Labuan International Sea Challenge 2002*, *Labuan International Fishing Tournament*, *Under Water Treasure Hunt* dan *Labuan International Jet Ski Race* telah diiklankan di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kampar pada 1 Oktober, mencadangkan supaya kawasan lombong di Kuala Gula dan bekas lombong bijih timah di

Malim Nawar, Perak dibangunkan sebagai produk pelancongan untuk melihat burung-burung bermusim atau *migratory bird watching*, dengan izin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kampar, kementerian memang sedia maklum mengenai potensi kawasan Kuala Gula sebagai tarikan pelancong kerana kawasan ini merupakan salah satu tempat persinggahan burung-burung dari negara yang bermusim. Dalam hal ini, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, Kementerian telah membelanjakan lebih kurang RM2.5 juta untuk menyediakan pelbagai kemudahan pelancongan di kawasan ini seperti pembinaan tempat penginapan, restoran dan tempat letak kereta.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, sebanyak RM300,000 telah dibelanjakan bagi menyiapkan kemudahan-kemudahan tersebut. Dalam masa yang sama, kementerian saya melalui *Tourism Malaysia* juga telah mempromosikan Kuala Gula sebagai satu destinasi pelancongan khususnya kepada penggemar *bird watching*. Pada tahun 2001, seramai 8,121 pelawat telah mengunjungi Kuala Gula.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Bintang pada 2 Oktober, telah menyarankan supaya Jalan Petaling di Kuala Lumpur dibangunkan sebagai China Town bagi menarik pelancong. Mengenai dengan cadangan Yang Berhormat bagi Bukit Bintang supaya Jalan Petaling dijadikan sebagai China Town untuk menarik kedatangan pelancong, maka ingin saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa kementerian saya melalui *Tourism Malaysia* sememangnya mempromosikan kawasan ini sebagai China Town Malaysia dan dalam masa yang sama, bekerjasama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk membangunkannya sebagai produk pelancongan yang bersesuaian. Lawatan ke China Town Petaling Street juga adalah merupakan salah satu dari agenda *package mega fare*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kuala Selangor pada 3 Oktober telah mengusulkan supaya kerajaan merangka pelan tindakan untuk menaik taraf pembangunan pelancongan yang sedia ada serta menambah dan membaik pulih kualiti perkhidmatan pelancongan di bawah Program Mesra Malaysia. Untuk makluman, Dewan yang mulia ini, program pembangunan pelancongan yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan adalah berdasarkan kepada pelan tindakan pelancongan negara tahun 2000 hingga tahun 2001 yang berteraskan kepada Dasar Pelancongan Negara dan Pelan Induk Eko-Pelancongan Kebangsaan serta Pelan Tindakan Pelancongan Negeri bagi kerajaan negeri yang telah mempunyai pelan pembangunan pelancongan masing-masing.

Memandangkan pelan tindakan pelancongan negara pertama telah pun tamat tempohnya, kementerian saya telah mencadangkan kepada kerajaan untuk mengadakan pelan tindakan pelancongan Malaysia yang kedua untuk tempoh 10 tahun yang akan datang. Di antara program-program yang sedang dirangka untuk dilaksanakan di bawah pelan tindakan yang baru ini, termasuklah untuk menaik taraf produk pelancongan yang sedia ada serta Program Mesra Malaysia, bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan unggul, berkualiti dan dengan izinnya, *super clean, super polite* dan *super excellent*.

Program mesra Malaysia ini adalah bertujuan untuk mewujudkan suatu budaya atau amalan masyarakat kita terutamanya *front linear* yang lebih prihatin mengenai kebersihan, bersopan dan mesra terhadap pelancong agar mereka menjadi tuan rumah yang baik kepada pelancong-pelancong selaku tetamu di negara kita. Dalam hal ini, saya mengharapkan sokongan dari semua Yang Berhormat Ahli Dewan yang mulia ini di dalam pelaksanaannya. Ini adalah kerana kejayaan industri pelancongan di mana-mana negara tidak hanya bergantung kepada produk-produk pelancongan sahaja, tetapi juga bergantung kepada perkhidmatan serta penduduk negara itu sendiri. Negara pelancong memerlukan warganegara yang peramah, tuan rumah yang mesra dan *front linear* yang bertaraf antarabangsa.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [Bangun]

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: [Bangun]

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Akhir sekali, ingin saya katakan bahawa adalah visi kerajaan untuk menjadikan Malaysia

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua orang berdiri Yang Berhormat, Temerloh dan Arau, hendak bagi yang mana?

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Temerloh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Temerloh, ya, sila.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: *[Menekan butang pembesar suara dan didapati tidak berfungsi]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Temerloh, Ada, ada.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Pertamanya, saya hendak ucapkan tahniah kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Saya kira kementerian ini berjaya sekali menarik begitu ramai pelancong datang ke negara ini. Saya hendak menyentuh tentang pelan tindakan pelancongan yang kedua itu. Saya kira sekarang kementerian sudah tentu ada dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *random sampling* ertinya kehendak-kehendak pelancong ini. Pelancong dari Eropah misalnya, kita mesti tahu apa kehendak dia, pelancong daripada Timur Tengah (*Middle East*) sekarang ini yang begitu ramai datang ke Malaysia, apa kehendak dia? Barangkali pelancong daripada Timur Tengah, mereka tidak suka pergi ke pulau-pulau, mereka datang kerana suka *shopping*.

Saya sekali sekala Tuan Yang di-Pertua, pergi berjalan di Bintang Walk, saya dapati seolah-olah saya berada di bandar Madinah ataupun di Jeddah kerana ramai sekali pelancong daripada Timur Tengah. Jadi, *random sampling* ini penting saya kira, untuk kita menentukan apa kehendak pelancong-pelancong ini dan kita boleh menyediakan kemudahan berdasarkan kepada kehendak-kehendak ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih. Memang pelancong-pelancong dari negara-negara yang berbeza ada perbezaannya, apa kesukaan mereka seperti apa Yang Berhormat bagi Temerloh kata. Dari Arab, dari Kuwait, mereka suka *shopping* dan sukakan bandar-bandar yang besar, tidak sukakan pulau. Pelancong dari China langsung tidak suka Batu Caves, mereka ini suka *shopping* juga. Jadi semua faktor-faktor ini ada diambil kira masa pelancongan dibuat untuk tempoh yang kedua. Kita semua memberikan faktor ini kepada pakar untuk mereka memberikan satu format semasa mereka kaji untuk keluarkan satu pelan pelancongan yang kedua.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Batang Lupa, sila.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih dan tahniahlah kepada kementerian. Saya juga menyokong bahawa kementerian ini amat berjaya sekali membawa pelancong masuk ke negara ini. Sebenarnya saya bertanya dalam soalan Parlimen saya, pertanyaan saya – adakah keperluan pelancong-pelancong datang terutama sekali saya sebut umpamanya orang Arab, dia tidak boleh makan makanan Malaysia. Kalau di negara-negara lain, ada diwujudkan satu tempat di mana orang Arab ini boleh makan. Kalau orang Malaysia banyak datang ke satu tempat itu, diwujudkan satu tempat makanan untuk orang Malaysia makan di tempat itu supaya selesai, maka adalah disyorkan diadakan tempat makanan untuk orang Arab.

Akan tetapi sebagaimana jawapan Yang Berhormat tadi, saya juga bersetuju bahawa kita melihat keperluan dan kemahuan tetapi ada batasannya mengikut garis panduan negara kita sendiri kerana kalau orang di London, musim *summer*, dia berbogel sebenarnya, gunakan seluar sahaja di St. James Park ataupun di Hyde Park - berbogel, dia buka semua sekali ini. Kalau dia hendak buka di Terengganu dan di Kelantan ataupun di mana-mana pasir kita ini, kita tidak benarkan. Jadi, tidak semua kemahuan pelancong ini kita penuhi tetapi berlandaskan etika negara kita sendiri.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, memang pasaran Arab ada satu pasar yang baru dalam dua tahun ini sahaja. Jadi memang makanan yang sesuai kepada mereka patut diadakan. Jadi kementerian saya ada menggalakkan pihak swasta membukakan lebih restoran-restoran yang sesuai kepada pelancong dari Arab. Dari segi etika pelancong, semasa mereka melancong di satu-satu tempat, syarikat pelancongan semua ada diberitahu semasa membawa masuk pelancong ke Malaysia mesti memberitahu satu garis panduan semasa melancong di Malaysia, apa jenis pakaian mereka mesti ada. Malaysia kita, walaupun satu negara yang progresif tetapi kita sendiri ada *guide line* berkenaan dengan berpakaian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Arau.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan terutama Menteri, Timbalan Menteri, dan juga Tourism Malaysia yang telah pun berjaya membawa pelancongan negara ke pencapaian yang begitu baik.

Yang Berhormat ada menyebut tadi dari segi mewujudkan *super polite*, masyarakat yang *super polite*, masyarakat yang *super* dalam segala hal mengenai pelancongan. Saya amat bersetuju kerana saya rasa dari segi kementerian, usaha-usaha yang dibuat oleh kementerian, usaha-usaha yang dibuat oleh *tourism* mereka memang benar-benar menumpukan, berazam untuk memajukan pelancongan tetapi sokongan daripada rakyat, daripada orang ramai masih lagi boleh dipertingkatkan.

Apakah tindakan-tindakan yang akan dilaksanakan oleh kementerian supaya sokongan daripada masyarakat dapat dilaksanakan. Adakah diadakan kelab-kelab pelancongan di peringkat sekolah supaya pendidikan pelancongan dan juga menggalakkan pelancong untuk datang ke negara kita, mengalu-alukan pelancong ada di hati setiap penduduk negara kita, terutamanya bagi kalangan generasi muda yang akan mewarisi perjuangan kita hari ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih Yang Berhormat, memang industri pelancongan adalah satu industri boleh dikatakan baru untuk negara kita. Sejarah kita adalah sebuah negara pertanian, sebuah negara pembuatan. Dari segi sini, kementerian saya sudah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan mengadakan kelab-kelab pelancongan di seluruh negara di setiap sekolah. Ini memang kita hendak menanamkan satu budaya hendak menjadikan Malaysia sebuah negara pelancong yang terunggul. Jadi apa Yang Berhormat membangkitkan adalah semua yang kita hendak tanamkan pada murid-murid kita.

Yang kedua adalah berkaitan dengan pegawai-pegawai kerajaan sendiri. Jadi memang pada dahulu kita dapat aduan pegawai-pegawai kita khususnya imigresen dan kastam yang tidak begitu sensitif kepada pelancong, tetapi pada masa sekarang saya sendiri rasa sangat bangga sebab mana-mana kita pergi, apa yang kita dapat maklumat balas adalah pegawai kerajaan kita, imigresen, kastam sangat-sangat *super, polite*. Jadi bukan dari segi swasta sahaja, kerajaan kita sendiri pun mesti sensitif dari segi industri. Daripada segi swasta kita memulakan industri pelancongan - *hoteliers, retailers* dan lain-lain sebab tempat ini adalah tempat yang pelancong selalu pergi, tetapi visi kita akhirnya adalah 23 juta rakyat Malaysia semua jadi *host* yang terbaik kepada pelancong kita.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya kata kita hendak menjadikan Malaysia sebagai negara pelancong yang unggul dengan izin, *world top destine tourist destination country* di mana kita mempunyai segala produk untuk dijayakan. Alam semula jadi kita seperti sungai, pulau, pantai, hutan adalah menarik, pelbagai infrastruktur seperti jalan raya, lapangan terbang, pelabuhan telah pun dibina, corak kehidupan rakyat kita telah ditonjolkan melalui kebudayaan, kesenian, makanan dan *festival*, dan yang paling mengagumkan sekali adalah kestabilan negara kita di mana kesemua 23 juta orang penduduk Malaysia hidup dalam aman.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Panjang lagi Yang Berhormat.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Sikit.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, Dato' Timbalan Menteri pernah pergi melawat Kastam Johor Bharu dan *second link*. Untuk kunjungan itu tunjukkan bahawa Yang Berhormat Dato' sangat rajin supaya dapat....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah puji Yang Berhormat, soalnya.

Tuan Chang See Ten: Okey, dapat kerjasama daripada pegawai-pegawai imigresen dan kastam. Tetapi baru-baru ini seramai 2000 pelancong daripada negeri China masih menghadapi masalah masuk ke negara kita.

Adakah ini satu misalan yang mana pihak imigresen dan kastam terutama imigresen masih tidak dapat datangkan *effectiveness*, kecekapan dalam hal ini supaya kita dapat mendatangkan imej yang baik kepada negara kita ini. Kerana Jabatan Pelancongan berusaha dengan rajin untuk meramaikan pelancong dari negeri China dan negara lain, tetapi jabatan seperti imigresen dan kastam kalau tidak kerjasama rapat dengan mereka ini akan menjejaskan usaha mereka. Apa pandangan Yang Berhormat Dato'? Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih kepada soalan ini. Memang saya bersetuju pada 3 Oktober ada 40 buah bas pelancong yang hendak masuk dari Singapura ke Malaysia melalui *second link* dan mereka tunggu berapa jam untuk *clearing the custom*, dengan izin.

Di sini saya hendak memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat, pada bulan Januari tahun ini saya ada bawa syarikat pelancongan dan juga MCTA atau Persekutuan Pelancong China bersama dialog dengan imigresen dan kastam di *second link* dan mereka bersetuju mereka mesti memberikan maklumat kepada imigresen jikalau masa musim pelancongan yang hebat. Jadi Imigresen boleh sedia pegawai-pegawai sementara untuk hari itu.

Jadi, apa yang terjadi, saya sendiri telefon Setiausaha MCTA, saya tanya mengapa syarikat pelancong tidak ikut apa yang kita bersetuju dan memberikan maklumat kepada imigresen. Jadi kelemahan ini bukan datang dari imigresen, kelemahan ini adalah syarikat pelancongan lupa memberikan maklumat ini. Tidaklah hari-hari ada 40 buah bas yang datang ke *second link*, tidak akan kita banyak pegawai tunggu di situ. Jadi beritahu MCTA, ini adalah kelemahan, kesilapan syarikat pelancongan sendiri. Lepas itu mereka bersetuju. Dua hari lepas, 5 Oktober 100 bas pelancong masuk Malaysia dari Singapura melalui *second link* tidak ada masalah,

Jadi di sini saya hendak puji pejabat imigresen, saya hendak puji pegawai-pegawai imigresen yang mereka ambil inisiatif untuk melicinkan proses-proses prosedur imigresen. Jadi di sini kita boleh – sebab itu saya kata kadang-kadang kita tidak boleh terus kata kesilapan adalah dari pihak kerajaan. Okey.

Tuan Yang di-Pertua, kita berbalik kepada pelancong-pelancong. Pelancong-pelancong memilih untuk pergi ke tempat yang aman dan ceria agar dapat membawa memori yang indah pulang ke negara asal. Dengan itu, adalah tanggungjawab semua rakyat Malaysia memastikan visi negara pelancongan dicapai. Dalam hal ini, sekali lagi ingin saya merakamkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat....

Datuk Napsiah binti Omar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri lagi Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Datuk Napsiah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Saya hendak minta penjelasan sedikit. Sememangnya saya ucapkan tahniah kepada kementerian dengan produknya yang boleh dikatakan *world class product*

dalam pelancongan, 'Cuti-cuti Malaysia' dan warna-warninya tetapi Yang Berhormat, saya ingin membawa sedikit cadangan dan juga minta penjelasan.

Kebelakangan ini ramai juga pelancong yang mana saya jumpa telah menyatakan memang *world class product*, tetapi katanya belum ada lagi wujudnya masyarakat yang prihatin yang juga menerima pelancong-pelancong ini. Sebabnya kalau kita pergi ke Jakarta misalnya, naik sahaja teksi ini, Yang Berhormat, sudah pun tanya, "Ibu, mahu ke mana ibu. Mahu beli senduk, mahu beli batik, ayuh saya tunjukkan." Tetapi katanya bila naik sahaja teksi ini, dia tanya dahulu, "Hendak ke mana?" Muka masam sahaja. Sungguhpun ada satu pelekat mengatakan 'Smile!' tetapi tidak ada senyuman itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, apa soalnya Yang Berhormat?

Datuk Napsiah binti Omar: Yang keduanya, penjelasan. Adakah Yang Berhormat tahu, ada sesetengah pemandu teksi daripada KLIA memberi harga sebanyak RM500 tambang dari KLIA ke Kuala Lumpur. Bila ditanya, "Berapa?" Jawabnya, "*Hundred and fifty*" Dipastikan lagi "*Hundred and fifty*?" Katanya "Yes". Rupanya orang itu ingat *hundred and fifty* US. Dia senyum sahaja bila dapat *hundred and fifty* US. Kalau kita darabkan, lebih kurang RM400 ke RM500.

Jadi, apakah usaha kementerian untuk mewujudkan satu masyarakat yang prihatin terhadap pelancong-pelancong ini. Kalau bolehlah minta penjelasan lagi. Dengan *world class product* ini, seperti KLCC, ramai pelancong datang. Tetapi malangnya Yang Berhormat, tandasnya – memang ini remeh-temeh tetapi kemudahan tandas amat mengecewakan terutamanya tempat-tempat yang dikatakan *public places*, dengan izin. Itulah saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Kalau ada satu usaha untuk menaikkan produk pelancongan dan diperbaiki, apakah rancangan untuk kita mempertingkatkan lagi kemudahan yang lain? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila. Jangan panjang sangat Yang Berhormat ya. Soalan itu boleh pergi sampai setengah jam.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih. Infrastruktur pembangunan senang dibangunkan. Simen, *bricks*, *wood* senang dibangunkan. Enam bulan atau satu tahun sudah sedia.

Jadi, sikap (*attitude*) manusia adalah sesuatu yang sangat susah diubah. Jadi, di sini kementerian bercadang satu program yang terbesar iaitu Program Mesra Malaysia dan kita hendak mendidik semua rakyat Malaysia macam mana hendak menjadikan *host* yang *super special*. Tadi saya sudah jawab. Kita pun harapkan ini melalui kelab-kelab pelancongan di sekolah. Yang keduanya, Yang Berhormat, tandas bukan satu isu yang remeh-temeh. Pada saya, kebersihan tandas adalah satu *benchmark* kebersihan negara dan juga kualiti negara di dalam pelancongan. Jadi, ini memang satu perkara yang kita selalu bincangkan dengan pihak yang berkaitan.

Dari segi teksi, tadi saya sudah jawab....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah jawab Yang Berhormat.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Saya sudah jawab tadi tentang teksi, ya. Mereka boleh buat aduan. Sekarang kita sudah dapat 26 aduan dan kita sudah serahkan kepada kementerian yang berkaitan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, mana-mana pertanyaan yang tidak sempat saya jawab, saya akan jawab secara bertulis. Segala teguran, cadangan dan saranan yang dikemukakan itu akan kami usahakan untuk dilaksanakan bagi memastikan industri pelancongan Malaysia dapat tumbuh secara berterusan bagi tujuan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara pelancongan yang unggul. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih. Sekarang saya jempot Kementerian Sumber Manusia.

Kementerian Sumber Manusia

5.51 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya terus merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Beliau mencadangkan supaya kementerian ini mengadakan program untuk *e-learning* dan *e-trading* bagi produk-produk berkaitan *soft skill* atau pendidikan yang tidak melibatkan keperluan bengkel dan produk tersebut boleh menjadi *value added* dan *critical match* yang mempunyai *niche*.

Kementerian Sumber Manusia adalah komited untuk menawarkan latihan kemahiran berasaskan *knowledge base*. Seramai 40,000 orang pekerja industri boleh mengikuti latihan di institut latihan kementerian ini melalui *e-training* yang akan dilaksanakan pada akhir tahun 2002. Program latihan, dengan izin, *new mode of training system* yang akan dilaksanakan nanti akan dapat dimanfaatkan oleh para lepasan sekolah di mana mereka akan dapat mengikuti latihan kemahiran dalam bidang teknikal terkini secara elektronik.

Ia merupakan satu anjakan metodologi dalam pembelajaran di mana ia berubah dari sistem pembelajaran secara konvensional di mana pembelajaran berpusatkan kepada pengajar atau dengan izin, *instructor focus* kepada sistem pembelajaran yang berpusatkan pelatih atau *student focus*. Dengan terlaksananya program baru ini, seramai 17,000 orang pelatih di 20 buah institut latihan kemahiran di bawah kawal selia kementerian akan mendapat kemudahan sistem *e-training* ini. Di samping itu, Kementerian Sumber Manusia juga berusaha meningkatkan pengetahuan pengajar negara untuk memenuhi keperluan *e-training* dalam pembangunan *electronic curriculum* dan pembentukan panduan pembelajaran atau *learning guide* dan bahan bantuan mengajar bertulis, dengan izin, *written instructional material* serta bahan pembelajaran multimedia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Parit Sulong juga telah mencadangkan supaya Kementerian Sumber Manusia bersama-sama dengan Kementerian Belia dan Sukan untuk membangunkan lagi latihan bagi pembangunan sumber manusia. Beliau berharap ia dapat digunakan untuk keperluan tempatan dan dieksport ke luar negara. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tersebut sememangnya telah dilaksanakan oleh kerajaan, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Belia dan Sukan bersama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan telah pun menjalankan beberapa program latihan pembangunan sumber manusia bagi memenuhi kehendak pasaran semasa dan akan datang dengan setiap kementerian berkenaan memberi tumpuan terhadap bidang keperluan tertentu.

Bagi Kementerian Sumber Manusia, tumpuan adalah untuk menyediakan latihan kemahiran bagi memenuhi kehendak industri. Dalam konteks negara yang menuju ke arah globalisasi dan liberalisasi, pembangunan sumber manusia yang akan dilaksanakan adalah menggunakan sistem dan teknologi terkini bagi memastikan tenaga manusia yang dikeluarkan adalah mencapai standard kemahiran antarabangsa. Tenaga kerja yang dihasilkan bukan sahaja berkhidmat dalam negara tetapi juga berkeupayaan untuk berkhidmat dan bersaing di peringkat antarabangsa.

Timbalan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bagan Datok pula telah mencadangkan supaya kementerian harus mengambil dan membawa ramai pakar ICT walaupun sebagai pegawai dagang ke dalam negara ini untuk menjadikan Malaysia sebagai satu *hub* bagi mewujudkan tenaga ICT. Kerajaan sedar bahawa perubahan ICT berlaku dengan pantas dan memerlukan pekerja-pekerja yang mempunyai kepakaran yang tinggi. Untuk memastikan perkembangan di bidang ICT negara ini berjalan dengan lancar, kerajaan telah memberikan insentif kepada syarikat-syarikat terutamanya syarikat multinasional dan syarikat-syarikat yang mempunyai status koridor raya multi media atau MSC bagi membawa masuk pakar-pakar dari luar negara dengan syarat-syarat yang dilonggarkan. Selain daripada itu, pelbagai program latihan disediakan di semua institusi pendidikan sama ada di

IPTA mahupun di IPTS untuk mengeluarkan lebih ramai tenaga pakar tempatan dalam bidang tersebut.

Yang Berhormat bagi Bagan Datok juga mencadangkan supaya kementerian mewujudkan satu *master plan* bagi meramaikan *knowledge workers* serta mencadangkan sistem teknologi terkini dengan nilai tambahan digunakan untuk skim latihan. Kementerian ini sedang merangka pelan induk khusus tentang *k-workers* untuk melatih belia daripada segi latihan teknikal seperti yang saya nyatakan tadi.

Kementerian juga telah merancang pelbagai projek latihan dengan mengambil kira sistem teknologi terkini agar kita dapat mengeluarkan lebih ramai pekerja yang berpengetahuan, *knowledge workers*. Sehingga kini, dengan adanya 20 institut latihan ILP dan juga Pusat Latihan Teknologi Tinggi dan juga Kursus Teknikal Jepun Malaysia (JMTI) ia akan dapat menampung keperluan pekerja-pekerja yang kita kategorikan sebagai *k-workers*. Selain mempunyai kemahiran, *k-workers* juga mesti menguasai bidang ICT. Salah satu agensi yang diamanahkan di bawah kementerian ialah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSM) telah menjalankan Skim Latihan Teknologi Komunikasi Maklumat untuk pekerja bagi menggalakkan literasi komputer di kalangan pekerja.

Peruntukan RM11 juta juga disediakan oleh PSM Berhad kepada penyedia-penyedia latihan yang bertauliah pada tahun 2001 telah digunakan sepenuhnya dan ia melibatkan 17,779 tempat latihan. Selain itu, kementerian juga menjalankan skim latihan ICT dan bahasa, bahasa Inggeris, bahasa Mandarin dan bahasa-bahasa lain untuk siswazah menganggur memandangkan pengetahuan dalam bidang ICT dan bahasa terutama bahasa Inggeris merupakan satu keperluan untuk melahirkan pekerja yang berpengetahuan atau *k-workers* bagi tempoh 25 November hingga 31 Ogos 2002. Seramai 10,500 orang pekerja siswazah telah mengikuti program ini.

Justeru itu, pada tahun 2002, pihak PSM Berhad telah menaikkan kadar bantuan kewangan bagi latihan teknikal dan teknologi tinggi di mana pekerja yang dihantar untuk mengikuti latihan di luar negara umpamanya boleh dinaikkan daripada 50% kepada 100% bagi kos latihan yang dibenarkan. Dengan ini, majikan-majikan juga akan dapat meningkatkan kemahiran pekerja mereka dalam bidang teknikal dan juga teknologi tinggi. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Marang dan juga Yang Berhormat bagi Permatang Pauh telah mencadangkan supaya ibu yang bersalin diberi gaji 90 hari dan mereka dibenarkan bercuti 15 hari sebelum bersalin. Saya rasa, ini telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pekerja 1955.....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Arau berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan? Sila.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak balik kepada kursus-kursus mengenai ICT yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Alhamdulillah, saya rasa pihak kementerian telah pun mengambil inisiatif yang begitu baik, memberi peluang kepada siswazah-siswazah penganggur dan juga mereka yang di *retrench* dengan izin daripada syarikat-syarikat swasta untuk mengikuti kursus-kursus ICT. Pihak kementerian juga telah mewujudkan *provider-provider* dengan izin untuk melaksanakan program ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, dalam melaksanakan program ini, kita mempunyai satu dasar negara di mana hendak melibatkan bumiputera di dalam perniagaan.

Jadi, dalam kementerian memberi peluang kepada pihak-pihak kumpulan sasar yang ditentukan tadi untuk menerima kursus-kursus yang dianjurkan oleh kementerian, adakah kementerian juga mempunyai satu polisi ataupun satu dasar untuk menentukan supaya mereka yang terlibat dalam perniagaan ini, dalam memberikan kursus kepada mereka yang terlibat ini dapat menjalankan perniagaan mereka dengan baik dan ini akan dapat menyumbang ke arah penglibatan negara kita dalam memajukan ICT dan juga akan dapat mendekatkan jurang *digital divide* di antara kaum yang ada di negara kita. Apakah

usaha-usaha yang dibuat oleh kementerian dan apakah komitmen kementerian dalam menentukan supaya pencapaian ini dapat dilaksanakan. Terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Arau. Balik daripada US semakin merahlah, bukan semakin putih. Apa yang diputuskan di peringkat dasar di mana kita hendak menggalakkan masyarakat MPPB, masyarakat perniagaan di kalangan bumiputera, memang kita terapkan dalam hal-hal yang bersangkutan-paut dengan Kementerian Sumber Manusia. Itu memang kita kekalkan dan kita pastikan ia berjalan dengan baik. Tetapi, yang menjadi masalah Tuan Yang di-Pertua, *training* ini adalah satu perkara baru dalam senario negara.

Walaupun PSM Berhad yang dahulunya dikenali sebagai HRDF ditubuhkan pada tahun 1992 tetapi dalam *training* ini ada beberapa *feed-back* yang perlu saya nyatakan dalam Dewan iaitu di kalangan penyedia-penyedia latihan bumiputera.

ia kurang mendapat sambutan kerana *training* ini adalah satu industri yang pulangan dia agak lambat dan ia memerlukan kepakaran. Yang pertama, kurang minat. Yang kedua, mungkin kurang modal tetapi yang paling ketara sekali dua faktor iaitu kurang arif dalam pemasaran dan juga kurang pengetahuan. Sebab dalam buku *World Class* yang ditulis oleh 'Rothenburg' dia kata, kalau kita hendak berjaya dalam era globalisasi dan liberalisasi, ia mesti ada tiga 'C' Tuan Yang di-Pertua.

Yang pertama, *concept*. *You must have the right concept* dengan izin. Yang kedua, mesti *competent*, ketiga, baru ada *connectivity* dan *connectivity* ini termasuk dalam ilmu untuk memasarkan produk-produk.

Kita di PSM Berhad memang membuka pintu luas kepada mana-mana bumiputera yang ingin mencebur diri dalam latihan sebab dana tiap-tiap tahun penyediaan oleh kerajaan begitu banyak. PSM Berhad ditubuhkan bila kita dapat mengumpul dana daripada sektor industri di mana kita mengumpul 1% daripada gaji bulanan tiap-tiap bulan masuk ke *coffer* dengan izin, tabung PSM Berhad. Dana ini berkembang dengan begitu baik. Tiap-tiap tahun kita membelanjakan lebih RM100 juta untuk melatih pekerja-pekerja dalam pelbagai bidang kerja yang sedang bekerja, yang majikan mereka merasakan perlu ditingkatkan ilmu dan kemahiran dan kepakaran masing-masing. Tetapi oleh kerana mungkin maklumat ini tidak diketahui maka respons daripada penyediaan latihan bumiputera begitu mengecewakan.

Saya masih ingat lagi Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2000, saya dengan pegawai-pegawai kanan PSM Berhad termasuk ketua eksekutif mengadakan dialog dengan penyedia-penyedia latihan bumiputera. Kita memanggil mereka, kita beritahu dana yang ada apa perlu buat, malah kita sarankan supaya mereka menubuhkan umpamanya kesatuan penyedia-penyedia latihan bumiputera bagi memastikan bumiputera tidak tertinggal dalam menjadi penyedia latihan. Sebab kalau kita tengok pekerja bumiputera 60% ke 70% daripada pekerja yang berjumlah 9.4 juta. Mungkin majikan bumiputera sedikit tetapi ini tidak menandakan bahawa peluang penyedia-penyedia latihan bumiputera boleh pergi begitu sahaja tanpa usaha sendiri. Jadi, kita buka bermacam-macam tetapi respons daripada penyedia latihan masih lagi kurang. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Arau tidak puas hati lagi.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berpuas hati penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Saya berharap komitmen yang disebutkan oleh kementerian tadi akan dapat dilaksanakan dan kementerian akan terus membimbing, memupuk menjaga mana-mana provider bumiputera yang ada pastikan bahawa mereka akan dapat memberikan sumbangan ke arah apa yang disebutkan tadi. Satu lagi isu yang ingin saya bangkitkan di sini dari segi kumpulan sasar yang dituju oleh kerajaan ataupun pihak kementerian. Adakah kementerian sedar bahawa kurangnya bumiputera yang mengambil bahagian, terutamanya dalam ICT. Begitu susah untuk mana-mana pihak, mereka yang terlibat untuk mendapatkan pelajar-pelajar ataupun mereka yang disasarkan tadi untuk mengambil bahagian dalam kursus-kursus yang disediakan.

Walaupun kerajaan telah menyediakan kemudahan ini tetapi ini sikap yang memang kita sedia maklum, bila nampak belajar komputer ini agak susah ataupun fobia bagi masyarakat bumiputera, mereka tidak mengambil peluang itu dengan baik. Jadi, apa peranan, apa tindakan dan juga usaha-usaha yang dibuat oleh kementerian supaya sekali lagi tidak berlaku '*digital divide*'. Masyarakat bumiputera, bukan bumiputera terutamanya pemimpin-pemimpin kita berdebat, membincangkan kepincangan kerana kita harus mengenal pasti kepincangan ini daripada masa awalnya lagi supaya tindakan-tindakan yang positif dapat diambil. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sekali lagi saya nyatakan bahawa terdapat banyak penyedia latihan terutama penyedia latihan bumiputera yang bertanggungjawab PSM Berhad. Sebenarnya itu tidak tepat kerana kejayaan sesuatu penyedia latihan banyak bergantung kepada usahanya sendiri dan *connectivity* dengan majikan dan juga kumpulan sasaran.

Kalau rasanya penyedia-penyedia latihan kurang arif tentang *marketing* mungkin kita boleh menyediakan satu platform atau forum untuk menerangkan kepada penyedia-penyedia latihan bumiputera supaya mereka ini terdedah kepada maklumat-maklumat terkini dan mereka juga boleh ditemukan dengan majikan supaya produk-produk mereka itu dapat diterima oleh majikan dan pekerja. Jadi, kita terima cadangan daripada Yang Berhormat bagi Arau secara positif.

Tuan Yang di-Pertua.....,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Panjang lagi Yang Berhormat?

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Sedikit lagi, satu, pasal bersalin ini Akta Kerja 1952 memperuntukkan satu tempoh cuti bersalin selama tidak kurang daripada 60 hari berturut-turut bagi setiap kali bersalin dan bayaran 60 hari elaun bersalin sehingga lima orang kelahiran anak yang hidup. Akta ini memperuntukkan bahawa cuti bersalin itu boleh bermula seawal 30 hari sebelum tarikh jangkaan bersalin.

Dalam keadaan tertentu seorang pegawai perubatan atau pengamal perubatan berdaftar boleh meminta seorang pekerja wanita yang tidak berupaya untuk menjalankan tugas untuk memerlukan cuti bersalinnya pada bila-bila masa dalam tempoh 14 hari sebelum tarikh jangkaan bersalin. Pekerja dengan ini tidak dihalang untuk memulakan cuti bersalin dalam tempoh 30 hari sebelum bersalin dan kembali bertugas sebaik sahaja tempoh 60 hari tersebut tamat.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat bagi Marang dan juga Yang Berhormat bagi Permatang Pauh untuk mengadakan tempoh cuti bersalin bergaji selama 90 hari masih di peringkat perbincangan oleh Jawatankuasa Kecil Kumpulan Kerja Wanita Dalam Pasaran Kerajaan yang dipengerusikan oleh Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Sebelum saya terlupa, saya ingin respons kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bentong.

Tuan Liow Tiong Lai: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat hendak bangkitkan dahulu Yang Berhormat. Biar dia bercakap dahulu lah. Nanti dia berulang perkara yang sama. Sila jawab dahulu Yang Berhormat.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Yang Berhormat bagi Bentong memohon penjelasan mengenai Institut Latihan Perindustrian (ILP) Bentong. Mengenai projek ILP Bentong suka dijelaskan bahawa Kementerian Sumber Manusia telah mengemukakan 18 projek kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dalam RMK8 termasuk cadangan projek pembinaan ILP Bentong. Tetapi kerajaan hanya meluluskan sembilan sahaja dan ILP Bentong termasuk projek yang tidak diluluskan. Bagaimana pun satu lagi projek yang kita namakan pembinaan *Advance Technology Training Center* (ATTEC) telah diluluskan bertempat di Jerantut - jiranlah.

Kedudukan sekarang tapak telah dikenal pasti dan penyediaan dokumen tender. Jadi kita akan memasukkan kembali permohonan untuk mengadakan satu lagi ILP khususnya di Bentong, bila kita diarahkan oleh Unit Perancang Ekonomi dalam Mid-Term Review Rancangan Malaysia Kelapan pada bulan Jun atau Julai tahun hadapan. Jadi, saya berharap Yang Berhormat prihatin dan menerima hakikat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Yang Berhormat bagi Bentong berdiri Yang Berhormat, dia tidak puas hati itu.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri begitu prihatin tentang permohonan daripada penduduk-penduduk Bentong kerana kita telah menyediakan tapak dan kita faham bahawa kawasan Bentong memang amat memerlukan satu Institut Latihan Perindustrian untuk meningkatkan industri di kawasan Bentong yang berdekatan dengan Kuala Lumpur.

Saya berharap kementerian juga dapat merayu kepada pihak kerajaan dan saya bagi pihak penduduk-penduduk Bentong mengucapkan terima kasih dan saya juga akan membuat rayuan sekali lagi. Berbalik kepada apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi berhubung dengan suri rumah tangga mengenai cuti bersalin dan yang berkaitan. Saya hendak dapatkan penjelasan sedikit iaitu kerajaan memberikan cuti kepada suami bagi isteri yang bersalin itu memang merupakan satu insentif untuk menggalakkan lebih ramai suri rumah tangga keluar bekerja, dan memang merupakan polisi kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai wanita memasuki pasaran buruh.

Untuk meningkatkan guna tenaga negara kita sekarang, apakah langkah-langkah lain yang diambil oleh kerajaan untuk menggalakkan wanita bekerja kerana pada fahaman saya *about 47%* wanita yang bekerja di negara kita sekarang. Yang kedua, ini berhubung dengan adanya rayuan-rayuan daripada orang ramai, penduduk, berhubung dengan kos menggaji pembantu rumah. Kita tahu kalau kita hendak menggalak suri rumah tangga keluar bekerja, kena ada orang menjaga rumah dan pembantu rumah.

Ini adalah menjadi satu keperluan sekarang di kebanyakan rumah, kerana sekarang suami isteri memang keluar bekerja, kalau dahulu memang isteri tidak bekerjalah duduk dekat rumah. Oleh itu kos menggaji pembantu rumah ini terus meningkat. Pada masa sekarang lebih kurang 4,800 *sometimes* ada yang sampai 5,000, adakah kerajaan akan mengkaji semula, kerana pada fahaman saya memang kita pada satu ketika berbincang dengan Kerajaan Indonesia dengan kerajaan-kerajaan yang lain, negara-negara lain. Kita mengehendak atau menentukan kos ataupun bayaran agensi pekerjaan swasta ini, saya rasa pada satu ketika...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat cukuplah sudah panjang sangat.

Tuan Liow Tiong Lai:hanya RM500, tapi sekarang kita sudah sampai RM4,800, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan dalam hubungan ini? Sekian, terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Bentong. Kementerian ini memang ada *sentimental value* dengan Bentong...*[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sebab Menteri dia ada di situ ya?

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:dahulu ya Menteri, bekas.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Silalah jawab.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Dan Bentong pun tempat Menteri Besar, jadi sebab itu kita kena jaga dua-dua tempat ini, jangan kawan kita masuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Ini langkah untuk meningkatkan wanita bekerja, ada sangkut paut dengan kos untuk menggaji pembantu rumah. Memang kita sedia maklum, Malaysia akan tempang, pembangunan kita akan kecundang jika kita biarkan setengah daripada kekuatan Malaysia ini khususnya wanita terbiar begitu sahaja. Sebab itu kita, satu kita iktiraf wanita sebagai golongan pekerja yang mencurahkan bakti kepada pembangunan negara dan kita tidak kiralah wanita itu dia cantikkah, tidak cantikkah, dia tetap penyumbang kepada ekonomi negara. Kita tidak letaklah perempuan cantik duduk rumah. Cantik tidak cantik itu nombor dua. Yang paling penting kita iktiraf wanita sebagai ejen kepada pembangunan negara, sebab itu kita mengadakan pelbagai langkah.

Baru-baru ini saya ke Penang merasmikan *Job Fair* di Penang Tuan Yang di-Pertua, saya lihat, saya ingat tiga suku yang hadir dalam *respond* kepada iklan-iklan, ceramah-ceramah, *boost-boost* yang kita sediakan oleh majikan adalah wanita. Jadi itu sebahagian daripada langkah-langkah yang kita buat untuk menarik lebih ramai wanita masuk ke pasaran pekerja supaya kita tidak terlalu bergantung sangat kepada buruh asing yang halal.

Mengenai pembantu rumah kita tahu kos untuk membawa masuk pembantu rumah ini saban hari meningkat, kerana mereka tahu yang ejen di negara-negara *host* memang tahu yang kita sangat memerlukan mereka. Kalau dahulu harganya sekian, sekarang dah meningkat 20%, 30% dan dasar yang ada sekarang, kita tidak menetapkan kos untuk membawa pembantu rumah, ada dua cara satu melalui ejen, tapi majikan boleh pergi sendiri, cari sendiri, yang cari sendiri ini selalunya murah sedikitlah, murah banyak sebenarnya sebab tidak melalui orang tengah.

Jadi kalau Yang Berhormat Bentong hendak pakai pembantu rumah sendiri, kalau kita pergi sendiri, kita boleh tengok sendiri di Jakarta atau di mana-mana dan kita boleh ambil sendiri, tetapi melalui proses yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Jadi inilah dia Tuan Yang di-Pertua, *the push and set, push and pull factor* yang menjadi dilema sama ada kita pada waktu yang satu, kita hendak galakkan wanita bekerja dan pada waktu yang kedua juga kita terpaksa memberi perhatian kepada keluarga dan di sinilah keperluan pembantu rumah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih rakan saya Timbalan Menteri. Cuma saya hendak mendapat penjelasan tentang para pembantu rumah ini yang melibatkan kos yang tinggi, adakah kerajaan mengkaji bahawa salah satu punca yang mungkin kerana *levi* itu sendiri yang juga agak tinggi, yang menyebabkan menjadi satu peningkatan kepada kos untuk membawa masuk, walaupun di samping perkara-perkara lain yang dikenakan oleh pihak agensi untuk membawa masuk ini.

Tetapi *levi* yang dikenakan oleh kerajaan itu sendiri, yang kalau kita pergi sendiri pun kita sebagai majikan hendak cari pembantu rumah pun terpaksa membayar kepada kerajaan dengan harga yang tinggi, kalau tidak silap saya RM1000 ya, RM1000 *levi* tersebut. Jadi ini seolah-olah macam kerajaan juga mengambil kesempatan daripada membawa pekerja asing ini datang ke negara kita untuk mendapat satu perolehan, keuntungan yang besar dalam keadaan membebankan rakyat dalam negara kita, membebankan pegawai-pegawai di belakang sana. Mereka gaji pun tidak seberapa duduk pula di Kuala Lumpur jadi dibeban dengan kos hendak bawa pekerja asing itu, iaitu *levi*. Dan bagi saya bahawa kalau sejuta pekerja asing termasuk sebahagiannya ialah pembantu rumah dibawa masuk, kerajaan beroleh satu bilion daripada ini.

Saya tidak mahu nanti orang menganggap, seolah-olah kerajaan ini menganggap bahawa ini satu perniagaan hamba abdi tahu tidak! Jadi mengambil kesempatan di atas kemasukan pekerja-pekerja asing, tetapi saya tidak beranggapan begitu, tetapi saya harap orang tidak menganggap sebegitu rupa jadi kalau boleh bagi saya, kerajaan mengkaji balik tentang pengenaan *levi* yang agak tinggi ini.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Mungkin kenyataan Pokok Sena betul, tetapi kajian tidak dibuat, apa pun kita kenakan dahulu *levi* rendah, kita *levi* tinggi, orang masih tetap hendak bekerja di Malaysia. Saya rasa itu bukan faktor yang menjadikan ia tinggi, kebanyakan faktornya adalah bukan faktor yang ditetapkan oleh kerajaan. Faktor-faktor yang di luar kawalan kerajaan, umpamanya hendak bawa masuk, sebagai contoh hendak buat pasport di Indonesia macam kita senang sahaja. Kita ada RM150 kita pergi dekat imigresen kita boleh dapat 150 muka punya *pasport*, tetapi tidak di Indonesia kalau hendak dapat *pasport* mungkin kosnya rendah *the sunken* kosnya begitu tinggi. Mungkin RM1000 dan ini yang menjadikan ejen-ejen di sana mengenakan bayaran yang lebih tinggi. Jadi sangkaan dan saranan Yang Berhormat mengatakan bahawa kalau kita turunkan *levi*, kos membawa pembantu rumah ini akan turun, saya rasa ia tidak berapa tepat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja, saranan yang dapat saya nyatakan di sini kepada rakan-rakan yang tidak sempat saya jawab dalam masa yang singkat ini kita buka pada perbincangan sewaktu di peringkat jawatankuasa, sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

4.24 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terus masuk ke isu-isu perumahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, silakan lagi cepat lagi bagus.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat bagi Permatang Pauh telah membangkitkan mengenai isu keupayaan rakyat untuk memiliki rumah serta harga rumah yang tinggi tetapi berkualiti rendah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sejak sebelum merdeka lagi kerajaan telah memperkenalkan berbagai program perumahan agar semua golongan rakyat di Malaysia ini termasuk yang miskin dan berpendapatan rendah mampu memiliki rumah yang selesa dan berkualiti. Di antaranya ialah program perumahan awam kos rendah, program perumahan rakyat termiskin di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Program Perumahan melalui Skim Pertapakan dan kemudahan asas dan Program Perumahan Rakyat. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan telah memperkenalkan di bawah Program Perumahan Rakyat Dimiliki yang dilaksanakan oleh pihak kementerian yang mana harga untuk jualan rumah berkenaan telah ditetapkan mengikut lokasi dan harga tanah seperti berikut;

- (a) RM45 ke atas satu meter persegi iaitu rumah pangsa melebihi lima tingkat, harganya ialah RM35,000 seunit;
- (b) RM15 ke RM44.99 iaitu dalam bandar besar dan pinggir bandar. Rumah pangsa lima tingkat, harganya RM30,000
- (c) iaitu RM10 sampai RM14.99 meter persegi iaitu di bandar kecil rumah teres dan kelompok, harganya ditentukan tidak melebihi RM28,000
- (d) di mana harga tanahnya satu persegi di bawah RM10 iaitu di luar bandar rumah teres dan kelompok, harganya tidak melebihi RM25,000 seunit.

Sementara itu Tuan Yang di-Pertua, harga jualan rumah kos rendah oleh pihak swasta masih kekal antara RM25,000 sampai RM42,000 mengikut kategorinya. Yang Berhormat bagi Permatang Pauh juga membangkitkan bahawa berdasarkan peruntukan RM700,000,000 untuk rumah kos rendah, harga rumah seunit hanya RM10,650 sedangkan harga jualan ialah antara RM32,000 hingga RM42,000 seunit. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, apa yang disebutkan oleh Menteri Kewangan dalam ucapannya adalah

berkaitan hanya projek-projek sambungan sahaja demi untuk menyiapkan projek-projek yang sedang dilaksanakan di peringkat negeri. Sebenarnya dalam Rancangan Malaysia Kelapan pihak kementerian telah diperuntukkan dana sejumlah RM4.194 bilion yang mana RM1.404 bilion adalah untuk program perumahan rakyat dimiliki dan sebanyak RM2.79 bilion ialah untuk program perumahan rakyat disewa.

Yang Berhormat bagi Tanah Merah telah membangkitkan isu berkaitan penempatan ibu tunggal yang berpendapatan kurang dari RM600 di perumahan kos rendah secara berkelompok adalah tidak wajar dan seolah-olah mengasingkan mereka.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penempatan ibu-ibu tunggal di perumahan kos rendah adalah mengikut prosedur biasa dan mereka akan ditempatkan sebagaimana penghuni-penghuni rumah kos rendah yang lain. Golongan ibu-ibu tunggal tersebut juga tidak akan ditempatkan secara berkelompok. Isu mengenai rumah kos rendah yang tidak mencukupi walaupun harga rumah dinaikkan telah diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Tebrau. Mengikut data semasa sejumlah 190,597 unit rumah kos rendah telah dibina oleh sektor awam dan sektor swasta di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Pihak kementerian telah mensasarkan pembinaan 232,000 unit rumah kos rendah oleh sektor awam dan swasta bagi menampung keperluan tersebut dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Yang Berhormat bagi Bukit Bintang telah membangkitkan mengenai isu pemindahan setinggan di mana tahun 2005 adalah tahun setinggan sifar dan mencadangkan supaya peruntukan projek perumahan rakyat diperketatkan agar penghuni setinggan diberi keutamaan.

Mengenai isu berkenaan pihak kementerian saya melalui Jabatan Perumahan Negara telah diarahkan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) untuk membina 34,584 unit rumah kos rendah untuk disewa di bawah program perumahan rakyat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja dan 21,104 unit rumah ini di negeri-negeri lain. Semua projek ini dijangka siap keseluruhannya sebelum tahun 2005. Di samping itu, Jabatan Perumahan Negara juga akan melaksanakan pembinaan 40,000 unit PPR iaitu program perumahan rakyat dimiliki iaitu untuk dijual dan 50,000 unit lagi PPR untuk disewa di seluruh negara yang dijangka siap sebelum tahun 2006. Keutamaan para penghuni bagi projek-projek ini adalah untuk pemindahan setinggan dan juga golongan yang berpendapatan rendah bagi mencapai sasaran setinggan sifar pada tahun 2005.

Ahli Yang Berhormat yang sama juga telah membangkitkan mengenai kelewatan pengeluaran sijil hak milik strata dan sijil layak menduduki oleh pemaju kepada pembeli rumah dan mencadangkan supaya pihak kerajaan mengambil tindakan yang tegas terhadap pemaju yang melambatkan pengeluaran sijil-sijil berkenaan. Dalam perkara ini pihak kementerian saya akan menasihatkan kepada pembeli-pembeli rumah mengenai aduan-aduan kelewatan pengeluaran sijil hak milik strata agar merujuk perkara tersebut kepada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dan juga kepada pihak berkuasa tempatan yang berkaitan sekiranya berlaku kelewatan pengeluaran sijil layak menduduki.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu lanskap. Isu berkenaan berkurangan kawasan rekreasi untuk golongan belia dan golongan kanak-kanak berbanding kawasan *hardscape* yang semakin bertambah telah dibahaskan oleh Yang Berhormat bagi Lumut. Sehubungan perkara ini pihak kementerian melalui Jabatan Lanskap Negara sentiasa memantau mengenai perkara ini. Adalah menjadi dasar kementerian saya untuk memastikan 70% daripada kawasan taman dibangunkan dengan lanskap lembut iaitu *soft landscape*. Isu sebenar yang dihadapi oleh pihak berkuasa tempatan ialah kekurangan kawasan taman rekreasi akibat dari pertambahan permintaan daripada penduduk. Salah satu langkah yang diambil bagi mengatasi masalah ini terutama di kawasan bandar ialah dengan penyediaan pelan induk lanskap bagi setiap bandar. Melalui pelan ini, bilangan dan taburan kawasan lapang dapat disediakan mengikut piawaian perancangan semasa. Setiap taman harus dirancang dan direka bentuk mengikut keperluan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu kerajaan tempatan, untuk Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang dalam proses

meminda Akta 172 dan bukan sahaja untuk memberi perlindungan kepada nilai estetika dan nilai bangunan tetapi juga tujuan negara. Pemuliharaan bangunan-bangunan warisan yang bercirikan semua masyarakat sama ada Melayu, Cina, India dan lain-lain bangsa yang mempunyai bangunan yang bercirikan nilai estetika dan bangunan. Melalui pindaan akta itu warisan budaya negara dapat dipelihara tanpa menjejaskan pembangunan negara. Ahli Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara pula telah mencadangkan supaya Kerajaan Tempatan mensyaratkan pemaju menyediakan pemasangan lampu di bahagian depan dan belakang rumah bagi mengurangkan kadar jenayah di kawasan perumahan. Menyentuh perkara ini penyediaan pemasangan lampu, *lighting points* di bahagian depan rumah merupakan perkara yang menjadi amalan pemaju. Setakat ini belum ada syarat untuk mewajibkan penyediaan pemasangan lampu di bahagian belakang rumah. Pihak kementerian ini akan mengkaji cadangan untuk mensyaratkan penyediaan pemasangan lampu di bahagian belakang rumah.

Yang Berhormat bagi Mambong telah membangkitkan isu berhubung dengan pelupusan sisa pepejal yang semakin meningkat dan mencadangkan supaya alternatif pengurusan sisa pepejal yang lebih mesra alam perlu digunakan bagi menggantikan kaedah *secured landfill* yang diamalkan sekarang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa kaedah pengurusan sisa pepejal yang bersepadu perlu dilaksanakan bagi menguruskan sisa pepejal dengan lebih berkesan. Penggunaan tapak pelupusan *sanitary* atau *secured landfill* dan rawatan termal adalah sebahagian dari kaedah-kaedah yang boleh digunakan. Pihak kerajaan tidak mengabaikan pendekatan-pendekatan lain yang boleh digunakan dalam pengurusan sisa pepejal seperti amalan Kempen Kitar Semula sebagai satu alternatif penyelesaian masalah pengurusan sisa pepejal yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut.

Walau bagaimanapun, sebagaimana yang terbukti di negara-negara lain, pendekatan tunggal tidak dapat menyelesaikan masalah pengurusan sisa pepejal dan ia perlu dilaksanakan secara bersepadu untuk mendapatkan hasil yang lebih baik. Penggabungan kaedah-kaedah seperti kitar semula, tapak pelupusan *sanitary* dan loji rawatan termal dijangka akan memberikan hasil yang lebih baik dalam pengurusan sisa pepejal di Malaysia. Berkaitan dengan isu ini iaitu isu loji rawatan termal, Yang Berhormat bagi Seputeh juga telah membangkitkan mengenai bahaya gas dioxin yang keluar dari loji tersebut, dan sebab-sebab kerajaan memilih jenis loji ini kerana di beberapa negara Barat dan Jepun, *incinerator* telah digantikan dengan teknologi yang lain. Bagi menjawab persoalan ini, sebenarnya sebelum pihak kerajaan membuat keputusan untuk membina loji rawatan termal di Kampung Bohol, kajian dan prosedur terperinci telah dijalankan dan dipatuhi. Kerajaan amat berhati-hati dan telah merujuk kepada pakar-pakar di dalam bidang berkenaan dan segala kemungkinan telah diambil kira untuk dimasukkan ke dalam reka bentuk projek yang akan dibina nanti.

Isu laporan *Environment Impact Assessment (EIA)* dan gas dioxin telah pun dijawab di dalam Dewan ini oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar semalam dan saya tidak ada apa-apa lain lagi yang perlu ditambah. Dakwaan Yang Berhormat bagi Seputeh bahawa banyak loji *incinerator* telah ditutup di negara Barat dan Jepun adalah benar, tetapi loji-loji tersebut adalah loji yang dibina pada sebelum tahun 1990 dan yang menggunakan teknologi yang tidak memberi pendekatan kepada pengurusan gas dioxin. Setelah menghadapi beberapa masalah berkaitan pelepasan gas dioxin, banyak negara telah mengenakan piawaian yang lebih ketat yang memerlukan perubahan kepada teknologi pengawalan, pencemaran dan pembakaran.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Mana-mana loji yang tidak mampu....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang Berhormat minta penjelasan.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tunggu, tunggu, tunggu. Loji-loji yang tidak mampu membuat perubahan berkenaan ditutup. Sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Semalam walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri Alam Sekitar telah menjawab soalan saya tentang *dioxin* dan sebagainya, pertama sekali beliau mengakui *dioxin* ini merbahaya kepada nyawa manusia. Yang kedua, beliau sebenarnya tidak dapat menjawab soalan-soalan saya yang saya bangkitkan mengenai EIA *incinerator* di Kampung Bohol itu.

Sebenarnya ramai yang membaca EIA *incinerator* Kampung Bohol mendapati bahawa yang penulis ataupun *consultant* untuk EIA ini menulis laporan ini atas kehendak kerajaan yang mana bila kerajaan ingin membina *incinerator*, mereka menulis dan membuat kajian seolah-olah untuk menyebabkan projek ini dapat dijalankan. Ini boleh ditunjukkan yang tapak yang dipilih itu iaitu Kampung Bohol di mana EIA itu hanya khusus kepada *radius* 500 meter sahaja tetapi bukan 7.5km yang dikehendaki mengikut *standard* antarabangsa untuk membuat EIA. Selain daripada itu *Social Impact Assessment* yang sebenarnya ini juga adalah sebahagian daripada EIA mestilah dibuat dalam lingkungan 10km yang mana terlibat untuk mengambil sampel tanah untuk mengkaji *life cycle* dan sebagainya, semua ini juga tidak dilakukan.

Dalam EIA itu ia juga mengakui bahawa kualiti udara di bahagian itu adalah tidak bagus. Ini ada terdapat dalam bab 5 muka surat 10 dalam Laporan EIA. Jadi kalau kualiti udara itu sudah tidak bagus dan EIA melaporkan bahawa ramai orang tua dan juga kanak-kanak di situ menghidap penyakit pernafasan seperti asma, jadi kenapakah kerajaan hendak pilih tapak itu yang mana mempunyai penduduk yang begitu ramai. Kalau kita kira lingkungan 7.5km di mana ia melibatkan 1 juta penduduk dan melibatkan enam kawasan Parlimen yang lima daripadanya adalah daripada Barisan Nasional. Jadi apakah jawapan, saya tidak dapat apa-apa jawapan daripada Timbalan Menteri Alam Sekitar semalam. Jadi apakah jawapan yang boleh diberi oleh Timbalan Menteri sekarang? Sekian, terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat dengar tadi, saya sudah jawab mengenai EIA ini, pihak kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar adalah pakar untuk perkara ini. Mereka sudah jawab, dan kalau Yang Berhormat tidak puas hati dan terima, itu terpulang kepada Yang Berhormat, sebab bagi kementerian kita hanya melaksanakan projek ini. Apabila kita dapat kelulusan EIA ini maknanya kita sudah dapat kebenaran daripada pihak kerajaan yang keluarkan EIA itu diluluskan oleh pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan kita tidak ada masalah untuk mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh EIA itu. Sebab itu saya tidak bercadang menjawab perkara itu. Yang Berhormat sudah tanyakah semalam? Saya pun ada di dalam Dewan ya. Itu terpulang kepada Yang Berhormatlah. Kalau tidak puas hati, tanya lagi lain hari, ya? Apa boleh buat. Kita hanya tumpukan kepada kelulusan itu – bila lulus kita puas hati.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Datuk Peter Chin Fah Kui: Baiklah Yang Berhormat, itu sahaja mengenai EIA yang saya akan jawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apa lagi?

Datuk Peter Chin Fah Kui: Kalau tidak puas hati, tanyalah pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Okey, saya tidak tanya tentang EIA, saya tanya tentang perkara yang lain.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Apa lagi?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bagi jalan, bagi jalan?

Datuk Peter Chin Fah Kui: [Mempersilakan Yang Berhormat bagi Seputeh]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau laporan EIA tidak diambil kira oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya rasa sangat anehlah, kerana yang Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam

Sekitar tidak memberikan saya jawapan yang memuaskan hati. Jadi saya hendak tanya tentang dari segi kos *benefit analysis*.

Okey, yang saya tahu modal yang dilaburkan oleh kerajaan, iaitu CEPES, ialah RM1.5 bilion, dan *Operation Expenditure* (OPEX) adalah RM50 juta satu tahun. Jadi kalau kita bahagikan RM50 juta dengan 1,500 tan sehari dan kita kali 285, kita akan mendapati bahawa kos untuk membakar sampah ini sebenarnya adalah RM270 *per tan*, dan pada kadar sekarang, cara pembuangan sampah yang digunakan sekarang, sama ada *sanitary land-fill* ataupun *dumping*, kosnya hanya antara RM25 ke RM35 *per tan* sahaja. Jadi, bukankah perbezaan ini adalah sepuluh kali ganda – bukankah kos ini adalah tidak munasabah? Kenapakah kerajaan meluluskan? Dan juga ini akan menjadi *incinerator* yang terbesar di dunia, jadi ini bermaksud apa yang terdapat di dalam laporan EIA ini mengenai *incinerator* yang lain, tidak ada satu pun yang boleh dicontohi oleh kita – ini adalah yang terbesar di dunia.

Jadi bukankah ini adalah tidak wajar bagi kerajaan untuk melabur begitu banyak wang untuk membina *incinerator* yang terbesar di dunia, di kawasan kediaman yang mempunyai penduduk yang padat. Saya juga ingin bertanya, sama ada cukai pintu akan dinaikkan selepas *incinerator* ini dibina.

Selain itu, apakah tahap *technology transfer* yang akan berlaku dalam proses ini, dan adakah ini akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk penduduk kita selepas menggunakan *incinerator* ini? Soalan yang lain, yang saya tahu, *incinerator* ini jangka hayatnya hanyalah 20 tahun sahaja dan selepas 20 tahun – *life span* nya memang 20 tahun sahaja, jadi ia tidak digunakan lagi, dan selalunya tapak di mana terbinanya *incinerator* itu akan terdapat kadar dioksin yang sangat tinggi di sekitar kawasan itu. Jadi macam manakah kerajaan akan menanggung kos seperti ini dan tidak ada syarikat insurans akan menanggung pembelian insurans untuk projek *incinerator* ini. Jadi, bagaimanakah kerajaan akan menyelesaikan masalah ini?

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat, ini masalah yang Yang Berhormat hadapi - sebab Yang Berhormat tanya semua soalan-soalan kerana Yang Berhormat tidak terima prinsip bahawa kita hendak gunakan satu kaedah baru untuk menguruskan sisa pepejal di dalam negara kita. Kalau Yang Berhormat terima prinsip itu, loji ini ialah satu loji yang menggunakan teknologi paling tinggi. Dan, selepas beberapa kajian yang dibuat dan rekomendasi yang diberi oleh kumpulan pakar yang kita gunakan, teknologi ini adalah yang terbaik. Sebab ianya terbaik, maka kosnya adalah tinggi sebab kita hendak ...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya hendak tanya lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Datuk Peter Chin Fah Kui: Duduklah, saya jawab ya? Kalau hendak tanya banyak soalan itu, berilah peluang saya jawab.Sebab teknologi yang terkini ini akan kita gunakan, maka kosnya adalah tinggi. Tetapi kita tidak hendak berkompromi mengenai kos demi menggunakan teknologi yang rendah. Kita pilih loji yang menggunakan teknologi yang terkini dan tertinggi supaya tidak ada unsur-unsur yang disebutkan oleh Yang Berhormat, iaitu pencemaran udara melalui dioksin atau lain-lain gas.

Oleh sebab itu Yang Berhormat, kerajaan dengan susah-payah mencari wang dan sebagainya untuk melaburkan satu loji yang agak mahal, dan dengan teknologi yang tinggi. Saya rasa penduduk di sekitar Kuala Lumpur ini akan selesa, kerana loji ini ialah untuk sampah-sampah yang dikutip dalam kawasan itu. Prinsipnya ialah, kalau sampah-sampah yang dikutip dalam satu kawasan, ia perlu dirawati di situ – dalam kawasan itu, bukan untuk diangkut ke kawasan-kawasan yang lain. Sebab prinsip itulah kita cari tanah yang sesuai, dan dikenal pasti tanah di Kampung Bohol adalah yang paling sesuai untuk digunakan bagi loji ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Boleh saya tanya lagi?

Datuk Peter Chin Fah Kui: Oleh sebab itu Yang Berhormat, mengenai perkara-perkara seperti *technology transfer*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan lagi Yang Berhormat.

Datuk Peter Chin Fah Kui:hanya boleh digunakan selama 20 tahun dan sebagainya

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seputeh.

Datuk Peter Chin Fah Kui:semua ini adalah, kalau boleh saya gunakan "*if*", dengan izin, "*if this*", "*if that*", yang kita pastikan ialah perkara ini kita

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seputeh...

Datuk Peter Chin Fah Kui:masih akan bina.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seputeh, sila duduk.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Datuk Peter Chin Fah Kui: Sabar, sabar. Kita akan membina loji ini kerana kita tahu, kita yakin, loji ini yang menggunakan teknologi yang terkini, maka kita tidak akan menghadapi banyak masalah dan sebabnya loji ini menggunakan teknologi yang tercanggih, yang terkini, maka kita gunakannya dan ia juga tidak *labor intensive*, dengan izin. Sebab tidak *labor intensive*, kita boleh mengurangkan kosnya untuk menjalankan tugas-tugas seperti yang kita jadualkan.

Oleh sebab itu, Tuan Pengerusi, maka projek ini kita yakin, pihak kerajaan yakin, tidak akan membawa apa-apa kesan kepada penduduk di Kampung Bohol. Saya ingin hendak memberikan satu contoh kepada Yang Berhormat ...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Contoh lagi ...

Datuk Peter Chin Fah Kui: Saya masih ingat dalam lingkungan enam atau tujuh tahun yang lalu, pihak kerajaan membina satu loji untuk merawat sisa toksik di Tanah Merah di Negeri Sembilan. Masa itu saya di dalam Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, saya masih ingat, sama juga keadaan ini di mana rakyat sana rasa khuatir iaitu *the nimby syndrome*, dengan izin, *not in my backyard syndrome* tapi sekarang kalau Yang Berhormat pergi melawat Bukit Tanah Merah, semua yang dekat dengannya perumahan. Sekarang rakyat di sana rasa tidak ada apa-apa masalah, sebaliknya loji itu apabila di bina di Tanah Merah pula keadaan jalan bagus, bertambah baik, *road become bigger* dan pembangunan di dalam kawasan itu terus dibangunkan kerana semua ada kemudahan-kemudahan ini, air ada, elektrik ada, jalan ada. Dan, sebab itu rakyat sekarang di Tanah Merah itu puas hati, tidak ada isu pencemaran, tidak ada isu hendak bantah lagi. Saya rasa di Kampung Bohor pun akan sama juga kerana kita ingin gunakan teknologi yang terkini, sama dengan di Bukit Tanah Merah kerana loji itu pun gunakan teknologi yang terkini, walaupun dia merawat sisa-sisa toksik. Hendak tanya lagi?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, bolehkah? Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang baik hati dan bagi peluang. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kata bahawa *incinerator* ini akan menggunakan lebih kurang pekerja, jadi ini bermaksud kerajaan tidak berminat untuk mencipta lebih peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia, ini satu.

Yang kedua, Yang Berhormat bangkitkan isu Tanah Merah dan bandingkan ia dengan Kampung Bohor. Sebenarnya ini dua perkara yang berlainan. Kalau dalam isu Tanah Merah cara kerajaan laksanakan adalah menggunakan kekerasan dan ini menimbulkan bantahan yang banyak daripada penduduk sana. Dan, kalau kita banding kepadatan penduduk di Tanah Merah dan juga di sekitar Kampung Bohor ini, perbezaannya memanglah jauh sangat. Kalau kita ikut *international standard* 7.5 km radius itu terdapat 1 juta penduduk. Cara Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab soalan saya seolah-olah Yang Berhormat tidak pernah pergi ke kawasan Kampung Bohor.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Sudah, saya pergi.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Itu adalah dekat dengan kawasan saya, dekat dengan rumah saya. Kalau Yang Berhormat ada masa mungkin kita boleh pergi melawat tempat itu bersama-sama dan kita boleh menjalankan kajian temu bual dengan penduduk di sana dan tengok pandangan mereka. Jadi, tentang isu teknologi yang digunakan itu adalah tercanggih, yang terbaik di dunia yang mana tiada dioxin akan dikeluarkan. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri pada 28 Mac 2000, di mana dilaporkan air buangan daripada *incinerator* buatan di Bara, di Fujisawa, Jepun telah mencemarkan Sungai Hikichi di Fujisawa. Sungai itu mempunyai tahap dioxin yang tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Seputeh, saya mintalah ringkaskan soalan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bukan, saya hanya hendak memberi pendapat yang saya cari itu kepada Yang Berhormat Menteri supaya kerajaan tidak membuat dasar yang salah. Dan, kalau kita lihat ...

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat, sudahlah, saya rasa kita pendekkan perbincangan ini, ya. Tidak payah kita *debate* pada hari ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tetapi ini melibatkan 1 juta penduduk. Nanti Barisan Nasional kalah lagi dalam pilihan raya yang akan datang, ini yang saya bimbang.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Sudahlah Yang Berhormat, sudahlah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Dalam lima buah kawasan Parlimen di sekitar Kampung Bohor, tidakkah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu bimbang terhadap nasib dari Serdang, Subang Jaya, Lembah Pantai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seputeh, Yang Berhormat bagi Seputeh.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak memberikan peluang lagi untuk Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang Berhormat Timbalan Menteri *gentleman* sikit, jawab soalan saya, ini adalah perkara yang sangat membimbangkan penduduk di sekitar kawasan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Perkara ini telah beberapa kali Yang Berhormat kemukakan jadi kita dengar jawapan daripada pihak kerajaan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tetapi ini kali pertama Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab dan saya rasa kesal Menteri sendiri tidak datang ke Dewan ini menjawab soalan yang penting ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat teruskan jawapan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Boleh jawab soalan yang saya tanyakah?

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya, ya, ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya akan teruskan. Yang Berhormat bagi Seputeh, saya ingin baca ini. "Loji yang akan dibina oleh kerajaan di Kampung Bohor adalah menggunakan teknologi terkini yang mampu merawat dan mengawal pelepasan seperti *dioxin* ke tahap yang dikehendaki oleh peraturan alam sekitar." Oleh itu kekhawatiran mengenai keselamatan dan pelepasan dari loji di Kampung Bohor tidak harus berbangkit kerana pihak kerajaan juga akan mengambil pelbagai tindakan bagi menjamin keselamatan loji seperti kemasukan sistem pengesanan awal serta operasi dan penyelenggaraan yang baik. Yang Berhormat memang ada syarat-syarat yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar mengenai EIA itu, Yang Berhormat boleh pastikan berapa syaratnya yang perlu diikuti oleh pihak pengurusan loji ini. Semua ini adalah menjamin keselamatan rakyat.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat bagi Seputeh supaya – ha! Ini bagus, pengasingan sampah dilaksanakan sebelum dibuang untuk pembakaran dalam loji rawatan termal, sukacita dimaklumkan bahawa dengan pelaksanaan kitar semula sebahagian pengasingan sisa pepejal telah dilaksanakan sebelum ianya dihantar ke loji

tersebut. Loji yang akan dibina itu akan menerima sisa-sisa yang masih tertinggal untuk dirawat bahkan di akhir proses rawatan tersebut bahan-bahan seperti tin, aluminium dan botol-botol boleh diperolehi semula dalam bentuk yang boleh dikitar semula lagi.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi terlibat secara langsung di dalam memberi pandangan dan cadangan

Puan Teresa Kok Suh Sim: Boleh saya meminta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri lagi. Yang Berhormat Timbalan Menteri beri jalan lagi. Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi jalan lagi. Akhir sekali, akhir sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Peter Chin Fah Kui:berkaitan dengan isu-isu perumahan dan kerajaan tempatan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Enam kawasan Parlimen terlibat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Akhir sekali, mereka tidak berani tanya, saya tanya. Bagi saya tanya. [Disampuk]

Datuk Peter Chin Fah Kui: Apa lagi?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bagi tanya, bagi tanya. Enam kawasan Parlimen. Nanti BN kalah teruk. [Disampuk]

Datuk Peter Chin Fah Kui: Okey, peluang terakhir ha, peluang terakhir.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang Berhormat Timbalan Menteri bangkit tadi bahawa kerajaan akan mengadakan satu sistem ataupun alat pengawalan yang ketat terhadap *dioxin* tetapi apa yang saya tahu adalah bahawa sebenarnya pengukuran terhadap *dioxin* dan juga *fluoresce* tidak boleh dijalankan secara penerusan iaitu *on a continuous basis* yang mana terutamanya bagi loji *incinerator* yang terbesar di dunia tidak ada satu pun *incinerator* di dunia ini yang begitu besar yang boleh buat begitu. Dan, juga *incinerator* sepatutnya boleh mengubah hidrokarbon dalam bentuk karbon dioksida dan air tetapi dalam praktikal sistem *combustion* yang terbaik dalam dunia ini juga selalunya mengeluarkan *product of incomplete combustion (PIC)* yang mana sesetengahnya adalah berunsur toksik yang tinggi.

Selain itu teknologi pengawalan, pencemaran untuk *pollution* yang berlainan ini selalunya adalah *incompatible*. Jadi, *scraper* yang digunakan untuk menapis *particulate* dan juga *metal* tertinggi ini selalunya ia juga akan menghasilkan *pollution* yang lain, *emission pollution* yang lain. Jadi, ini menunjukkan ini adalah satu teknologi yang sangat *risky*. Kenapakah kalau kerajaan begitu ingin sangat untuk mengadakan *incinerator*, kenapakah kerajaan tidak pindahnya ke Putrajaya di mana semua Menteri bekerja di sana. Perdana Menteri duduk di sana. Jadi.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat, itu bukan penjelasan, ini adalah tuduhan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini adalah soalan. Boleh saya tanya kenapa pindah ke Putrajaya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Duduklah, duduklah.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Itu tuduhan. Itu tuduhan Duduklah, duduklah, duduklah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Kita ada highway yang canggih, yang cantik yang mana 400 lori boleh senang masuk ke sana.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Hai, saya beri peluang untuk penjelasan, bukan tuduhan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Seputeh.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Duduklah, duduk.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, mengapa jawab dahulu kenapa bukan Putrajaya. Jadi semua kakitangan kerajaan semua duduk di sana.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Seputeh, Timbalan Menteri telah memberikan peluang banyak. Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Jadi ianya senang di sana semua masuk *incinerator* di tempat sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, kalau ia begitu selamat, dirikan ia di sebelah rumah kediaman Perdana Menteri.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Duduklah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini adalah penting, ini soalan yang dibangkitkan oleh penduduk di sekitar kawasan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini cadangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini bukan caranya untuk meminta penjelasan. Cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Cadangan yang *constructive* kepada kerajaan.

Seorang Ahli: Satu hari kah, dua hari kah, tiga hari?

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Ketawa] Ini *constructive suggestion*.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Duduklah Yang Berhormat. Okey, *you* sudah cakap banyak sampai sekarang sahaja ya? Duduk, duduk, duduklah [Ketawa].

Tuan Yang di-Pertua, pendek katalah ya, pendek kata mengenai isu ini, kerajaan mempunyai pakar-pakar yang berbagai dan kita sudah membuat kajian demi kajian, untuk cari mana teknologi yang terbaik dan kita dinasihatkan teknologi itu iaitu *gasification and ashmelting technology* ialah teknologi yang terbaik sekarang. Tetapi Yang Berhormat tidak terima, apa boleh buat. *You* punya pakar, siapa pun saya tidak tahu. Tetapi tidak boleh terima. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, jikalau ada perkara-perkara yang saya belum jawab, pegawai-pegawai saya akan ambil perhatian dan semua cadangan Yang Berhormat sekalian dalam perbincangan ini akan diambil kira.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Boleh saya minta Yang Berhormat Menteri menziarahi tempat itu bersama dengan saya?

Datuk Peter Chin Fah Kui: Dan saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan terima kasih kepada Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Sekian, terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini cadangan yang *constructive*, tidak berani.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan.

Kementerian Pembangunan Usahawan

7.10 mlm.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading, Bagan Datok, Kemaman - Kemaman balik, Marudu, Sipitang, Mambong, Klang dan Dungun yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang ada kaitan dengan kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, pertama Yang Berhormat bagi Sri Gading dengan Yang Berhormat bagi Bagan Datok membangkitkan berkenaan dengan soal program satu kampung satu produk, dia hendak tahu kementerian mana yang bertanggungjawab dan kalau banyak kementerian yang bertanggungjawab, apakah boleh bekerjasama dengan kementerian ini untuk menjayakan projek satu kampung satu produk.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program satu kampung satu produk dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dan agensi berdasarkan bidang tugas serta kepakaran masing-masing.

Sebagai contoh, Kementerian Pembangunan Luar bandar, menteri yang di sebelah saya ini, melaksanakan program satu kampung satu produk khususnya bagi produk-produk yang dibangunkan oleh penduduk-penduduk luar bandar dan kemudian Kementerian Pertanian pula terlibat dalam pembangunan dan pemasaran produk-produk berasaskan pertanian dan makanan. Manakala Kementerian Pembangunan Usahawan, kementerian saya sendiri pula turut sama pada pelaksanaan program ini khususnya dalam bidang kraf tangan yang dilaksanakan melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia iaitu agensi di bawah kementerian saya yang mempunyai kepakaran khusus di bidang kraf tangan.

Menyedari terdapat berbagai kementerian dan agensi turut terlibat dalam melaksanakan program pembangunan dan pemasaran produk-produk usahawan bumiputera, maka Kementerian Pembangunan Usahawan telah mengambil inisiatif bagi menyelaraskan usaha berkenaan dengan menubuhkan jawatankuasa bertindak pemasaran produk usahawan bumiputera yang dianggotai oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang terlibat sama dalam membantu usahawan bumiputera yang membangun dan memasarkan produk-produk mereka di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Jawatankuasa bertindak ini berperanan menyelaras aktiviti pemasaran produk perusahaan kecil dan sederhana bumiputera, bagi memastikan tidak berlakunya pertindihan tugas, menjimatkan *resources* kerajaan dan sebagai projek satu kampung satu produk yang dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dan agensi dalam bidang pengkhususan masing-masing dapat saling melengkapi untuk manfaat pembangunan perusahaan kecil dan sederhana bumiputera keseluruhannya.

Yang Berhormat bagi Kemaman telah menyatakan bahawa ekonomi negara sedang menghadapi masalah di mana setengah pekerja mendapat gaji terlalu lumayan untuk terus berdaya saing terutamanya dalam sektor perkhidmatan. Beliau juga ada pandangan orang sebegini sepatutnya berada di dalam sektor pembuatan bukan sebagai pekerja tetapi sebagai usahawan.

Beliau juga berpendapat kerajaan tidak mempunyai rancangan yang baik bagi memudahkan perpindahan pekerja dari satu sektor ke sektor yang lain dan latihan semula semua usahawan. Jadi saya pun kena jawablah, sebab dia pun tidak tahu dia bukan dalam kerajaan. Kita buat, saya minta dia bacalah sedikit supaya jangan terkena sebagai Ahli Parlimen yang membangkit benda yang banyak salah.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Kemaman, kerajaan memang prihatin terhadap usaha melahir dan membentuk usahawan supaya boleh berdikari, berdaya maju dan berdaya saing. Program-program yang dilaksanakan sentiasa menjurus ke arah

mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera, khususnya golongan menengah bumiputera bagi membantu kemajuan dan pertumbuhan ekonomi negara.

Di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan misalnya, kita telah berjaya melahirkan dan membangunkan seramai 724 usahawan, dalam program pembangunan francais 381 syarikat vendor, 1,049 usahawan program mentor, 125 syarikat program pemasaran bersepadu perabot, 55 syarikat usahawan tulen, 11 entiti Kementerian Pembangunan Usahawan diswastakan dengan melahirkan 48 usahawan, 319 kilang bimbingan, 12,472 lot perniagaan dan seramai 63,118 usahawan telah mendapat pembiayaan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak tepat kenyataan Yang Berhormat bagi Kemaman yang menyatakan ekonomi negara sedang menghadapi masalah kerana mempunyai pekerja yang tidak berdaya saing dalam sektor perkhidmatan. Sebagaimana yang kita sedia maklum, pertumbuhan ekonomi negara adalah amat memberangsangkan di mana pertumbuhan pada suku kedua 2002 adalah sebanyak 3.8%, berbanding dengan 1.1% pada suku pertama 2002. Malah kita juga telah mengunjurkan pertumbuhan sebanyak 4% pada tahun 2002 ke arah mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Usaha telah dipergiatkan bagi memberi pendedahan semaksimum kepada semua rakyat Malaysia yang berminat untuk menjadi keusahawanan sebagai salah satu bidang kerjaya.

Usaha ini secara tidak langsung akan membantu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Kementerian membangunkan usahawan melalui enam strategi iaitu pembudayaan, keusahawanan, latihan dan bimbingan, penyediaan pembiayaan, premis pembangunan perniagaan dan pemasaran. Di antara program latihan yang dilaksanakan adalah Program Skim Usahawan Siswazah yang memberi peluang kepada siswazah berkecimpung dalam bidang keusahawanan. Melalui program ini, peserta diberi latihan keusahawanan selama enam hari dan seterusnya mendapat kemudahan pembiayaan untuk memulakan perniagaan.

Skim ini terbuka kepada semua siswazah ijazah pertama yang telah menamatkan pengajian di pusat-pusat pengajian tinggi tempatan yang berminat untuk menjadi usahawan. Semenjak diperkenalkan pada tahun 1998, tawaran telah dikeluarkan kepada seramai 5,791 siswazah dan hanya 2,650 siswazah yang telah hadir dan layak untuk mendapat kemudahan pinjaman daripada Tabung Usahawan Siswazah (PUS) yang dikendalikan oleh Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad juga sebuah bank agensi di bawah kementerian saya. Sehingga Ogos 2002, jumlah pinjaman siswazah ini yang dikeluarkan adalah bernilai RM10.07 juta diberikan kepada 121 orang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk menjadikan bidang keusahawanan sebagai salah satu bidang baru yang boleh diceburi, kerajaan juga telah melaksanakan skim latihan dan galakan bagi kakitangan kerajaan mencebur diri sepenuh masa dalam perniagaan bagi pegawai dan kakitangan kerajaan. Bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional, mereka perlu menjalani latihan keusahawanan selama 63 hari, manakala empat bulan bagi kumpulan sokongan.

Mereka diberi kemudahan cuti bergaji penuh selama tempoh latihan, dengan syarat akan meninggalkan perkhidmatan sama ada secara meletakkan jawatan atau memohon persaraan awal atau bersara wajib setelah tamat latihan. Sejak diperkenalkan pada tahun 1999, seramai 125 pegawai kumpulan pengurusan dan profesional telah mengikuti latihan tersebut, manakala seramai 2,321 kakitangan sokongan telah mengikuti skim tersebut sejak tahun 1983.

Di samping itu, kementerian juga sentiasa menggalakkan mana-mana individu yang diberhentikan kerja atau masih bekerja bagi mengikuti latihan-latihan keusahawanan sedia ada sebagai persediaan untuk menjadikan usahawan yang berjaya. Sehingga akhir tahun 2001, seramai 3,907 orang telah menyertai latihan asas perniagaan. 247 orang telah mengikuti latihan berpakej, 1,803 orang siswazah telah mengikuti skim usahawan siswazah dan seramai 10,938 orang usahawan dan bakal usahawan telah mendapat khidmat nasihat daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dalam bidang keusahawanan.

Seterusnya, kementerian juga telah berjaya melahirkan 48 usahawan melalui penswastaaan, sepuluh entiti di bawah kementerian seperti Techart Sdn. Bhd. Berhad, Data

Power Sdn. Bhd., dan MARA Shipyard and Engineering Terengganu Sdn. Bhd. bagi mewujudkan dan membangunkan golongan UMB yang tulen dan berkualiti di kalangan bumiputera yang berkecayaan.

Ahli Yang Berhormat bagi Marudu telah bertanya apakah kelayakan yang telah memberi peluang yang lebih baik kepada masa depan kontraktor bumiputera dengan menaikkan had kadar kontrak mengikut kelas dan pengwujudan peruntukan khas sebanyak RM693 juta untuk kontraktor Kelas F. Kementerian sentiasa memberi perhatian dan berusaha untuk mempertingkatkan industri binaan melalui pemberian lesen kontraktor kepada mereka yang layak dan sesuai. Kementerian juga sedang mengkaji semula dari segi syarat-syarat pendaftaran bagi menyelaraskannya dengan had kadar kontrak yang baru. Bagi kontraktor Kelas F pula, kementerian sedang mengkaji untuk memperkukuhkan kedudukan mereka. Salah satu cara adalah menggalakkan mereka mengikuti kursus dan latihan teknikal yang dianjurkan oleh kementerian atau mengikuti kursus-kursus teknikal yang dianjurkan oleh agensi kerajaan yang lain atau swasta atau mengambil kakitangan yang berkelulusan institusi kemahiran kerajaan.

Ahli Yang Berhormat bagi Sipitang meminta kementerian menyatakan aktiviti atau industri yang dijalankan bagi program luar bandar, berapa ramai dan berapakah bantuan yang diberikan bagi tahun 2001 hingga 2005.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi matlamat Kementerian Pembangunan Usahawan untuk menyediakan persekitaran yang membantu dan menggalakkan pembangunan usahawan tulen yang berkualiti, berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan dalam semua sektor serta memupuk budaya keusahawanan di kalangan rakyat Malaysia. Justeru itu, pelbagai program dan aktiviti dilaksanakan bagi membangunkan usahawan khususnya bumiputera di seluruh negara ini tanpa mengira kawasan bandar atau luar bandar.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, selain daripada Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar juga ada melaksanakan pelbagai program khusus bagi membantu usahawan kecil dan sederhana di kawasan luar bandar. Kementerian berkenaan mungkin dapat memberikan maklumat terperinci mengenai program dan aktiviti jumlah usahawan serta jumlah peruntukan yang terlibat dalam melaksanakan program membantu usahawan luar bandar dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Mambong dan Klang mencadangkan agar kaedah Skim Pinjaman Tekun perlu diubah, kerana pinjaman yang diberikan terlalu kecil. Mereka juga menyarankan agar kerajaan mempelbagaikan industri keusahawanan bukan sahaja dalam sektor pembuatan malahan juga dalam sektor pertanian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Mambong dan Klang, kementerian menghargai pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dan mengambil maklum akan cadangan serta saranan tersebut. Perkara ini akan dikaji oleh kementerian dan akan dimasukkan ke dalam program-program kementerian untuk tahun hadapan sekiranya sesuai dan sebenarnya kementerian saya juga ada berbincang dengan Kementerian Pertanian untuk bagaimana kita bekerjasama dalam membangunkan usahawan dalam bidang pertanian ini juga. Berkenaan dengan Skim Pinjaman Tekun, perkara ini akan dikaji oleh kementerian bersama-sama dengan Unit Perancangan Ekonomi.

Akhir sekali Ahli Yang Berhormat bagi Dungun ingin tahu berapa banyakkah hutang yang tidak dibayar melalui CGC, sehingga ini berapakah peratus dari nilai dan peratusnya, dan dari sudut SJLT ini adakah fund ini direct datang daripada kumpulan wang yang disatukan melalui kementerian-kementerian ataupun satu fund yang datang daripada sumber lain. Berdasarkan Laporan Audit dan yang berakhir pada 31 Disember 2001, sejumlah RM1.03 bilion pinjaman di bawah kesemua skim jaminan CGC telah dikategorikan sebagai pinjaman gagal NPL, ini merupakan 14.6% daripada jumlah keseluruhan bagi pinjaman. Pada kedudukan 31 Disember 2001, CGC mempunyai rizab bernilai RM2.17 bilion untuk digunakan bagi menanggung jumlah NPL berkenaan.

Skim Jaminan Laluan Terus (SJLT) yang disebutkan sebentar tadi, diperkenalkan pada tahun 2000, menyediakan pendekatan alternatif kepada golongan usahawan dari IKS

mendapat kemudahan pinjaman berbanding dengan cara biasa melalui institusi kewangan. Permohonan pinjaman di bawah SJLT boleh dikemukakan terus kepada cawangan-cawangan CGC di seluruh negara untuk diproses dan diberi pertimbangan. CGC akan mengeluarkan surat jaminan bagi mana-mana permohonan pinjaman yang berjaya bagi membolehkan urusan pengeluaran pinjaman dibuat oleh institusi kewangan yang terbabit.

Setakat ini hanya dua buah bank iaitu Maybank dan RHB Bank Berhad mengambil bahagian di bawah SJLT dan penglibatan bank-bank ini adalah baik. Sehingga kini sebanyak 1,118 pinjaman bernilai RM430.6 juta telah diluluskan di bawah SJLT. Prestasi pembayaran balik pinjaman di bawah skim-skim jaminan CGC adalah baik dan terkawal. Di bawah SJLT, dana yang digunakan untuk menyalurkan pinjaman kepada golongan sasaran terbahagi kepada dua.

Pertama, dana yang disediakan institusi kewangan yang mengambil bahagian, manakala bagi pinjaman yang diletakkan di bawah skim-skim Tabung Usahawan Baru 2 dan Tabung Industri 2, dana-dana khas Bank Negara Malaysia digunakan. Kedua-dua dana ini ditadbir dan diuruskan oleh CGC. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

7.21 mlm.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian dan membincangkan perkara-perkara berhubung program-program di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Ahli Yang Berhormat bagi Bagan Datok menyentuh mengenai tiadanya agensi khusus untuk menangani kemiskinan bandar. KPLB diharap dapat memantau dan melaksanakan program kemiskinan di bandar dengan lebih tepat.

Seterusnya beliau mencadangkan unit khusus ditubuhkan bagi menangani isu kemiskinan di bandar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah dipilih sebagai agensi teraju ataupun *lead agency*, untuk memantau pelaksanaan program-program kemiskinan bandar, isu kemiskinan bandar ini sebenarnya melibatkan pelbagai kementerian dan jabatan yang menjalankan program masing-masing sama ada secara langsung atau tidak langsung. Bagi Kementerian Pembangunan Luar Bandar setakat ini, program menangani kemiskinan bandar lebih ditumpukan kepada pelaksanaan program peningkatan pengetahuan dan kesedaran penduduk miskin di bandar serta mengadakan kemudahan bantuan mikro kredit, kepada peminjam-peminjam yang ingin menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan terutama golongan ibu tunggal. Program-program ini lebih merupakan *software component* bagi kemiskinan bandar.

Kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa khas Kabinet mengenai kemiskinan bandar yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Antara lain jawatankuasa ini telah bersetuju supaya Kementerian Pembangunan Luar Bandar memainkan peranan dalam mengatasi kemiskinan bandar. Buat masa ini, unit khusus bagi merancang, melaksana dan memantau program-program kemiskinan bandar di Kementerian Pembangunan Luar Bandar belum lagi diwujudkan dan kementerian menggunakan tenaga kakitangan yang ada, yang bertanggungjawab terhadap program pembasmian kemiskinan di luar bandar.

Ahli Yang Berhormat bagi Bagan Datok juga membangkitkan isu keperluan penduduk di luar bandar supaya jangan diabaikan. Saya amat bersetuju dengan saranan Yang Berhormat itu, sebab itu salah satu strategi Bajet 2003 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dengan jelas memberi fokus kepada menjamin kesejahteraan rakyat luar bandar.

Yang Berhormat bagi Bagan Datok juga membangkitkan isu *cost effectiveness* terhadap projek-projek luar bandar yang telah diberi peruntukan yang agak besar. Terima kasih Yang Berhormat, kementerian saya akan terus memastikan perbelanjaan dibuat

dengan lebih terkawal dan berhemah, yang diperkukuhkan lagi dengan aktiviti pemantauan, pelaksanaan projek yang dijalankan. Di peringkat kementerian saya sendiri sebagai menteri memantau kemajuan pelaksanaan secara *hands on* dan melaporkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri setiap dua minggu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tampin minta laluan.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Ya, ya.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri yang mengatakan bahawa beliau sentiasa melakukan *hands on* terhadap segala kegiatan yang berhubung dengan masyarakat luar bandar terutamanya membasmi kemiskinan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, sama ada sedar atau tidak berlakunya sebagai contoh, bantuan kepada rakyat-rakyat termiskin – bantuan *tution* yang diberikan kepada mereka yang terlibat dalam PPRT untuk PMR, UPSR dan SPM. Baru-baru ini seperti di Tampin, bantuan *tution* ini dapat kira-kira sebulan yang lalu, peperiksaan PMR pun dah sudah, jadi tidak ada makna lagi duit itu sampai, sudah terlambat. Memandangkan Yang Berhormat selalu amalkan *hands on* ini, Yang Berhormat maklum dan peka atau tidak perkara ini berlaku, dan apakah langkah-langkah Yang Berhormat akan ambil berhubung dengan perkara ini supaya tidak berlaku lagi.

Tujuannya adalah untuk membantu rakyat termiskin ini supaya anak-anak mereka tidak tercicir dalam pelajaran kerana ini adalah dasar kerajaan untuk memastikan semua rakyat di negara ini mendapat kemudahan pelajaran terbaik yang mungkin. Terima kasih.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tampin. Ini adalah antara perkara-perkara yang kadang-kadang timbul oleh kerana banyak sangat program-program di peringkat kawasan, di peringkat kampung dan luar bandar, maka saya berharap Yang Berhormat kalau boleh dapat memberi maklumat ini terlebih dahulu kepada kita supaya dapat, selain daripada saya memantau dengan cara terperinci, pertolongan Yang Berhormat amat diperlukan. Bagaimanapun, tanggungjawab kami di peringkat kementerian tidak diabaikan dan saya ambil maklum akan pandangan dan masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

Yang Berhormat bagi Bagan Datok juga membangkitkan isu mengenai harga siling bagi kontraktor Kelas 'F' telah dinaikkan skillnya daripada RM100,000 kepada RM200,000, yang menunjukkan satu komitmen kerajaan bagi kontraktor-kontraktor berkenaan dapat menjalankan kerja lebih besar di kawasan luar bandar. Agensi-agensi pelaksana perlu memastikan pemantauan yang rapi, kata beliau supaya tiada berlaku rasuah dan penyelewengan di kalangan pihak-pihak terlibat bagi memaksimumkan manfaat kepada kumpulan sasar. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sedang menunggu garis panduan baru mengenai perubahan-perubahan tersebut dan akan mematuhi peraturan-peraturan yang terkandung di dalamnya.

Yang Berhormat bagi Bagan Datok membangkitkan soal peningkatan keperluan asas termasuk jalan kampung dan lampu jalan kampung yang amat disanjung di kalangan masyarakat kampung, kerana ini akan mengurangkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada keperluan infrastruktur masyarakat luar bandar. Program lampu jalan kampung merupakan program baru kerajaan yang bermatlamat untuk membolehkan penduduk kampung menjalankan urusan dan kegiatan sosial atau riadah atau ekonomi pada waktu malam dengan selamat, di samping mengindah dan menceriakan kampung. Secara tidak langsung, kemudahan ini akan membantu meningkatkan kegiatan ekonomi dan produktiviti penduduk kampung.

Yang Berhormat-Yang Berhormat bagi Bagan Datok, Sri Gading, Parit Sulong, Rompin, Tampin, Kuala Pilah dan Mambong juga membangkitkan isu-isu berkaitan dengan program 'Satu Kampung Satu Industri' yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, khususnya isu pasaran, pemasaran dan kerjasama antara kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang terlibat. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, Kementerian Pembangunan Luar Bandar merupakan satu daripada kementerian-

kementerian yang terlibat dengan program 'Satu Kampung Satu Industri' seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan tadi, yang dahulunya dikenali sebagai 'Satu Kampung Satu Produk', pada hari ini sudah ditingkatkan kepada 'Satu Kampung Satu Industri'.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan mesyuarat**]

Usaha-usaha yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan kerjasama kementerian-kementerian lain untuk merealisasikan program-program ini ialah seperti berikut:-

- (i) KPLB telah melantik FELCRA Berhad sebagai ejen pemasaran produk-produk satu kampung satu industri. Peranan FELCRA Berhad sebagai agensi pemasaran termasuk mencari peluang pasaran dalam dan luar negara dan promosi serta menambahbaikkan produk;
- (ii) KPLB bekerjasama dengan agensi-agensi Kementerian Pertanian seperti MARDI dan FAMA serta Kementerian Pembangunan Usahawan seperti Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia untuk memberikan khidmat teknikal mengenai kawalan mutu, *research and development* dan teknikal pengeluaran; dan
- (iii) pelaksanaan satu kampung satu industri ini tidak akan bertindih dengan projek-projek yang dilaksanakan oleh kementerian-kementerian lain, malah sebaliknya ia lebih bersifat pelengkap kepada usaha-usaha yang dibuat oleh semua pihak.

Yang Berhormat bagi Tanah Merah juga menyentuh mengenai isu satu kampung satu industri, dengan menjuruskan kepada penutupan industri kraf buluh di Wilayah Kedah kerana tiada pasaran. Memang benar Yang Berhormat, ketiadaan pasaran telah memaksa kerajaan menutup industri kraf buluh yang dijalankan oleh KEDA. Sejak penubuhan KEDA dalam tahun 80-an, salah satu program yang dilaksanakan ialah membangunkan industri luar bandar dengan menggunakan sumber tempatan seperti rotan, buluh dan sebagainya untuk pasaran tempatan dan eksport. Oleh kerana wujud masalah pasaran dan persaingan yang sengit dengan pengeluar-pengeluar dalam dan luar negara, selain dari kos pengeluaran yang tidak kompetitif, maka KEDA terpaksa menutup perusahaan ini.

Tuan Wilfred Madius Tangau: [Bangun]

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Yang Berhormat bagi Kemaman menyentuh isu berkaitan Bajet 2003 yang katanya tidak ada program inovatif untuk membantu rakyat miskin berdikari bagi menambahkan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Menteri, ada yang berdiri, Tuan. Ya, sila.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebelum Yang Berhormat Menteri beralih daripada topik 'Satu Kampung Satu Industri' tadi, saya ingin bertanya apakah peranan kementerian Yang Berhormat untuk membangunkan satu kampung satu industri melalui kampung-kampung yang belum lagi boleh dihubungi oleh jalan raya? Di kawasan saya Yang Berhormat, saya mempunyai sembilan buah kampung yang langsung tidak boleh dihubungi dengan jalan raya. Jadi untuk kampung-kampung seperti ini, apakah peranan kementerian Yang Berhormat untuk membangun, apakah yang kita boleh buat terhadap kampung-kampung yang sedemikian, apakah kita boleh bangun apa-apa industri dalam kampung yang tidak ada jalan raya langsung? Terima kasih.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat. Perkataan industri di sini bukan bermaksud kilang dan sebagainya. Industri ialah satu perusahaan. Jadi bagi kawasan-kawasan pedalaman, kementerian telah mengenal pasti bahawa ada kumpulan-kumpulan suku kaum di pedalaman yang mempunyai kemahiran-kemahiran tertentu dan

kemahiran-kemahiran ini adalah luar biasa, tetapi produk-produk tradisional yang dikeluarkan oleh mereka terhad daripada segi pasarannya. Maka, kementerian telah membuat keputusan supaya kepakaran ini dijalinkan dengan satu lagi profesion iaitu profesion reka bentuk.

Jadi, kementerian telah menyarankan kepada FELCRA untuk menjemput syarikat-syarikat ataupun individu yang mahir di dalam soal *design* dan reka bentuk dan membuat *design* dan warna serta corak sekalipun, yang boleh dipasarkan barangan sekalipun akan *didesign* untuk pasaran dalam negara dan luar negara. Setelah dipertentukan barangan itu ada potensi untuk dijual dalam pasaran negara dan luar negara, maka produk itu akan dihasilkan oleh penduduk di pendalaman yang mempunyai kemahiran berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tampin berdiri Yang Berhormat. Ya sila Tampin.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya amat mengalu-alukan, saya ucapkan tahniah atas usaha kerajaan untuk memperkenalkan produk satu kampung satu produk ini walaupun ini satu idea yang agak lama juga tetapi saya ingin nyatakan di kawasan saya juga walaupun telah ada jalan-jalan, telah ada jalan-jalan dan ada juga kampung-kampung yang telah didirikan bengkel-bengkel daripada Projek Desa Wawasan tetapi malangnya setelah satu jangka masa yang tertentu, tiga, empat tahun, bengkel itu menjadi seolah-olah macam pondok tinggal, yang mana produk yang dihasilkan yang mana antaranya bengkel buat tempat habuk rokok daripada kayu dan buluh seolah-olah tidak dijaga, tidak dikawal dan terbiar kerana katanya barang yang mereka buat seolah-olah tidak ada nilai komersial dan gagal dipasarkan.

Di sini saya ingin bertanya kepada kementerian, sejauh manakah kesediaan kementerian ini terutamanya dalam bidang pemasaran. Kalau kita ada kelemahan lebih baik kita akui kelemahan itu dan kita cuba bincang secara bersama bagaimana kita hendak mengatasinya kerana selain daripada produk-produk itu juga, produk yang sedia ada, antaranya sumber makanan seperti dalam ucapan saya.

Saya ada katakan bagaimana di Sri Gading yang terkenal dengan duku langsungnya, buah dukunya yang begitu manis tetapi harganya begitu murah. Di Kuala Lumpur hanya lebih kurang 80 sen sekilo, di Tampin hanya 50 sen sekilo sedangkan buah *dragon* yang datang daripada *Vietnam* yang rupanya hodoh pun begitu mahal harganya. Di sini saya mintalah kementerian nyatakan dengan terang bagaimana strategi kita untuk memasarkan kerana saya bimbang. Saya kasihan bila orang kampung telah berusaha sedaya upaya mereka tanam buah-buah, buah-buahan tidak ada harga. Bila mereka buka bengkel, bengkel yang mereka sediakan itu buat alat-alat kraf tangan, gagal dipasarkan seolah-olah mereka ini tidak boleh berjaya.

Tetapi sekiranya kita mempunyai perancangan yang rapi terutamanya dalam bidang pemasaran, saya yakin pihak kementerian akan berjaya untuk membantu mereka yang miskin ini. Terutamanya dalam bidang pemasaran buah-buahanlah, adakah pihak kementerian telah berjaya mengadakan perjanjian dengan syarikat-syarikat *hypermarket* yang besar seperti Carrefour, TMC dan sebagainya. Apakah kita telah berjaya dalam bidang ini. Adakah mereka telah peruntukan sebahagian daripada kawasan dalam syarikat-syarikat *hypermarket* ini untuk produk tempatan, untuk buah-buahan tempatan untuk membantu kementerian ini, kerana mereka juga mempunyai tanggungjawab kepada rakyat negara ini. Apakah mereka telah melakukan ini dan apakah pihak kementerian telah berusaha untuk mendapat kerjasama daripada mereka yang terlibat ini. Terima kasih.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tampin. Sememangnya apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Tampin memang itulah masalahnya iaitu masalah masyarakat luar bandar dalam mengeluarkan, menghasilkan dan memasarkan barangan mereka. Inilah sebenarnya isu dan kita dalam kerajaan telah berbincang bukan sahaja kementerian saya bahkan Kementerian Pertanian, Kementerian Pembangunan Usahawan dan apa lagi kementerian yang lain yang dipertanggungjawabkan untuk membangunkan ekonomi masyarakat luar bandar, yang terpenting ialah pasaran dan pemasaran.

Jadi perbezaan antara pasaran dan pemasaran adalah satu perkara yang boleh dibincangkan dengan panjang lebar tetapi yang saya yang maksudkan tadi, kita selalunya membiarkan apa sahaja yang dikeluarkan oleh masyarakat luar bandar khususnya kraf tangan. Kita hanya mengambil barang dan meletakkan sahaja di tempat-tempat yang kita agakkan ada pasaran...

Tuan Wilfred Madius Tangau: [Bangun]

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Minta maaf tunggu sekejap Yang Berhormat ya, tunggu sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan sila duduk dahulu.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Pada hari ini kita telah mengesan bahawa hasil kraf tangan kalau dibuat hanya sekadar *design* yang ada yang dibuat secara tradisional, yang dibuat mengikut apa yang dikeluarkan bertahun-tahun oleh penduduk pedalaman. Kemungkinan pasarannya sekadar meletakkan di tempat-tempat seperti di *highway* dan kemungkinan hanya sekadar tempat di tepi-tepi jalan, di pasar-pasar malam tetapi kita telah mengesan. Sebagai contoh, kaum Murut di Sarawak adalah satu kaum yang mempunyai satu kepakaran yang cukup hebat dalam anyaman. Anyaman rotan, anyaman buluh, anyaman apa akar sekalipun, dengan halus tetapi apakah yang dihasilkan, yang dihasilkan hanya produk-produk yang mereka ketahui.

Kadang-kadang kita hendak jual pun kemungkinan tidak banyak orang yang sanggup membeli tetapi dengan menggunakan kepakaran itu kita patut menghasilkan *design* tertentu yang khusus, barangan khusus yang boleh dipasarkan dengan warna-warna yang diterima oleh pasaran, bukan sahaja dalam negara bahkan diluar negara.

Di Kementerian Pembangunan Luar Bandar kita telah buat keputusan. Kita mahu satu sahaja agensi pemasaran iaitu FELCRA Berhad. Hari ini FELCRA Berhad merupakan sebuah syarikat dan *turn over* setahun FELCRA Berhad ialah RM1 bilion, dia mampu menjadi sebuah syarikat pemasaran. Menggunakan syarikat ini sahaja dan memasarkan semua produk yang dihasilkan oleh semua agensi-agensi lain di semua kawasan dan kampung dalam negara. Di samping itu kita melengkapkan apa saja usaha yang dibuatkan oleh Kementerian Pertanian dan Kementerian Pembangunan Usahawan.

Daripada segi masalah pemasaran buah-buahan memang itu adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian dan kita juga bekerjasama dengan FAMA dan untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah pun mengarahkan FAMA menembusi *t* dan meminta untuk *hypermarket* ini memasarkan produk-produk buah-buahan luar bandar. Bukan sahaja barang-barang luar bandar, buah-buahan luar bandar, barang makanan bahkan juga kraf tangan dan sebagainya...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pokok Sena berdiri Yang Berhormat.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Jadi...sekejap, sekejap. Jadi inilah yang sedang diusahakan dan izinkan kita dalam tempoh setahun untuk merealisasikan apa yang dicadangkan ini. Okey Pokok Sena, bagi *chance*.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Dato' Menteri. Sedikit minta penjelasan tadi disebut tentang KEDA industri perusahaan buluh terpaksa ditutup kalau tidak silap pendengaran saya. Cuma saya hendak dapat penjelasan, sewaktu operasi ini, apa langkah-langkah yang dibuat oleh KEDA untuk hendak memperkenalkan industri buluh ini daripada sudut kelebihannya, untuk memastikan dia boleh berada di pasaran dan pemasaran, apa yang dilakukan. Sebab saya hendak tahu juga sebenarnya punca-punca, kelemahan yang menyebabkan ia tutup. Adakah kerana kualitinya tidak bagus, ataupun barangan yang tidak boleh bersaing dan apa pula yang dilakukan selepas penutupan perusahaan buluh ini untuk memastikan mereka yang jadi peserta dalam industri ini mendapat ruang, peluang yang lain untuk terlibat dalam perusahaan-perusahaan kecil ini.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan ini, KEDA merupakan agensi Wilayah Kedah dan kawasan operasinya amat luas dan kawasan di KEDA adalah satu kawasan yang mempunyai kawasan buluh yang amat besar. Saya sendiri melihatnya bermacam jenis buluh dan dalam tahun 80an mereka mengusahakan bermacam-macam untuk hasil buluh yang dibuat dengan kualiti pada saya tinggi tetapi oleh kerana kos pengeluaran tidak dapat bersaing dengan apa yang dihasilkan daripada negara-negara luar dan mesin-mesin yang dibeli pun datang daripada luar, maka pada masa itu didapati KEDA tidak dapat bersaing.

Insya-Allah Yang Berhormat, saya sendiri berminat dengan industri buluh ini dan saya sedang mengkaji, apakah cara untuk dipergunakan buluh dengan sebaik-baiknya dan kalau perlu dihasilkan semula barangan yang dikeluarkan oleh KEDA dengan di cari jalan, cara mana dapat dikurangkan kos, dengan cara untuk kita menembusi di pasaran-pasaran di luar. Walaupun pada masa itu pasaran luar telah diterokai tetapi tidak dapat bersaing dengan hasil-hasil yang datang daripada beberapa negara yang juga menghasilkan buluh. Jadi saya tidak dapat menjawab secara seratus peratus tepat soalan Yang Berhormat tadi tetapi kita masih dalam tinjauan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua orang yang berdiri Yang Berhormat.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Hai, popular sungguh. Okey bagi sana dahulu, dia bangkit tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila bagi Tuaran.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa di negeri Sabah misalannya banyak kampung, di pedalaman ini mempunyai kepakaran dalam anyaman dan sebagainya. Tetapi adakah Yang Berhormat bersetuju, untuk mendapatkan produk-produk ini, untuk mengeluarkan produk-produk ini, kita memerlukan pengangkutan dan kalau tidak ada jalan dibina dan sebagainya, sukar. Pertama daripada segi pengangkutan dan yang kedua, walaupun kita mahu bawa pegawai-pegawai pengembangan, dari mana-mana Jabatan Pertanian ataupun daripada FELCRA atau mana-mana tidak boleh masuk sampai ke kampung ini jika sekiranya jalan raya belum dibina. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kita perlu usahakan jalan raya ini, untuk memastikan kejayaan satu kampung satu industri ini. Terima kasih.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Saya tidak menafikan bahawa jalan raya itu penting. Jalan besar atau kecil atau sederhana penting tetapi dengan wujudnya jalan ia bukan sahaja menjadi satu cara untuk memasarkan barangan hasil kraf tangan dan sebagainya, ia akan membuka ruang ekonomi yang lebih besar kepada kampung mana pun. Jadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat, tinggal lagi untuk mengizinkan semua kawasan di negeri Sabah dan Sarawak mendapat jalan dalam tempoh masa yang terdekat untuk semua sekali, kita terhad daripada segi kewangan maka kita akan, walaupun begitu, Sabah dan Sarawak mendapat peruntukan yang terbesar dalam negara daripada segi peruntukan jalan luar bandar, jalan kampung dan sebagainya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila Yang Berhormat bagi Padang Terap.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Menteri. Tentang satu kampung, satu produk ini, dahulu satu daerah satu produk tetapi nampaknya itu pun tidak mendapat kejayaan oleh kerana keadaan-keadaan yang disebut oleh Yang Berhormat tetapi kalau kita buat satu kampung, jadi maknanya *constraint* itu lebih besar sebab kalau satu daerah pun timbul masalah itu, kalau satu kampung, lebih dahsyat lagi sebab kita ada beberapa puluh ribu kampung di Malaysia ini. Itu yang pertama.

Yang kedua tentang industri buluh. Buluh di Padang Terap adalah merupakan kawasan yang paling banyak buluh dan mereka boleh mengeluarkan rebung buluh itu. Tetapi nampaknya rebung dari Siam juga yang laku. Maknanya, apakah satu langkah yang

boleh dilakukan oleh pihak kementerian untuk meng'educate'kan rakyat di kampung-kampung ini supaya mereka itu dapat betul-betul mengeluarkan produk yang diminati oleh pihak-pihak yang hendak membelinya. Itu minta pandangan.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya tadi saya sebut saya amat berminat dengan industri ini tetapi secara terperinci, saya tidak dapat memberi jawapan sekarang. Apakah yang boleh dibuat oleh kerana industri rebung itu sendiri jika diusahakan secara dengan lebih saintifik, kemungkinan pasarannya amat luas. Jadi, dari segi konsep satu kampung satu produk, satu daerah satu produk, itu hanya cara kita sebut. Kita tidak terhad. Konsep ini tidak ada satu *rigidity*, tidak terkongkong dengan istilah. Cuma yang hendak dihasilkan, apakah produknya. Kalau ada produk, kita akan cari jalan untuk memasarkannya. Bukan sahaja memasarkan dengan secara lebih komersial menggunakan teknik-teknik pemasaran, dengan menggunakan jenama dan menggunakan kaedah-kaedah untuk mengawal mutu dan sebagainya. Ini perlu diperkenalkan. Apabila bercakap pasal buluh, di mana banyak buluh, banyak juga ular tedung selar dan ular senduk.

Jadi, di situ pun kemungkinan kalau hendak dihasilkan ular-ular pun, kalau ada orang hendak makan ular, kita boleh bela ular dengan banyak dan jual. Saya difahamkan rakyat Hong Kong banyak yang makan ular. *[Ketawa]* Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa memberi tumpuan untuk melaksanakan semua program pembasmian kemiskinan di semua peringkat dalam negara. Kepada Yang Berhormat bagi Kemaman, saya ingin menyarankan supaya memberi cadangan-cadangan yang inovatif dan positif iaitu kalau Yang Berhormat ada cadangan-cadangan, kita akan kaji dan kalau praktikal, kita akan laksanakan.

Yang Berhormat bagi Sibul memohon penjelasan berapakah peruntukan bagi pembangunan bekalan air, jalan dan elektrik di Sibul, Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah peruntukan tahun 2002 kepada seluruh negeri Sarawak bagi bekalan air luar bandar, jalan luar bandar, projek jalan kampung dan bekalan elektrik luar bandar adalah RM167.632 juta. Bagi kawasan Sibul sahaja, jumlah yang dibelanjakan ialah RM11.9 juta. Ini tidak termasuk bekalan air luar bandar.

Yang Berhormat bagi Sri Gading menyentuh tentang Program PPRT untuk dilaksanakan bagi meningkatkan pendapatan dan taraf hidup masyarakat luar bandar. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pihak kerajaan sentiasa memberi perhatian serius kepada usaha-usaha meningkatkan pendapatan dan taraf hidup masyarakat luar bandar termasuk golongan termiskin menerusi program-program pembangunan yang dilaksanakan oleh Kementerian Luar Bandar dan kementerian-kementerian lain.

Justeru itu, pihak kerajaan telah memutuskan bahawa Program PPRT diperkemas dan digabungkan ke dalam Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) mulai awal Rancangan Malaysia Kelapan. SPCR ini bukan sahaja memberi penekanan kepada aspek pembasmian kemiskinan tetapi juga meliputi usaha-usaha bagi meningkatkan pendapatan serta kesejahteraan hidup kumpulan sasar iaitu golongan termiskin, golongan miskin dan golongan yang mudah miskin yang sebilangan besarnya terdiri daripada penduduk-penduduk luar bandar. Sebenarnya fokus kementerian dalam hal ini ialah usaha meningkatkan pendapatan golongan sasar. Apa yang kita buat mesti disasarkan iaitu peningkatan pendapatan.

Yang Berhormat bagi Labuan menyentuh tentang seruan beliau supaya peruntukan untuk rumah PPRT dinaikkan daripada RM11,000 kepada sekurang-kurangnya RM18,000 ataupun RM20,000. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sejak program membina dan membaik pulih rumah PPRT dilaksanakan, pihak kerajaan telah menyemak semula dan menaikkan kadar bantuan untuk pembinaan rumah PPRT sebanyak empat kali iaitu pada tahun-tahun 1990, 1996, 1997 dan kali terakhir pada tahun 2000 dengan kelulusan kadar baru seperti berikut:

Kawasan	Bina Baru	Baik Pulih
---------	-----------	------------

Semenanjung Malaysia	RM10,370	RM5,190
Sabah dan Sarawak, Labuan	RM11,930	RM5,970

Selain daripada itu, mulai 26 Mei 2001, kerajaan juga telah meluluskan pembiayaan kerja-kerja menyediakan tapak untuk projek-projek bina baru sebanyak tidak melebihi RM2,500 sebagai tambahan kepada kadar bantuan tersebut di atas. Maka, selain daripada peruntukan di atas, diizinkan penyediaan tapak sebanyak RM2,500. Setakat ini kerajaan tidak ada cadangan menyemak semula had peruntukan ini.

Yang Berhormat bagi Sepang membangkitkan isu supaya KEMAS menubuhkan Koperasi Ibu Tunggal yang diuruskan sendiri oleh ibu tunggal dan memberi bimbingan daripada segi bimbingan. KEMAS juga disarankan untuk mencungkil kebolehan ibu tunggal. Koperasi yang dicadangkan itu akan memberi latihan kepada ibu tunggal dan pinjaman pendidikan. Terima kasih Yang Berhormat atas cadangan ini. Pada dasarnya, KEMAS ada memberikan program-program pendidikan kemahiran kepada masyarakat luar bandar, khususnya kepada kaum wanita luar bandar, tanpa mengira status kaum wanita tersebut. Di antara program-program yang telah dijalankan oleh KEMAS ialah latihan jahitan, latihan memasak dan lain-lain lagi. Merujuk cadangan supaya ditubuhkan Koperasi Ibu Tunggal, sepatutnya penubuhan tersebut haruslah datang dari persatuan atau peniaga-peniaga yang terdiri daripada ibu tunggal itu sendiri. Bagaimanapun, KEMAS boleh berperanan sebagai penggerak dan memberi khidmat nasihat.

Selain daripada itu, Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk melaksanakan program tersebut perlulah mendapat pandangan daripada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, oleh kerana kementerian tersebut baru diwujudkan dan tanggungjawab mereka adalah kepada wanita pada keseluruhannya.

Yang Berhormat bagi Pokok Sena pula, Pokok Sena ada? Menyentuh soal insentif dan galakan dalam Bajet 2003 dan membangkitkan isu agihan dengan memberi contoh bantuan sara hidup pekebun kecil getah yang dilaksanakan oleh RISDA di mana orang UMNO katanya dapat dan orang pembangkang tidak dapat. Ini sudah dua kali Yang Berhormat bangkitkan ini, dahulu sekali. Berhubung perkara ini, sebenarnya prosedur bantuan sara hidup adalah agak ketat bagi menjamin supaya ianya hanya diberikan kepada mereka yang layak sahaja. Permohonan terlebih dahulu disahkan oleh pemimpin tempatan. Kemudian RISDA ditugaskan membuat siasatan terperinci dan membuat perakuan untuk diluluskan oleh kementerian. Tuduhan kononnya orang UMNO sahaja yang dapat adalah tidak benar kerana saya ada bukti di mana ada orang UMNO yang tidak dapat dan ada pula orang yang bukan UMNO dapat. Sehingga hari ini, kerajaan masih mempunyai lebih daripada 19,000 keluarga yang belum menerima bantuan dan mereka ini akan diagihkan bantuan sebelum akhir tahun ini.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Ya, Pokok Sena.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya, sebenarnya, dalam ucapan saya hari itu, saya telah membawa contoh kebimbangan saya kepada beberapa peruntukan yang akan diberikan takut berulang seperti mana berlaku satu kes dalam kawasan saya sendiri, dalam kes bantuan sara hidup untuk pekebun kecil. Saya sebut dalam ucapan saya itu untuk minta penjelasan bahawa ada berlaku kes dalam kawasan saya apabila seorang setiausaha PAS cawangan di Jabi, dia pergi ke pejabat RISDA, dia sudah pun membuat pendaftaran untuk mendapatkan bantuan sara hidup pekebun kecil.

Dia memang ada kelayakan iaitu mengikut kelayakannya empat ekar, saya pun sudah tidak ingat. Bila pergi tanya kepada pegawai RISDA, pegawai RISDA itu tanya "Encik daripada mana? Daripada Jabi, Encik PASKah UMNO?" Saya kata, dia Setiausaha PAS cawangan. Dia kata "minta maaf." Dia tunjuk senarai nama, yang orang PAS, semua Mohd. Sudin potong. Mohd. Sudin ini, Ketua UMNO Bahagian Pokok Sena yang telah pun diambil tindakan tatatertib oleh Jawatankuasa Disiplin UMNO iaitu dengan memberikan amaran supaya tidak melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan disiplin UMNO. Ini Mohd. Sudin dan berlaku dalam kawasan saya. Sebab itu, saya minta Yang Berhormat Menteri supaya mengambil bahagian kerana berlaku eksploitasi ini bukan sahaja oleh Mohd. Sudin tetapi oleh pemimpin-pemimpin UMNO yang lain.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat, saya dapat maklumat rata, dapat juga bukan sahaja maklumat ataupun bantahan-bantahan daripada orang-orang PAS, maka orang UMNO sendiri bertanya dan kompelin mengatakan RISDA juga mengatakan orang itu, orang ini juga yang menentang. Jadi, saya ingat lebih baik oleh kerana perkara ini perkara khusus, Yang Berhormat sendiri berikan senarai kepada saya, oleh kerana bukan semua perkara ini berlaku di merata-rata tempat dan saya tidak tahu penglibatan ketua bahagian dan sebagainya sebab saya sebagai ketua bahagian tidak terlibat dalam perkara ini. Jadi, tidak ada rujukan dibuat kepada saya, saya tidak tahu apakah amalan-amalan yang dibuat. Tetapi, saya percaya berbeza amalan dari tempat ke tempat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terbanyak sekali peruntukan yang dibagi, diagihkan ialah kepada negeri Kelantan dan negeri Terengganu. Memandangkan majoriti rakyat negeri Kelantan dan Terengganu menyokong PAS, saya percaya majoriti daripada yang menerima bantuan ini ialah penyokong-penyokong PAS.

Yang Berhormat bagi Sipitang membangkitkan isu-isu yang menyentuh usaha-usaha untuk meningkatkan aktiviti ekonomi di luar bandar. Walaupun pelbagai program telah dilaksanakan, isu *sustainability* projek dan penglibatan peserta yang berterusan adalah rendah. Beliau bertanya apakah pencapaian kementerian-kementerian yang melaksanakan program-program ini. Beliau juga mencadangkan supaya kerajaan memantapkan sistem pemantauan untuk memastikan kejayaan projek-projek ini.

Yang kedua, supaya kerajaan melibatkan lebih ramai lagi pegawai dalam aktiviti pemantauan dan kerja-kerja susulan. Untuk menjawabnya, dalam membangunkan sektor luar bandar, KPLB sedar bahawa usaha mewujudkan ekonomi luar bandar yang mapan adalah satu prasyarat yang penting. Selari dengan itu, di antara dasar dan strategi untuk mewujudkan ekonomi luar bandar yang mapan melalui program-program KPLB ialah seperti berikut:

- (i) masyarakat luar bandar tidak seharusnya bergantung kepada pertanian sahaja. Mereka sepatutnya didedahkan kepada sektor-sektor ekonomi lain seperti eko-tourism, perkhidmatan dan lain-lain;
- (ii) *pengcommercialization* aktiviti pertanian juga adalah perlu bagi menjamin nilai tambah yang tinggi, yang sewajarnya diterajui oleh RISDA, FELCRA dan agensi-agensi lain;
- (iii) memperkemas sistem penyampaian pinjaman mudah melalui Skim Pinjaman Mudah yang dianjurkan oleh KPLB kepada pengusaha-pengusaha yang berdaya maju dan pengusaha-pengusaha berpotensi berdaya maju. Juga yang perlu diperkemas ialah sistem penyampaian bantuan secara langsung ataupun geran kepada golongan termiskin di bawah program PPRT untuk dikaji, untuk dijadikan modal bagi aktiviti komersial secara berkelompok;
- (iv) mempertingkatkan latihan kemahiran dan keusahawanan kepada pengusaha-pengusaha luar bandar.

Bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program ini, satu bahagian iaitu bahagian pemantauan dan *inspectorate* telah diwujudkan di KPLB mulai tahun 2002 bagi memantau pelaksanaan projek. Menyentuh saranan Yang Berhormat bagi Sipitang supaya diadakan penyelarasan program antara Kerajaan Pusat dan negeri, KPLB sentiasa mengadakan perbincangan dan mesyuarat khusus dengan kerajaan-kerajaan negeri khasnya exco-exco luar bandar daripada negeri-negeri yang bertujuan untuk menyelaraskan spesifikasi program antara Kerajaan Pusat dan negeri.

Yang Berhormat bagi Tuaran bertanya sama ada penyiasatan dan penyelidikan mengenai kemiskinan di Sabah dan Sarawak telah dijalankan. Apakah program-program kemiskinan yang khusus untuk Sabah dan Sarawak dan isu ketermiskinan di kalangan petani tradisional. Katanya, pelaksanaan program pembasmian kemiskinan di Sabah dan Sarawak perlukan peruntukan yang besar. Peruntukan yang besar juga diperlukan untuk kemudahan infrastruktur Sabah dan Sarawak kerana kawasan yang luas dan berbukit-bukit.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Tuaran, kadar kemiskinan di Sabah dan Sarawak adalah masing-masing 20.9% di Sabah dan 6.7% di Sarawak bagi tahun 1999. Purata dalam negara ialah dalam lingkungan 7%. Sebab-sebab kemiskinan adalah umum di seluruh negara, bahkan di semua negara membangun. Namun, apa sahaja cadangan yang dikemukakan oleh pihak-pihak di peringkat negeri Sabah dan Sarawak, kementerian sentiasa memberi perhatian serius. Oleh sebab itu, peratus kemiskinan adalah menurun di kedua-dua negeri ini berbanding dengan 20 tahun yang lalu. Saya ingin mengingati Yang Berhormat kenapa Sabah masih 20 lebih peratus dalam tahun 1999 ialah kerana mereka mencuba menukarkan haluan dan sebagainya, maka mereka ketinggalan. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Tuaran, pada keseluruhannya, program yang dirancang dan dilaksanakan untuk golongan termiskin di kedua-dua negeri adalah sama sebagaimana program kepada golongan termiskin di negeri-negeri di Semenanjung.

Yang Berhormat bagi Sipitang dan Serantok membangkitkan isu-isu berkaitan kemudahan infrastruktur yang masih rendah kualiti perlu dipertingkatkan di Sabah dan Sarawak. Sememangnya merupakan strategi kementerian ini untuk memberi tumpuan pembangunan prasarana asas kepada negeri Sabah dan Sarawak memandangkan masih banyak lagi kawasan di negeri ini yang perlu mendapat kemudahan asas. Pengalaman yang lepas, Sabah dan Sarawak mendapat peruntukan yang terbanyak berbanding dengan negeri-negeri lain. Ini juga saya yakin akan berterusan bagi tahun 2003. Kementerian ini kini sedang menyediakan agihan peruntukan mengikut negeri.

Yang Berhormat bagi Kota Bharu membangkitkan isu-isu berkaitan peruntukan bagi pembangunan luar bandar RM2.56 bilion adalah rendah katanya dan mencadangkan peruntukan untuk pembangunan luar bandar ditingkatkan kepada 8.3% daripada jumlah keseluruhannya iaitu dicadangkan RM3.068 bilion untuk pembangunan luar bandar yang lebih pesat lagi. Menjawab pertanyaan Yang Berhormat bagi Kota Bharu, pada tahun 2003 KPLB sahaja telah memberi peruntukan sebanyak RM2.34 bilion menunjukkan penambahan sebanyak RM105.149 juta atau pertambahan sebanyak 4.5% berbanding dengan tahun 2002.

Kementerian berpendapat jumlah peruntukan yang diterima ini adalah munasabah berasaskan kepada keupayaan pelaksanaannya. Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, selain daripada Kementerian Luar Bandar, banyak lagi kementerian lain yang menjalankan aktiviti untuk pembangunan masyarakat luar bandar termasuk Kementerian Pertanian, Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Perusahaan Utama, Kementerian Pendidikan dan ada beberapa lagi kementerian lain yang juga membantu membangunkan masyarakat luar bandar. Maka, jumlah RM2.34 bilion yang disebutkan bukan terhad kepada Kementerian Luar Bandar sahaja tetapi banyak lagi wang yang dihulurkan kepada kementerian lain, jadi jumlahnya adalah lebih besar daripada 3.068 yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Bharu tadi.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan membangkitkan isu agar pelaksanaan pembinaan rumah di bawah program Pembangunan Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) dapat diteruskan dan tumpuan wajar juga diberi kepada penduduk luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian saya akan meneruskan program PPRT sehingga Rancangan Malaysia Kelapan.

Yang Berhormat bagi Mambong dan Yang Berhormat bagi Kuala Pilah membangkitkan isu berkaitan dengan pembangunan bidang bioteknologi terhadap penggunaan sumber-sumber yang banyak terdapat di kawasan luar bandar, yang berkaitan dengan program 'Satu Kampung, Satu Industri'. Bidang ini berpotensi dimajukan untuk keluaran ubat-ubat dan bioteknologi. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini bersedia bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain khususnya Kementerian Pertanian untuk apa sahaja projek bagi meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar termasuk mengenalkan bioteknologi.

Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara dan Yang Berhormat bagi Gombak membangkitkan isu agar golongan ibu tunggal diberikan keutamaan memiliki rumah dengan menentukan kuota ibu tunggal serta menangani masalah setinggan di kawasan Gombak. Saya ingin memaklumkan kepada kedua Ahli Yang Berhormat baawa di dalam garis panduan pelaksanaan program bantuan rumah Rancangan Malaysia Kelapan, kementerian saya terus menumpukan keutamaan pemberian bantuan rumah kepada golongan tua, uzur dan ibu tunggal.

Yang Berhormat bagi Setiu membangkitkan isu supaya disegerakan pembinaan dan mempertingkatkan kemudahan bekalan elektrik dan air di kawasan Parlimen Setiu. Untuk menjawab kepada Yang Berhormat tadi, liputan kemudahan bekalan elektrik luar bandar dan bekalan air luar bandar bagi negeri Terengganu masih belum mencukupi. Dengan demikian, negeri Terengganu merupakan salah satu negeri menjadi tumpuan dalam penyediaan program-program ini.

Yang Berhormat bagi Bukit Mas membangkitkan isu supaya pembinaan bangunan tabika serta makmal komputer di kawasan Parlimen Bukit Mas dapat disegerakan kerana belum ada kemudahan ini di kawasan beliau. Untuk makluman Yang Berhormat, pembinaan bangunan Tabika Kemas sentiasa diteruskan dari masa ke semasa ke seluruh negara khususnya kawasan yang belum ada. Bagi Kawasan Bukit Mas, perancangan pembinaan ialah sebuah tabika bagi tahun 2003 dan tiga buah lagi setiap tahun mulai tahun 2003 hingga 2005.

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu membangkitkan isu supaya KETENGAH memberi tumpuan dan mempertingkatkan aktiviti ternakan ikan dalam sangkar daripada memberi lebih tumpuan kepada pembangunan bangunan. Untuk makluman Yang Berhormat, agensi-agensi Lembaga Kemajuan Wilayah seperti KETENGAH memang digalakkan untuk melaksanakan pelbagai aktiviti ekonomi termasuk penternakan ikan air tawar. Buat masa ini KETENGAH bekerjasama dengan RISDA bagi melaksanakan projek-projek

Tuan Henry Sum Agong: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Dato' Haji Azmi bin Khalid:Ternakan ikan air tawar di Tasik Kenyir dengan pendekatan secara komersial.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, Bukit Mas, ya.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Cukuplah Yang Berhormat panjang sangat, tadi sudah beberapa kali dijawab, cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat,

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Yang Berhormat bagi Tuaran soalan itu juga. Cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu Yang Berhormat bagi Bukit Mas Yang Berhormat.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Oh! Yang Berhormat bagi Bukit Mas?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Yang tadi pun..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang tadi itu Tuaran. Yang ini Bukit Mas.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Oh! Bukit Mas, okey Yang Berhormat bagi Bukit Mas.

Tuan Henry Sum Agong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sebenarnya dari Bukit Mas. Pertama saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, tadi Yang Berhormat Menteri memaklumkan bahawa suku kaum Murut di Sarawak dikaitkan dengan pembuatan rotan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di Sarawak dahulu suku kaum Murut yang dikenali..

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Yang Berhormat ada soalan kah atau hendak beri ucapan? Kalau ucapan saya tidak boleh, panjang ini..

Tuan Henry Sum Agong: Sedikit..

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Kalau maklumat itu tidak apa kita berikan waktu lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, persoalannya Yang Berhormat.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Beritahu soalan?

Tuan Henry Sum Agong: Dalam ucapan sewaktu perbahasan tempoh hari saya juga membangkitkan mengenai kelewatan bekalan elektrik di kawasan Bukit Mas iaitu di daerah Limbang dan Terusan, yang sebenarnya dimulai pada bulan November tahun lepas tetapi sampai sekarang belumlah dilaksanakan. Masalah mengikut pihak pelaksana ialah transformer yang belum ada. Jadi rakyat di dua-dua kawasan ini tertanya-tanya bila bekalan elektrik di kawasan Bukit Mas ini akan dilaksanakan. Saya juga mencadangkan untuk meningkatkan pendapatan penduduk kampung selaras dengan penyusunan semula kampung-kampung supaya pelaksanaan kedai kampung di kampung-kampung...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalannya Yang Berhormat, persoalannya.

Tuan Henry Sum Agong:..Di luar bandar.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Yang Berhormat begini saya minta maaf saya panjang lagi.

Tuan Henry Sum Agong:..Supaya kerajaan melaksanakan kedai kampung ini di kampung-kampung di luar bandar khususnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukup.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Saya nasihatkan Yang Berhormat, perkara yang khusus spesifik Yang Berhormat boleh menulis kepada saya kelewatan elektrik dan sebagainya, tidak payah tunggu dalam Parlimen. Boleh kita menyelesaikannya dengan cepat. Jadi, saya akan cuba membantu Yang Berhormat kalau apa Yang Berhormat sebut tadi benar. Yang Berhormat bagi Bukit Mas membangkitkan isu supaya program-program Skim Program Kesejahteraan Rakyat iaitu SPKR turut memberikan tumpuan kepada masyarakat kaum Penan di Sarawak. Ini ceritanya.

Sukacita saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa semua program pembasmian kemiskinan di bawah SPKR memberi bantuan kepada semua kaum termasuk kaum Penan. Sekiranya Yang Berhormat ingin mencadangkan program-program di bawah SPKR yang sesuai untuk meningkatkan taraf hidup kaum Penan di Sarawak, cadangan tersebut bolehlah diangkat melalui Pejabat Pengarah Pembangunan Negeri Sarawak untuk diselaraskan dan seterusnya dikemukakan untuk pertimbangan kementerian saya. Mengenai dakwaan Yang Berhormat bagi Kota Bharu mengatakan bahawa pembangunan luar bandar dari tahun ke tahun terus diabaikan dan semakin tersisih daripada harus pembangunan perdana. Ini adalah tidak benar. Ini kerana jika dilihat kerajaan dari tahun

ke setahun telah meningkatkan peruntukan untuk pembangunan infrastruktur luar bandar. Pelbagai program ekonomi telah digubal dan dilaksanakan yang bertujuan meningkatkan ekonomi masyarakat luar bandar...

Tuan Ramli bin Ibrahim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kota Bharu bangun Yang Berhormat.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Yang Berhormat bagi Kota Bharu, okey.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Yang tidak benar tadi, sebab alasan yang saya beri berdasarkan kepada peruntukan tahun 1996, 1997, di mana 1996 sebanyak 8.69%, pada tahun 1997 peruntukan 7.9% menurun. Sebab itu saya mengambil point 2% itu adalah sudah menurun. Jadi, itu alasan saya. Jika dikira tiga tahun berturut-turut sebenarnya peruntukan untuk pembangunan luar bandar sudah menurun.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Saya tidak tahu di mana Yang Berhormat gagau angka berkenaan. Saya telah sebut tadi..

Tuan Ramli bin Ibrahim: Dalam laporan Malaysia.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Ini saya sebut peruntukan tahun ini lebih RM100 lebih juta daripada tahun sudah dan daripada tahun sebelumnya lebih lagi banyak. Jadi..

Tuan Ramli bin Ibrahim: Boleh saya jelaskan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak bolehlah. Duduk dahulu Yang Berhormat bagi Kota Bharu, Menteri hendak menjawab.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Saya ingat ini tidak payah Yang Berhormat sentuh lagi sebab kita perlu melihat pembangunan secara menyeluruh. Luar bandar hanya dapat membangun kalau seluruh negara membangun. Tidak ada negara yang dapat membangunkan luar bandar kalau seluruh negara tidak membangun. Jadi, jangan dikatakan pembangunan dalam bandar itu sendiri perlu untuk supaya luar bandar itu membangun. Ini adalah satu contoh..

Tuan Ramli bin Ibrahim: *[Bangun]*

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Minta maaf Yang Berhormat, saya tidak izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat,.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tidak payahlah, hujah Yang Berhormat hendak menyebut pasal angka. Kalau saya hendak sebut angka, banyak lagi saya boleh korek hendak menunjukkan bahawa angka kita lebih besar...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kota Bharu, cukuplah dia tidak beri.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tidak payahlah, tidak dapat dinafikan bahawa walaupun Kelantan sepuluh tahun lebih tertinggal walaupun kita cuba memberi peruntukan, KESEDAR sahaja kita membelanjakan lebih RM300 juta. Masalahnya di Kelantan masalah tanah yang banyak tidak dapat diselesaikan oleh kerana kerajaan negeri sendiri, minta maaf saya tidak mahu menyebut satu persatu. Kalau saya sebut mungkin panjang. Jadi, kalau hendak dibangunkan negeri perlulah seluruh jentera, semua pihak bekerjasama oleh kerana kumpulan sasar itu penting. Ini kerana jika dilihat kerajaan dari tahun ke tahun telah meningkatkan peruntukan untuk pembangunan infrastruktur luar bandar. Pelbagai program ekonomi telah digubal dan dilaksanakan yang bertujuan meningkatkan ekonomi masyarakat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja jawapan saya terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan. Bagi isu-isu lain yang disentuh oleh Yang Berhormat tetapi tidak dapat dijawab di sini, kementerian saya akan mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terima kasih. Sekarang saya jemput Kementerian Belia dan Sukan.

Kementerian Belia dan Sukan

8.14 mlm.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan anggaran perbelanjaan tahun 2003 yang menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Belia dan Sukan. Ingin saya menyentuh cadangan Yang Berhormat bagi Wangsa maju yang menyarankan agar Kementerian Belia dan Sukan membina sebuah stadium mini dan trek larian di sekitar pusat sukan lasak atau *extreme game* dengan izin, di Seksyen 6 Wangsa Maju.

Sukacita saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa lembaga pengurus Majlis Sukan Negara yang bersidang pada 2 April tahun ini telah pun meluluskan cadangan Majlis Sukan Negara untuk membeli tanah lot, nombor 1144 di Seksyen 6, Wangsa Maju dengan keluasannya 7.7 ekar bersamaan 31.417 meter persegi dan setakat ini pembelian tanah tersebut masih dalam proses. Apabila ianya diselesaikan, Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara bercadang untuk membangunkan tanah tersebut dengan kemudahan sukan yang bersesuaian seperti dewan serba guna, padang bola sepak dan asrama serta kemudahan bagi sukan lasak yang didapati semakin popular dan digemari khususnya di kalangan belia dan remaja negara ini.

Walau bagaimana pun, bagi tapak yang dimaksudkan di Wangsa Maju, kementerian dapati ianya tidak begitu sesuai untuk dibangunkan sebuah stadium mini dan trak larian kerana rupa bentuk tanahnya atau *geophysical features* dengan izin, tidak begitu sesuai dan ditambah pula dengan lokasinya yang agak dekat dengan sebatang sungai yang berhampiran. Walaupun demikian, kementerian tetap akan memberi perhatian terhadap cadangan untuk membina sebuah stadium mini dan trak larian di kawasan Wangsa Maju sekiranya kementerian dapat tapak yang sesuai bagi tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat bagi Labuan supaya sukan air bertaraf antarabangsa dapat dianjurkan di Wilayah Persekutuan, Labuan ingin saya nyatakan di sini bahawa sukan air negara bukan sahaja dibangunkan sebagai aktiviti sukan dan rekreasi yang bermatlamat untuk memberi peluang penyertaan ramai sesuai dengan konsep Sukan Untuk Semua tetapi ianya juga dibangunkan sebagai sukan pertandingan. Aktiviti-aktiviti sukan air seperti kenu, *rowing with boarding* dan jet ski adalah dianjurkan dari masa ke semasa bagi menggalakkan penyertaan masyarakat dalam sukan tersebut.

Dari segi pertandingan antarabangsa, Malaysia telah pun menjadi tuan rumah *F1 Power Boat* dengan izin dalam tahun 2001 dan tahun 2002 yang masing-masing berlangsung di Johor dan Selangor. Walau bagaimanapun, kementerian setakat ini belum bercadang untuk menganjurkan sukan air bertaraf antarabangsa di Labuan kerana membangunkan satu-satu tempat sebagai pusat sukan air bertaraf antarabangsa bukanlah satu perkara yang mudah dan ianya perlu mengambil kira pelbagai faktor seperti kesesuaian lokasi, kemudahan sokongan yang ada, kos penganjuran, implikasi kewangan, kemampuan untuk menganjurkan temasya yang berkenaan.

Yang Berhormat bagi Labuan juga menyentuh tentang perlunya sebuah sekolah sukan *equestrian* antarabangsa di Labuan. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Labuan, kementerian berpendapat bahawa cadangan tersebut adalah kurang sesuai kerana ia perlu mengambil kira beberapa faktor. Yang pertamanya untuk mewujudkan sebuah sekolah *equestrian* antarabangsa ianya memerlukan sebuah kawasan atau tapak yang sangat luas bagi tujuan yang berkenaan. Selain itu kementerian juga dapati sukar bagi mewujudkan sekolah sukan tersebut kerana urusan keluar masuk kuda-kuda akan memakan belanja

yang sangat tinggi memandangkan lokasi Labuan merupakan sebuah pulau dan ia sudah tentu memerlukan kos yang bukan sedikit bagi tujuan tersebut.

Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Labuan, kementerian sentiasa berusaha membawa acara sukan bertaraf dunia supaya dibawa ke negeri-negeri dan seterusnya dianjurkan oleh negeri-negeri yang berkenaan. Walaupun demikian peranan pihak swasta adalah dialu-alukan di samping restu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Larut berdiri Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Datuk Ong Tee Keat: Nanti dahulu biar saya habis dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak bagi selesai dahulu Yang Berhormat.

Datuk Ong Tee Keat: Dan pihak swasta adalah dialu-alukan di samping restu badan pengawal sukan berkenaan di peringkat antarabangsa dan usaha bersepadu dari semua pihak adalah dialu-alukan bagi menjayakan sukan berkonsepkan pelancongan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat ada menyebut sukan bertaraf antarabangsa termasuk yang baru-baru ini diadakan orang kuat. Sukan yang boleh menarik pelancong selain daripada apa yang Yang Berhormat sebut.

Tidak silap saya dalam Dewan ini Yang Berhormat pernah menyebut bahawa kementerian bercadang hendak membawa kelab-kelab elit bola sepak seperti Brian Munich, AC Milan daripada Itali, daripada Brazil dan sebagainya. Jadi saya ingin bertanya, apakah yang menyebabkan kelab-kelab ini belum sampai lagi ke Malaysia, adakah kementerian mendapati bahawa kelab-kelab ini tidak dapat membantu untuk menaikkan semula imej bola sepak di negara kita ini? Minta sedikit penjelasan.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat bagi Larut apa yang dibangkitkan tadi itu jauh terkeluar dari apa yang saya sebut tadi tapi saya tetap hendak layan apa yang dibangkitkan. Untuk makluman Yang Berhormat sebenarnya apa yang disoal itu saya rasa pernah saya jawab dalam Dewan yang mulia ini. Pasukan-pasukan yang dimaksudkan itu juga dipelawa tetapi dalam jawapan saya bersabit dengan soalan yang berkenaan pernah saya kata bahawa salah satu faktor yang menyumbang kepada kemerosotan skuad bola sepak negara kita, sebenarnya ianya bersabit dengan sogokan wang dan juga kurangnya pemain-pemain yang setaraf dengan mereka yang telah pun digantung kerana terlibat dengan sogokan wang.

Dalam konteks ini suka saya betulkan apa yang Yang Berhormat sarankan sebelum ini mungkin melalui penulisan Yang Berhormat dalam akhbar bahawa apa yang pernah saya sarankan dalam Dewan yang mulia ini bukanlah tiada satu pasukan pun dari seberang laut yang tunjuk minat hendak datang. Saya cakap kurang tidak bermaksud bahawa tiada sama sekali. Jadi saya berharap Yang Berhormat dapat bezakan apa yang saya sebut sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Larut berdiri lagi Yang Berhormat.

Datuk Ong Tee Keat: Saya rasa kalau hendak soal berkenaan bola sepak nanti ada peluang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kita ada tiga lagi yang tidak habis Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Nanti, nanti..., tidak, yang saya tanya tadi bertaraf dunia..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Datuk Ong Tee Keat: Biar saya habiskan ya, Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya tidak tanya pasal Yang Berhormat kata perjelaskan, saya tidak tanya itu, saya tanya yang bertaraf dunia Yang Berhormat pernah sebut dalam....

Datuk Ong Tee Keat: Yang Berhormat, Yang Berhormat,

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Parlimen ini...

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, biar saya sambung...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak bagi Yang Berhormat. Dia sambung itu...cukup Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat tidak usah menafikanlah, kalau tidak boleh jawab kata tidak boleh jawablah.

Datuk Ong Tee Keat: Tidak, tidak Yang Berhormat saya akan jawab..

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak payahlah, saya tanya...

Datuk Ong Tee Keat: Nanti dulu Yang Berhormat...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya tanya dengan baik, apa yang Yang Berhormat

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Larut, Larut cukuplah Larut.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat hendak kaitkan dengan *paper* sana, *paper* sini

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat cukuplah..

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sebagai Timbalan Menteri, Yang Berhormat tidak boleh emosional.

Datuk Ong Tee Keat: Yang Berhormat, saya..saya...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Soal Yang Berhormat dalam MCA itu lain, tidak kena-mengena...

Datuk Ong Tee Keat: Saya tidak beremosi, yang beremosi itu Yang Berhormat

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apalah dia sudah duduk, tidak payahlah.

Datuk Ong Tee Keat: Dan saya rasa, apa yang saya kena jawab itu saya jawab, Yang Berhormat dan kiranya Yang Berhormat....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus yang lain Yang Berhormat, jawab yang lainlah.

Datuk Ong Tee Keat: Sekiranya Yang Berhormat hendak bangkitkan yang relevan saya akan layan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk Yang Berhormat bagi Larut, Hah! ini untuk dia juga ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya menyentuh pertanyaan Yang Berhormat bagi Larut yang mengatakan kononnya Pesuruhjaya Sukan tidak memberi khidmat sebagai penasihat kepada persatuan-persatuan sukan bermasalah tetapi sebaliknya lebih cenderung bertindak sebagai *prosecuting officer* dengan izin, atau pendakwa raya atas

persatuan-persatuan sukan yang tertentu. Sukacita saya maklumkan Dewan yang mulia ini sejak Pesuruhjaya Sukan diwujudkan lebih kurang lima tahun yang lalu hanya sebuah persatuan sahaja dari 1,091 buah yang berdaftar dengannya iaitu Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia atau KOAM yang diambil tindakan agak keras dan itu pun tidak sampai kepada tahap pembubaran atau pembatalan persatuan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat yang sama, sebenarnya Pesuruhjaya Sukan banyak mengadakan ceramah-ceramah mengenai Akta Pembangunan Sukan 1997 kepada persatuan termasuklah mengadakan mesyuarat dengan semua setiausaha-setiausaha persatuan kebangsaan di Kota Kinabalu, Sabah pada pertengahan tahun ini. Selain itu Pesuruhjaya Sukan juga turut mengadakan timbang tara dengan pihak-pihak yang bertelagah dalam persatuan seperti di antara persatuan AJK dengan ahli gabungannya. Perkara yang dilakukan oleh Pesuruhjaya Sukan ini sememangnya tidak pernah dilakukan ke atas mana-mana persatuan lain sebelum mereka berdaftar dengan Pejabat Pesuruhjaya Sukan.

Dalam erti kata lain, adalah tidak tepat untuk mendakwa Pesuruhjaya Sukan lebih cenderung bertindak sebagai *prosecuting officer* dengan izin, daripada sebagai penasihat. Begitu juga Pesuruhjaya Sukan tidak campur tangan dalam urusan pembangunan sesuatu acara sukan dari segi menentukan mutu prestasinya kerana itu adalah tanggungjawab sesebuah persatuan itu sendiri sebagai sebuah badan berdaftar bagi sesebuah pertubuhan sukan. Pesuruhjaya Sukan tidak mempunyai kuasa untuk memastikan mutu permainan sesuatu acara sukan itu.

Sebaliknya pada pandangan kementerian ia lebih merupakan peranan dan tanggungjawab sesebuah persatuan itu yang seharusnya mengadakan perancangan baik jangka pendek mahupun jangka panjang di mana aspek-aspek seperti pembangunan atlet-atlet atau pemain, mengenal pasti bakat, penyediaan jadual latihan, mengenal pasti jurulatih dan sebagainya perlu dibuat.

Melalui Akta Majlis Sukan Negara, adalah menjadi tanggungjawab Majlis Sukan Negeri bagi pihak kerajaan negeri menjadi penyelarasan badan-badan sukan peringkat daerah melalui program atau aktiviti yang dikemukakan. Kementerian melalui Majlis Sukan Negara hanya akan menjadi penasihat ataupun pemantau yang memberikan bantuan sekiranya perlu.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soalan yang dikemukakan...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Larut berdiri Yang Berhormat. Yang Berhormat, Larut berdiri lagi.

Datuk Ir. Ong Tee Keat: Sekarang saya datang ke FAM.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ha, sekejap lagi. Sekejap lagi Yang Berhormat.

Datuk Ir. Ong Tee Keat: Menyentuh soalan yang dikemukakan Yang Berhormat bagi Larut yang menyarankan supaya pengurusan Stadium Nasional Bukit Jalil dan Stadium Merdeka diserahkan kepada pihak Persatuan Bola Sepak Malaysia iaitu FAM, sukacita saya menarik perhatian Yang Berhormat bagi Larut bahawa adalah menjadi dasar Kerajaan Persekutuan supaya semua *venue* milik kerajaan diurus dan ditadbir secara terus oleh agensi yang dipertanggungjawabkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, apabila Kompleks Sukan Negara siap dibina sebelum bermulanya temasya Sukan Komanwel ke-16 pada tahun 1998, kerajaan telah memutuskan supaya Perbadanan Stadium Merdeka diberikan hak untuk mentadbir dan mengurus Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil dan Kompleks Sukan Bukit Kiara, Stadium Nasional merupakan salah satu dari komponen *venue* yang terdapat di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil. Sesungguhnya pelaksanaan dasar ini adalah bertujuan untuk;

- (i) memelihara kepentingan awam dan kerajaan;
- (ii) mengelakkan monopoli oleh satu-satu pihak;

- (iii) memastikan Stadium Nasional digunakan secara maksimum untuk pelbagai acara;
- (iv) membolehkan kerajaan melaksanakan tanggungjawab sosial; dan
- (v) memastikan *venue* diuruskan secara profesional oleh mereka yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang berkenaan.

Mengenai saranan

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut bangun.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya setuju dengan Yang Berhormat. Kita dapati bahawa padang-padang bola ini mestilah orang yang tahu pasal padang sebab ini pengalaman kita. Kita ambil contoh di Spain, di England, sebab padang ini mustahak supaya permainan lebih baik dan berkualiti. Apa yang kita cadangkan supaya kalau boleh tetapi tidak mungkin semua persatuan-persatuan bola sepak kecuali FAM yang mampu mengendalikan stadium-stadium ini kerana kos yang begitu tinggi. Tetapi kita kena lihat sumbangan pendapatan kepada stadium-stadium ini ialah bola sepak.

Saya beri contoh di Stadium Bukit Jalil atau Stadium Merdeka yang kita cadangkan kalau boleh diberi kepada Persatuan Bola Sepak Malaysia kerana di Stadium Merdeka sehingga hari ini belum dimajukan. Saya sendiri telah bercakap dengan Menteri sendiri kalau boleh Stadium Merdeka ini dibenarkan kepada FAM untuk diuruskan. Berbalik kepada Stadium Bukit Jalil, kita tidak boleh menafikan kalau tidak ada bola sepak, sumbangan pendapatan kepada stadium-stadium ini akan berkurangan kerana bola sepak yang memberi sumbangan yang besar.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Tidak ada orang tengok.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kita tidak boleh nafikan walaupun rakan saya daripada Tampin itu soal tentang pasukan kebangsaan. Tetapi dari segi sumbangan kepada setiap stadium kalau tidak ada bola sepak memang tidak ada pendapatan yang begitu besar. Kerana setiap stadium apabila ada pertandingan bola sepak Liga Pro Yang Berhormat sendiri lihat bagaimana pendapatan cukai pengagihan yang diperolehi oleh setiap stadium dalam satu perlawanan dari segi *percentagennya*. Maka sebab itu saya mencadangkan kalau boleh perkara ini dilihat supaya setiap persatuan negeri-negeri yang terbabit boleh mengurus stadium ini kerana mereka tahu dari segi teknik menjaga padang. Kalau tidak padang ini akan membabitkan kos yang tinggi. Umpamanya di Stadium Bukit Jalil apabila pasukan bola sepak Brazil yang datang ke Malaysia, takdirnya mereka enggan bermain di Stadium Bukit Jalil, yang akan dapat malu ialah negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cuba ringkaskan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya rasa ini sudah paling ringkas. Jadi, oleh kerana mereka mengutamakan sebuah padang. Jadi, terima kasihlah kerana walaupun kita terpaksa mendesak pihak Stadium Bukit Jalil menggantikan padang Bukit Jalil itu walaupun kosnya hampir RM81,000, tidak mengapa kerana bagi standard perlawanan bola sepak antarabangsa memerlukan satu padang. Kalau tidak kalau Brazil tidak main di Stadium Bukit Jalil kita malu, ya. Bukan malu setakat negara kita tetapi seluruh dunia. Tetapi kita berterima kasihlah kerana pasukan Brazil masih mampu kita yakinkan untuk terus bermain di Stadium Bukit Jalil sedangkan mereka menolak di Stadium Shah Alam. Ini banyak yang tidak faham tentang soal padang.

Padang perlawanan cukup mustahak sebagai satu daripada komponen dengan izin, sokongan bagi menjamin mutu perlawanan bola sepak. Sebab itu tadi saya tanya Yang Berhormat, Yang Berhormat mungkin salah anggap. Saya bertanyakan pasal dulu Yang Berhormat mengatakan bahawa ada usaha hendak bawa kelab-kelab seperti AC

Milan, Bayern Munich dan sebagainya ke Malaysia ini untuk menarik pelancongan. Jadi Yang Berhormat jangan salah anggap. Saya ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jadi, saya berharap boleh atau tidak kementerian menimbang bagaimana boleh persatuan-persatuan bola sepak negeri yang mampu mengurus stadium-stadium daripada kita...kerana kalau ini pendapat kita orang kalau stadium ini dijadikan sebagai persembahan konsert...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:boleh merosakkan padang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Larut, sebagai pemimpin persatuan boleh bincang dengan Menteri di pejabat sana.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bincang lain Yang Berhormat Speaker. Ini kita buat dasar di Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Buat dasar. Kalau kita datang sini tidak boleh bertanya susahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya datang sini kerana kita adalah sebahagian daripada pembuat dasar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukup, cukup, cukup.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jadi, kalau tidak boleh tanya tidak guna kita datang ke Parlimen. Saya sorrylah saya katakan, kita datang hendak bertanya kerana kita menggubal dasar negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ..

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. *[Disampuk]* Saya biasa digantung, *no problem*. Saya kena gantung bola tiga tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Timbalan Menteri, ..Yang Berhormat...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, inilah soalan yang saya alu-alukan. Kiranya ianya ada *relevancy* dengan apa yang saya jawab itu, memang ini untuk kebaikan negara. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sebenarnya saya setuju dengan apa Yang Berhormat sarankan tadi dari segi peratusan pendapatan yang dapat disumbangkan melalui penganjuran pertandingan bola sepak. Tetapi Yang Berhormat seperti mana yang saya sebutkan tadi, pengurusan kemudahan prasarana sukan kita terutamanya Kompleks Sukan Negara, itu telah pun saya jawab dengan panjang lebar dan apa Yang Berhormat cadangkan itu sebenarnya setahu saya Yang Berhormat juga pernah bincang panjang lebar dengan Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan sendiri. Apa salah kiranya Yang Berhormat dapat mengemukakan ini secara bertulis dengan cadangan terperinci dan bukannya sekadar cadangan di mana FAM meminta supaya diberi kebenaran untuk menguruskan kompleks yang berkenaan.

Yang Berhormat juga ...

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Datuk Ong Tee Keat: Nanti dahulu, saya belum habis menjawab, nanti dahulu ya.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Oh belum habis? Okey, okey, okey.

Datuk Ong Tee Keat: Yang Berhormat juga menyentuh tentang pasukan bola sepak yang terkenal di peringkat antarabangsa umpamanya Brazil. Saya suka sentuh serba sedikit tentang pengalaman kita bila pasukan Brazil diundang ke sini.

Apa Yang Berhormat cakapkan itu tadi saya bersetuju dengan padang bola dan sebagainya tetapi apa yang Yang Berhormat tidak sentuh saya hendak cakap di sini iaitu sikap. Kita dapati bahawa sikap tetamu kita dari Brazil itu walaupun mereka handal, hebat dari segi prestasi bola sepak mereka, tetapi sikap mereka itu kurang menyenangkan. Kita sebagai tuan rumah, kita tidak harap mereka ini kenang budi kita, tetapi takkanlah tetamu seperti mereka ini sanggup mengeluarkan kata-kata yang kurang senonoh, yang mengguris perasaan kita kononnya kemudahan penginapan ataupun sebagainya itu tidak bersesuaian dengan selera mereka dan sebagainya. Saya rasa itu takkan Yang Berhormat sudah lupa. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya balik kepada

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tebrau bangun.

Datuk Ong Tee Keat: ..jawapan saya. Nanti dahulu, ini ada kaitan dengan Yang Berhormat bagi Larut.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Oh ada ya? Saya pun berkaitan juga.

Datuk Ong Tee Keat: Nanti dahulu, kalau tidak nanti terputus-putus. Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Yang Berhormat bagi Larut yang meminta para pegawai daripada Majlis Sukan Negara (MSN) supaya lebih kerap turun padang. Ingin saya nyatakan di sini bahawa amalan turun padang ini sememangnya bukan sesuatu yang baru tetapi ianya telah diamalkan sejak dahulu lagi. Sesungguhnya pihak kementerian dan juga pihak MSN amat prihatin terhadap pembangunan persatuan-persatuan dan juga atlet-atlet yang berada di bawah penyeliaan mereka. Selain itu pihak MSN juga mempunyai penyelaras bagi setiap jenis sukan masing-masing dan ia dilakukan bagi memantau program elit dan program-program pembangunan setiap acara sukan masing-masing. Penyelaras yang ditugaskan ini juga bertindak untuk memantau program-program yang dijalankan oleh mana-mana persatuan sukan.

Pihak kementerian melalui MSN juga telah melantik seramai 30 orang setiausaha eksekutif bagi membantu, merancang dan mengelolakan segala aktiviti persatuan di peringkat akar umbi. Selain itu, pihak Majlis Sukan Negara juga melantik wakil penyelaras negeri bagi memantau sesuatu program yang dijalankan. Sesungguhnya langkah-langkah ini bertujuan untuk mengurangkan beban persatuan dan sekali gus membantu mana-mana persatuan sukan yang tidak berkeupayaan terutamanya dari segi kewangan. Mengenai pertanyaan yang mengatakan bahawa badan-badan sukan terutamanya peringkat daerah yang menghadapi masalah kewangan, sukacita dimaklumkan bahawa kementerian menyediakan peruntukan bagi melaksanakan program dan aktiviti di peringkat negeri. Sebanyak RM5 juta diperuntukkan bagi pembangunan sukan untuk semua dan ianya disalurkan kepada negeri dan seterusnya ke peringkat daerah.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Silam, kementerian sememangnya menyokong usaha penganjuran...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat..

Datuk Ong Tee Keat: Ya.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ha, terima kasih. Tadi saya hendak cerita pasal stadium, Yang Berhormat sudah terlalu panjang. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, ini cerita stadium tidak apalah sudah jawab. Saya memang setuju kerajaan jaga Stadium Negara Bukit Jalil itu sebab kalau kerajaan jaga ada sedikit kebaikan, senang

dapat budi bicara. Kalau serah pada FAM banyak orang tidak dapat masuk nanti kerana dia sudah kira untung sahaja. Jadi saya sarankan FAM, dia jagalah pemain bola supaya terus maju. Sekarang pun ramai orang tidak tengok bola, asyik kalah sahaja [Ketawa] *problem* pula. Sepak takraw memang teruk lagilah.

Ini cerita pasal peruntukan stadium. Yang jadi masalah Tuan Yang di-Pertua, peruntukan hendak buat stadium di daerah-daerah payah. Jadi budak-budak hendak main bola sepak *problem*. Jadi adakah tidak peruntukan sedikit, maknanya setiap daerah dalam Malaysia ini, kalau Johor ada lapan daerah, lapan-lapan ada stadium, ini tidak ada, minta peruntukan lambat. Jadi kalau untuk memajukan bola sepak lagi, sekarang sudah tidak maju sangat, asyik kalah sahaja [Ketawa] Jadi kalau boleh banyakkkan stadium, ini betul. Banyak permintaan dari pemuda-pemuda memerlukan stadium dan juga padang-padang bola sepak dapat diberi peruntukan melalui Majlis Sukan ataupun Kementerian Belia dan Sukan, itu sahaja pandangan saya Yang Berhormat.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Tebrau. Walaupun demikian, suka saya memaklumkan Yang Berhormat bahawa pembinaan ataupun penyediaan infrastruktur atau prasarana sukan umpamanya padang bola yang canggih tidak semestinya memberikan kita jaminan bahawa prestasi kita dalam acara sukan yang berkenaan akan meningkat secara profesional. Walaupun demikian, di samping itu suka juga saya ingin menyentuh satu lagi aspek yang kadang kala kita mungkin lupa dalam perbincangan kita.

Yang Berhormat tadi mencadangkan agar lebih banyak lagi stadium ataupun padang bola disediakan tetapi jarang-jarang kita menyentuh tentang peri pentingnya peruntukan untuk penyelenggaraan kemudahan yang berkenaan. Kita boleh buat stadium yang bertaraf antarabangsa tetapi apa yang lebih penting itu saya rasa adalah tahap penggunaannya, ini yang pertama. Yang keduanya penyelenggaraan, itu jarang-jarang disentuh dalam perbincangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Datuk Ong Tee Keat: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading macam pakar dalam semua bidang.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Sukan ini semua orang minat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kadang-kadang pelik, pasukan tenis semi-pro untuk orang-orang cacat, johan tenis dunia, tahniah. Yang tidak cacat, hancur [Ketawa] Cerita kemerosotan bola sepak..

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Takraw dengan dadah! [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, persoalan!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Disampuk] Sudah hendak sampai Tuan Yang di-Pertua..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, pukul berapa sekarang? Tengok jam.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kalau saya terus masuk saya bimbang Timbalan Menteri tidak faham soalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat faham, Tuan Yang di-Pertua boleh tidak membenarkan Yang Berhormat keluar minta penjelasan.

Beberapa Ahli: Keluar Dewan? [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tolonglah! Minta kerjasama keluarkan soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Punca sebenar kemerosotan sukan yang mengecewakan kita. Rakyat Malaysia ada televisyen. Macam-macam alat yang canggih yang kita dapat membuat perbandingan dengan pencapaian negara-negara lain tetapi apabila kita lihat sukan kita, hendak dibandingkanlah, macam bola sepak, menyepak bola pun tidak pandai. Jadi mengecewakan. Jadi puncanya apa? Punca? Punca? Sekolah sukan kita ada, stadium canggih kita ada, peralatan canggih kita ada, peruntukan kewangan pun cukup [Disampuk] Ya lah, mungkin semangat kurang. Apakah kejurulatihan agaknya .. [Disampuk] Saya tidak pernah dengar ada institusi ataupun sekolah melatih jurulatih, bidang kejurulatihan. Setakat ini kita mengimport jurulatih dari luar. Jurulatih dari luar, duit sahaja. Sama ada negara kita hendak mencapai kecemerlangan atau tidak, itu bukan agenda mereka kerana bukan negara mereka. Rasa cinta kepada negara tidak ada kepada mereka. Duit habis, ini yang dikatakan pepatah Melayu, peluru habis palembang tak alah. Jadi saya tidak tahu apakah ada rancangan pihak kementerian untuk mewujudkan sekolah kejurulatihan. Itu saya harap dapat diberikan penekanan.

Yang kedua, sekalilah saya bangun. Saya bangun banyak kali Tuan Pengerusi tidak benarkan, ya? Ini berkenaan dengan bantuan kewangan. Dalam bajet berjuta-juta – RM200 juta. Ambil contoh, saya pegang jawatan dalam Persatuan Badminton Melayu Johor, saya juga Pengerusi Persatuan Takraw Negeri Johor [Disampuk][Ketawa] Cukup sukar mendapatkan bantuan. Saya tidak tahu apa masalahnya tetapi dalam bajet kata, ada RM200 juta.

Jadi saya harap bagaimana hendak mengatasi masalah ini? Bantulah kami. Sepak takraw, persatuan yang miskin. Badminton Melayu Johor pun miskin. Tidak ada hasil, melainkan kita harapkan bantuan. Selama ini kitalah berkorban. Nasib baiklah Ahli Parlimen. Kalau orang lain, sudah lari malam dia. Tidak sanggup hendak pikul beban kewangan, yang memang tidak dapat hendak kami elak. Satu-satu pertandingan yang dianjurkan sampai RM15,000, RM20,000 [Disampuk] Ini masalah yang kami hadapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, Tuan Yang di-Pertua, saya akan sampai, saya sampai.

Yang akhir, walaupun saya menjadi Presiden Persatuan Sepak takraw Negeri Johor, saya amat menyokong tindakan menghantar balik tiga pemain sepak takraw yang didakwa terlibat dengan dadah, saya menyokong. Dan kalau boleh, hantar balik dengan bot, jangan dengan kapal terbang [Ketawa]

Beberapa Ahli: Sudah balik. Sudah sampai pun [Ketawa]

Seorang Ahli: Pengerusi pun tak sedar dia orang dah sampai [Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pasal saya negeri, saya tidak pegang pusat, saya pegang negeri. Saya berharap pihak Kementerian Belia dan Sukan dapat mengambil satu langkah yang konkrit, bagaimanalah, dengan penuh tanggungjawab dan kesedaran. Mari kita gembeng segala apa yang ada pada kita, untuk melihat supaya skil ataupun taraf kesukanan ataupun mutu kecemerlangan sukan negara kita ini benar-benar akan bangkit. Macam bola sepak, tidak ada lagi Ghani Minhad, Mokhtar Dahari sudah tidak ada ...

Datuk Haji Mohd.Ali bin Haji Hassan: Raja Ahmad ada [Dimaksudkan Yang Berhormat bagi Larut]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Raja Ahmad tidak boleh harap [Ketawa] Tentang ini memang tidak boleh. Dia bahagian pengurusan dan memang patutlah dia pun tidak pandai main bola pasal dia bahagian pengurusan [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, cukuplah. Banyak sangat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Oleh sebab saya takut kena keluar Tuan Pengerusi, saya patuh arahan Tuan Yang di-Pertua [Ketawa]

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa teguran itu memang patut kita menyambut baik dan kita mengambil iktibar daripada apa yang kita hadapi sekarang, sama ada kita sifatkan ini sebagai satu kemelut ataupun masalah, itu tidak penting. Yang penting sekali ialah punca masalah itu. Bila terdapat kemerosotan daripada segi prestasi pasukan kita, kita mengakuinya dan bila saya sebut di dalam Dewan, saya juga berharaplah Ahli-ahli Yang Berhormat tidak marah-marah, sebab itu memang satu fakta.

Walaupun demikian, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sri Gading menyentuh tentang perbandingan prestasi di antara OKU atau orang kurang upaya dengan pemain-pemain normal kita. Saya rasa itu bukanlah satu perbandingan yang tepat sebab biasanya sukan untuk OKU atau orang kurang upaya itu, itu juga di bawah jagaan Kementerian Belia dan Sukan dan orang kurang upaya sepatutnya juga diberi tumpuan dan perhatian yang sewajarnya, khususnya dalam bidang pembinaan sukan. Mereka tidak tersisih dari arus pembangunan utama dalam arena sukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada jawapan tadi. Menyentuh tentang pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Silam, kementerian sememangnya menyokong usaha penganjuran aktiviti sukan antarabangsa yang sesuai dengan konsep pelancongan sukan atau *sports tourism*, dengan izin. Penganjuran acara-acara seperti Mount Kinabalu Climbathon dan luncur udara, adalah dianjurkan atas inisiatif Kerajaan Negeri Sabah sendiri dan kementerian menyokong penuh dan akan memberikan bantuan sekiranya diperlukan. Kerajaan Negeri Sabah telah menjadikannya suatu acara tahunan dan ia ternyata menarik minat ramai peserta dan juga pelancong daripada pelbagai negara di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi ingin saya merakamkan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan, yang menyentuh tentang bajet bagi kementerian saya. Saya amat menghargai segala pandangan, cadangan dan teguran yang telah pun dikemukakan dan ianya tetap akan diberikan perhatian oleh Kementerian Belia dan Sukan bagi membantu menyusun, mengatur dan memantapkan lagi program-program kementerian demi kepentingan pembangunan belia dan kemajuan sukan negara. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bagi Kementerian Pertanian, sila.

Kementerian Pertanian

8.54 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: *Assalaamualaikum* dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya tidak ada orang dalam Dewan ini yang mungkin saya bagi jawapan bertulis pun cukup dah.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu-isu berkaitan dengan tanggungjawab dan kuasa Kementerian Pertanian, jabatan-jabatan dan agensi-agensi di bawahnya. Saya juga mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Bagan Datok, Sibul, Sipitang, Bukit Bintang, Kota Bharu, Tampin, Tanjong, Kuala Selangor, Klang, dan Kuala Terengganu, yang telah menyentuh dan telah mengambil bahagian di dalam perbincangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bagan Datok, kerajaan bercadang untuk menanam semula kebun kelapa matang seluas 1,000 hektar di kawasan Rungkup, Perak bagi tempoh tahun 2002 hingga 2005. Bagi tahun 2002, dijangka seluas 300 hektar akan dibangunkan. Aktiviti-aktiviti penanaman dijangka bermula pada bulan November 2002.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya jelaskan bahawa semua projek pembangunan yang diluluskan untuk pelaksanaan akan diberi peruntukan sewajarnya oleh Kementerian Pertanian dalam masa dan jadual yang ditetapkan. Peruntukan juga adalah untuk ditentukan disalurkan mengikut kategori tertentu kepada petani serta projek seperti aspek

prioriti, impak ekonomi, kesan sosial dan perkara yang dapat membantu meningkatkan kesejahteraan rakyat. Sekiranya terdapat pegawai-pegawai yang mencampuradukkan fahaman politik, maka tindakan tatatertib akan diambil terhadap mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Sibu, beberapa langkah sedang diambil oleh kerajaan bagi membantu pesawah padi menghadapi persaingan menjelang pelaksanaan AFTA dan WTO. Ini termasuk penyediaan dan peningkatan kemudahan-kemudahan infrastruktur, peningkatan keupayaan dan kecekapan pengurusan air, pembekalan benih bermutu tinggi serta peningkatan mutu padi dan beras melalui penyelidikan bagi memperkenalkan baka-baka baru yang bermutu tinggi. Kerajaan juga menggalakkan penanaman padi berskala besar menerusi pelaksanaan projek-projek berkelompok, mini estet dan estet padi serta melalui peningkatan penggunaan mekanisasi dan automasi serta memperkenalkan projek pengeluaran padi 10 tan satu hektar. Usaha-usaha ini diambil bertujuan untuk mengurangkan kos pengeluaran padi di samping meningkatkan daya pengeluaran bagi membolehkan petani-petani ini mampu bersaing dengan pengeluar-pengeluar padi dari negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat menghargai keprihatinan Yang Berhormat bagi Sibu mengenai sumber perikanan negeri Sarawak. Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perikanan telah mengamalkan pengurusan sumber perikanan yang ketat. Ini bertujuan untuk memastikan sumber perikanan diterokai secara mapan dengan mengambil kira sumber perikanan yang ada dan menetapkan tahap yang boleh diterokai.

Oleh itu, lesen-lesen yang dikeluarkan telah mengambil kira kemampuan penangkapan serta daya tampung sumber. Dalam masa yang sama, aktiviti penguatkuasaan sentiasa dijalankan untuk membanteras kegiatan penangkapan ikan secara haram oleh nelayan-nelayan tidak berlesen, pencerobohan nelayan-nelayan asing serta penyelewengan syarat-syarat pelesenan yang ditetapkan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Bagi tujuan ini pihak Jabatan Perikanan amat memerlukan kerjasama semua pihak untuk melaporkan segala bentuk penyelewengan, pencerobohan atau penangkapan ikan tanpa lesen agar tindakan seterusnya dapat diambil. Tanpa kerjasama orang ramai, agak sukar Jabatan Perikanan untuk menjalankan aktiviti penguatkuasaan secara berkesan memandangkan kawasan perairan negara khususnya di Sarawak amat luas. Oleh itu, saya menyeru agar orang ramai dan juga Yang Berhormat agar melaporkan segera kepada Jabatan Perikanan sekiranya ada kes-kes seperti yang saya sebut tadi untuk diambil tindakan serta merta membatalkan lesen-lesen tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Sipitang, dalam sektor pertanian jumlah individu yang berjaya dalam tahun 2001 di bawah projek adalah lebih kurang seramai 3,500 orang. Antara projek pertanian yang dijalankan adalah projek berkelompok, penyatuan tanah sawah, integrasi sawah, dusun nukleus, projek sayuran komersial, penanaman semula kelapa, pembangunan tanaman kekal pengeluaran makanan, projek komoditi berpotensi, lebah madu, roselle dan cendawan serta projek bunga-bunga. Bagi sektor penternakan pula sejumlah 1,520 individu telah berjaya sebagai pengusaha di bidang penternakan lembu, kambing dan ayam. Sementara seramai 2,662 orang pekebun kecil telah berjaya di bidang yang sama. Secara amnya, peruntukan bagi meningkatkan projek Pertanian Luar Bandar bukan sahaja dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian Malaysia tetapi dilaksanakan juga oleh kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Luar Bandar, Kementerian Perusahaan Utama dan lain-lain kementerian.

Namun begitu, secara amnya, peruntukan pembangunan yang telah diterima oleh Kementerian Pertanian dan jabatan/agensi di bawahnya dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ialah sebanyak RM4.785 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM3.518 bilion telah dibelanjakan sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh. Manakala peruntukan pembangunan yang telah diterima oleh Kementerian Pertanian dan jabatan/agensi di bawahnya dalam Rancangan Malaysia Kelapan pula ialah sebanyak RM4.274 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1.594 bilion telah dibelanjakan sehingga 31 Ogos 2002.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli bagi Bukit Bintang ingin saya maklumkan bahawa bagi mengurangkan masalah banjir di bandar raya Kuala Lumpur, beberapa projek tebatan banjir sedang dilaksanakan oleh kerajaan menerusi JPS dan

DBKL di mana pembaikan sungai-sungai utama di Lembah Sungai Klang termasuk lapan anak sungai adalah di bawah tanggungjawab JPS manakala DBKL adalah bertanggungjawab menyelenggarakan sistem saliran bandar. Dalam hubungan ini, Program Tebatan Banjir Lembah Sungai Klang dan Rancangan Perparitan Wilayah Persekutuan sedang dilaksanakan oleh JPS dengan kos RM1.27 bilion. Sehingga kini, kira-kira RM780 juta atau 61% telah dibelanjakan sejak tahun 1973. Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, peruntukan sebanyak RM574 juta telah dicadangkan untuk menyiapkan projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menggiatkan usaha mengatasi masalah banjir dan kesannya yang tidak diingini kepada masyarakat, harta benda dan perniagaan, kerajaan baru-baru ini telah meluluskan pelaksanaan Projek Stormwater Management and Road Tunnel (SMART) dan Projek Menambah Kapasiti Kolam Takungan Banjir Sungai Batu dan Membina Kolam Takungan Jinjang serta lencongan banjir yang berkaitan. Anggaran kos untuk kedua-dua projek ini ialah RM2.5 bilion. Dengan terlaksananya projek-projek berkenaan menjelang tahun 2005 kelak, masalah banjir di Kuala Lumpur akan dapat ditangani. Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat agar tabung bencana alam banjir diperkenalkan. Kementerian Pertanian berpendapat bahawa adalah memadai dengan terwujudnya Tabung Bencana Alam yang diuruskan oleh Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Pusat di bawah Bahagian Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kota Bharu, pada masa ini kerajaan hanya memberi subsidi harga dan bahan input pertanian kepada penanam padi. Ini disebabkan masih ramai lagi penanam padi mempunyai saiz ladang yang kecil dan kurang ekonomi, oleh yang demikian, pendapatan daripada pengeluaran padi adalah sukar untuk menampung kemelesetan ekonomi dalam kehidupan para petani. Dengan bantuan kepada penanam padi, kerajaan berharap dapat meningkatkan taraf hidup penanam padi. Selain daripada itu, pemberian subsidi baja padi juga untuk memastikan negara boleh mengekalkan tahap sara diri bagi padi di peringkat 65% sekurang-kurangnya. Mengenai kemudahan peminjaman untuk sektor swasta, kemudahan ini memang disediakan oleh Kementerian Pertanian dan kita bersedia membantu syarikat swasta menjalankan projek yang didapati berdaya maju.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Mambong dan Yang Berhormat bagi Tampin, Kementerian Pertanian pada suatu masa dahulu telah mengadakan Program Satu Kampung Satu Industri dan program ini kita jalankan bersama dengan pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Di bawah program tersebut, beberapa produk hasil pertanian yang berpotensi untuk dipromosikan telah dikenal pasti seperti ikan kering, surimi, keropok, rumpai laut, kuih, biskut beras dan roselle. Untuk memastikan konsep ini berjaya, semua jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian akan terlibat dalam pelaksanaannya menerusi konsep MoA Inc. Sebagai insentif untuk menggalakkan pelaburan dalam bidang bio teknologi, kerajaan telah menambah skop pembiayaan Tabung Untuk Makanan - 3F supaya turut meliputi aktiviti-aktiviti bio teknologi bagi pengeluaran makanan. Kementerian Pertanian melalui MoA Inc., melibatkan semua jabatan dan agensi di bawahnya supaya produk-produk Kementerian Pertanian dan pemasarannya diperluaskan dan sentiasa diperbaiki dan dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bagi Tanjong, kerajaan memang memberi perhatian kepada pembangunan dalam sektor pertanian. Sebenarnya sektor pertanian telah dikenal pasti sebagai penjana pertumbuhan ekonomi baru bagi negara. Kementerian Pertanian akan berusaha memajukan sektor pertanian. Dalam hubungan ini, tumpuan akan diberi kepada beberapa aspek pembangunan, iaitu mengkomersialkan sektor pertanian supaya sektor ini menjadi berdaya maju, memperkenalkan teknologi terkini kepada para petani bagi meningkatkan produktiviti, menceburi bidang pertanian yang baru untuk mempelbagaikan lagi aktiviti pertanian, meningkatkan eksport hasil-hasil pertanian dan mengurangkan bil import makanan negara.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat tugas mengadakan makanan yang cukup adalah tugas yang mencabar. Dalam menjawab soalan lisan terdahulu saya telah

mengatakan bahawa adalah mencabar sekali bagi kita untuk mengurangkan jumlah import bahan makanan, lebih-lebih lagi dengan terdapatnya peningkatan rakyat (penduduk) Malaysia hingga sekarang ini 23 juta orang. Keduanya penambahan bilangan pelancong yang datang ke Malaysia yang dahulunya setakat 7 juta orang tetapi sekarang sudah mencapai tahap 12.7 juta orang.

Jadi dengan kadar lebih kurang 7.4 hari yang duduk di Malaysia iaitu pelancong dan cita rasa yang berbeza dan bayangkan berapa banyak makanan yang diperlukan oleh pelancong. Dan juga faktor ketiga, faktor penambahan penduduk disebabkan pendatang atau pekerja buruh asing lebih kurang 1.5 juta orang. Keempatnya ialah pengeluaran pertanian sebagai import kepada berbagai industri. Dan lagi banyak lagi kita mengeksport lebih banyak lagi kita kena import barang-barang tersebut. Jadi apa yang kita adakan ialah walau bagaimanapun import barang akan bertambah kita akan memperluaskan bilangan eksport supaya net import kita stabil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Selangor, Kementerian Pertanian telah mengambil konsep 'MoA Inc' dalam melaksanakan projek-projek. Di bawah konsep ini, semua jabatan dan agensi akan bertindak secara bersepadu untuk memastikan projek-projek dijalankan berjaya. Kita akan mengadakan satu kolej pertanian di negeri Kedah dengan harapan kita dapat melahirkan pegawai-pegawai yang terlatih di dalam bidang pertanian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Klang, pelbagai insentif untuk sektor pertanian telah disediakan oleh kerajaan bagi meningkatkan pengeluaran makanan dan seterusnya mengurangkan bilangan import makanan negara. Insentif yang diberikan kepada syarikat-syarikat yang menghasilkan produk-produk pertanian dibahagikan kepada dua, iaitu pertama di peringkat pengeluaran dan keduanya di peringkat eksport.

Di peringkat pengeluaran, insentif sedia ada yang ditawarkan industri ikan hiasan ialah Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan di bawah Akta Galakan Pelaburan 1986. Projek pemprosesan makanan yang bersifat integrasi dengan aktiviti pengeluaran berikut iaitu kenaf, buah-buahan, sayur-sayuran, herba, rempah ratus, akuakultur dan penternakan kambing, biri-biri dan lembu ditawarkan insentif galakan di bawah Seksyen 127, Akta Cukai Pendapatan 1967. Di bawah Bajet 2003 kerajaan telah memperluaskan skop projek pengeluaran bahan makanan yang layak dipertimbangkan di bawah galakan di bawah Seksyen 127, Akta Cukai Pendapatan 1967 kepada aktiviti penangkapan ikan laut dalam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu yang telah menyentuh pembiakan ikan di Tasik Kenyir dan projek perintis sangkar di Pulau Langkawi. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perikanan telah mengenal pasti zon di Tasik Kenyir sebagai kawasan pembiakan beberapa spesies ikan semulajadi. Kawasan seluas 3,200 hektar ini terletak berhampiran rizab hutan. Zon ini bertujuan mengekalkan perikanan tasik dengan melindungi dan mengekalkan stok ikan, kawasan pembiakan dan asuhan ikan dan keadaan semulajadi yang sesuai bagi aktiviti pembiakan ikan. Bagi zon ini, semua aktiviti berkenaan walaupun berkenaan rekreasi tidak dibenarkan kerana ia akan merosakkan keadaan semulajadi zon tersebut.

Mengenai Projek Perintis Sangkar Laut Terbuka di Langkawi, Kementerian Pertanian telah memilih sebuah syarikat kerana ia merupakan syarikat perintis yang menceburi bidang perikanan selain mempunyai keupayaan modal, pengurusan dan pemasaran. Dalam pelaksanaan projek, syarikat ini dipilih kerana ia sedang melaksanakan projek asal Jabatan Perikanan di Pulau Pinang. Bila Jabatan Perikanan memindahkan projek ini ke Langkawi, syarikat ini telah menyambung operasi projek. Syarikat ini telah juga mempunyai kemudahan infrastruktur seperti kapal dan perancangan pemasaran. Lain-lain syarikat yang layak dan masih berminat akan diberi peluang untuk mengusahakan Projek Sangkar Laut Terbuka di Langkawi selepas kontrak dengan syarikat sedia ada tamat tempoh atau lain-lain tapak yang akan dibangunkan oleh Jabatan Perikanan. Di samping itu pelabur-pelabur baru juga akan dikenal pasti untuk mengembangkan projek ini. Kementerian Pertanian bercadang untuk mengembangkan projek ini ke negeri-negeri lain selepas projek perintis Langkawi berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mengucapkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan perhatian, teguran serta cadangan kepada Kementerian Pertanian dan segala perkara yang telah dibangkitkan akan diteliti dan bagi perkara-perkara yang tidak sempat dijawab, ianya akan diambil perhatian dan tindakan sewajarnya oleh Kementerian Pertanian serta jabatan dan agensi di bawahnya. Terima kasih.

Kementerian Pendidikan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bagi Kementerian Pendidikan. Yang Berhormat berapa lama perlu?

9.10 malam

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Lama juga, tetapi saya telah pun ringkaskan. Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak seluruh warga pendidikan mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kerajaan yang telah memberi peruntukan terbesar iaitu 27% untuk sektor pendidikan daripada keseluruhan peruntukan Bajet 2003.

Ini merupakan satu sejarah dalam bajet negara dan membuktikan keprihatinan dan kesungguhan kerajaan dalam usaha membangunkan sektor pendidikan negara. Isu pendidikan telah mendapat perhatian daripada hampir semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam perbahasan. Saya sangat menghargai semua saranan dan kritikan yang membina.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama hala tuju pendidikan negara. Yang Berhormat bagi Kepong telah membangkitkan mengenai dengan pelan pendidikan. Jawapannya, pelan induk ini tidak perlu dibawa ke Dewan kerana memadai mendapat kelulusan Jemaah Menteri.

Yang Berhormat bagi Kluang menyarankan penstrukturan semula sistem persekolahan P12 dan mencadangkan struktur 6 + 3 + 2 + 1. Untuk makluman, terdapat beberapa struktur yang telah dicadangkan untuk dijadikan sistem persekolahan di negara ini 12 tahun daripada 13 tahun pada masa sekarang. Setiap struktur mempunyai kekuatan dan kelemahan. Kementerian masih lagi belum membuat keputusan untuk melaksanakan penstrukturan semula ini kerana sedang mengkaji beberapa implikasi jika penstrukturan ini dilaksanakan.

Yang Berhormat bagi Pasir Mas dan Yang Berhormat bagi Jelutong membuat dakwaan bahawa kerajaan banyak kali mengubah dasar terlalu kerap. Jawapannya, dakwaan ini tidak benar. Begitu juga Yang Berhormat bagi Permatang Pauh membangkitkan soal ini juga yang mana beliau mengatakan ia celaru. Jawapannya tidak celaru.

Yang Berhormat bagi Tampin menimbulkan perancangan jangka panjang kerajaan untuk meningkatkan pengetahuan teknikal dan saintifik bagi memantapkan sistem pendidikan yang mencadangkan diwujudkan 'biovelly' selaras dengan pembangunan bioteknologi. Bagi tujuan tersebut Kementerian Pendidikan telah menetapkan sasaran untuk pelajar di bidang sains dan teknologi di IPTA pada tahap 60% keseluruhan pelajar di peringkat ijazah pertama. Pada masa ini kerajaan telah pun mempunyai lima buah kolej universiti yang berkonsepkan kemahiran dalam bidang sains dan teknologi. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan bagi meningkatkan pengetahuan teknikal dan saintifik ialah memberi penekanan terhadap bidang sains dan teknikal melalui latihan, pemantapan kaedah pengajaran dan pembelajaran berasaskan teknologi terkini. Sehingga kini di beberapa buah IPTA telah menjalankan pelbagai penyelidikan dalam bioteknologi dan *biodiversity*. Pendidikan bioteknologi di USM misalnya adalah menyeluruh dan meliputi bidang prioriti seperti kesihatan, farmasi dan pertanian. Begitu juga dengan universiti-universiti lain dan saya kira tidak perlu saya sebutkan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan memasarkan pendidikan negara. Yang Berhormat bagi Parit Sulong mencadangkan agar pihak IPTA dan IPTS menjual modul pendidikan kepada pihak orang tengah yang akan memasarkan produk tersebut keluar atau di dalam negara. Perkara ini dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan Datok. Untuk makluman, pada masa ini pihak IPTA mengadakan promosi pendidikan di luar negara di samping mengambil bahagian dalam pameran pendidikan khususnya di rantau Asia. Selain daripada itu, Jabatan Penuntut Malaysia dan Pejabat Kedutaan Malaysia di luar negara juga turut memainkan peranan masing-masing dalam membantu memasarkan Malaysia sebagai, dengan izin, *central of excellence*, melalui penyertaan dalam, dengan izin, *study abroad fair*, yang dianjurkan di negara-negara berkenaan. Yang Berhormat bagi Bagan Datok juga membangkitkan mengenai dengan *edu-tourism*.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Parit Sulong.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sahabat saya Setiausaha Parlimen tersalah tafsir cadangan saya. Saya minta supaya modul-modul itu dipasarkan oleh orang yang pakar dalam bidang pemasaran, sebagaimana sekarang, negara luar datang ke sini. Menggunakan perkhidmatan *expert* pemasaran untuk memperkenalkan modul-modul dijual kepada beberapa universiti tempat kita. Jadi sekarang ini kita pula sepatutnya keluar menjual modul dalam negara kita ke luar negara.

Tidak payah kita menunggu adanya *education fair*, dengan izin, atau sebagainya. Tetapi perkara ini harus dilakukan sebagai satu perkhidmatan yang berterusan oleh orang yang pakar. Dengan cara itu kita dapat menarik lebih ramai pelajar, di samping mereka menjadikan negara kita sebagai pusat kecemerlangan. Kita juga dapat membawa masuk *foreign exchange* ke negara kita. Itu yang saya maksudkan, jadi apa pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, sebab tadi telah saya sebutkan bahawa kita ada *education fair*, kita menggunakan Jabatan Penuntut Malaysia kita dan dari masa ke semasa kita menghantar orang keluar ke sana untuk menjual produk ini. Malah telah kita lakukan misalnya di negara-negara Timur Tengah, seperti Oman, Arab Saudi, Lebanon, dan United Arab Emirate, misalnya sehingga 31 Julai 2002 terdapat 800 pelajar dari Timur Tengah yang belajar di IPTS. Ini membuktikan bahawa cara kita menjual dengan "produk" kita itu memang berkesan. Jadi, macam Ahli Yang Berhormat telah cadangkan supaya kita memasarkan produk ini secara berleluasa, saya rasa sudah berjaya, buat setakat inilah, kalau Yang Berhormat dapat mencadangkan, bagaimana pula kalau kita lebih meningkatkan supaya ini dapat lebih banyak lagi pulangan.

Ahli Yang Berhormat bagi Bagan Datok juga telah membangkitkan mengenai dengan *edu-tourism*. Bagi jawapannya, setakat ini terdapat lima IPTS yang mengikuti program *edu-tourism* yang memberi fokus seperti *summer camp* dan destinasi menarik Malaysia, menghayati kesenian dan kebudayaan Malaysia dan makanan Malaysia. Untuk makluman, anggaran perbelanjaan setahun bagi seorang pelajar antarabangsa yang belajar di Malaysia ialah sebanyak RM30,000. Ini tidak termasuk perbelanjaan yang dibuat oleh kaum keluarga dan sahabat handai yang datang ke negara ini untuk melawat. Sehingga 31 Julai 2002, terdapat seramai 11,948 pelajar antarabangsa belajar di IPTS dan seramai 2,914 di IPTA, sementara itu seramai 2,948 pelajar di sekolah swasta.

Yang Berhormat bagi Bagan Datok, Yang Berhormat bagi Rasah, Yang Berhormat bagi Sri Aman telah membangkitkan kualiti prasarana IPTS dalam usaha menarik pelajar asing. Dalam hal ini, pemantauan berterusan akan dijalankan ke atas IPTS oleh Kementerian Pendidikan bagi memastikan kualiti dan imej Malaysia sebagai pusat pendidikan bertaraf antarabangsa tidak terjejas. Untuk memastikan hanya IPTS yang berkualiti dengan prasarana yang mencukupi sahaja yang boleh beroperasi, Kementerian Pendidikan juga telah menjalankan kempen gempur dan hebah mulai Julai 2002.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan isu-isu pendidikan *tertiary* awam dan swasta, Yang Berhormat bagi Sri Aman telah menyarankan perlunya diwujudkan kerjasama IPTA, IPTS untuk memfrancaiskan program-program yang dijalankan di universiti-universiti tempatan kepada IPTS tempatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program

kerjasama antara IPTA dan IPTS telah pun dilaksanakan sejak tahun 1997. Sehingga kini, Kementerian Pendidikan telah meluluskan lebih kurang 40 program akademik IPTA dari pelbagai peringkat pengajian, diploma dan ijazah yang dikenali dengan hampir 70 buah IPTS.

Yang Berhormat bagi Bagan Datok juga telah membangkitkan mengenai dengan bagi membatalkan pengendalian kursus kerjasama secara 3+3+0. Sebaliknya kementerian telah mengetatkan syarat-syarat pengendalian program 3+0 yang bertujuan menjaga kualiti program pengajian IPTS. Syarat yang dikenakan ialah IPTS dikehendaki menjalankan kursus secara 2+1 atau 2+2 terlebih dahulu selama lima tahun dengan menggunakan kurikulum asal dari universiti induk bermula dari tahun satu hingga akhir. Setelah mereka berpengalaman dalam mengendalikan secara 2+1 atau 2+2, barulah IPTS tersebut menjalankan program secara 3+0.

Yang Berhormat bagi Parit Sulong mencadangkan agar undang-undang ICT dijadikan satu mata pelajaran yang kritikal dan diajar kepada graduan di pelbagai peringkat pengajian diploma mahu pun ijazah. Untuk makluman, pihak IPTA sememangnya telah memasukkan kursus atau elemen ICT dan etika dalam setiap program pengajian yang ditawarkan di pelbagai peringkat pengajian sama ada diploma atau ijazah dan oleh yang demikian, belum ada keperluan untuk mewujudkan satu kursus khas mengenai undang-undang ICT.

Yang Berhormat bagi Sri Aman juga mencadangkan pensyarah IPTA dan IPTS mempunyai diploma pendidikan. Di sini kita akan nyatakan bahawa bagi meningkatkan keupayaan mereka dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam IPTA khususnya telah pun mengendalikan kursus secara dalaman dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Parit Buntar, sebenarnya kementerian dan IPTA telah mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah seperti menganjurkan kursus-kursus khas dan kelas bimbingan, mengadakan sesi kaunseling kepada pelajar bermasalah dan sebagainya untuk meningkatkan kualiti pembelajaran. Oleh yang demikian, janganlah mempersoalkan mengenai dengan tanggungjawab IPTA terhadap peningkatan prestasi anak-anak bumiputera.

Yang Berhormat bagi Rantau Panjang juga telah membangkitkan mengapa siswazah menganggur khususnya di kalangan siswazah Melayu. Antaranya kerana kekurangan penguasaan, dengan izin, *soft skill*, seperti ketrampilan siswazah, kelemahan menguasai bahasa Inggeris sama ada dalam penulisan mahu pun komunikasi serta kurang kemahiran dalam bidang ICT. Kementerian juga telah mengadakan perjumpaan dengan sektor swasta untuk mengenal pasti keperluan tenaga semasa.

Yang Berhormat bagi Parit Sulong juga telah membangkitkan mengenai dengan IPTS. Yuran yang dikenakan oleh sebuah IPTS adalah bergantung kepada perkhidmatan yang disediakan oleh IPTS itu. Mengenai dengan pembiayaan dan pinjaman pendidikan, Yang Berhormat bagi Marang telah membangkitkan beberapa kali, untuk jawapan yang terakhir saya boleh nyatakan di sini bahawa pengenaan kos perkhidmatan ini bertujuan untuk menampung sebahagian daripada jumlah kos yang terpaksa ditanggung oleh PTPTN dalam pengurusan pengeluaran pinjaman dan juga urusan kutipan bayaran balik.

Buat setakat ini, PTPTN terpaksa menanggung kos daripada segi penyelenggaraan rekod pelajar yang pada masa ini berjumlah hampir 380,000 pelajar di 16 IPTA dan 12 Politeknik serta 238 IPTS seluruh negara. Ini memandangkan bahawa PTPTN memerlukan sumber dana yang terbesar iaitu sekitar RM2 bilion sehingga RM2.5 bilion setahun. Saya ulang, RM2 bilion hingga RM2.5 bilion setahun bagi membiayai pelajar-pelajar baru dan tanggungan. Bertolak dari hakikat inilah, maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, semasa membentangkan Bajet 2003, telah meminta PTPTN mendapatkan sumber dana daripada sektor perbankan bagi membiayai operasi penajaannya di masa-masa akan datang.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ingin berikan laluanakah, Larut?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih, pendek sahaja. Sama ada benar atau tidak berlaku mereka yang memohon pinjaman ini sampai sudah habis pengajian belum dapat. Terima kasih. Berlaku atau tidak, memohon pinjaman

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cakap pendek cukuplah. Pendek, cukup!

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ha, ulang balik. Sudah mohon pinjaman, sampai dah habis pengajian, tidak dapat pinjaman, berlaku atau tidak? Itu sahaja, minta sedikit pandangan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Buat setakat ini, pada hemat sayalah, saya belum terlintas lagi dengan soalan yang sedemikian rupa.

Ahli Dewan: [Ketawa]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sekiranya ada kes-kes yang seperti itu, malah setelah saya berkali-kali menyebutkan dalam Dewan ini, sekiranya ada pihak yang telah memohon dan dapat, kemudian dia tidak dapat, sila hubungi pihak PTPTN, kalaupun tidak dapat pihak PTPTN, sila hubungi saya, saya sentiasa terbuka untuk menerima itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan permasalahan sekolah-sekolah bantuan kerajaan dan pendidikan vernakular. Yang Berhormat bagi Sibu yang bangkitkan persoalan ini. Untuk makluman, sekolah-sekolah tersebut telah mengemukakan permohonan peruntukan pembangunan dan sedang dalam tindakan Kementerian Pendidikan. Mengenai permintaan Yang Berhormat bagi Rasah agar ditambah bantuan modal dari RM10 juta kepada RM50 juta, perkara ini juga kita beri perhatian untuk dipertimbangkan. Kita beri perhatian ya, tetapi sebenarnya soalan ini terus saya nyatakan di sini, kita lihat kes demi kes, jadi kita bukan pukul *blanket* begitu sahaja dan ini tetap kita berikan.

Yang Berhormat bagi Jelutong juga membangkitkan mengenai dengan SMK Convent Greenlane. Dakwaan tersebut adalah tidak berasas kerana meja, kerusi serta perabot lain di sekolah tersebut adalah mencukupi. Memang bilik guru di sekolah tersebut sempit, tetapi masalah ini akan diatasi apabila bangunan baru dua tingkat dicadangkan akan dibina pada tahun hadapan. Kementerian ini juga mendapati peratusan pelajar di sekolah tersebut yang diberikan oleh Yang Berhormat juga tidak betul! Untuk makluman, peratusan pelajar Melayu adalah sebanyak 35%, bukan 40% dan India 22%, bukan 17%.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, larut bangun.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat, pendek sahaja. Sama ada, ada atau tidak berlaku sekolah baru siap, pelajar kurang? Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ada. Dia tanya soalan pendek, jawab pun, pendek.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Betullah, cara betul!

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: [Ketawa], sebenarnya syarat pinjaman telah dipinda iaitu untuk murid di SK yang ibu bapanya berpendapatan RM2,000 ke bawah sebulan, layak menerima pinjaman SBPT tanpa mengira bilangan anak dan tanggungan dan bukannya RM1,500 seperti yang dinyatakan. Bagi SJK(C) dan SJK(T), kadar yang telah diluluskan ialah ibu bapa yang berpendapatan RM1,000 ke bawah sebulan, bukan seperti yang didakwa iaitu RM700 sebulan. Untuk makluman, sehingga 1 Oktober 2002, seramai 60.8% murid SJK(C) dan 97.7% murid SJK(T) telah menerima SBPT. Begitu juga Yang Berhormat bagi Kota Melaka, tiap-tiap kali bangkitkan mengenai dengan Akta Pendidikan 1996. Saya ingin nyatakan bahawa pada masa saya membuat penggulungan perbincangan Rancangan Malaysia Kelapan di Dewan yang mulia ini pada bulan Mei 2001, ada disebutkan bahawa Seksyen 17(2), Seksyen 28 dan Seksyen 151 dalam Akta Pendidikan 1996, jelas memberi maksud identiti sekolah-sekolah jenis kebangsaan.

Oleh yang demikian, kementerian berpendirian tidak perlu lagi dibuat pindaan atau peruntukan lain kerana peruntukan yang sedia ada di dalam Akta Pendidikan Akta 1996 sudah memadai. Dalam hal ini juga, saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Tampin yang membangkitkan penolakan terhadap konsep Sekolah Wawasan khususnya oleh pembangkang tanpa alasan yang kukuh, telah membawa implikasi hingga ke IPTA di mana pelajar enggan bergaul dengan kaum-kaum yang lain.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pembangunan prasarana pendidikan [*Memandang ke arah tempat duduk Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam yang tiada di tempatnya*].

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, teruskan Yang Berhormat. Siapa yang hendak dituju.....teruskan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, saya ingat Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah! Hmm....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:dia selalu suka bangkitkan soalan ini, saya dok tengok pada dia, maaf saya [*Ketawa*]. Yang Berhormat bagi Kluang, Yang Berhormat bagi Saratok, Yang Berhormat bagi Labuan, Yang Berhormat bagi Beluran, Yang Berhormat bagi Bandau, Yang Berhormat bagi Gelang Patah, Yang Berhormat bagi Bukit Mas, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, Yang Berhormat bagi Rasah dan Yang Berhormat bagi Kluang telah membangkitkan agar kementerian memberi perhatian kepada sekolah-sekolah kurang murid merayu agar sekolah-sekolah tersebut dipindahkan ke tapak baru.

Dalam hal ini, kementerian tidak akan memindahkan sesebuah sekolah, selagi komuniti setempat memerlukan sekolah tersebut. Sekiranya ada permintaan, kementerian akan memberi pertimbangan. Sebagai contoh, Kementerian Pendidikan telah pun meluluskan beberapa buah sekolah di negeri Johor untuk berpindah iaitu SJK(C) Nam Heng telah berpindah ke Sri Alam, Johor Bahru dan sekolah tersebut telah pun beroperasi. Kementerian telah meluluskan pemindahan SJK(C) Fung Yu V, ke Mount Austin, Johor Bahru dan sudah mendapat tapak dan akan dibina. Kementerian juga telah bersetuju memindahkan SJK(C) Chee Tong di Masai, walau bagaimanapun, tapak dan tapak sekolah tersebut belum dikenal pasti.

Bagi mengatasi sekolah-sekolah kurang murid juga, kementerian telah memperkenalkan konsep sekolah pusat iaitu dengan mencantumkan beberapa buah sekolah kecil sedia ada di sebuah sekolah pusat yang terletak di satu lokasi dan yang strategik. Buat masa ini, dua projek rintis sekolah pusat dijalankan di Sabah dan Sarawak iaitu Sekolah Kebangsaan Bumbum, Semporna, Sabah dan Sekolah Kebangsaan Mataparang, Sarawak dan akan diperluaskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Yang Berhormat bagi Bandau telah menyeru untuk membina sekolah dan segala kelengkapan lebih diberi tumpuan di luar bandar dan di sekolah-sekolah yang tidak mempunyai bekalan elektrik hendaklah dibekalkan dengan generator. Saya rasa jawapan ini telah pun saya beri dalam Dewan yang mulia ini beberapa hari yang lalu.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah juga telah membangkitkan mengenai dengan bangunan-bangunan baru dan kelengkapan untuk mengelakkan kepadatan pelajar. Pada dasarnya, kerajaan merancang semua sekolah kerajaan akan menjadi sekolah satu sesi menjelang tahun 2010. Saya juga telah menjawab soalan ini beberapa kali di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat bagi Rasah ingin penjelasan mengenai kelas-kelas tadika. Jawapannya mulai tahun hadapan, semua tadika prasekolah atau prasekolah, diwajibkan menggunakan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan. Ini juga telah saya jelaskan beberapa kali Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat bagi Kuala Selangor dan Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara, sehingga kini terdapat 31 satu buah sekolah pendidikan khas. Saya ulangi, sekolah pendidikan khas di mana 28 daripadanya ialah sekolah rendah dan 3 buah sekolah menengah. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, 4 buah sekolah menengah pendidikan khas vokasional akan dibina dengan menyediakan perkhidmatan pendidikan bagi ketiga-tiga kategori pendidikan khas iaitu masalah pendengaran, penglihatan dan pembelajaran. Justeru itu, kementerian telah mewujudkan lebih banyak kelas percantuman buat masa ini di bawah program pendidikan khas integrasi.

Yang Berhormat Labuan, Yang Berhormat Bukit Mas dan Yang Berhormat Saratok membangkitkan mengenai dengan kemudahan ICT khususnya di kawasan luar bandar. Sehingga 31 Mei 2002 sebanyak 1,281 buah makmal komputer di seluruh negara telah berjaya di siapkan dan saya telah pun banyak kali menjawab dalam Dewan yang mulai ini, terima kasih.

Yang Berhormat Beluran bangkit mengenai dengan pemilihan kontraktor bumiputera. Jawapannya pemilihan kontraktor mengambil kira tender-tender kerja yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia, itu saja. Mengenai dengan kurikulum persekolahan, Yang Berhormat Sri Aman membangkitkan mengenai dengan bahasa Iban di Sarawak kerana Menteri Pendidikan telah berjanji kepada Timbalan Ketua Menteri Sarawak 10 tahun yang lalu.

Jawapannya kementerian akan menawarkan kursus bahasa Iban di maktab perguruan mulai tahun 2003 melalui program latihan dalam perkhidmatan dan sedang membuat persediaan ke arah tersebut.

Yang Berhormat Hulu Langat juga telah membangkitkan mengenai dengan pendidikan moral, jawapannya, dalam usaha mengukuhkan mata pelajaran tersebut penyemakan semula kurikulum pendidikan moral telah dilakukan dengan memasukkan banyak aspek yang global dan terkini di dalam huraian sukatan pelajaran, ini termasuklah nilai kepercayaan kepada Tuhan dan patriotisme.

Yang Berhormat Sepang pula - oh, Sepang ada, patut boleh jawab, meminta diperbanyakkan kursus-kursus kemahiran untuk melahirkan lebih banyak tenaga mahir. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini juga memang menjadi keutamaan kementerian. Di samping membina lebih banyak sekolah-sekolah teknik dan politeknik kementerian juga telah memperkenalkan mata pelajaran vokasional di sekolah-sekolah harian. Seperti yang dimaklumi kerajaan juga sedang giat membina kolej-kolej komuniti bagi memberi peluang pelajar-pelajar yang tidak berpeluang melanjutkan pengajian di peringkat tinggi menerima pendidikan kemahiran dan ini bersesuaian dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan kerajaan akan membina enam SMT dan lima politeknik baru di samping pembinaan kolej-kolej komuniti.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan perjawatan dan profesionalisme keguruan. Yang Berhormat Lumut membangkitkan mengenai guru lelaki dan perempuan yang tidak seimbang iaitu 80% perempuan dan 20% lelaki dan ini menjejaskan aktiviti-aktiviti kokurikulum di sekolah. Untuk makluman, sehingga Januari 2002 data di Kementerian Pendidikan menunjukkan sekolah rendah guru perempuan ialah 66% berbanding 34% lelaki, manakala bagi sekolah menengah pula guru perempuan ialah 63% berbanding 37% lelaki.

Kementerian tidak menafikan setengah-setengah sekolah, terutama sekali di kawasan bandar, bilangan guru perempuan melebihi 80% kerana faktor-faktor seperti guru perempuan terpaksa mengikut suami yang bertugas di bandar. Kita juga telah berusaha untuk mempertingkatkan guru lelaki. Walau bagaimanapun, permohonan yang kita terima menunjukkan bilangan calon perempuan yang berkecukupan adalah lebih ramai terutama bagi mata pelajaran kritikal seperti Sains dan Matematik dan pengajian Cina. Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Banyak lagi Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Sikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sri Gading berdiri Yang Berhormat. Ya, sila.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dari segi kementerian, apakah sebenarnya pandangan kementerian, perkara ketidakseimbangan antara guru lelaki atau jumlah bilangan guru lelaki dengan guru perempuan. Saya ikuti perkembangan ini nampaknya makin berganti tahun, tahun berganti tahun, peratus guru perempuan itu makin meningkat. Apakah tidak ada kebimbangan di pihak kementerian bahawa satu ketika nanti kalau trend ini tidak disekat bahawa mungkin agaknya seluruh guru-guru akan dimonopoli oleh wanita. Saya bukan anti wanita, tetapi ada perkara-perkara yang diperlukan di sekolah-sekolah yang memerlukan tenaga lelaki.

Soal akademik, itu soal pokoknya tetapi adakah tidak sebab-sebab lain yang menyebabkan pihak lelaki kurang berminat agaknya dan apakah kementerian ada membuat kajian kerana pihak kementerian memandang serius perkara ini, kecuailah kalau pihak kementerian merasa bahawa perkara ini bukan jadi isu. Mungkin tidak ada usaha yang dilakukan. Jadi saya ingin mendapat sedikit penjelasan, bagaimana sebenarnya sikap, peranan dan ikhtiar-ikhtiar yang dijalankan oleh kementerian kalau masalah isu bilangan wanita lebih ramai daripada lelaki berterusan. Saya minta sedikit penjelasan.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Sememangnya Yang Berhormat memang pihak kementerian kita menyedari hakikat ini, tetapi seperti mana yang telah saya jelaskan tadi kita telah berusaha dan mencuba supaya membuat seberapa banyak galakan di kalangan graduan serta juga mereka yang berkelayakan untuk jadi guru di kalangan lelaki. Misalnya pada peringkat awal mereka memilih profesion keguruan ini sebagai pilihan kedua sebab mereka rasa pilihan yang lain itu lebih memberangsangkan.

Jadi untuk kita kata kalau kita ada satu dasar, kita tidak boleh kerana kita tidak ada pilih sama ada perempuan atau lelaki, kita berdasarkan kepada kelayakan dan kita lihat dari semasa ke semasa memang kelayakan di kalangan wanita begitu lebih baik daripada lelaki. Kita faham memang di setengah-tengah subjek yang kita perlukan lelaki seperti kurikulum dari segi permainan sukan di padang dan sebagainya kita memerlukan seorang lelaki misalnya untuk mengendalikan perkara-perkara ini. Tetapi insya-Allah, Yang Berhormat, saya kira tiap-tiap kali kita telah membangkitkan cara-cara bagaimana hendak menarik minat pihak lelaki untuk menyertai profesion keguruan. Bagi wanita kita pilih ini disebabkan pada umumnya yang saya tahu kerana sifat keibuan mereka untuk menjadi seorang pendidik itu lebih diminati, jadi sebab itu mereka rasa lebih ramai wanita yang memohon. Walau bagaimanapun, saranan Yang Berhormat kita akan ambil ini untuk dijadikan panduan menjalankan penyelidikan yang lebih mendalam dan kita akan cari sebab-sebabnya. Terima kasih.

Ini satu perbahasan yang hangat, hangat dan hangat diperbahaskan iaitu mengenai isu pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Yang Berhormat Marang, Yang Berhormat Parit Buntar, Yang Berhormat Batu Pahat, Yang Berhormat Padang Terap, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Kuala Terengganu dan Yang Berhormat Tebrau telah bangkitkan perkara ini. Perkara ini sebenarnya telah pun diterangkan dengan jelas oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam jawapan lisan pada 17 September 2002 di Dewan yang mulai ini, sila rujuk daripada situ.

Untuknya saya ingin memperkukuhkan lagi balik hujah-hujah saya. Kerajaan mengambil langkah ini bagi menyediakan negara kita bagi menghadapi cabaran abad ke 21 yang bersifat globalisasi, ledakan informasi dan pertumbuhan dengan izin, *exponential* atau berlipat ganda dalam ilmu sains dan teknologi. Penguasaan ilmu adalah asas *sine qua non* untuk membolehkan kita terus mencatat kemajuan, memupuk dan menambah apa yang telah kita capai sejak merdeka dalam usaha menuju matlamat wawasan 2020 dan menjadi negara yang kompetitif dan aktif dalam arena antarabangsa.

Nampaknya, saranan Yang Berhormat Ketua Pembangkang dalam Dewan yang mulai ini yang berbunyi 'kita perlu menyedari bahawa bahasa adalah alat, adalah alat untuk mendapat ilmu, mencerna warga berilmu dan mahir dalam teknologi'. Telah memperlihatkan Yang Berhormat Ketua Pembangkang bersetuju betapa pentingnya untuk menguasai lebih daripada satu bahasa dalam mempertingkatkan ilmu. Memahirkan murid-

murid yang kelak akan menjadi warga masyarakat umum dengan bahasa Inggeris saintifik menepati objektif ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tumpat berdiri Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kita memang menganggap isu ini isu penting dan saya rasa tidak sesuai untuk disalahtafsirkan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang sebagai mengatakan bahawa ianya mengiakakan pembelajaran ilmu Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris. Yang ditekankan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang, saya yakin ialah tentang peri pentingnya kita menguasai bahasa-bahasa lebih daripada satu bahasa.

Sebenarnya, saya pohon penjelasan kerana saya dapati dalam kajian ringkas saya bahawa masalah penguasaan ilmu Matematik dan Sains ini merebak dan berlaku di negara-negara lain juga. Saya ada laporan daripada laman web dan saya boleh biarkan Yang Berhormat melihatnya selepas ini, *BBC News*, yang bertajuk, dengan izin, *University Student Lack Basic Maths* dan menyebut di sini bahawa di United Kingdom sekarang ini, di seluruh universiti menghadapi masalah pelajar-pelajar yang baru masuk ke universiti di United Kingdom lemah sekali dalam ilmu Matematik.

Daripada kata makalah ini, universiti yang tidak masyhur, Waricsher University kepada universiti yang agung, Oxford University, semuanya menghadapi masalah pelajar-pelajar mereka lemah dalam bidang Matematik. Saya bukan hendak berhujah hebat dan sebagainya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalnya Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Kalau pelajar-pelajar United Kingdom yang belajar dan lahir bahasa ibunda bahasa Inggeris, diakui amat lemah dalam ilmu Matematik, apakah hujah kita untuk mengatakan bahawa bahasa Inggerislah penyelamat untuk kita mahir Matematik, mahir Sains dan sebagainya. Saya fikir, kajilah lagi dan lihatlah tulisan dan laporan yang kita baca dengan mudah di mana-mana pun yang tidak menganggap bahasa Inggeris sebagai penyelamat untuk anak bangsa kita dalam bidang Matematik dan Sains. Saya pohon penjelasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Bagi soalan yang pertama Yang Berhormat, saya baca balik *Hansard* pada 23 September 2002, muka surat 41. Katanya, Dato' Seri Haji Abdul Hadi Haji Awang, "*Tuan Yang di-Pertua, kita perlu menyedari bahawa mempelajari bahasa adalah sangat penting, bukan sahaja bahasa Inggeris, bahkan pelbagai bahasa kita perlu tahu. Kita perlu menyedari bahasa adalah alat untuk mendapatkan ilmu*".

Saya ulangi, "*.....bahasa adalah alat untuk mendapatkan ilmu*". Bukan bahasa Inggeris sahaja. Dalam masa yang sama, kita perlu membahaskan bahasa kita sendiri dan bahasa ibunda kita sendiri." Di sini saya katakan, saya rasa Yang Berhormat dan seluruh anggota di Dewan yang mulia ini bersetuju dengan bahasa Inggeris. Yang itu kita sudah selesai. Jadi, soalan saya di sini ialah:

Pertama, pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris sebagai satu mata pelajaran, dengan izin, *as a subject*. Itu semua orang setuju dan putus;

Kedua, kita juga bersetuju ada kelemahan, ada itu, ada ini dan sebagainya dan ini kita memperbaiki.

Yang Berhormat juga setuju. Saya juga setuju. Jadi, kita ada apa-apa perbezaan, Yang Berhormat. Terima kasih. Jadi, saya kata di sini, soalnya ialah bahasa Inggeris sebagai alat untuk mendapat ilmu. Jadi, kalau kita lihat dalam apa sekali pun, oleh kerana saya katakan tadi, saya teruskan lagi mengenai dengan bahasa *scientific literacy*, kita menggunakan bahasa Inggeris.

Kalau tidak silap saya, kita bukalah istilah sains dan sebagainya, kita semuanya memakai perkataan Inggeris. Kalau kita kata *carbon dioxide*, kita kata karbon dioksida. *Potassium chloride*, kita kata Potasium Klorida. Kita tambah 'da' sahaja, bagi sedap supaya ini dianggap bahasa Melayu. Jadi, saya rasa pendekatan hari ini.., saya bersetuju kebimbangan Yang Berhormat dan lama-kelamaan saya dengan *research papers* yang saya baca dan ada lagi tebal diberi kepada saya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, macam-macam *study* telah dibuat yang menunjukkan bahawa *scientific literacy*, maksud saya di sini, saya rasa lebih baik kita mulakan di peringkat lebih awal supaya dia mahir dan *insya-Allah*...

Puan Chong Eng: [Bangun]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya belum habis, Yang Berhormat. Tolong beri peluang kepada saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk Yang Berhormat. Ya, belum habis.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya kasi *chance* nanti. Saya katakan kita boleh iaitu bahasa ini sebagai alat. Jadi kita hendak mulakan ini. *Insya-Allah*, kita rasa pada masa yang akan datang, para ilmuan dalam bidang ini, kita dapat membuka lebih luas lagi dan *insya-Allah* negara kita akan mendapat lebih ramai lagi para *scientist* dan soalnya di sini ialah bahasa Inggeris sebagai alat untuk mendapat ilmu. Bukan saya mempertikaikan kemampuan bahasa Melayu. Tidak sama sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak mempersoalkan kemampuan bahasa Malaysia/Melayu, adakah Yang Berhormat mempersoalkan kemampuan bahasa Mandarin sebagai satu bahasa kunci kepada pengetahuan.

Yang kedua ialah sama ada dasar untuk mengajar mata pelajaran Sains dan *Maths* dalam bahasa Inggeris akan dilaksanakan di dalam SRJK(T) dan SRJK(C) pada tahun depan. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Kemampuan apa bahasa sekalipun, saya tidak pernah mempertikaikan. Setiap bahasa mempunyai kelebihan dan keindahan yang tersendiri. Itu bergantung kepada pengguna. Kalaulah penggunanya itu lebih ramai, maka saya tidak nampak mengapa tidak bahasa itu berkembang. Ini soal bahasa, maksud saya. Saya perlu jelaskan di sini, kemampuan apa-apa bahasa pun tidak kita mempertikaikan sama sekali. Soalnya, oleh kerana Ilmu Sains dan Matematik berkembang gitu pantas sekali, maka kita rasa bahasa Inggeris menjadi alat untuk mencapai Ilmu Sains ini.

Mengenai dengan SRJK(T) dan SRJK(C), kita memang di kementerian bersiap-sedia kalau ada keputusan itu daripada Kabinet tetapi saya tidak mahu membahaskan perlu itu dan perlu ini tetapi bagi saya, kita akan meneruskannya di sekolah kebangsaan. Dan saya tidak mahu dituduh kemudian, apabila katalah perkara ini telah berjalan, maka ada pula soalan yang akan timbul, mengapa SRJK(C) dan SRJK(T) dianaktirikan? Mengapa tidak ikut macam ini? Ha, ini pula dipertikaikan. Kalau kita suruh, mereka kata, "Kami rasa lebih *confident* dalam bahasa ini dan bahasa itu". Jadi, saya minta Yang Berhormat buat masa ini, *let us rest the case*, dengan izin, supaya ia tidak menjadi ledakan politik antara parti-parti politik. Saya hendak sambung sedikit....

Puan Chong Eng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia berdiri lagi Yang Berhormat. Hendak bagi jalan lagi:

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila.

Puan Chong Eng: Terima kasih. Mengapa tidak kerajaan atau kementerian menerima pakai satu dasar yang lebih demokratik. Sesiapa yang ingin anaknya belajar Sains dan Matematik dalam bahasa Malaysia, biarlah ada kelas seperti ini. Dalam bahasa Inggeris, ada kelas seperti ini. Kalau dalam bahasa Mandarin, ada kelas. Jadi, biarlah ibu bapa yang membuat pilihan dan bukan kerajaan yang membuat keputusan untuk ibu bapa. Mengapa tidak menerima pakai dasar ini? Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Itu bukan dasar Yang Berhormat. Itu cadangan Yang Berhormat, saranan Yang Berhormat. Jadi, macam juga saya katakan, saya tidak pertikai pandangan Yang Berhormat. Yang Berhormat pun ada pandangan yang baik. Kita terima kasih. Kita juga ada cara kita dan kita bukan kita buat ikut suka kita. Kita diberi nasihat dan segala input kita adalah bergantung kepada orang-orang para ilmuan yang berpengetahuan dalam bidang pendidikan. Sebab itu, kalau kadang-kadang ada orang kata, orang ini tidak setuju, tidak apa, kita terima mereka setujukah, tidak setuju pandangan itu. Sebab itu, sampai hari ini, kita masih terima lagi pandangan-pandangan secara terbuka dan kita tingkatkan ini pada umumnya.

Saya lihat sekarang kita sudah yakin bahawa bahasa Inggeris boleh digunakan sebagai alat untuk Sains dan Matematik. Jadi, saranan Yang Berhormat, kita tidak apa, itu saranan Yang Berhormat saranan juga. Kita dibantu oleh para ilmuan dan para dengan izin *educationist* yang berpengalaman. Kebimbangan Yang Berhormat bagi Parit Buntar mengenai dengan sistem pendidikan kebangsaan yang didakwa telah gagal adalah tidak berasas. Kejayaan negara kita saya tegaskan sekali lagi, sejak merdeka hingga kini adalah bukti sistem pendidikan kita telah berjaya.

Kelemahan, memang kita terima dan kita memperbaiki kelemahan-kelemahan kita. Bahasa Melayu tetap bermartabat di negara ini. Ia tidak semestinya berhenti menjadi bahasa ilmu dalam bidang Sains dan Matematik selagi usaha dijalankan oleh para ilmuan berkarya dan menambah khazanah ilmu dalam bahasa Melayu termasuklah dalam bidang Sains dan Matematik. Kerajaan memberi jaminan bahawa kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara tidak akan terjejas. Bahasa Inggeris tidak akan menjadi saingan kepada bahasa Melayu. Saya menyeru semua pihak.....

Dato' Kamarudin bin Jaffar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tumpat berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan? Silakan.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Bahasa Inggeris dan bahasa Melayu, sebagai bekas pensyarah Sejarah, tentu Yang Berhormat ingat bahawa salah satu teori yang menjelaskan mengapa di kalangan orang-orang Melayu terdapat perpecahan politik, bermula daripada zaman menentang penjajahan lagi ialah kerana ada tiga aliran pendidikan. Pendidikan Inggeris, pendidikan Melayu, pendidikan agama. Bukankah Yang Berhormat sedar bahawa dengan mengarahkan bahasa Inggeris dijadikan bahasa untuk mengajar Sains dan Matematik daripada tingkatan empat ke atas maka, yang aliran sainsnya hampir kesemuanya akan belajar dalam bahasa Inggeris. Jadi, secara dirancang saya tidak tahu tetapi akan menjadi aliran-aliran ini wujud balik. Jadi, adakah ini tidak bertentangan dengan semangat UMNO yang inginkan perpaduan dan sebagainya, atau bagaimana? Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Okey Yang Berhormat. Saya rasa perbahasan lisan ini mungkin menjadi perbahasan akademik, tetapi secara ringkas saya katakan, saya ikuti dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Kita faham apabila kita mencapai kemerdekaan, sebelum kemerdekaan dan sesudah kemerdekaan, apa perlunya kita mempunyai bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan? Memang kita bina negara ini dan saya tetap mengucapkan ribuan terima kasih, sanjungan kita kepada pejuang-pejuang bahasa untuk mempertingkatkan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan.

Pada ketika itu, kita berbincang mengenai dengan identiti kita sendiri. Kemudian, kita berbincang kepada identiti kumpulan. Kemudian, kita bercakap bahawa sebuah negara mesti mempunyai satu bahasa. Itu sudah kita capai dan ini telah kita lakukan dengan baik sehinggalah apabila berlakunya Akta Bahasa pada tahun 1967, kemudian pindaan Akta

Pendidikan pada tahun 1971, dan seterusnya, dan ini adalah persoalan *endow-glossic*, kalau dengan izin saya gunakan pada Yang Berhormat.

Persoalan sekarang ialah kita balik kepada sesudah menubuhkan sebuah negara, kita juga bercakap tentang soal *nationalism* di dalam arena *internationalism*. Oleh itu, saya katakan ia lebih bersifat *exo-glossic* di mana hubungan antarabangsa untuk kita menimba ilmu daripada dunia yang ada ilmu bagi mempertahankan ketahanan, kedaulatan negara kita. Kita bukan hendak menukarkan bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris tetapi sekarang ini, kita memikirkan bahasa Inggeris sebagai bahasa untuk mencapai ilmu. Oleh itu, harus kita memikirkan tentang soal *diaglosia* iaitu kedudukan bahasa Inggeris, bukan mencabar Bahasa Kebangsaan. Begitu juga saya telah katakan, ia bukan menjadi saingan.

Saya percaya Yang Berhormat juga percaya dengan saya dan saya percaya Yang Berhormat boleh meyakinkan ahli-ahli keluarga Yang Berhormat di sebelah sana dan saya mintalah jangan kita menjadikan ini sebagai isu politik sehingga kita tidak lagi fokus kepada soal-soal pembangunan anak-anak kita di negara ini. Saya juga mengatakan.....

Tuan Chang See Ten: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Gelang Patah berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Tuan Chang See Ten: Saya hendak tanya sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ermm...silakan.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Sebelum kerajaan memulakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, adakah Kementerian Pendidikan buat tinjauan terhadap murid-murid daripada kaum Melayu dan India yang bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, dengan murid-murid yang bersekolah di sekolah kebangsaan, keputusan dalam Sains dan Matematik, mana satu yang lebih baik? Ini adalah kerana, kalau ada tinjauan dibuat, baru kita tahu bahawa pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa ibunda adalah lebih efektif. Di sini saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, keputusan adalah cemerlang dalam mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa ibunda, keputusan Matematik lebih 90 markah dan Sains adalah lebih 80 markah. Adakah kemungkinan bila di sekolah Cina, pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris akan menurunkan keputusan Sains dan Matematik di kalangan murid-murid sekolah di sekolah Cina. Ini yang membimbangkan dan dikhuatiri oleh para ibu bapa kaum Cina dan ada baik kita buat tinjauan.

Di sini, saya ingat tadi Yang Berhormat ada kata tentang karbon dioksida. Kalau dalam bahasa Cina, karbon dioksida adalah [*Bercakap bahasa Mandarin*]. Bila kita baca, kita ajar dalam bahasa ibunda iaitu, dalam bahasa Mandarin untuk Sains, budak Cina itu, dia baca, dia tahu itu [*Bercakap bahasa Mandarin*] karbon dioksida, dia terus faham. Ini CO₂ mengandungi *two parts of oxygen* dan *one part of carbon*. Dia sudah terus faham. Ini, boleh mendatangkan kefahaman kepada subjek itu tetapi bila dia masih kecil, kalau terus gunakan bahasa asing, kemungkinan dia susah hendak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Panjang lagi Yang Berhormat, tidak kena mengena, tidak apa.

Tuan Chang See Ten: Bukan, bukan tidak kena. Ini apa yang kita hendak keberkesanan dalam pengajaran. Ini yang penting. Kita semua setuju di peringkat sekolah menengah tetapi sekolah rendah perlu ditinjau dahulu sebelum kita laksanakan. Saya minta penjelasan.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, itu sahaja.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Apa yang saya dapat daripada Yang Berhormat tadi, saya telah jawab soalan itu mengenai dengan SJK(C) dan SJK(T), bermakna kita masih dapat pandangan-pandangan

yang mana *the pros and cons* dan sebagainya. Untuk mengatakan bahawa mengenai dengan bahasa Mandarin tadi, saya telah difahamkan ada sekolah-sekolah Cina yang menggunakan dua bahasa, yang mana bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin dan mereka juga mendapat *score* yang paling tinggi. Ini saya tidak mempertikaikan kemampuan bahasa Mandarin ataupun bahasa ibunda yang hendak Yang Berhormat bangkitkan. Ada sekolah Cina kebanyakan. Saya boleh memberikan contoh umpamanya Chong Ling High School, Kek Hua, semua ini nama-nama besar yang menempah..., pengeluaran hasil mereka amat baik, soalnya mata pelajaran Matematik dan Sains ini bukan sangat mengenai dengan soal bahasa tetapi ialah soal konsep. Daripada segi konsep kita menggunakan bahasa itu dalam pengajaran itu.

Jadi, soalnya ialah adakah kaedah pengajaran itu yang boleh menguasai Sains dan Matematik. Begitu juga yang akan dibangkitkan oleh orang Melayu, sedangkan diajar dalam bahasa Melayu, anak-anak Melayu khususnya begitu menurun di dalam mata pelajaran Sains dan Matematik. Soalnya bukan kerana mereka budak Melayu, mereka adalah disebabkan kumpulan di mana, apakah konsepnya ataupun faktor-faktor lain yang mempengaruhi anak-anak itu. Akhir kata saya membuat kesimpulan begini Yang Berhormat. Kajian banyak telah dilakukan dan juga kita dinasihati oleh pegawai-pegawai berkenaan yang mampu untuk ini. Saya hendak sebut ini terlalu panjang Yang Berhormat ya. Saya katakan begini sahaja, kita selalu menggunakan kita orang dewasa sebagai ukuran, boleh atau tidak dilakukan kepada anak-anak kita.

Saya percaya, anak-anak muda ini kita beri sahaja peluang kepada dia, dia lebih cepat daripada kita. Kita rasa kita tidak boleh, begitu juga macam saya dahulu dan ada ramai di kalangan kita di sini yang berpendidikan Inggeris. Di rumah kita bercakap Melayu di sekolah kita bercakap Inggeris dan dia boleh juga mencapai tahap yang paling tinggi. Jadi, ini saya tidak mahu lagi. Walau bagaimanapun saya memberi jaminan kepada Yang Berhormat bahawa kita boleh lakukan dan...

Tuan Chang See Ten: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Pandangan-pandangan ini masih kita terima.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Pendek atau panjang?

Tuan Chang See Ten: Minta penjelasan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, tanya soal macam itu. Hendak beri atau tidak beri Yang Berhormat?

Seorang Ahli: Sudah pukul 10.30 ini, mengantuk sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, silakan.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, daripada penjelasan yang diberikan tadi, adakah pihak Kementerian Pendidikan sedia menggunakan dua bahasa seperti di sekolah Cina ada daripada Darjah I, kalau diamalkan, perlu digunakan bahasa ibunda dengan ada terjemahan dalam bahasa Inggeris.

Tadi Yang Berhormat ada kata sekolah Chong Ling dan ada sekolah lain mereka ada buku di sekolah persendirian, *private secondary school* seperti Sekolah Menengah Fong Yew di Johor Bharu, mereka menggunakan buku yang mana ada dalam tiga bahasa, tidak mengabaikan bahasa ibunda. Ini yang penting supaya pelajar-pelajar boleh lebih faham dalam pelajaran Sains dan Matematik.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya sudah dapat. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh menulis segala cadangan Yang Berhormat itu, kemukakan kepada kami untuk pihak penyelidik ini terus meneliti pandangan Yang Berhormat. Kita tidak mengetepikan pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Saya menyeru semua pihak berlapang dada untuk sama-sama menjayakan hasrat murni kerajaan untuk memperkasakan negara kita yang tercinta agar kita mampu berdaya saing dengan bangsa-bangsa yang maju di dunia. Kerajaan percaya bahawa jati diri kita sebagai bangsa yang merdeka tidak akan luntur kerana mencapai *scientific literacy* dengan izin, melalui bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pendidikan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara-perkara yang tidak sempat dijelaskan akan tetap diambil perhatian dan tindakan sewajarnya.

Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas perhatian, keprihatinan, teguran dan sokongan yang berterusan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih. Sekarang saya menjemput Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan.

Kementerian Kewangan

10.11 malam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:
Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Kewangan saya ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Bajet 2003 di Dewan yang mulia ini. Seramai 36 Ahli Yang Berhormat terdiri daripada 23 penyokong kerajaan dan 13 daripada saudara pihak pembangkang telah menyentuh perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan. Ramai Yang Berhormat telah memberikan pandangan yang membina untuk membaiki bajet negara. Perkara-perkara itu meliputi aspek pengurusan ekonomi makro, percukaian, kewangan kerajaan, perbankan dan pengurusan kontrak. Kementerian Kewangan akan mengambil kira pandangan-pandangan ini dalam melaksanakan Bajet 2003. Namun beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat memerlukan penjelasan lanjut.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2003 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah menuntut anjakan paradigma untuk menghadapi gelombang perubahan dunia yang kian mencabar. Pertumbuhan mesti dijana dan diterajui sebahagian besarnya daripada pengemblengan sumber dan peningkatan aktiviti ekonomi domestik pelabur tempatan. Pelabur-pelabur tempatan mesti lebih berani meneroka dan menghadapi risiko dan percaya kepada kebolehan diri sendiri.

Penyediaan bajet seperti ini memerlukan antaranya data-data perangkaan yang tepat dan perancangan yang rapi. Oleh itu dakwaan Yang Berhormat Yang Berhormat bagi Kemaman [*Menoleh ke tempat duduk Yang Berhormat bagi Kemaman*] Tidak ada ya. ...Kononnya pengiraan KDNK tidak mengikut standard adalah tidak tepat. Sukacita ditegaskan bahawa pengiraan KDNK serta petunjuk-petunjuk ekonomi lain adalah mengikut standard dan piawaian antarabangsa seperti IMF. Perkara ini tidak perlu dipertikaikan lagi dan ini adalah penting antara lainnya bagi tujuan memudahkan perbandingan dapat dilakukan dengan negara-negara lain di seluruh dunia. Sebagai bukti pengiraan KDNK serta petunjuk-petunjuk ekonomi kami diterima oleh institusi antarabangsa ialah *credit rating upgrade* dengan izin, oleh syarikat-syarikat penarafan antarabangsa kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Marang telah mendakwa kononnya rizab negara adalah rendah berbanding negara lain dan pengurangan rizab ini berpunca daripada kejatuhan nilai Dolar Amerika serta kebergantungan kepada sektor pembuatan. Sebenarnya...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sri Gading berdiri Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tidak ada masa ya?. Tidak ada masa teruskan.

Seorang Ahli: Mengantuk

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan. Saya pun mendengar apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kemaman, yang mempertikaikan bahawa pertumbuhan KDNK kita angka-angka yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan itu tidak betul. Jadi maknanya macam kerajaan sengaja membuat angka-angka yang bohong. Saya hendak penjelasan. Ini penting kerana isu ini boleh dimainkan oleh pihak pembangkang seolah-olah dia tidak percaya pertumbuhan KDNK kita itu.

Sebenarnya bagaimana tentang angka-angka yang dikatakan tidak betul itu oleh Yang Berhormat bagi Kemaman. Saya tidak puas hati waktu menjawab dalam perbahasan itu, tidak berapa jelas. Jadi saya hendak dapat penjelasan yang lebih lanjut.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading dan saya pun perasan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Kemaman, semua yang dikatakan di mana ada istilah 'auta' bohonglah lebih kurang. Jika angka-angka tentang KDNK itu dimanipulasi untuk memenuhi selera dan mengikut kehendak kerajaan semata-mata dan tidak mengikut piawaian antarabangsa, maka saya ingin mengatakan bahawa seluruh agensi penarafan sama ada dalam ataupun di luar negara bersekongkol dengan kerajaan dengan kerja-kerja 'auta' ini. Ini adalah kerana mereka juga memberikan penunjuk-penunjuk yang lebih kurang sama dengan angka yang ditunjukkan oleh kerajaan seperti yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dalam bajet yang lalu. Saya beri contoh ini mayor penarafan dalam negeri yang dibuat pada April 2002. Badan penarafan ini juga mengunjurkan bahawa tahun 2002, KDNK kita akan tumbuh lebih kurang 4.5% dan tahun 2003 - 5.7%. J.P Morgan yang dibuat pada Mac 2002, juga yakin bahawa KDNK kita akan tumbuh pada 4.0% pada tahun 2002, dan pada tahun 2003 - 5.4%.

Lepas itu Solomon and Smith yang dibuat pada Mac 2002, juga lebih kurang sama - 4.0% tahun 2002 dan 5.1% tahun 2003. IMF yang dibuat pada April 2002 juga yakin kita akan mencatat pertumbuhan 3.0% tahun ini dan pada tahun depan 5.5%. Lepas itu *Standard and Poor* yang dibuat pada Julai 2002, juga mengatakan tahun ini kita akan mencatat pertumbuhan 4.5% dan tahun depan 5.0%.

Jadi sama ada badan penarafan dalam atau luar negara, keyakinannya itu lebih kurang sama dengan apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan semasa membentangkan bajet. Ini menunjukkan bahawa pengiraan KDNK yang dibuat oleh kerajaan adalah selaras dan sesuai dengan piawaian serta pengiraan antarabangsa, bukan angka yang dimanipulasi, bukan angka yang dibuat-buat ataupun 'auta', - tidak. Jadi itulah untuk menjawab soalan Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading di atas soalan yang begitu baik. Sudah malam ya ini! USD

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Marang telah mendakwa kononnya rizab negara adalah rendah berbanding dengan negara lain dan pengurangan rizab ini berpunca daripada kejatuhan nilai *dollar* Amerika (USD) serta kebergantungan kepada sektor pembuatan. Sebenarnya rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia (BNM) adalah dalam arah aliran menaik sejak pertengahan tahun 2001. Rizab ini telah meningkat sebanyak RM31.1 bilion atau USD8.2 billion sejak akhir bulan Jun 2001, kepada RM129.1 bilion atau USD34.0 billion pada 30 September 2002 atau peningkatan sebanyak 9.3%. Faktor-faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan rizab ini adalah pembawaan pulang perolehan eksport yang berterusan dan aliran masuk pelaburan bersih.

Berbanding dengan negara-negara serantau, jumlah rizab Malaysia adalah antara yang tertinggi bersamaan dengan 35% daripada KDNK pada tahun 2001, sementara Korea, 24.3% dan Thailand hanya 28.8%. Begitu juga dengan perbandingan antara rizab negara dengan hutang luar negeri jangka pendek. Kedudukan Malaysia juga adalah antara tertinggi iaitu 4.9 kali hutang luar negeri jangka pendek, berbanding dengan Korea 2.4 kali dan Thailand 2.9 kali. Dengan komposisi mata wang rizab yang pelbagai, penyusutan nilai *dollar* telah menyumbang kepada keuntungan penilaian semula sebanyak AS dollar 1.4 bilion berikutan penilaian semula sukuan ke atas aset rizab di dalam mata wang asing, selain daripada dollar Amerika Syarikat pada suku kedua pada tahun 2002. Keuntungan penilaian semula ini telah mengimbangi kerugian penilaian semula sebanyak AS Dollar 0.2 bilion pada suku pertama tahun 2002, dan AS Dollar 1.1 bilion pada tahun 2001, apabila dollar Amerika Syarikat mengalami kenaikan nilai berbanding mata wang utama yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Marang, Kemaman dan Permatang Pauh telah membangkitkan isu defisit Kerajaan Persekutuan terutama dari segi kemampuan kerajaan untuk menjana hasil serta kesan defisit tersebut ke atas hutang kerajaan Persekutuan. Walaupun sejak kebelakangan ini kerajaan mengamalkan dasar fiskal, mengembang untuk merangsang ekonomi, namun defisit kewangan Kerajaan Persekutuan masih terkawal. Kerajaan memang sentiasa berusaha untuk mengurangkannya.

Ini terbukti apabila kerajaan berjaya mengurangkan defisitnya bagi tahun kebelakangan, sama ada jumlah sebenar mahupun peratusan kepada KDNK defisit ini telah berkurangan dari RM19.7 bilion atau 5.8% daripada KDNK pada tahun 2000 kepada RM16.8 bilion atau 4.7% daripada KDNK pada tahun 2002. Bagi tahun 2003 pula, defisit di jangka akan terus mengecil iaitu sebanyak RM14.9 bilion atau 3.9% daripada KDNK. Pada kadar atau tahap ini, kerajaan masih mempunyai *flexibility* dalam pengurusan kewangan awam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh telah mempersoalkan tentang kecekapan kutipan hasil serta perkembangan ekonomi untuk mendapatkan hasil yang lebih tinggi. Oleh itu Yang Berhormat merasa sangsi, matlamat defisit yang kian mengecil ini tidak akan dicapai. Untuk makluman Yang Berhormat, hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2001 telah meningkat dengan ketara sebanyak 28.6% iaitu kepada RM79,567 juta, walaupun KDNK hanya mencatat peningkatan sebanyak 0.4%. Ini antara lain disebabkan oleh peningkatan kecekapan dalam kutipan hasil.

Perlaksanaan Sistem Taksiran Tahunan dan Sistem Taksiran Diri serta pematuhan di kalangan pembayar cukai, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jangkakan hasil bagi tahun 2002 dan 2003 di tahap 23% daripada KDNK adalah selaras dengan pencapaian sebelum krisis kewangan pada tahun 1997. Hanya dalam tempoh krisis iaitu antara 1998 hingga tahun 2000, kutipan hasil secara purata merosot sedikit kepada 19.2% daripada KDNK. Pada tahun 2002, hasil kerajaan dijangka meningkat sebanyak 5% kepada RM83,550 juta. Peningkatan ini dianggap munasabah jika dibandingkan dengan kadar pertumbuhan KDNK yang dijangka akan meningkat sebanyak 4% pada tahun ini.

Dari segi nisbah kepada KDNK, hasil kerajaan masing-masing adalah sebanyak 23.4% dan 23.5% pada tahun 2001 dan 2002. Kerajaan memang sedar tentang kesan defisit ke atas tahap kemampuan hutang negara, pada masa ini peratusan hutang pada KDNK adalah seperti berikut:

a)	Hutang Kerajaan Persekutuan	-	47.2%
b)	Hutang Negara	-	51.7%

Tahap hutang ini masih terkawal dan Malaysia diklasifikasikan sebagai negara keberhutangan sederhana. Kerajaan akan terus memastikan tahap hutang berada di paras yang berhemat dengan sebahagian besar pinjaman adalah melalui sumber dalam negeri. Di samping itu, kerajaan juga akan mengenal pasti melaksana dan membiayai projek-projek yang menjana pertumbuhan KDNK serta memberi pulangan hasil kepada negara.

Yang Berhormat bagi Kemaman dan Permatang Pauh juga membangkitkan tentang peningkatan hutang luar negara berbanding dengan rizab luar negara. Untuk

makluman Yang Berhormat, rizab luar negara lebih lazim dibandingkan dengan hutang luar jangka pendek dan bukan dengan jumlah hutang luar negara. Ianya mengukur kemampuan rizab antarabangsa untuk membayar balik hutang jangka pendek. Setakat Jun 2002, nisbah rizab antarabangsa dengan hutang jangka pendek adalah melebihi 5.3 kali hutang jangka pendek atau hutang jangka pendek hanya mencatat sekitar 19% daripada rizab luar negara. Peratusan ini adalah rendah dan tidak membawa risiko seperti yang dinyatakan.

Yang Berhormat bagi Marang dan Kemaman juga ada menyentuh tentang beban hutang negara yang besar dan juga pinjaman PABK yang berjumlah RM96.2 bilion. Perangkaan yang disebut adalah tidak tepat. Sebenarnya hutang luar PABK hanyalah berjumlah RM64.3 bilion dan bukan RM96.2 bilion seperti yang didakwa. Bagi tempoh 1996 hingga 2002, paras hutang negara hanya meningkat 1.9 kali ganda dan bukan 2.5 kali ganda seperti yang dinyatakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga perlu maklum bahawa ketika krisis kewangan tahun 1997, nisbah hutang negara kepada KDNK telah melonjak daripada 38.6% pada tahun 1996 kepada 60.6% pada tahun 1997 disebabkan semata-mata oleh penyusutan nilai mata wang ringgit melebihi 50%. Akan tetapi sejak tahun 1998, nisbah hutang negara kepada KDNK telah kian menurun iaitu daripada 60% kepada 51.7% pada tahun 2002 menunjukkan kemampuan pengurusan hutang negara.

Yang Berhormat bagi Marang juga mendakwa bayaran khidmat hutang adalah tinggi iaitu 18% daripada perbelanjaan mengurus. Sebenarnya kadar peratusan bayaran khidmat hutang kerajaan kepada perbelanjaan mengurus kini semakin berkurang daripada 17% pada tahun 1999 kepada 12.4% yang dianggarkan bagi tahun 2003 dan bukanlah berjumlah 18% seperti yang dinyatakan. Bayaran khidmat hutang kerajaan akan dikurangkan pada masa akan datang selaras dengan jumlah hutang dan defisit yang dikecilkan sejajar dengan tujuan dasar bajet berimbang.

Yang Berhormat bagi Permatang Pauh pula mendakwa kononnya kerajaan berhutang untuk membina projek-projek besar dan mercu-mercu tanda seperti yang telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan semasa pembentangan Bajet 2003, projek-projek yang didakwa mega sebenarnya bukan mega kerana kita mampu membiayai projek-projek tersebut tanpa menjejaskan kestabilan ekonomi makro atau meminjam dari luar negara.

Projek-projek ini merupakan projek infrastruktur dan sememangnya perlu dilaksanakan bagi menampung permintaan dan pembangunan negara. Projek-projek seperti KLIA dan sistem pengangkutan adalah infrastruktur strategik untuk pembangunan negara yang telah disiapkan sebelum krisis kewangan dan bukan satu pembaziran. Projek-projek ini dapat mempertingkatkan kecekapan dan produktiviti ekonomi dan seterusnya dapat menghasilkan pertumbuhan KDNK yang lebih pesat pada masa hadapan. Kerajaan hanya mula meminjam untuk melaksanakan rancangan fiskal sejak tahun 1998. Dalam hubungan ini kerajaan telah memamatkan supaya kedudukan kewangan kembali berimbang pada tahun 2005.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan prestasi pasaran saham, masalah tiada kepercayaan kepada diri sendiri dan mudah dipengaruhi oleh orang lain masih tebal. Ini jelas dilihat daripada kesan serta merta atau *immediate* dengan izin, selepas pembentangan Bajet 2003. Pasaran saham di Bursa Saham Kuala Lumpur atau BSKL mengalami kejatuhan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong dan Kemaman. Sentimen pasaran BSKL adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor dalaman dan luaran. BSKL telah mengalami konsolidasi pasaran sejak Mei 2002 selaras dengan kejatuhan pasaran utama dunia dan serantau. Pada hakikatnya prestasi BSKL adalah tidak selari dengan asas-asas ekonomi. Prestasi BSKL sekarang masih lagi dipengaruhi oleh tindak balas dengan izin, *heart mentality*. Ini adalah jelas kerana antara faktor-faktor yang mempengaruhi keadaan pasaran di BSKL termasuk;

- (i) sentimen pasaran yang lemah berikutan penunjuk ekonomi Amerika Syarikat yang tidak memberangsangkan. Pasaran NASDAQ jatuh 42.4% berbanding kedudukan awal Januari 2002 apabila ia merudum di bawah paras 1200 mata,

terendah sejak September 1996. Sementara Dow Jones pula jatuh 25.3% dan berada pada tahap 7528 mata berbanding awal Januari 2002;

- (ii) konflik yang mungkin mencetuskan peperangan Amerika Syarikat dan Iraq yang akan menyebabkan kenaikan dalam harga minyak.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut bangun.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Baru pukul 10.30. Saya hendak tanya Yang Berhormat sedikit tentang pasaran saham sama ada selain daripada alasan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat tadi, kekecohan yang berlaku dalam Parlimen umpamanya pergantungan ahli dan sebagainya juga mempengaruhi pasaran saham. Minta sedikit penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Suasana di Dewan ini tidak mempengaruhi kedudukan pasaran saham kita kerana

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, langsung tidak adalah.

Tuan Hashim bin Ismail: Kerana *[Ketawa]* Ini merupakan perkara biasa dan dalam setiap, mana-mana Parlimen pun berlaku keadaan demikian. Jadi, saya rasa ia tidak akan mempengaruhi kedudukan pasaran saham kita dan keyakinan para pelabur terhadap ekonomi negara kita akan terus mantap kerana asas ekonomi yang kukuh

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Batang Lupa bangun.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya ada banyak lagi hendak habiskan ini.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Biasa sampai pukul 12.00 Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Siapa tutup Yang Berhormat punya *microphone* ?

Tuan Hashim bin Ismail: Tidak benarkan saya bercakapkah? Saya ada 55 muka surat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan. Masa pun tidak ada lagilah Yang Berhormat, pukul 10.30.

Tuan Hashim bin Ismail: Boleh Yang Berhormat ya, tolong saya minta maaf kerana tidak dapat *entertain* soalan-soalan..

Tuan Yang di-Pertua, walaupun sentimen pasaran dunia kurang baik, indeks komposit BSKL hanya turun 5.7% berbanding kedudukan pada awal Januari 2000.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tadi kata ada berapa muka lagi?

Tuan Hashim bin Ismail: Saya semua sekali ada 55 muka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis berapa muka?

Tuan Hashim bin Ismail: Sekarang saya baru 13 muka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Satu muka berapa minit?

Tuan Hashim bin Ismail: Ha, itu susah saya hendak cakap ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ha, Yang Berhormat kena ingatlah

Tuan Hashim bin Ismail: Saya cuba pantas. Saya cuba sepantas yang mungkin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. *[Disampuk]*

Tuan Hashim bin Ismail: Ianya jatuh

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tebrau bangun.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Boleh buat cadangan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Minta Setiausaha Parlimen jawab bertulis boleh atau tidak? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ha, terpulang kepada Yang Berhormatlah *[Ketawa]*

Tuan Hashim bin Ismail: Cadangan tidak diterima ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh ya, boleh diterimakah?

Tuan Hashim bin Ismail: Saya akan teruskan Tuan Yang di-Pertua. Saya akan cepatlah. Ianya jauh lebih baik berbanding pasaran lain seperti Taipei yang merosot 27.4%, London 26.9%, New York 25.3%, Hong Kong 20.3%, Singapura 15.9% dan Tokyo 14.4%. Prestasi BSKL bukanlah penunjuk ulung keadaan sebenar ekonomi negara atau syarikat-syarikat yang disenaraikan seperti Telekom, Petronas dan Tenaga Nasional. Penunjuk-penunjuk lain yang mencerminkan kekukuhan ekonomi negara termasuk lebihan imbalan luaran, kadar inflasi yang rendah dan rizab antarabangsa yang kian meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kemerosotan pelaburan swasta sebagaimana dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong dan Yang Berhormat bagi Tanjong, saya ingin memaklumkan bahawa akibat berlakunya krisis kewangan Asia pada tahun 1997, diikuti pula kemelesetan ekonomi serantau pada tahun 2001, pelaburan swasta telah terjejas dengan jumlah berkurang sebanyak RM34.5 bilion pada tahun 2001. Namun begitu pertumbuhan pelaburan swasta dijangka menunjukkan trend yang positif bagi tahun 2002 berikutan pemulihan ekonomi dalam tahun tersebut dengan pelaburan swasta meningkat sebanyak 1.9% pada RM35.2 bilion dan 16.5% pada RM41 bilion pada tahun 2003. Jangkaan ini adalah berdasarkan semakin banyak syarikat terutamanya industri berorientasikan eksport berusaha meningkatkan tahap penggunaan kapasiti pengeluaran untuk memenuhi pesanan luar negeri yang kian bertambah serta berusaha menokok semula penyimpanan stok pada paras yang optimum untuk menampung permintaan pada masa hadapan. Pelaburan swasta yang dijangka meningkat juga didorong oleh permintaan dalam negeri dan langkah rangsangan fiskal yang berterusan dan pelaksanaan strategi Bajet 2003 untuk meningkatkan lagi pelaburan swasta dan pembangunan industri IKS serta pertumbuhan ekonomi negara dan dunia yang akan bertambah baik.

Bagi menjelaskan pertanyaan Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, Bagan Datok, Kepong, Kemaman, Tanjong, Kuala Terengganu, Mambong dan Teluk Intan serta beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain. Berhubung dengan pelaburan asing (FDI) suka saya menjelaskan bahawa sejak sekian lama pertumbuhan ekonomi kita bergantung secara keterlaluan kepada persekitaran pelaburan asing dan perdagangan antarabangsa. Memandangkan pemulihan ekonomi antarabangsa yang lembap dan persekitaran yang tidak menentu, adalah baik jika kita menjanakan pertumbuhan dengan menggembleng sumber dan kerancakan aktiviti ekonomi tempatan. Namun begitu, negara masih berupaya menarik pelabur asing ke negara itu memandangkan keadaan sosial politik yang stabil, kemudahan infrastruktur bertaraf dunia, tenaga kerja terlatih dan mudah dilatih serta pengurusan ekonomi yang cekap dan telus.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Batang Lular.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sedikit sahaja. Kita hendak menggunakan dana yang ada dalam negara kita sendiri tetapi dalam keadaan sekarang, kerajaan memberi duit untuk dibelanjakan tetapi pihak bank yang menguruskan perbelanjaan ini tidak mengeluarkan perbelanjaan. Jadi macam mana solusi ataupun cara untuk mengatasi masalah bank ini?

Tuan Hashim bin Ismail: Sebenarnya Yang Berhormat bagi pihak bank, kita tidak ada halangan, jikalau syarat-syarat yang dikehendaki mencukupi dan kelayakannya adalah memenuhi syarat-syarat yang dikenakan, bank akan memberikan pinjaman. Tetapi perkara ini juga menjadi satu kerunsingan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan sendiri semasa membentangkan bajet yang baru berlalu sehingga beliau mengatakan kalau bank terus liat untuk memberikan pinjaman maka kadar SRR akan dinaikkan.

Jadi ini menunjukkan bahawa Yang Amat Berhormat sendiri *concern* tentang apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Batang Lular tadi, dan saya rasa selepas ini dengan adanya *warning* ataupun amaran daripada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan sendiri maka saya rasa bank-bank akan lebih bersifat memberikan kerjasama dalam urusan pinjaman ini. Kita harap begitulah kerana sebenarnya pinjaman-pinjaman itu adalah untuk menjaga ekonomi negara kita.

Mana tadi? Sudah hilanglah...

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Sudah habis!

Tuan Hashim bin Ismail: Mana habis [*Ketawa*] baru separuh. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pemulihan ekonomi antarabangsa yang lembap dan persekitaran yang tidak menentu adalah baik jika kita menjanakan pertumbuhan dengan menggembelngkan sumber dan kerancangan aktiviti ekonomi tempatan. Namun begitu, negara masih berupaya menarik pelabur asing ke negara ini memandangkan keadaan sosiopolitik yang stabil, kemudahan infrastruktur bertaraf dunia, tenaga kerja terlatih dan mudah dilatih serta pengurusan ekonomi yang cekap dan telus, kesimpulannya penumpuan kepada sektor domestik dalam menjaga pertumbuhan ekonomi bukanlah bererti kita gagal menarik pelabur asing ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, institusi perbankan di Malaysia memainkan peranan penting dalam mengagih sumber-sumber kewangan bagi membiayai pelbagai aktiviti ekonomi menerusi pemberian pinjaman kepada pelbagai pihak termasuk pihak swasta untuk melaksanakan sesuatu projek dan aktiviti ekonomi. Oleh itu, walaupun Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah menggesa supaya institusi perbankan memestikan pinjaman lebih mudah, ini Yang Berhormat bagi Batang Lular tadi, saya fikir cadangan Yang Berhormat bagi Bagan Datok yang meminta institusi kewangan melonggarkan syarat perlu dilihat dari segi perseimbangan antara kelonggaran syarat dengan risiko pinjaman. Ini kerana institusi perbankan perlu mengamalkan prosedur perbankan serta perlu memastikan pengurusan risiko yang bersesuaian. Oleh itu, bank perlu mengimbangkan antara kelonggaran syarat dan risiko pinjaman. Walau bagaimanapun, seperti yang telah disarankan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, institusi-institusi perbankan harus lebih *forthcoming*, dengan izin, dalam memberi pinjaman kepada sektor swasta terutama kepada sektor pertanian dan industri IKS yang diberi tumpuan oleh kerajaan.

Berkenaan dengan saranan untuk menggalakkan bank memberi pinjaman kepada sektor swasta yang terlibat dalam bidang pendidikan untuk menggalakkan *edu-tourism*, ini memang antara lain merupakan sektor yang dikenal pasti untuk dibangunkan. Secara amnya institusi perbankan memang ada menyalurkan pinjaman bagi membiayai pelbagai aktiviti ekonomi termasuk pinjaman kepada sektor swasta yang menceburkan diri dalam sektor perkhidmatan pendidikan. Jumlah pinjaman kepada sektor perkhidmatan pendidikan telah meningkat terutamanya bagi tempoh tiga tahun kebelakangan ini.

Purata pertumbuhan tahunan bagi tempoh tersebut ialah sebanyak 33% dan jumlah pinjaman kepada sektor perkhidmatan pendidikan dalam tahun ini sehingga 30 Jun 2002 ialah sebanyak RM528 juta. Walau bagaimanapun, selaras dengan matlamat

kerajaan untuk membangunkan Malaysia sebagai *regional educational hub* dengan izin, kerajaan menyeru institusi kewangan supaya menyalurkan lebih banyak bantuan kepada sektor ini.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan sentiasa berusaha mencari strategi-strategi baru untuk membantu usahawan mendapatkan sumber modal bagi melaksanakan perusahaan atau perniagaan yang menguntungkan. Dalam hubungan ini, sungutan Yang Berhormat bagi Batang Lupa dan Bagan Datok bahawa pihak swasta tidak menerima sumber kewangan yang disalurkan oleh kerajaan melalui bank di bawah *mechanisme venture capital* dengan izin, ataupun modal teroka tidaklah tepat kerana kerajaan sedar bahawa pihak swasta terutamanya di kalangan industri kecil dan sederhana menghadapi kesukaran mendapatkan modal daripada bank dan institusi kewangan kerana risiko yang tinggi dihadapi oleh syarikat teroka terutamanya bagi projek-projek di peringkat awalan, permulaan dan peringkat pertama (*early stage*).

Menyedari hakikat ini, kerajaan mulai tahun 2000 telah menyediakan kemudahan modal teroka kepada sektor industri terutamanya industri kecil dan sederhana (IKS). Pada tahun tersebut Bank Negara Malaysia (BNM) telah menyalurkan dana modal teroka sebanyak RM200 juta melalui Maybank Ventures Capital Companies Sdn. Bhd. (MVCC) dan Commerce Technology Ventures Sdn. Bhd. (CTV), sementara itu kerajaan sendiri telah menyalurkan modal sebanyak RM20 juta kepada Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad untuk menjana pembangunan ekonomi berasaskan teknologi.

Seterusnya bagi membangunkan industri ICT dan *high-growth sector*, dengan izin, di dalam negara, kerajaan pada tahun 2001 telah menyediakan dana modal teroka tambahan sebanyak RM500 juta yang disalurkan melalui Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP) dan RM1.6 bilion lagi disalurkan melalui Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV). Dana-dana adalah untuk dilaburkan dalam projek-projek seperti ICT Advance Manufacturing, Life Sensor's dan sebagainya bukan hanya di peringkat *seed*, di peringkat *start up* dan *early stages*, dengan izin, tetapi merangkumi juga projek-projek di peringkat *expansion, growth and breach, mezzanine recapitalization dan pre-IPO*, dengan izin. IKS adalah layak untuk mendapatkan kemudahan modal teroka ini sekiranya projek mereka mempunyai daya maju.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong telah menyatakan harapan agar Kementerian Kewangan mengkaji dan mengubah suai insentif supaya IKS benar-benar dapat memberi sumbangan dan prestasi yang diharapkan.

Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Batu Pahat.

Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin: **Terima kasih Yang Berhormat...**

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Eh, dia belum izin.

Tuan Hashim bin Ismail: Berkenaan apa itu?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Minta maaf, dia tidak kasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Setiausaha Parlimen belum beri laluan.

Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin: Boleh, boleh.

Tuan Hashim bin Ismail: Yang Berhormat, tentang apa?

Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin: Saya minta penjelasan sedikit.

Tuan Hashim bin Ismail: Yalah, tentang apa?

Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, memandangkan kita sudah menggunakan masa tambahan yang terlalu lama selepas jam 5.30 tadi, bolehkah tidak Yang Berhormat memberi jawapan secara bertulis kepada ahli-ahli Dewan yang tidak hadir dan kita menjawab kepada yang ada dalam Dewan ini kerana

kebanyakan Ahli Dewan yang tidak hadir, bahkan Yang Berhormat bagi Kepong tidak ada. Boleh tidak?

Tuan Hashim bin Ismail: Saya kena minta izin Tuan Yang di-Pertua sama ada..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini terpulang kepada Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Tuan Hashim bin Ismail: Tetapi ini ada direkodkan dalam *Hansard* kita dan mereka boleh merujuk kepada *Hansard*. Walaupun tidak ada di sini tetapi untuk rekod saya rasa perlu. Saya cuba Yang Berhormat, tidak ada gangguan lagi lepas ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: *[Ketawa]*

Tuan Hashim bin Ismail: **Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong telah menyatakan harapan agar Kementerian Kewangan mengkaji dan mengubah suai insentif supaya IKS benar-benar dapat memberi sumbangan dan prestasi yang diharapkan.** Pengumuman Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dalam Bajet 2003, telah menyenaraikan pelbagai insentif khusus untuk pembangunan bagi IKS seperti pengurangan cukai korporat daripada 28% kepada 20%. Dengan ini IKS diharapkan dapat menyumbang lebih pesat kepada pertumbuhan ekonomi seperti mana IKS di negara Jepun, Taiwan dan Korea.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Marang telah membuat cadangan supaya pemberian di bawah Perlembagaan kepada Kerajaan Negeri ditingkatkan daripada 2% kepada 10% daripada jumlah perbelanjaan mengurus. Dalam hubungan ini, ingin saya menjelaskan bahawa kerajaan sedar beban perbelanjaan yang meningkat di negeri-negeri. Oleh itu kerajaan telah pun menaikkan kadar beberapa pemberian kepada negeri yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2002.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat bagi Marang supaya ditingkatkan peruntukan dalam bidang pendidikan, suka saya menjelaskan bahawa kerajaan memang prihatin ke atas perkara ini dan akan terus memberi tumpuan utama kepada bidang pendidikan. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa disediakan dengan jumlah peruntukan yang besar seperti yang ternyata daripada jumlah peruntukan yang telah disediakan pada tahun-tahun lepas seperti berikut:

Tahun Pembangunan Mengurus (RM/bilion)

1998	12.7
2000	18.4
2001	23.4
2002	24.2

Bagi tahun 2003 pula, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM18.1 bilion untuk Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Pendidikan. Ini merupakan 25% daripada Anggaran Mengurus Tahun 2003. Sebanyak RM8.1bilion dicadangkan bagi Perbelanjaan Pembangunan atau 21.8%.

Mengenai cadangan Yang Berhormat bagi Marang supaya ditingkatkan peruntukan sektor perkhidmatan sosial daripada 30% kepada 35% dan sektor pertanian ditingkatkan daripada 7% kepada 10% serta peruntukan bagi kemudahan awam dikurangkan daripada 9% kepada 6%, saya ingin menegaskan bahawa pengagihan anggaran perbelanjaan pembangunan kerajaan 2003 kepada agensi-agensi dan pembahagiannya mengikut sektor ekonomi, adalah dengan mengambil kira isu dan cabaran ekonomi semasa serta berpandukan dasar dan strategi pembangunan negara jangka panjang. Dasar dan strategi tersebut telah digubal berasaskan kajian yang terperinci dalam tempoh yang panjang serta bersumberkan data dan fakta tentang sasaran dan pencapaian demi memenuhi hasrat dan harapan rakyat serta misi pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang perbahasan di Dewan yang mulia ini, isu yang tidak kurang mendapat perhatian Ahli Yang Berhormat ialah berkaitan dengan aspek cukai. Kebanyakan menggesa supaya kerajaan meningkatkan had potongan cukai pendapatan

atau pelepasan cukai. Sebelum saya memberikan *respons* kepada isu tersebut, izinkan saya menjelaskan prinsip cukai negara. Pengenaan cukai adalah untuk memastikan hasil negara mampu menampung perbelanjaan. Prinsip ini dirangkum dalam penggunaan perkataan Bajet yang dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan.

Merujuk kepada saranan Yang Berhormat bagi Marang supaya kadar cukai jualan dinaikkan tetapi barangan keperluan asas dikecualikan. Kerajaan tidak berhasrat untuk menaikannya manakala barangan keperluan asas telah sedia diberi pengecualian cukai. Bagi menjawab isu peruntukan hutang lapuk, cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena, isu mengenai syarikat yang malas untuk mengutip cukai tidak timbul kerana pulang balik cukai akan hanya diberi setelah pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja berpuas hati pemegang lesen telah mengambil langkah sewajarnya dalam usaha untuk mendapatkan hutang tersebut. Syarikat yang didapati cuba untuk menipu kerajaan dan tidak membayar cukai yang telah dipungut daripada pelanggan akan dikenakan penalti di antara 10% hingga maksimum 50% mengikut peruntukan undang-undang di bawah Akta Cukai Jualan 1972 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975 yang mana berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Marang juga menyeru supaya pembelian teksi diberikan pengecualian cukai eksais. Untuk makluman Yang Berhormat, kesemua pembelian teksi sememangnya telah sedia diberi pengecualian cukai eksais. Nampaknya Yang Berhormat bagi Marang ini sering memberi cadangan yang telah pun dilaksanakan [Disampuk]

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan supaya dipertingkatkan potongan dan pelepasan cukai bagi individu daripada aspek insurans, pendidikan dan kesihatan, penjagaan anak, penjagaan warga tua, belanja bersalin, pembelian buku dan komputer, perbelanjaan peribadi bagi latihan dan yuran kursus daripada Yang Berhormat bagi Marang, Permatang Pauh dan Sepang, kerajaan tidak bercadang untuk meningkatkan atau menambahnya kerana potongan dan pelepasan cukai semasa, termasuk rebat cukai yang diberi adalah tinggi. Pada masa ini pembayar cukai individu yang berkahwin, yang mempunyai lima orang anak dan pendapatannya adalah RM3,600 sebulan tidak dikenakan cukai pendapatan.

Yang Berhormat bagi Permatang Pauh ada mencadangkan supaya pasangan suami-isteri yang berpendapatan bersama di bawah RM48,000 diberi pengecualian cukai selama tiga tahun. Cadangan ini tidak berkaitan kerana struktur cukai pendapatan semasa tidak mengenakan cukai kepada pasangan suami-isteri yang berpendapatan sehingga RM57,600 setahun.

Yang Berhormat bagi Marang menyarankan supaya semua pendapatan dan pampasan akibat VSS atau dibuang kerja diberikan pelepasan cukai. Dalam Bajet 2003, pendapatan yang dikecualikan daripada cukai telah dinaikkan 50%, daripada RM4,000 kepada RM6,000 bagi setiap tahun perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan untuk syarikat eksport melaksanakan penanda aras antarabangsa telah pun dibenarkan sebagai potongan dalam perniagaan cukai pendapatan. Walau bagaimanapun, perbelanjaan pra-operasi tidak layak diberi potongan cukai kerana ia tidak selaras dengan prinsip percukaian.

Tuan Yang di-Pertua, bagi usul Yang Berhormat bagi Marang dan Mambong supaya diberi pelepasan cukai dan insentif yang sesuai bagi aktiviti kitar semula serta memperkenalkan cukai terhadap industri yang menghasilkan pembuangan sisa toksik, saya suka menjelaskan bahawa pada masa ini syarikat yang menjalankan aktiviti kitaran semula buangan yang mempunyai nilai tambah yang tinggi serta yang menggunakan teknologi tinggi, diberikan galakan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% atau elau cukai pelaburan sebanyak 60% bagi tempoh lima tahun. Sebaliknya cadangan untuk mengenakan cukai ke atas pembuangan sisa industri, perlu dikaji secara mendalam kerana ia akan mendatangkan implikasi ke atas kos mengendalikan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat bagi Mambong dan Klang supaya insentif dan pertimbangan bagi meningkatkan industri bioteknologi dan disediakan insentif kepada pengusaha yang menunjukkan produk *niche*

market yang kecil, untuk makluman Yang Berhormat, insentif mengenainya telah pun sedia wujud.

Yang Berhormat bagi Pokok Sena ada menyatakan, galakan pertanian hanya diberikan kepada syarikat yang menjalankan aktiviti pertanian, bukan kepada rakyat yang mengusahakannya dan pekebun kecil tidak diberikan galakan cukai. Untuk makluman Yang Berhormat, galakan cukai kepada rakyat atau pekebun kecil tidak berbangkit kerana golongan ini tidak membayar cukai. Galakan cukai adalah ke atas pendapatan bercukai, iaitu keuntungan yang diperoleh daripada keluaran atau aktiviti yang digalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh persoalan Yang Berhormat bagi Bagan Datok supaya diberi insentif kepada IPTS yang banyak mengambil pelajar asing, ianya telah sedia diberikan insentif dalam bentuk pengecualian cukai pendapatan bersamaan 50% daripada peningkatan nilai eksport. Malahan, perbelanjaan IPTS untuk mempromosikan eksport perkhidmatannya juga diberi potongan dua kali untuk maksud cukai pendapatan. Bagi majikan yang memberi latihan kepada rakyat tempatan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kemaman, insentif mengenainya telah pun disediakan sebagaimana yang diumumkan dalam perbelanjaan 2002.

Tuan Yang di-Pertua, bagi cadangan Yang Berhormat bagi Bagan Datok supaya pelepasan caruman KWSP dan premium insurans diberi secara berasingan RM5,000 masing-masing, ianya akan lebih memanfaatkan golongan yang berpendapatan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, dasar semasa kerajaan adalah untuk menggalakkan pembangunan ekonomi yang cepat dan seimbang antara kawasan. Menyedari hakikat ini, berbagai insentif cukai yang lebih menarik telah pun disediakan bagi kawasan di koridor timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Dengan ini, untuk makluman Yang Berhormat bagi Sibu, Sarawak telah pun menikmati insentif yang lebih menarik ini.

Contohnya, adalah daripada segi galakan cukai untuk pelaburan. Tahap pengecualian cukai adalah lebih tinggi di Sarawak berbanding dengan di luar koridor. Bagi pewujudan zon bebas di Sarawak, kerajaan sedia memberikan pertimbangan. Walau bagaimanapun, sehingga kini tiada permohonan diterima. Bagi cadangan Yang Berhormat supaya duti import bahan dan alatan pembinaan kapal dimansuhkan, ianya tidak berbangkit kerana pembinaan kapal telah pun diberikan pengecualian duti import secara *blanket*. Bagi AP pula ianya perlu dikenakan bagi memastikan industri tempatan dilindungi. Walau bagaimana pun, sekiranya bahan berkaitan tiada dikeluarkan dalam negara permohonan AP akan diberi pertimbangan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dijelaskan dalam ucapan Bajet 2003, kadar cukai korporat di Malaysia adalah kompetitif setelah mengambil kira pelbagai insentif yang disediakan kepada syarikat. Oleh itu saranan Yang Berhormat bagi Kluang supaya diperkenalkan kadar cukai korporat yang lebih menarik tidak berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Yang Berhormat ada membuat cadangan mengenai

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini Speaker dari Johor, yang jawab dari Johor, yang ramai ini pun Johor, semua hendak balik. Boleh atau tidak ringkaskan sikit *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa dari Johor?

Beberapa Ahli: Sepuluh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sepuluh.

Tuan Hashim bin Ismail: Ini macam Parlimen Johor sahaja ini *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat, saya akan cuba ringkaskan. Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat bagi Rompin, saya potong-potong Yang Berhormat, ya *[Disampuk]*

Seorang Ahli: Jawab yang Johor sahajalah.

Tuan Hashim bin Ismail: Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat bagi Rompin supaya cukai korporat 20% bagi pendapatan bercukai Industri Kecil dan Sederhana dinaikkan kepada 100 ribu kepada 200 ribu, ianya memerlukan kajian lanjut kerana ia melibatkan implikasi hasil. Bagi IKS yang mengeksport keluarannya pelbagai insentif eksport telah disediakan yang juga boleh dinikmati oleh IKS. Berhubung dengan dakwaan Yang Berhormat bagi Tanjong bahawa Industri Kecil dan Sederhana tidak diberi insentif yang mencukupi, ia tidak betul kerana dalam beberapa bidang tertentu Industri Kecil dan Sederhana diberi insentif secara automatik.

Yang Berhormat bagi Marang juga mencadangkan syarikat kecil dikenakan kadar cukai yang lebih rendah. Untuk makluman Yang Berhormat, pendapatan perniagaan kecilan yang dijalankan secara milikan tunggal dikenakan cukai pada kadar cukai dividen. Cukai individu antara 0% dan 28%. Cukai dikenakan setelah pendapatan ditolak semua perbelanjaan perniagaan, perbelanjaan modal dan pelepasan individu. Dengan itu tanggungan cukai pendapatan perniagaan kecil adalah lebih rendah.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat bagi Parit Buntar, Beluran, Marang, Kepong, Bagan Datok, Kemaman, Permatang Pauh, Klang dan lain-lain telah membangkitkan isu-isu mengenai perolehan kontrak dan perolehan kerajaan.

Semua projek pembangunan sama ada besar atau kecil yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah untuk kepentingan awam. Projek-projek tersebut telah lama dirancang dan dimasukkan dalam senarai untuk dilaksanakan dalam RMK-8. Oleh itu, dakwaan Yang Berhormat bagi Parit Buntar bahawa projek besar diadakan kononnya untuk menghadapi pilihan raya adalah tidak benar sama sekali. Dakwaan oleh Yang Berhormat bagi Parit Buntar yang kononnya projek-projek besar adalah untuk tujuan keuntungan kroni adalah tidak betul. Pelantikan kontraktor bagi melaksanakan projek tertentu dibuat melalui prosedur-prosedur yang telah ditetapkan dan telus.

Bagaimana pun, bagi memastikan pelaksanaan projek mempunyai unsur-unsur *check and balance*, dengan izin, sebagaimana dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Buntar dan juga cadangan supaya diadakan pemantauan oleh Yang Berhormat bagi Beluran. Sukalah dijelaskan bahawa agensi kerajaan yang berkaitan seperti Unit Penyelarasan Pelaksanaan JPM dan Unit Flying Squad, dengan izin, Kementerian Kewangan sentiasa memantau prestasi pelaksanaan projek dan menyiasat sebarang aduan berkaitan prestasi kontraktor yang melaksanakan projek-projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada 20 September lalu, beliau telah menyentuh mengenai usahawan-usahawan bumiputera yang menjual kontrak untuk mendapat untung segera. Dalam hal ini saya ingin mengambil kesempatan ini untuk meminta agensi-agensi penguat kuasa seperti KK dan CIDB supaya meningkatkan usaha-usaha memantau kontraktor dan usahawan-usahawan yang mendapat kerja projek-projek kerajaan dan mengambil tindakan ke atas mereka yang mencari jalan mudah dengan menjual kontrak atau 'mengalibabakan' projek-projek mereka.

Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk terus menggunakan perolehan kerajaan sebagai pemangkin untuk menjayakan dasar-dasar kerajaan bagi membangun industri tempatan dengan mewajibkan pemindahan teknologi dan penggunaan barangan buatan tempatan. Kaedah ini diharapkan dapat melahirkan kumpulan usahawan yang mampu bersaing di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengurangkan kos operasi penggunaan sumber yang lebih efisien dalam pengurusan perolehan kerajaan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Marang, Kementerian Kewangan telah pun mengambil beberapa langkah seperti mempermudah proses perolehan serta memberi lebih kuasa kepada agensi kerajaan untuk mengurus dan memutuskan pelantikan kontraktor bagi perolehan masing-masing.

Contohnya had nilai perolehan secara sebut harga telah dinaikkan daripada RM100 ribu kepada RM200 ribu. Di samping itu bagi mempercepat proses membuat keputusan, agensi juga dibenarkan melaksanakan perolehan bernilai sehingga RM5 juta

secara tender terhad. Agensi juga diberi kuasa untuk mempertimbangkan dan menyetujui terima tender kerja sehingga RM50 juta dan tender bekalan perkhidmatan sehingga RM30 juta. Kerajaan sentiasa memantau proses perolehan yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan. Pihak Unit Audit Dalam di agensi kerajaan dan Jabatan Audit Negara dari semasa ke semasa membuat pemeriksaan bagi mengesan sebarang salah laku dan penyelewengan yang mungkin berlaku semasa pegawai atau kakitangan memproses sesuatu perolehan. Di samping itu kerajaan mengalu-alukan orang ramai membuat laporan kepada Badan Pencegah Rasuah dan Biro Pengaduan Awam sekiranya disyaki berlakunya penyelewengan dalam pelantikan kontraktor bagi melaksanakan projek-projek kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan permintaan Yang Berhormat bagi Kepong yang ingin mendapatkan penjelasan mengenai langkah-langkah tegas yang diambil bagi memastikan projek dapat dilaksanakan dalam masa yang ditetapkan, suka saya menjelaskan bahawa kerajaan telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- (a) belanjawan dua tahun yang bertujuan memberi masa secukupnya kepada agensi kerajaan membuat perancangan awal sebelum projek dilaksanakan. Antara langkah-langkah yang boleh diambil adalah mengenal pasti tapak, pengambilan alih tapak, penyediaan reka bentuk dan spesifikasi projek dan sebagainya;
- (b) membenarkan agensi kerajaan melaksanakan projek-projek bernilai sehingga RM20 juta dilaksanakan secara *design and build*, dengan izin, melalui kaedah tender terhad;
- (c) kerajaan telah menetapkan peraturan bahawa kontraktor yang dilantik melaksanakan sesuatu projek dikehendaki memasuki tapak projek dan melaksanakan kerja dalam tempoh dua minggu dari tarikh surat setuju terima dikeluarkan. Kegagalan kontraktor berbuat demikian boleh mengakibatkan tawaran kepada kontraktor berkenaan dibatalkan;
- (d) bagi membantu kontraktor memiliki modal pusingan yang mencukupi untuk memulakan suatu kerja, kerajaan telah menaikkan had nilai kemudahan, bayaran pendahuluan kepada kontraktor daripada 15% kepada 25% daripada kos projek. Di samping itu, subkontraktor yang dinamakan ataupun *nominated sub-contractor* dengan izin, juga diberi kemudahan bayaran pendahuluan sehingga 20% daripada kos pakej kerja yang ditawarkan; dan
- (e) bagi projek-projek bernilai RM50 juta yang mana kontraktor dilantik secara rundingan terus, kerajaan telah mengeluarkan arahan agar rundingan teknikal dan harga dimuktamadkan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat kelulusan diberi. Manakala bagi projek yang bernilai melebihi RM50 juta, rundingan tersebut perlu dimuktamadkan dalam tempoh 5 bulan. Sekiranya rundingan tersebut gagal dimuktamadkan dalam tempoh yang ditetapkan maka kelulusan pelantikan kontraktor secara rundingan terus akan terbatal.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai MAS masih lagi dibangkitkan terutamanya oleh Yang Berhormat bagi Marang, Kubang Kerian, Kemaman dan Parit. Sebagaimana yang telah dijelaskan di Dewan yang mulia ini, MAS merupakan syarikat pengangkutan negara yang strategik. Oleh itu pengambilan alih MAS oleh kerajaan adalah bertujuan menjaga kepentingan negara. Rasional dan langkah pengambilan alih telah pun dijelaskan di Dewan yang mulia ini pada tahun 2001 yang lalu.

Berhubung dengan isu hutang MAS oleh Yang Berhormat bagi Kemaman, Parit dan Kubang Kerian adalah dimaklumkan bahawa sebelum Syarikat Naluri mengambil alih teraju MAS, jumlah hutang adalah sebanyak RM6,632.4 juta dan meningkat kepada RM9,520 juta semasa MKD mengambil alih MAS daripada Syarikat Naluri kerana

pembelian tambahan pesawat sebagaimana yang telah dijelaskan dalam sesi Parlimen tahun 2001 yang lepas. Walau bagaimana pun dari segi aset dalam bentuk jumlah pesawat ia telah meningkat daripada 73 buah pesawat sebelum pengambilan alih oleh Syarikat Naluri kepada 82 buah pesawat apabila kerajaan mengambil alih MAS.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penggunaan dana KWSP, Yang Berhormat bagi Marang, Permatang Pauh mencadangkan supaya KWSP membenarkan penggunaan 50% daripada caruman ahli bagi membeli rumah dan gesaan Yang Berhormat bagi Sibu supaya diwujudkan satu skim insurans perubatan di bawah KWSP. Dalam hubungan ini seyogianya dimaklumkan fungsi utama KWSP ialah menyediakan jaminan kewangan untuk persaraan. Sementara itu ahli-ahli boleh mengeluarkan simpanan daripada Akaun 3 untuk membiayai kos rawatan perubatan bagi dirinya, isterinya, suami, anak dan ibu bapa, adik beradik yang menghadapi penyakit yang serius, kritikal yang diluluskan oleh Lembaga.

Kerajaan berpendapat skim ini mencukupi bagi membantu ahli dan tidak bercadang mewujudkan skim insurans perubatan yang diuruskan di bawah KWSP. Skim insurans lebih sesuai diuruskan oleh syarikat insurans. Akaun KWSP setiap ahli dibahagi kepada tiga iaitu Akaun 1, 2 dan 3. 60% daripada simpanan dimasukkan ke dalam Akaun 1, untuk persaraan. 30% dalam Akaun 2 untuk pengeluaran pra persaraan termasuk untuk perumahan dan 10% dalam Akaun 3 untuk kesihatan.

Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan siling Akaun 2 kepada 50% kerana ia bertentangan dengan objektif asal menyediakan jaminan kewangan untuk masa tua. Selanjutnya saranan Yang Berhormat bagi Kepong, Pokok Sena supaya KWSP tidak harus disalahgunakan, saya ingin menegaskan bahawa pengurusan KWSP tidak pernah menyalahgunakan dana KWSP. Dana tersebut adalah milik ahli KWSP dan KWSP menjalankan tugas *fiduciary* pada setiap masa supaya objektif KWSP supaya tabung persaraan tercapai. Ini termasuklah menjamin kadar minimum dividen tahunan 2.5% atas simpanan ahli.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: [Bangun]

Tuan Hashim bin Ismail: Akta KWSP menentukan jenis-jenis pelaburan yang boleh diputuskan sendiri oleh panel pelaburan antaranya deposit dengan Bank Negara Malaysia atau dengan bank atau institusi kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 (BAFIA). Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua, tidak banyak lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tambun, Tambun, Tambun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tambun.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya cadangkan kepada Yang Berhormat, setengah daripada isu yang dibangkitkan, Yang Berhormat telah jawab dahulu, kita pun tahu. Kecuali kalau Yang Berhormat ada jawapan tambahan jadi Yang Berhormat boleh bagi tahu kepada Dewan. KWSP ini telah banyak kali dibincangkan. Kita sudah tahu, Akaun A dan sebagainya, serta dasar dari segi pelaburan. Jadi tidak perlu diberitahu balik kepada Dewan kecuali ada jawapan tambahan boleh dibagikan kepada Dewan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Tambun itu boleh diterimalah. Satu cadangan yang baik. [Ketawa]

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat bagi Tambun. Susah juga bagi saya untuk hendak tapis dalam keadaan yang macam ini. Saya akan melangkah, tetapi mungkin tidak disenangi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kerana

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah.

Tuan Hashim bin Ismail: Ada wakil Yang Berhormat pembangkang? Saya harap dapat ya, Yang Berhormat. Dapat memahami keadaan. Okey ya?

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Okey.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tumpat pun sokong.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya harapkan pihak pembangkang dapat memahami keadaan yang sebenarnya sekarang. Saya akan melangkah.... Saya hendak sentuh sedikit saya belum sentuh ini. Gesaan Ahli Yang Berhormat bagi Batu Pahat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia ada, bolehlah.

Tuan Hashim bin Ismail: *[Ketawa]* Penat menunggu ya, sebut nama dia sebagai penghargaan ya! Supaya kakitangan kerajaan yang tidak menjalankan tanggungjawab tidak wajar diberi bonus sebenarnya telah pun diambil kira oleh pihak kerajaan. Pemberian bonus kepada semua anggota perkhidmatan awam adalah untuk menghargai sumbangan dan jasa mereka kepada perkhidmatan awam dan negara. Sebenarnya mereka yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada amaran adalah tidak layak diberikan bonus.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Hashim bin Ismail: Apa Yang Berhormat?.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bonus untuk orang pencen ini boleh dipertimbangkan atau tidak? Untuk orang yang pencen? Yang pencen. Boleh ditimbang atau tidak? Untuk orang yang pencen, ramai, saya cadangkan supaya bonus ini untuk orang pencen dipertimbangkan.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya tidak berani bagi jawapan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak apa, timbang sahaja dahulu. Lepas itu bagi kemudianlah.

Tuan Hashim bin Ismail: Kita akan bawa, kita akan bawa.....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya minta orang-orang yang pencen ramai.....

Tuan Hashim bin Ismail: Akan dibawa ...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kita pun tak lama lagi akan pencen juga. Minta sedikit jawapan daripada Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Saya belum pencen, Yang Berhormatlah pencen dahulu.

Tuan Hashim bin Ismail: Akan dibawa ke pihak atasan lagi. Bagi menjawab pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Sibu, Sipitang.... tidak ada di sini ya? Tak ada ya? Saya langkau ya! Sudah berapa ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dengan cara ini, masa sama. *[Dewan riuh]*

Tuan Hashim bin Ismail: Mengenai saranan Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, akhir sekali *[Disampuk]* tak apa, tak apa, tak apalah. Pendek sahaja. Mengenai masalah wanita yang menghadapi keganasan rumah tangga dan keganasan sosial, kerajaan prihatin terhadap apa yang mereka hadapi. Melalui Bajet 2003 kerajaan telah memberi peruntukan yang begitu bagi keperluan aktiviti kaum wanita iaitu pertambahan daripada RM54.7 juta pada tahun 2002 kepada RM10.6 juta atau pertambahan sebanyak RM36.1 juta atau 66% berbanding dengan peruntukan tahun 2002. Pertambahan peruntukan tersebut akan digunakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga untuk melaksanakan aktiviti yang telah di rancang untuk kaum wanita.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali *[Ketawa]* bagi pihak Kementerian Kewangan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih khususnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sanggup menunggu sampai lewat malam ini. *[Tepuk]* Dan ada wakil solo daripada pembangkang juga Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat terima kasih banyak-banyak kerana

sanggup menunggu dan saya mohon maaf jikalau ada, memang ada pun yang saya langkau, isu-isu yang tidak saya sentuh jikalau perlukan jawapan kita akan beri secara bertulis. Saya mohon maaf kerana tidak dapat menyempurnakan hasrat ataupun kehendak seluruh Ahli Yang Berhormat dan kita beri perhatian dan insya-Allah kita akan ambil kira setiap pandangan yang diberikan. Terima kasih berbanyak-banyak Yang Berhormat Dato'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih. Tahniahlah. Ucapan tahniahlah patut ditujukan kepada Johor lah, negeri saya, negeri saya kerana Johor malam ini tidak perlu saya panggil bunyi loceng. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 11.12 malam.